Kini, kami menyokong Asia dengan aset melebihi RM495 bilion.

Kini, kami menyokong Asia dengan jumlah aset melebihi RM495 bilion. Maybank, satu daripada bank terbesar di Asia Tenggara, telah mendokong aspirasi anda selama lebih 50 tahun. Menyediakan perkhidmatan di 20 buah negara di seluruh dunia dan menghubungkan anda dengan peluang-peluang baru menerusi 2,200 pejabat di seluruh Asia Tenggara, Wilayah Besar China dan di seluruh dunia. Kami **Menginsankan Perkhidmatan Kewangan di Seluruh Asia**

www.maybank.com

Maybank

Menginsankan Perkhidmatan Kewangan di Seluruh Asia

Maybank

LAPORAN TAHUNAN 2012

PENYATA KEWANGAN

MALAYAN BANKING BERHAD (3813-K)

MenerajuiAsia

LAPORAN TAHUNAN 2012
PENYATA KEWANGAN

Maybank

RM495 bilion
Jumlah Aset
Penyata Kewangan Yang Kukuh

Pertumbuhan Pembiayaan Dua Angka di Pasaran Utama
Malaysia: 12%, Singapura: 11%
Indonesia: 21%

Mendahului Penempatan Ekuiti Sebelum Pelaksanaan Basel 3
Ekuiti Teras Tahap 1 sebanyak 11%
(berdasarkan kepada kadar pelaburan semula 85%)

Pencapaian Terbaik

Keuntungan Bersih RM5.74 bilion

Menerajui

KAMI MENERAJUI ASIA dengan pelbagai cara. Melalui kehadiran kami di 10 buah negara Asia Tenggara dan perluasan perniagaan di seluruh rantau ini, Maybank telah meningkatkan momentum dalam memainkan peranan kami untuk menjadikan Asia lebih makmur dan mampan. Kami menawarkan perkhidmatan yang konsisten dan menyeluruh di samping produk-produk bernilai tambah yang menepati citarasa setiap pelanggan. Kami memberikan pelanggan akses mudah terhadap perkhidmatan kewangan, terma dan penetapan harga yang adil serta menasihati mereka mengikut keperluan masing-masing. Pada masa sama, kami kekal komited untuk senantiasa di hati mereka biarpun di mana jua kami beroperasi.

KETIKA ASIA TERUS berkembang di sebalik ekonomi dunia yang mencabar, kami kekal komited kepada warga dan komuniti di rantau ini. Dengan semangat Maybank, kami terus menginsankan perkhidmatan kewangan dan menyediakan nilai yang dipertingkatkan melalui produk dan perkhidmatan yang pelbagai.

LEBIH 2,200
PEJABAT

47,000
WARGA MAYBANK

20
NEGARA

22
JUTA PELANGGAN

ASIA

JUMLAH ASET
RM495 BILION

KEUNTUNGAN BERSIH
RM5.74 BILION

PERMODALAN PASARAN
RM77 BILION

KANDUNGAN

PRESTASI KAMI

2 Ulasan 2012
4 Ringkasan Kewangan Kumpulan dalam Lima-Tahun
6 Ringkasan Penyata Kewangan Kumpulan
7 Prestasi Kewangan Kumpulan Dalam Suku Tahun
8 Faedah Utama berkaitan Aset dan Liabiliti
9 Penyata Nilai Tambah
10 Maklumat Segmen

KEWANGAN

13 Kenyataan Tanggungjawab Penyata Pengarah
14 Analisis Penyata Kewangan
16 Laporan Para Pengarah

BASEL II PILAR 3

462 Pendedahan Basel II Pilar 3

ULASAN 2012

KEUNTUNGAN BERSIH

RM5.74 bilion

+17.6%

Mencatatkan rekod keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti (PATAMI) yang meningkat 17.6% kepada RM5.74 bilion di atas pertumbuhan berkekalan dalam pendapatan berasaskan dana bersih dan pendapatan berasaskan yuran, disokong oleh kecekapan kos yang semakin baik.

Sila rujuk pada muka surat 78 bagi Kajian Kewangan Kumpulan

SUMBANGAN KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI (PBT) ANTARABANGSA

30%

CY2011: 23.8%

PBT daripada operasi antarabangsa melonjak kepada 30.2% daripada 23.8% setahun sebelumnya memandangkan hasil antarabangsa berkembang 15.5% di atas pertumbuhan sebanyak 12.9% dalam pinjaman kasar antarabangsa.

Sila rujuk pada muka surat 82 bagi Kajian Kewangan Kumpulan

Maybank Kim Eng

Integrasi Maybank Kim Eng berjalan lancar dan mewujudkan nilai bagi sektor Perbankan Pemborongan Global (kini dikenali sebagai Perbankan Global). Janji niaga dalam tahun 2012 termasuk tawaran awam permulaan (IPOs), penggabungan dan pengambilalihan (M&A), penempatan swasta dan pembiayaan projek di Malaysia, Singapura, Hong Kong dan Filipina.

Sila rujuk pada muka surat 104 bagi Perbankan Pelaburan

Kami mengukuhkan kehadiran di rantau ini dan kini bertapak di 10 buah negara di Asia Tenggara dengan pembukaan pejabat di Myanmar dan Laos pada tahun 2012 dan meningkatkan tumpuan di Wilayah Besar China selepas membuka cawangan kami di Beijing.

Sila rujuk pada muka surat 118 bagi Operasi Antarabangsa

MENGUKUHKAN KEDUDUKAN MODAL LEBIH AWAL SEBELUM

BASEL III

Menyelesaikan penempatan ekuiti terbesar dalam sejarah korporat Malaysia berjumlah RM3.66 bilion untuk mengukuhkan kedudukan modal lebih awal sebelum Basel III dan bertujuan menyokong operasi Kumpulan.

Sila rujuk pada muka surat 85 bagi Ulasan Kewangan Kumpulan

Nota:
Kumpulan telah menukar tempoh berakhirnya tahun kewangan daripada 30 Jun kepada 31 Disember. Perbandingannya adalah keputusan kewangan bagi tempoh 12 bulan bermula pada 1 Januari 2011 hingga 31 Disember 2011. Angka tersebut adalah belum diaudit dan dirujuk sebagai CY2011 (Tahun Kalendar) dalam laporan tahunan ini. Perangkaan bagi Tempoh Kewangan 2011 adalah keputusan yang diaudit selama enam-bulan berakhir pada 31 Disember 2011 sebagai sebahagian daripada peralihan tempoh akhir tahun kewangan Kumpulan kepada bulan Disember. Angka bagi TK2009-TK2011 adalah perangkaan 12 bulan yang diaudit bagi tahun kewangan berakhir pada 30 Jun.

TINJAUAN KEWANGAN

Keuntungan boleh diagihkan kepada pemegang-pemegang ekuiti Bank
RM5.74 bilion



Pendapatan Sesaham
72.7 sen



Pulangan atas Ekuiti
16.0 %



Jumlah aset
RM494.9 bilion



Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan
RM311.8 bilion



Nisbah Kecukupan Modal
RWCR: 17.35%



* andaian penuh pelaburan semula DRP

Dividen Sesaham
65 sen



Permodalan Pasaran
RM76.6 bilion



Harga Saham
RM9.20



SOROTAN BUKAN KEWANGAN

Modal Insan
47,000 warga kerja Maybank di seluruh dunia

Rangkaian Global
2,200 cawangan 20 negara

Pelanggan
22 juta di seluruh dunia

TK - Tahun Kewangan FP - Tempoh Kewangan

RINGKASAN KEWANGAN
KUMPULAN DALAM LIMA-TAHUN

	Kumpulan				
	<---------- TK 30 Jun ---------->			FP 31 Dis	TK 31 Dis
	2009	2010	2011	2011[1]	2012
KEPUTUSAN OPERASI (RM'juta)[2]					
Hasil operasi	17,586	18,560	21,040	12,892	**27,532**
Keuntungan operasi	3,064	5,249	6,135	3,497	**7,742**
Keuntungan sebelum cukai	1,674	5,370	6,270	3,571	**7,895**
Keuntungan boleh diagih kepada pemegang-pemegang ekuiti Bank	692	3,818	4,450	2,587	**5,745**
PENYATA UTAMA MAKLUMAT KEDUDUKAN KEWANGAN (RM'juta)[2]					
Jumlah aset	310,739	336,700	411,254	451,595	**494,866**
Portfolio pelaburan kewangan[3]	70,132	68,885	76,871	84,669	**92,820**
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	186,252	205,894	255,018	276,253	**311,825**
Jumlah liabiliti	284,971	308,035	377,522	415,584	**450,912**
Deposit daripada pelanggan	212,599	236,910	282,797	314,692	**347,156**
Komitmen dan tanggungan luar jangkaan	221,587	232,273	292,109	369,792	**379,695**
Modal berbayar	7,078	7,078	7,478	7,639	**8,440**
Ekuiti pemegang saham	24,899	27,877	32,395	34,456	**42,229**
MAKLUMAT SAHAM[2]					
Sesaham (sen)					
Pendapatan asas[4]	12.0	53.9	61.4	34.5	**72.7**
Pendapatan dicairkan[4]	12.0	53.9	61.4	34.5	**72.7**
Dividen kasar	8.0	55.0	60.0	36.0	**65.0**
Aset bersih (sen)	351.8	393.9	433.2	451.1	**500.3**
Harga saham pada 31 Dis/30 Jun (RM)	5.90	7.56	8.94	8.58	**9.20**
Permodalan pasaran (RM'juta)	41,758	53,510	66,855	65,546	**76,551**
NISBAH KEWANGAN (%)[2]					
Nisbah keuntungan/penguasaan pasaran					
Margin faedah bersih atas aset pendapatan faedah purata	2.8	2.9	2.6	2.5[8]	**2.4**
Faedah bersih atas aset wajaran risiko purata	3.4	3.5	3.6	4.0[8]	**3.9**
Pulangan bersih dana pemegang saham purata	3.1	14.5	14.5	15.2[8]	**16.0**
Pulangan bersih aset purata	0.2	1.2	1.2	1.2[8]	**1.2**
Pulangan bersih aset berwajaran risiko purata	0.3	1.6	1.8	2.0[8]	**2.1**
Nisbah kos kepada pendapatan[5]	52.2	46.5	49.2	49.7	**48.6**
Penguasaan pasaran domestik dalam:					
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	17.8	17.6	18.1	17.9	**18.2**
Deposit daripada pelanggan - Akaun Simpanan	26.6	27.7	27.9	27.6	**27.7**
Deposit daripada pelanggan - Akaun Semasa	21.3	20.5	20.7	19.5	**20.2**
NISBAH KECUKUPAN MODAL (%)[2] (Selepas ditolak cadangan dividen akhir)					
Nisbah modal teras[6]	10.8	10.1-11.0	11.2-11.8	11.0-11.7	**12.8-13.5**
Nisbah modal berwajaran risiko[6]	14.8	13.7-14.6	14.7-15.4	15.7-16.4	**16.6-17.4**
NISBAH KUALITI ASET[2]					
Nisbah pinjaman rosot nilai bersih/pinjaman tidak berbayar bersih (%)	1.6	1.2	2.3	1.9	**1.1**
Liputan kerugian pinjaman (%)	112.9	124.5	82.3	86.9	**105.6**
Pinjaman bersih kepada nisbah deposit (%)	87.4	86.8	90.2	87.8	**89.8**
Deposit kepada dana pemegang saham (gandaan)	8.5	8.5	8.7	9.1	**8.2**
PENILAIAN ATAS SAHAM[2]					
Hasil dividen kasar (%)	1.4	7.3	6.7	4.2	**7.1**
Nisbah pembayaran dividen (%)	61.4	76.5	74.9	79.9	**74.7**
Harga kepada pendapatan berganda (gandaan)[7]	49.1	14.0	14.6	24.9	**12.7**
Harga kepada penyata berganda (gandaan)	1.7	1.9	2.1	1.9	**1.8**

1 Keputusan kewangan meliputi tempoh kewangan selama enam bulan berakhir pada 31 Disember 2011 berikutan perubahan berakhirnya tahun kewangan daripada 30 Jun ke 31 Disember.

2 Angka perbandingan buat pertama kalinya disediakan selaras dengan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia ("MFRS") dan perubahan dasar perakaunan.

3 Portfolio pelaburan kewangan mengandungi aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi, pelaburan kewangan tersedia untuk dijual dan pelaburan kewangan dipegang hingga matang.

4 Diselaraskan bagi terbitan hak yang selesai pada 30 April 2009 dan terbitan bonus 1:4 yang selesai pada 20 Februari 2008 dan Skim Saham Kakitangan Kumpulan Maybank yang berkaitan kepada Unit Saham Terhad pada 31 Disember 2011.

5 Nisbah kos kepada pendapatan dikira menggunakan jumlah kos berbanding pendapatan bersih. Jumlah kos Kumpulan adalah jumlah perbelanjaan overhed tidak termasuk pelunasan aset tidak ketara bagi PT Bank Internasional Indonesia Tbk dan Maybank Kim Eng Holdings Ltd.

6 Nisbah kecukupan modal bagi bulan Disember 2012, Disember 2011, Jun 2011 dan Jun 2010 mempamerkan dua kemungkinan besar, iaitu

(i) Apabila bahagian boleh pilih penuh tidak dilabur semula; dan
(ii) Apabila bahagian boleh pilih penuh dilabur semula dalam saham biasa baru selaras dengan Pelan Pelaburan Semula Dividen.

7 Gandaan harga kepada perolehan (gandaan); (2009) 12.8 kali (sebelum rosot nilai muhibah/ syarikat bersekutu).

8 Secara tahunan.

Bank	
FP 31 Dis 2011[1]	TK 31 Dis 2012
8,175	17,346
2,670	5,498
2,670	5,498
2,065	4,306
324,000	342,557
55,956	60,643
194,174	214,852
294,365	305,661
222,895	237,402
336,480	338,799
7,639	8,440
29,634	36,895
27.5	54.5
27.5	54.5
36.0	65.0
387.9	437.1
–	–
–	–
2.2[8]	2.1
3.3[8]	3.1
14.3[8]	13.8
1.3[8]	1.3
2.2[8]	2.2
41.7	43.3
17.9	18.2
27.6	27.7
19.5	20.2
14.7-15.7	16.3-17.3
14.7-15.7	16.3-17.3
2.1	1.1
83.3	106.8
87.1	90.5
7.5	6.4
–	–
–	–
–	–
–	–

Keuntungan sebelum cukai

RM7.89 bilion



keuntungan boleh diagih kepada pemegang-pemegang ekuiti bank

RM5.74 bilion



Jumlah Aset

RM494.9 bilion



Jumlah Liabiliti

RM450.9 bilion



Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan

RM311.8 bilion



Deposit daripada pelanggan

RM347.2 bilion



Ekuiti pemegang saham

RM42.2 bilion



Modal berbayar

RM8.4 bilion



TK - Tahun Kewangan FP - Tempoh Kewangan

RINGKASAN PENYATA KEWANGAN KUMPULAN

Aset



- Tunai dan dana jangka pendek
- Deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan
- Portfolio pelaburan kewangan
- Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan
- Aset-aset lain
- Deposit berkanun dengan bank-bank pusat

Pada 31 Disember 2012

Aset



Pada 31 Disember 2011

Liabiliti & Ekuiti Pemegang Saham



- Deposit daripada pelanggan
- Deposit dan penempatan daripada institusi-institusi kewangan
- Liabiliti-liabiliti lain
- Tanggungan subordinat dan sekuriti modal
- Modal Saham
- Rizab
- Kepentingan tidak dikawal

Pada 31 Disember 2012

Liabiliti & Ekuiti Pemegang Saham



Pada 31 Disember 2011

PRESTASI KEWANGAN KUMPULAN DALAM SUKU TAHUN

RM' juta	TKB 31 Disember 2012 S1	S2	S3	S4	TAHUN
Hasil operasi	6,658	6,876	6,971	7,027	27,532
Pendapatan faedah bersih (termasuk pendapatan daripada perniagaan perbankan Islam)	2,556	2,673	2,727	2,721	10,677
Pendapatan bersih daripada perniagaan insurans/takaful	87	170	91	304	652
Keuntungan operasi	1,860	1,978	1,989	1,915	7,742
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	1,895	2,026	2,025	1,949	7,895
Keuntungan bersih boleh diagih kepada pemegang-pemegang ekuiti Bank	1,347	1,437	1,501	1,460	5,745
Pendapatan sesaham (sen)	17.63	18.64	19.11	17.29	72.67
Dividen sesaham (sen)	–	32.00	–	33.00	65.00

RM' juta	FP 31 Disember 2011[1] S1	S2	6B
Hasil operasi	6,155	6,737	12,892
Pendapatan faedah bersih (termasuk pendapatan daripada perniagaan perbankan Islam)	2,390	2,644	5,034
Pendapatan bersih daripada perniagaan insurans/takaful	177	250	427
Keuntungan operasi	1,804	1,693	3,497
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	1,840	1,731	3,571
Keuntungan bersih boleh diagih kepada pemegang-pemegang ekuiti Bank	1,328	1,259	2,587
Pendapatan sesaham (sen)	17.76	16.72	34.48
Dividen sesaham (sen)	–	36.00	36.00

1 Keputusan kewangan meliputi tempoh kewangan selama enam bulan berakhir pada 31 Disember 2011 berikutan perubahan berakhirnya tahun kewangan daripada 30 Jun kepada 31 Disember. Keputusan itu buat pertama kalinya telah disediakan selaras dengan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia ("MFRS") dan perubahan dasar perakaunan.

FAEDAH UTAMA BERKAITAN ASET DAN LIABILITI

	TKB 31 Dis 2012		
	Pada 31 Disember RM' juta	Kadar Hasil Efektif %	Faedah Pendapatan/ Perbelanjaan RM' juta
Faedah aset pendapatan			
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	311,825	6.38	15,131
Tunai dan dana jangka pendek & deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan	51,968	1.79	792
Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	29,157	3.89	103
Pelaburan kewangan tersedia untuk dijual	60,792	3.38	1,695
Pelaburan kewangan dipegang hingga matang	2,871	3.56	327
Faedah berkaitan liabiliti			
Deposit daripada pelanggan	347,156	1.78	5,957
Deposit dan penempatan daripada institusi-institusi kewangan	33,887	2.03	861
Pinjaman	10,714	3.29	389
Tanggungan subordinat	13,510	4.46	562
Sekuriti modal	6,150	6.54	401

	FP* 31 Dis 2011[1]		
	Pada 31 Disember RM' juta	Kadar Hasil Efektif %	Faedah Pendapatan/ Perbelanjaan RM' juta
Faedah aset pendapatan			
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	276,253	6.46	7,017
Tunai dan dana jangka pendek & deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan	56,550	2.19	385
Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	18,394	3.21	67
Pelaburan kewangan tersedia untuk dijual	63,585	3.66	851
Pelaburan kewangan dipegang hingga matang	2,690	3.67	232
Faedah berkaitan liabiliti			
Deposit daripada pelanggan	314,692	1.92	2,725
Deposit dan penempatan daripada institusi-institusi kewangan	36,761	1.90	393
Pinjaman	7,185	4.00	153
Tanggungan subordinat	14,161	4.27	236
Sekuriti modal	6,114	6.54	201

1 Keputusan kewangan meliputi tempoh kewangan selama enam bulan berakhir pada 31 Disember 2011 berikutan perubahan berakhirnya tahun kewangan daripada 30 Jun kepada 31 Disember. Keputusan itu buat pertama kalinya telah disediakan selaras dengan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia ("MFRS") dan perubahan dasar perakaunan.

* Tempoh Kewangan.

PENYATA NILAI TAMBAH

NILAI TAMBAH	FP* 31 Dis 2011[1] RM'000	TKB 31 Dis 2012 RM'000
Pendapatan faedah bersih	4,026,278	**8,480,717**
Pendapatan daripada operasi Skim Perbankan Islam	1,008,037	**2,196,259**
Pendapatan bersih daripada perniagaan insurans/takaful	426,519	**652,445**
Pendapatan operasi lain	2,374,180	**5,273,749**
Perbelanjaan operasi tidak termasuk kos kakitangan, susut nilai dan pelunasan aset	(1,662,651)	**(3,198,880)**
Peruntukan bagi kerugian rosot nilai atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan, bersih	(329,080)	**(642,711)**
Peruntukan bagi kerugian rosot nilai atas pelaburan kewangan, bersih	(67,237)	**(60,216)**
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu	74,234	**152,476**
Nilai tambah sedia ada untuk pengagihan	5,850,280	**12,853,839**

PENGAGIHAN NILAI TAMBAH	FP* 31 Dis 2011[1] RM'000	TKB 31 Dis 2012 RM'000
Kepada kakitangan:		
Kos kakitangan	2,096,715	**4,589,373**
Kepada kerajaan:		
Percukaian	888,993	**1,977,306**
Kepada penyedia modal:		
Dividen dibayar kepada pemegang saham	1,794,772	**3,944,958**
Kepentingan tidak dikawal	95,047	**172,597**
Untuk dilabur semula di dalam Kumpulan:		
Susut nilai dan pelunasan	182,473	**369,867**
Keuntungan terkumpul	792,280	**1,799,738**
Nilai tambah sedia ada untuk pengagihan	5,850,280	**12,853,839**

1 Keputusan kewangan meliputi tempoh kewangan selama enam bulan berakhir pada 31 Disember 2011 berikutan perubahan berakhirnya tahun kewangan daripada 30 Jun kepada 31 Disember. Keputusan itu buat pertama kalinya telah disediakan selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan di Malaysia ("MFRS") dan perubahan dasar perakaunan.

* Tempoh Kewangan.

MAKLUMAT SEGMEN

ANALISIS MENGIKUT KEDUDUKAN GEOGRAFI

	FP* 31 Dis 2011[1]		TKB 31 Dis 2012	
PENDAPATAN BERSIH	RM'000	Komposisi	RM'000	Komposisi
1 Malaysia	5,048,289	64%	**10,663,215**	**64%**
2 Singapura	1,254,328	16%	**2,463,826**	**15%**
3 Indonesia	1,161,984	15%	**2,562,083**	**15%**
4 Lokasi-lokasi lain	370,413	5%	**914,046**	**6%**
	7,835,014	100%	**16,603,170**	**100%**

	FP* 31 Dis 2011[1]		TKB 31 Dis 2012	
KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI	RM'000	Komposisi	RM'000	Komposisi
1 Malaysia	2,632,796	74%	**5,510,254**	**70%**
2 Singapura	569,336	16%	**1,138,759**	**14%**
3 Indonesia	166,318	5%	**553,985**	**7%**
4 Lokasi-lokasi lain	202,642	5%	**691,601**	**9%**
	3,571,092	100%	**7,894,599**	**100%**

1 Keputusan kewangan meliputi tempoh kewangan selama enam bulan berakhir pada 31 Disember 2011 berikutan perubahan berakhirnya tahun kewangan daripada 30 Jun kepada 31 Disember. Keputusan itu buat pertama kalinya telah disediakan selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan di Malaysia ("MFRS") dan perubahan dasar perakaunan.

* Tempoh Kewangan.

ANALISIS MENGIKUT AKTIVITI

	PENDAPATAN BERSIH	FP* 31 Dis 2011[1] RM'000	TKB 31 Dis 2012 RM'000
1	Perkhidmatan Kewangan Komuniti	3,386,321	**6,870,524**
2	Perbankan Global	2,146,607	**5,291,516**
3	Perbankan Antarabangsa	2,438,392	**5,172,399**
4	Insurans, Takaful dan Pengurusan Aset	602,358	**1,197,020**
5	Ibu pejabat dan lain-lain	(738,664)	**(1,928,289)**
		7,835,014	**16,603,170**

	KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI	FP* 31 Dis 2011[1] RM'000	TBK 31 Dis 2012 RM'000
1	Perkhidmatan Kewangan Komuniti	1,688,834	**3,024,238**
2	Perbankan Global	1,250,300	**3,808,135**
3	Perbankan Antarabangsa	977,262	**2,292,913**
4	Insurans, Takaful dan Pengurusan Aset	393,360	**697,602**
5	Ibu pejabat dan lain-lain	(738,664)	**(1,928,289)**
		3,571,092	**7,894,599**

1 Keputusan kewangan meliputi tempoh kewangan selama enam bulan berakhir pada 31 Disember 2011 berikutan perubahan berakhirnya tahun kewangan daripada 30 Jun kepada 31 Disember. Keputusan itu buat pertama kalinya telah disediakan selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan di Malaysia ("MFRS") dan perubahan dasar perakaunan.

* Tempoh Kewangan.

PENYATA KEWANGAN

13 Kenyataan Tanggungjawab Penyata Pengarah
14 Analisis Penyata Kewangan
16 Laporan Para Pengarah
29 Kenyataan Penyata Pengarah
29 Akuan Berkanun
30 Laporan Juruaudit Bebas
32 Indeks Penyata Kewangan
34 Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan
36 Penyata Kedudukan Kewangan
37 Penyata Pendapatan
39 Penyata Pendapatan Komprehensif
40 Penyata Perubahan Dalam Ekuiti Yang Disatukan
42 Penyata Perubahan Dalam Ekuiti
44 Penyata Aliran Tunai
47 Nota-Nota Penyata Kewangan

KENYATAAN TANGGUNGJAWAB PENYATA PENGARAH

Terhadap Penyata Kewangan Yang Telah Diaudit

Para pengarah bertanggungjawab memastikan bahawa penyata kewangan tahunan Kumpulan dan Bank yang diaudit telah disediakan mengikut keperluan-keperluan yang diterima pakai oleh Piawaian Pelaporan Kewangan di Malaysia ("MFRS") terbitan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia, Keperluan Akta Syarikat 1965, Garis Panduan Bank Negara Malaysia dan Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad.

Para pengarah juga bertanggungjawab memastikan penyediaan penyata kewangan tahunan Kumpulan dan Bank yang diaudit mempunyai ketepatan munasabah berdasarkan rekod-rekod perakaunan dalam memberikan gambaran yang betul dan adil tentang kedudukan kewangan Kumpulan dan Bank sehingga pada 31 Disember 2012 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun kewangan yang telah berakhir.

Dalam menyediakan penyata kewangan, para pengarah telah:

- menimbang pemakaian piawaian perakaunan berkenaan yang diluluskan di Malaysia;
- mengamalkan dan menggunakan secara konsisten polisi perakaunan yang bersesuaian;
- membuat penilaian dan anggaran yang munasabah serta berhemat; dan
- menyediakan penyata kewangan berasaskan secara berterusan memandangkan para pengarah mempunyai jangkaan yang munasabah, telah mengemukakan pertanyaan bahawa Kumpulan dan Bank mempunyai sumber yang mencukupi untuk meneruskan operasinya pada masa hadapan yang sukar diramal.

Para pengarah secara am bertanggungjawab mengambil langkah-langkah munasabah untuk melindungi aset Kumpulan dan Bank untuk mengelak dan mengesan penyelewengan dan ketidaksamaan lain.

ANALISIS PENYATA KEWANGAN

ANALISIS PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN YANG DISATUKAN

RM bilion	Dis 2012	Dis 2011	Perbezaan	% Perubahan
Tunai dan dana jangka pendek	40.0	49.4	(9.4)	-19.0%
Deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan	12.0	7.2	4.8	66.7%
Portfolio pelaburan kewangan	92.8	84.7	8.1	9.7%
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	311.8	276.2	35.6	12.9%
Aset derivatif	2.9	2.0	0.9	45.0%
Aset insurans semula/takaful semula dan lain-lain aset insurans	2.6	2.2	0.4	18.2%
Deposit berkanun dengan bank-bank pusat	12.3	10.6	1.7	16.0%
Kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu	2.2	2.4	(0.2)	-8.3%
Aset tidak ketara	6.5	6.7	(0.2)	-3.0%
Aset-aset lain	11.8	10.2	1.6	14.7%
JUMLAH ASET	494.9	451.6	43.3	9.6%
Deposit daripada pelanggan	347.2	314.7	32.5	10.3%
Deposit dan penempatan daripada institusi-institusi kewangan	33.9	36.7	(2.8)	-7.6%
Liabiliti derivatif	2.4	2.2	0.2	9.1%
Liabiliti kontrak insurans/takaful dan lain-lain liabiliti insurans	21.9	20.1	1.8	9.0%
Pinjaman	10.7	7.2	3.5	48.6%
Tanggungan subordinat	13.5	14.2	(0.7)	-4.9%
Sekuriti modal	6.1	6.1	(0.0)	-0.0%
Liabiliti-liabiliti lain	15.2	14.4	0.8	5.6%
JUMLAH LIABILITI	450.9	415.6	35.3	8.5%
Ekuiti pemegang-pemegang saham	42.2	34.4	7.8	22.7%
Kepentingan tidak terkawal	1.8	1.6	0.2	12.5%
JUMLAH LIABILITI DAN EKUITI PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM	494.9	451.6	43.3	9.6%

JUMLAH ASET

Bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2012, jumlah aset Kumpulan meningkat sebanyak RM43.3 bilion atau 9.6% kepada RM494.9 bilion berbanding pertumbuhan sebanyak 9.8% bagi tempoh kewangan 6-bulan berakhir pada 31 Disember 2011. Pertumbuhan jumlah aset Kumpulan disumbangkan terutamanya oleh pertumbuhan dalam pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan sebanyak RM35.6 bilion atau 12.9% dan pertumbuhan portfolio pelaburan kewangan sebanyak RM8.1 bilion atau 9.7% tetapi diimbangi oleh pengurangan dalam pegangan tunai dan dana jangka pendek sebanyak RM9.4 bilion atau 19.0%.

DEPOSIT DAN PENEMPATAN DENGAN INSTITUSI-INSTITUSI KEWANGAN

Deposit dan penempatan Kumpulan dengan institusi-institusi kewangan meningkat sebanyak RM4.8 bilion atau 66.7% kepada RM12.0 bilion.

PORTFOLIO PELABURAN KEWANGAN

Portfolio pelaburan kewangan Kumpulan meningkat sebanyak RM8.1 bilion atau 9.7% kepada RM92.8 bilion berikutan peningkatan aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi sebanyak RM10.8 bilion. Peningkatan ini dikurangkan oleh penurunan pelaburan kewangan tersedia untuk dijual sebanyak RM2.8 bilion.

Portfolio pelaburan kewangan mengandungi 65.5% pelaburan kewangan tersedia untuk dijual, 31.4% aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi dan selebihnya pelaburan kewangan dipegang hingga matang.

PINJAMAN, PENDAHULUAN DAN PEMBIAYAAN

Pertumbuhan pinjaman bersih Kumpulan kekal dalam sekitar dua angka dengan mencatatkan peningkatan yang sihat sebanyak 12.9% kepada RM311.8 bilion. Pinjaman kasar Kumpulan berkembang sebanyak 12.2% dengan operasi di Malaysia dan Singapura telah mengatasi kadar peningkatan industri iaitu 10.4%, masing-masing mencecah 11.8% dan 10.5%. Indonesia menyaksikan pinjaman berkembang pada kadar yang pesat sebanyak 20.8% manakala pasaran antarabangsa lain mencatat kenaikan sebanyak 12.9%.

JUMLAH LIABILITI

Jumlah liabiliti Kumpulan meningkat sebanyak RM35.3 bilion atau 8.5% kepada RM450.9 bilion. Peningkatan deposit daripada pelanggan menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan jumlah liabiliti.

DEPOSIT DARIPADA PELANGGAN

Deposit daripada pelanggan Kumpulan berkembang kukuh merentasi tiga pasaran tempatan Kumpulan, mengukuhkan perniagaan serantau Kumpulan dengan pertumbuhan pesat dicatatkan di Indonesia. Deposit daripada pelanggan Kumpulan meningkat sebanyak RM32.5 bilion atau 10.3% kepada RM347.2 bilion, diterajui oleh kenaikan 22.3% di Indonesia manakala Singapura dan Malaysia, masing-masing mencatatkan kenaikan sebanyak 12.7% dan 8.5%.

Kumpulan terus memberi tumpuan untuk mengembangkan deposit kos rendah yang memperlihatkan peningkatan menyeluruh dalam campuran pembiayaan dengan dana berkos rendah terdiri daripada deposit simpanan dan permintaan berkembang pada kadar 15.1% kepada RM122.1 bilion. Hasilnya, nisbah CASA (akaun semasa dan simpanan) bertambah baik daripada 33.6% setahun lalu kepada 35.1% bagi tahun semasa.

DEPOSIT DAN PENEMPATAN DARIPADA INSTITUSI-INSTITUSI KEWANGAN

Deposit dan penempatan daripada institusi-institusi kewangan Kumpulan yang terdiri kebanyakannya daripada pinjaman antara institusi-institusi kewangan, menyusut sebanyak RM2.8 bilion atau 7.6% kepada RM33.9 bilion pada 31 Disember 2012 disebabkan oleh kegiatan pembiayaan Kumpulan.

EKUITI PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM

Ekuiti para pemegang saham Kumpulan berkembang sebanyak RM7.8 bilion atau 22.7% kepada RM42.2 bilion terutamanya disebabkan oleh peningkatan dalam modal saham dan premium saham dari terbitan saham Penempatan Persendirian dan Pelan Pelaburan Semula Dividen.

ANALISIS PENYATA PENDAPATAN YANG DISATUKAN

RM Juta	TK2012	TS2011*	Perbezaan	% Perubahan
Pendapatan faedah bersih	8,480.7	7,624.4	856.3	11.2%
Pendapatan berasaskan dana (Perbankan Islam) bersih	1,699.4	1,560.9	138.5	8.9%
Pendapatan berasaskan dana bersih	10,180.1	9,185.3	994.8	10.8%
Pendapatan bukan faedah	5,273.7	4,499.7	774.0	17.2%
Pendapatan berasaskan yuran (Perbankan Islam)	496.9	278.0	218.9	78.7%
Pendapatan bersih daripada perniagaan insurans	652.4	856.0	(203.6)	-23.8%
Pendapatan berasaskan yuran, bersih	6,423.0	5,633.7	789.3	14.0%
Pendapatan bersih	16,603.2	14,819.0	1,784.2	12.0%
Perbelanjaan overhed	(8,158.1)	(7,457.9)	(700.2)	9.4%
Peruntukan rosot nilai bagi pinjaman	(642.7)	(449.0)	(193.7)	43.1%
Kerugian rosot nilai atas pelaburan kewangan	(60.2)	(177.0)	116.8	-66.0%
Keuntungan operasi	7,742.1	6,735.1	1,007.0	15.0%
Bahagian keuntungan dalam syarikat-syarikat bersekutu	152.5	140.1	12.4	8.9%
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	7,894.6	6,875.2	1,019.4	14.8%
Cukai dan zakat	(1,977.3)	(1,753.6)	(223.7)	12.8%
Kepentingan tidak dikawal	172.6	237.6	(65.0)	-27.4%
Keuntungan boleh diagih kepada pemegang-pemegang ekuiti bank	5,744.7	4,884.0	860.7	17.6%
Pendapatan asas sesaham (EPS) - (sen)	72.7	65.1	7.6	11.7%

** belum diaudit*

Kumpulan mencatatkan keuntungan selepas cukai yang boleh diagihkan kepada para pemegang ekuiti sebanyak RM5,744.7 juta bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2012, adalah kenaikan sebanyak RM860.7 juta atau 17.6% dari tempoh kewangan 12-bulan sebelumnya berakhir pada 31 Disember 2011.

PENDAPATAN BERASASKAN DANA BERSIH

Kumpulan mencatatkan pertumbuhan dua angka dalam pendapatan berasaskan dana bersih. Pendapatan faedah bersih dan pendapatan berasaskan dana perbankan Islam Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2012 meningkat sebanyak RM994.8 juta atau 10.8% berbanding dengan tempoh kewangan tempoh 12 bulan berakhir pada 31 Disember 2011. Berikut pertumbuhan tahunan sebanyak 12.9% dalam pinjaman dan pendahuluan bersih Kumpulan (termasuk kewangan Islam).

PENDAPATAN BERASASKAN YURAN BERSIH

Pendapatan berasaskan yuran bersih berkembang sebanyak RM789.3 juta atau 14.0%. Pendapatan yuran meningkat terutamanya disebabkan oleh peningkatan pendapatan yuran dari Bank, peningkatan yuran wakalah diraih oleh Etiqa Takaful Berhad dan peningkatan pendapatan yuran daripada Maybank Kim Eng bagi peningkatan tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2012 manakala dalam tempoh sebelumnya, keputusan kewangan Maybank Kim Eng telah disatukan bagi tempoh selama lapan bulan kerana pengambilalihan Maybank Kim Eng hanya selesai pada bulan Mei 2011.

Kumpulan juga mendapat manfaat daripada keuntungan peningkatan daripada penjualan portfolio pelaburan kewangan dan keuntungan belum direalisasi atas penilaian semula aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi dan derivatif, masing-masing sebanyak RM231.2 juta dan RM343.8 juta. Peningkatan itu, bagaimanapun diimbangi oleh keuntungan tukaran asing yang rendah dan keuntungan yang rendah daripada jualan hartanah yang dibangunkan, masing-masing sebanyak RM334.8 juta dan RM71.1 juta.

PERBELANJAAN OVERHED

Perbelanjaan overhed Kumpulan bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2012 meningkat sebanyak RM700.2 juta atau 9.4% berbanding dengan tempoh 12 bulan yang berakhir pada 31 Disember 2011. Penyumbang utama kepada peningkatan perbelanjaan overhed adalah pihak Bank sendiri, Maybank Kim Eng, Maybank Islamic Bank dan Maybank Investment Bank.

Kos kakitangan Kumpulan meningkat sebanyak RM595.8 juta mewakili 85.1% daripada jumlah kenaikan perbelanjaan overhed Kumpulan. Peningkatan kos kakitangan ada sejajar dengan pertumbuhan perniagaan dan pelan perluasannya.

Nisbah kos kepada pendapatan Kumpulan bertambah baik sebanyak 130 mata asas kepada 48.6% berbanding 49.9% dalam tempoh kewangan 12 bulan berakhir pada 31 Disember 2011.

Pendapatan bersih meningkat mengatasi perbelanjaan overhed, berhasil daripada usaha berterusan meningkatkan kecekapan dan pelaksanaan pengurusan kos secara ketat.

PERUNTUKAN ROSOT NILAI BAGI PINJAMAN, PENDAHULUAN DAN PEMBIAYAAN

Peruntukan rosot nilai bagi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan meningkat sebanyak RM193.7 juta kepada RM642.7 juta bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2012. Peningkatan itu disebabkan terutamanya oleh peningkatan peruntukan perseorangan atau individu. Nisbah pinjaman rosot nilai bersih Kumpulan bertambah baik kepada 1.09% pada 31 Disember 2012, berbanding 1.86% pada 31 Disember 2011. Selain itu, nisbah liputan kerugian pinjaman pada 31 Disember 2012 meningkat kepada 105.6% berbanding 86.9% pada 31 Disember 2011.

CUKAI

Kadar cukai berkesan bagi Kumpulan adalah sebanyak 25.0% selaras dengan kadar cukai berkanun Malaysia sebanyak 25.0%.

Nota: Untuk analisis kewangan yang selanjutnya, sila rujuk kepada Kajian Kewangan Kumpulan (Perbincangan Pengurusan dan Analisis) di muka surat 78 hingga 87 dalam Laporan Tahunan ini.

LAPORAN PARA PENGARAH

Para pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka beserta penyata kewangan Kumpulan dan Bank yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2012.

KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Bank adalah menjalankan segala aspek perniagaan perbankan dan kewangan.

Syarikat-syarikat subsidiarinya terbabit terutamanya dalam perniagaan perbankan dan kewangan, perbankan Islam, perbankan pelaburan termasuk broker saham, insurans am dan hayat, takaful am dan keluarga, pemegang amanah dan perkhidmatan penama, pengurusan aset dan modal teroka. Butiran lanjut syarikat-syarikat subsidiari dinyatakan dalam Nota 58 penyata kewangan.

Tiada perubahan ketara terhadap kegiatan-kegiatan ini sepanjang tahun kewangan.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	Kumpulan RM'000	Bank RM'000
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	**7,894,599**	**5,498,158**
Cukai dan zakat	**(1,977,306)**	**(1,192,254)**
Keuntungan dalam tahun kewangan	**5,917,293**	**4,305,904**
Diagihkan kepada:		
Pemegang-pemegang ekuiti Bank	**5,744,696**	**4,305,904**
Kepentingan tidak dikawal	**172,597**	**—**
	5,917,293	**4,305,904**

Tidak berlaku sebarang pindahan material kepada atau daripada rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan selain daripada yang telah dibentangkan dalam Nota-Nota 10, 11, 41 dan 42 dan penyata perubahan dalam ekuiti.

Pada pendapat para pengarah, keputusan operasi Kumpulan dan Bank sepanjang tahun kewangan tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urus niaga atau peristiwa penting dan keadaan luar biasa, selain daripada penerimaan pakai rangka kerja Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS") dan perubahan dalam dasar perakaunan yang dinyatakan dalam Nota 2.4 kepada penyata kewangan.

Rangka kerja MFRS yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") mematuhi sepenuhnya Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS") yang terdiri daripada piawaian terbitan Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa ("IASB") yang telah berkuatkuasa pada 1 Januari 2012.

DIVIDEN

Jumlah dividen yang telah dibayar oleh Bank sejak 31 Disember 2011 adalah seperti berikut:

	RM'000
Bagi tempoh kewangan enam bulan berakhir pada 31 Disember 2011 seperti yang dilaporkan dalam laporan pengarah bagi tempoh itu:	
Dividen akhir sebanyak 36 sen ditolak 25% cukai yang terdiri daripada bahagian tunai sebanyak 4 sen (bersih 3 sen) sesaham biasa dan bahagian boleh pilih sebanyak 32 sen (bersih 24 sen) sesaham biasa atas saham biasa sebanyak 7,639,448,883 saham biasa, yang diisytiharkan pada 29 Mac 2012 dan dibayar pada 4 Jun 2012.	**2,062,651**
Bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2012:	
Dividen interim pertama sebanyak 32 sen ditolak cukai 25% terdiri daripada bahagian tunai sebanyak 4 sen (bersih 3 sen) sesaham biasa dan bahagian boleh pilih sebanyak 28 sen (bersih 21 sen) sesaham biasa, di atas saham biasa 7,854,397,802 yang diisytiharkan pada 16 Ogos 2012 dan dibayar pada 25 Oktober 2012	**1,885,055**
	3,947,706

DIVIDEN (SAMB.)

Pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang, dividen akhir bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2012 adalah sebanyak 18 sen ditolak cukai 25% dan 15 sen dividen peringkat tunggal (single tier) atas 8,440,046,735 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham, menjadikan jumlah keseluruhan dividen bersih boleh dibayar sebanyak RM2,405,413,319 (bersih 28.5 sen sesaham biasa) akan dicadangkan untuk kelulusan pemegang saham.

Dividen kasar yang dicadangkan merangkumi bahagian tunai sebanyak 4 sen dividen peringkat tunggal sesaham biasa yang akan dibayar secara tunai berjumlah RM337,601,869 dan bahagian boleh pilih sebanyak 29 sen (bersih 24.5 sen) sesaham biasa berjumlah RM2,067,811,450, yang mana bahagian boleh pilih terdiri daripada dividen peringkat tunggal sebanyak 11 sen dan 18 sen dividen yang dikenakan cukai (bersih 13.5 sen) sesaham biasa bernilai RM1.00 setiap satu.

Bahagian boleh pilih boleh dibuat pilihan untuk dilabur semula dalam saham biasa sejajar dengan Pelan Pelaburan Semula Dividen ("DRP") yang dinyatakan dalam Nota 31(b) penyata kewangan ini dan tertakluk dengan kelulusan pihak berkuasa dan juga kelulusan pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang.

Penyata kewangan bagi tahun kewangan semasa tidak mengambil kira cadangan dividen ini. Dividen ini sekiranya diluluskan oleh para pemegang saham, akan diambil kira dalam ekuiti sebagai pengagihan keuntungan terkumpul dalam tahun kewangan yang akan datang berakhir pada 31 Disember 2013.

SKIM SAHAM KAKITANGAN KUMPULAN MAYBANK ("ESS")

Skim Saham Kakitangan Kumpulan Maybank ("ESS") ditadbir oleh undang-undang kecil yang diluluskan oleh para pemegang saham pada Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diadakan pada 13 Jun 2011. ESS telah dilaksanakan pada 23 Jun 2011 dan dikuatkuasakan untuk tempoh maksimum tujuh (7) tahun daripada tarikh dikuatkuasakan. ESS ini terdiri daripada dua (2) jenis ganjaran berasaskan prestasi dalam bentuk Skim Opsyen Saham Kakitangan ("ESOS") dan Unit Saham Terhad ("RSU").

Jawatankuasa ESS dari semasa ke semasa dalam tempoh pelaksanaan ESS, boleh menganugerahkan RSU tambahan ("SRSU") kepada kumpulan pekerja yang terpilih untuk diberikan RSU. Kumpulan terpilih boleh terdiri daripada pengurusan kanan, mereka yang terpilih di barisan utama untuk dikekalkan dan rekrut-rekrut luar kanan terpilih dan pemberian SRSU sedemikian boleh ditawarkan di bawah terma dan syarat yang berbeza daripada RSU terdahulu yang dibuat kepada pengurusan kanan terpilih.

Skim Berasaskan Prestasi Dibayar Tunai Secara Berasingan ("CESS") mengandungi Skim Opsyen Berasaskan Prestasi Dibayar Tunai ("CESOS") dan Skim Unit Saham Terhad Berasaskan Prestasi Dibayar Tunai ("CRSU") akan disediakan pada masa yang sesuai kepada kakitangan yang layak di cawangan-cawangan luar negara dan syarikat subsidiari Bank termasuk PT Bank Internasional Indonesia Tbk, PT Bank Maybank Syariah Indonesia, Maybank Philippines Incorporated dan Maybank (PNG) Limited, tertakluk kepada pencapaian kriteria prestasi yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dan amalan pasaran yang lazim dalam negara-negara berkenaan.

SKIM SAHAM KAKITANGAN KUMPULAN MAYBANK ("ESS") (SAMB.)

Maklumat lanjut tentang ciri-ciri utama ESOS, RSU dan CESS dinyatakan dalam Nota 31 (c) penyata kewangan. Butiran ESOS yang diluluskan, diletak hak dan dilaksanakan di bawah ESS adalah seperti berikut:

(a) ESOS Diluluskan

Tarikh Kelulusan	Bilangan saham opsyen '000	Harga pelaksanaan asal RM/opsyen	Tempoh pelaksanaan
23.6.2011 – Kelulusan ESOS Pertama	405,309#	8.82*	30.6.2011 – 30.6.2016
30.4.2012 – Kelulusan ESOS Kedua	62,339#	8.83*	30.4.2012 – 22.6.2018

Agregat peruntukan maksimum ESOS kepada Ketua Pegawai Eksekutif dan pengurusan kanan Kumpulan dan Bank tidak boleh melebihi 50%. Peruntukan sebenar opsyen saham kepada Ketua Pegawai Eksekutif dan pengurusan kanan ialah 4.0% pada 31 Disember 2012.

Anggaran bilangan opsyen saham yang akan diluluskan kepada pekerja layak yang dijangka mencapai sasaran prestasi purata.

* Jawatankuasa ESS meluluskan pengurangan harga pelaksanaan ESOS berikutan terbitan baru saham biasa bernilai RM1.00 sesaham, mengikut pelaksanaan DRP. Semakan harga pelaksanaan adalah seperti berikut:

Tarikh Kelulusan	Harga pelaksanaan RM/opsyen	Tempoh pelaksanaan
23.6.2011 – Kelulusan ESOS Pertama	8.82	23.6.2011 – 28.12.2011
	8.78	29.12.2011 – 4.6.2012
	8.76	5.6.2012 – 28.10.2012
	8.75	29.10.2012 – 30.6.2016
30.4.2012 – Kelulusan ESOS Kedua	8.83	30.4.2012 – 28.10.2012
	8.82	29.10.2012 – 22.6.2018

Dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2012, sejumlah 42,136,100 daripada kelulusan ESOS Pertama (31 Disember 2011: Tiada) dan 6,185,800 di bawah Kelulusan ESOS Kedua telah diberikan kepada sekumpulan kakitangan layak yang terpilih.

SKIM SAHAM KAKITANGAN KUMPULAN MAYBANK ("ESS") (SAMB.)

(a) ESOS Diluluskan (samb.)

Pergerakan ESOS yang diletakkan hak berkaitan kelulusan ESOS pertama dan Kedua yang diletak hak adalah seperti berikut:

Kelulusan ESOS pertama (diletakkan hak)

Tarikh Letak hak	Baki tertunggak pada 1.1.2012 '000	Pergerakan Dalam Tahun Kewangan					Baki tertunggak pada 31.12.2012 '000	Dilaksanakan pada 31.12.2012 '000
		Pelarasan** '000	Diletakkan hak '000	Dilaksana^ '000	Ditarik balik '000	Luput '000		
23.6.2011	80,070	160	-	(798)	(2,449)	-	76,983	76,983
30.4.2012	-	-	42,136	(320)	(533)	-	41,283	41,283
Jumlah	80,070	160	42,136	(1,118)	(2,982)	-	118,266	118,266

** Pelarasan berkaitan ESOS diperuntukkan dalam tahun sebelumnya tetapi diterima dalam tahun kewangan semasa.

^ 7,500 opsyen yang dilaksanakan dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2012 hanya diterbitkan dan disenaraikan dalam tahun kewangan berikutnya.

Kelulusan ESOS kedua (diletak hak)

Tarikh Letak hak	Baki tertunggak pada 1.1.2012 '000	Pergerakan Dalam Tahun Kewangan				Baki tertunggak pada 31.12.2012 '000	Dilaksanakan pada 31.12.2012 '000
		Diletakkan hak '000	Dilaksana '000	Ditarik balik '000	Luput '000		
30.4.2012	-	6,186	(8)	(217)	-	5,961	5,961

(b) Kelulusan RSU

Tarikh Kelulusan	Bilangan Saham opsyen '000	Tarikh Peletakan hak
23.6.2011 — Kelulusan RSU Pertama	3,590	3-tahun peletakan hak daripada tarikh pemberian dan prestasi metrik
30.4.2012 — Kelulusan RSU Kedua	4,355	

Tiada RSU yang diletakkan hak pada 31 Disember 2012.

SKIM SAHAM KAKITANGAN KUMPULAN MAYBANK ("ESS") (SAMB.)

(c) SRSU Diluluskan

Bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2012, sejumlah 119,000 SRSU (31 Disember 2011: 283,900 SRSU) diluluskan kepada sekumpulan kakitangan yang layak. Sejumlah 37,500 SRSU (31 Disember 2011: Tiada) telah diletakkan hak pada 31 Disember 2012.

Pergerakan SRSU yang diluluskan dan diletakkan hak adalah seperti berikut:

SRSU Diluluskan

Tarikh Kelulusan	Baki tertunggak pada 1.1.2012 '000	Pergerakan Dalam Tahun Kewangan		Baki tertunggak pada 31.12.2012 '000
		Diluluskan '000	Diletakkan hak '000	
31.03.2011	209	–	–	209
3.10.2011	75	–	(37)	38
16.4.2012	–	15	–	15
7.5.2012	–	15	–	15
1.6.2012	–	24	–	24
1.6.2012	–	15	–	15
2.7.2012	–	30	–	30
15.12.2012	–	20	–	20
	284	119	(37)	366

(d) CESOS Diluluskan

Dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2012, bahagian kedua CESOS berjumlah 394,800 (31 Disember 2011: Tiada) di bawah Kelulusan Pertama CESOS telah dianugerahkan kepada sekumpulan kakitangan yang layak daripada cawangan-cawangan luar negara.

Sebagai tambahan, Bank juga telah meluluskan CESOS berjumlah 554,000 di bawah CESOS Kelulusan Kedua kepada rekrut baharu yang disahkan di cawangan-cawangan luar negara dan kakitangan utama terpilih PT Bank Internasional Indonesia Tbk.

Pergerakan CESOS yang diluluskan seperti berikut:

Kelulusan CESOS Pertama

Tarikh Letak hak	Baki tertunggak pada 1.1.2012 '000	Pergerakan Dalam Tahun Kewangan					Baki tertunggak pada 31.12.2012 '000
		Pelarasan*** '000	Diletakkan hak '000	Dilaksana '000	Ditarik balik '000	Luput '000	
23.6.2011	720	7	–	–	(74)	–	653
30.4.2012	–	–	395	–	(22)	–	373
	720	7	395	–	(96)	–	1,026

*** Pelarasan berkaitan CESOS diperuntukkan dalam tahun sebelumnya tetapi diterima dalam tahun kewangan semasa.

SKIM SAHAM KAKITANGAN KUMPULAN MAYBANK ("ESS") (SAMB.)

(d) CESOS Diluluskan (samb.)

Kelulusan CESOS Kedua

Tarikh Letak hak	Baki tertunggak pada 1.1.2012 '000	Pergerakan Dalam Tahun Kewangan				Baki tertunggak pada 31.12.2012 '000
		Diletakkan hak '000	Dilaksana '000	Ditarik balik '000	Luput '000	
23.2.2012	—	430	—	—	—	430
30.4.2012	—	124	—	(10)	—	114
	—	554	—	(10)	—	544

Tiada CESOS yang diluluskan telah diletak hak pada 31 Disember 2012.

(e) CRSU Diluluskan

Bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2012, sejumlah 15,000 CRSU telah diluluskan untuk pengurusan kanan Kumpulan dan Bank yang layak. Tiada CRSU yang diluluskan, telah diletakkan hak pada 31 Disember 2012.

Bank telah diberikan pengecualian oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia untuk tidak mendedahkan nama-nama kakitangan yang diberikan pilihan untuk meletakkan hak untuk melanggan kurang daripada 300,000 saham biasa RM1.00 setiap satu dalam tahun kewangan semasa.

Bilangan maksimum saham biasa bernilai RM1.00 sesaham dalam Bank yang disediakan untuk ESS dan CESS tidak boleh melebihi 10% jumlah keseluruhan modal terbitan dan berbayar Bank pada bila-bila masa dalam tempoh skim tersebut. Ciri-ciri utama lain ESS dinyatakan dalam Nota 31(c) — (f) penyata kewangan.

Nama pemegang-pemegang opsyen yang diberikan kelulusan itu dan opsyennya diletakkan hak untuk melanggan sekurang-kurangnya 300,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham dalam tahun kewangan adalah seperti berikut.

Nama	Bilangan Opsyen Saham				
	Pada 1.1.2012 '000	Pelarasan* '000	Diletakkan hak '000	Dilaksanakan '000	Pada 31.12.2012 '000
Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar	500	—	250	—	750
Datuk Lim Hong Tat	200	—	125	—	325
John Chong Eng Chuan	200	—	125	—	325
Hans de Cuyper	200	—	100	—	300
Dato' Khairussaleh bin Ramli	200	—	125	—	325
Datuk Abdul Farid bin Alias	200	—	125	—	325
Tengku Dato' Zafrul Bin Tengku Abdul Aziz	192	—	125	—	317
Sim Sio Hoong	150	50	125	—	325
Normala @ Noraizah Binti A. Manaf	150	50	100	—	300
Geoffrey Michael Stecyk	150	50	100	—	300

SKIM SAHAM KAKITANGAN KUMPULAN MAYBANK ("ESS") (SAMB.)

Kesemua opsyen diluluskan pada 23 Jun 2011 pada harga pelaksanaan asal iaitu RM8.82, yang disemak semula kepada RM8.78 pada 29 Disember 2011, kemudiannya disemak lagi kepada RM8.76 pada 5 Jun 2012 dan RM8.75 pada 29 Oktober 2012, yang kemudian boleh dilaksanakan dalam tempoh lima (5) tahun.

* Pelarasan berkaitan ESOS tambahan diperuntukkan kepada pengurusan kanan terpilih dalam tahun kewangan.

TERBITAN MODAL SAHAM

Dalam tahun kewangan semasa, Bank telah meningkatkan modal terbitan dan berbayar daripada RM7,639,437,483 kepada RM8,440,046,735 melalui:

(a) Terbitan 1,118,700 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham bagi bayaran tunai, kepada mereka yang layak melaksanakan opsyen di bawah ESS, seperti mana dinyatakan dalam Nota 31(d)(ii) penyata kewangan;

(b) Terbitan 202,854,119 saham biasa baru RM1.00 sesaham timbul daripada Pelan Pelaburan Semula Dividen ("DRP") berkaitan bahagian pilihan dividen akhir sebanyak 24 sen (bersih) bagi tempoh kewangan berakhir pada 31 Disember 2011, seperti dinyatakan dalam Nota 46(c)(i) penyata kewangan;

(c) Terbitan 173,144,233 saham biasa baru (termasuk 286,367 saham biasa baru diterbitkan untuk ESOS Trust Fund ("ETF") Pool) bernilai RM1.00 sesaham timbul daripada DRP berkaitan dividen interim 21 sen (bersih) bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2012, seperti mana dinyatakan dalam Nota 46(c)(ii) penyata kewangan;

(d) Terbitan 11,454,700 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham untuk ditempatkan dalam ESOS Trust Fund ("ETF") Pool selaras dengan ESS semasa, seperti mana dinyatakan dalam Nota 31(c)(v) penyata kewangan;

(e) Terbitan 412,000,000 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham timbul daripada penempatan persendirian, seperti dinyatakan dalam Nota 55(l) penyata kewangan; dan

(f) Terbitan 37,500 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham terhasil daripada Unit Saham Terhad Tambahan (Supplemental Restricted Share Unit atau SRSU), seperti mana dinyatakan dalam Nota 31(e)(iv) penyata kewangan.

Saham-saham biasa baru yang diterbitkan dalam tahun kewangan ini adalah sama taranya dalam segala aspek dengan saham-saham Bank yang sedia ada.

PENGARAH

Para pengarah yang memegang jawatan sejak tarikh laporan terakhir dan laporan ini adalah:

Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin bin Megat Mohd Nor (Pengerusi)
Dato' Mohd Salleh bin Hj Harun (Naib Pengerusi)
Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar (Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif)
Tan Sri Datuk Dr Hadenan bin A. Jalil
Dato' Seri Ismail bin Shahudin
Dato' Dr Tan Tat Wai
Encik Zainal Abidin bin Jamal
Dato' Johan bin Ariffin
Mr Cheah Teik Seng
Mr Alister Maitland
Datuk Mohaiyani binti Shamsudin
Mr Erry Riyana Hardjapamekas (dilantik pada 25 Jun 2012)
Dato' Sreesanthan Eliathamby (bersara pada 29 Mac 2012)

MANFAAT PARA PENGARAH

Sepanjang dan sehingga akhir tahun kewangan semasa, tidak terdapat sebarang rancangan dibuat oleh Bank atau subsidiari-subsidiari yang membolehkan para pengarahnya mendapat faedah melalui pemilikan saham atau debentur Bank atau sebarang badan korporat lain selain daripada yang timbul daripada opsyen saham dan RSU di bawah ESS.

Sejak akhir tahun kewangan lalu, tiada pengarah menerima atau berhak menerima manfaat (selain manfaat termasuk di dalam jumlah agregat pendapatan yang diterima atau yang terhutang dan belum diterima oleh pengarah-pengarah daripada Bank dan perbadanan berkaitan, atau pekerja Bank yang bergaji tetap sepenuh masa, seperti mana dinyatakan dalam Nota 40 penyata kewangan) melalui kontrak yang dibuat oleh Bank atau perbadanan yang berkaitan dengan pengarah atau firma yang mana beliau adalah ahlinya atau dengan sebuah syarikat yang mana beliau memegang kepentingan kewangan yang ketara.

KEPENTINGAN PENGARAH

Berdasarkan daftar pemegangan saham para pengarah, kepentingan yang dimiliki oleh para pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan semasa dalam bentuk saham, saham opsyen dan RSU dalam Bank sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut:

	Bilangan saham biasa bernilai RM1 sesaham			
Kepentingan Langsung	Pada 1.1.2012	Belian	Diterbitkan berikutan DRP	Pada 31.12.2012
Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin bin Megat Mohd Nor	36,039	–	2,009	**38,048**
Dato' Mohd Salleh bin Hj Harun	314,782	–	7,869	**322,651**
Dato' Seri Ismail bin Shahudin	23,242	–	–	**23,242**
Dato' Johan bin Ariffin	126,337	25,774	8,362	**160,473**

	Bilangan saham biasa bernilai RM1.00 sesaham			
Kepentingan Tidak Langsung	Pada 1.1.2012	Belian	Diterbitkan berikutan DRP	Pada 31.12.2012
Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin bin Megat Mohd Nor *	26,688	–	1,487	**28,175**
Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin bin Megat Mohd Nor **	31,718	–	1,766	**33,484**
Dato' Dr Tan Tat Wai *	5,467	–	–	**5,467**

* Kepentingan berkenaan saham yang dipegang oleh pasangan.

** Kepentingan berkenaan saham yang dipegang melalui akaun anak-anak.

KEPENTINGAN PENGARAH (SAMB.)

	Bilangan opsyen berbanding saham biasa bernilai RM1.00 seunit					
	Harga Pelaksanaan (RM)	Diluluskan 23.6.2011	Pada 1.1.2012	Diletakkan Hak	Dilaksanakan	Pada 31.12.2012
Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar	8.82#	2,500,000	500,000	250,000	–	**750,000**

Disemak semula kepada RM8.75 pada 29 Oktober 2012 berdasarkan Kelulusan ESOS Pertama.

	Bilangan Unit Terhad (RSU) saham biasa bernilai RM1.00 sesaham				
	Tarikh Kelulusan	Diluluskan	Pada 1.1.2012	Diletakkan Hak	Pada 31.12.2012
Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar	23.6.2011	200,000	–	–	–
	30.4.2012	200,000	–	–	–

Baki saham opsyen dan RSU yang diluluskan kepada pengarah tetapi belum diletakkan hak pada 31 Disember 2012. Baki saham opsyen dan RSU akan diletakkan hak dan dilaksanakan selepas syarat-syarat pemberian dipenuhi atau penentuan ukuran prestasi termasuk tempoh perkhidmatan, sasaran prestasi dan tempoh prestasi.

Tiada pengarah lain yang berkhidmat sehingga akhir tahun kewangan ini yang mempunyai sebarang kepentingan dalam saham di dalam Bank atau pertubuhan yang berkaitan Bank dalam tahun kewangan semasa.

PENARAFAN OLEH AGENSI-AGENSI PENARAFAN LUAR

Butir-butir mengenai penarafan Bank adalah seperti berikut:

Agensi Penarafan	Tarikh	Klasifikasi Penarafan	Penarafan Diterima
Moody's Investors Service	29 Ogos 2012	Matawang Asing Jangka Panjang Deposit Bank/Tinjauan	A3/Stabil
		Matawang Asing Jangka Pendek Deposit Bank	P-2/Stabil
		Matawang Tempatan Jangka Panjang Deposit Bank/ Tinjauan	A1/Stabil
Penyata kewangan ini telah diluluskan dan dibenarkan untuk diterbitkan oleh Lembaga Pengarah menerusi satu resolusi para pengarah pada 21 Februari 2013.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

2.1 ASAS PENYEDIAAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan Kumpulan dan Bank telah disediakan sejajar dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS") dan peruntukan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia.

Bagi semua tempoh sehingga dan termasuk tempoh enam bulan berakhir pada 31 Disember 2011, Kumpulan dan Bank telah menyediakan penyata kewangan mereka sejajar dengan Piawaian Pelaporan Kewangan ("FRS") di Malaysia yang diubah suai mengikut Garis Panduan Bank Negara Malaysia ("BNM"). Penyata kewangan berakhir pada 31 Disember 2012 semasa adalah yang pertama kali disediakan oleh Kumpulan dan Bank sejajar dengan MFRS, IFRS dan peruntukan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia. Kesan menerima pakai kali pertama MFRS dinyatakan dalam Nota 2.4.

Penyata kewangan Kumpulan dan Bank telah disediakan berdasarkan kos sejarah melainkan dinyatakan sebaliknya dalam ringkasan dasar-dasar perakaunan yang penting seperti yang dinyatakan dalam Nota 2.3.

Penyata kewangan Kumpulan juga merangkumi perbankan Islam dan perniagaan insurans. Perbankan Islam umumnya merujuk kepada kegiatan menerima deposit, menawarkan pembiayaan dan mengurus niaga sekuriti Islam di bawah prinsip-prinsip Syariah. Perniagaan insurans melibatkan menaja jamin perniagaan insurans am dan hayat, mengurus perniagaan takaful am dan keluarga serta perniagaan berkaitan pelaburan.

Kumpulan dan Bank membentang penyata kedudukan kewangan mengikut kecairan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.1 ASAS PENYEDIAAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN (SAMB.)

Aset dan liabiliti kewangan diimbangi dan amaun bersih dilaporkan dalam penyata kedudukan kewangan hanya apabila terdapat hak yang sah atau boleh dikuatkuasakan untuk mengimbangi amaun yang diiktiraf dan terdapat hasrat untuk menyelesaikannya pada asas bersih atau untuk merealisasi aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak. Pendapatan dan perbelanjaan tidak diimbangi dalam penyata kewangan yang disatukan kecuali diperlukan atau dibenarkan oleh piawaian perakaunan atau interpretasi dan dinyatakan secara khusus dalam dasar-dasar perakaunan Kumpulan dan Bank.

Penyata kewangan ini dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM) dan dibundarkan kepada jumlah ribu ringgit (RM'000) yang terdekat, kecuali dinyatakan sebaliknya.

2.2 ASAS PENYATUAN

Penyata kewangan yang disatukan terdiri daripada penyata kewangan Bank dan syarikat-syarikat subsidiari pada 31 Disember 2012.

Penyata kewangan subsidiari disediakan pada tarikh laporan yang sama dengan Bank, menggunakan dasar perakaunan yang konsisten diguna pakai untuk transaksi dan peristiwa-peristiwa yang mempunyai keadaan yang sama.

Syarikat subsidiari disatukan daripada tarikh perolehan, tarikh di mana Bank mempunyai kawalan ke atasnya, dan terus disatukan sehingga tarikh hak kawalan berakhir. Kawalan dalam sesebuah entiti dikira telah capai apabila Bank berkuasa untuk mentadbir dasar kewangan dan operasinya untuk memperoleh faedah daripada aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

Semua baki antara kumpulan, pendapatan dan perbelanjaan dan keuntungan dan kerugian belum diperoleh akibat transaksi intra kumpulan dihapuskan sepenuhnya.

Pegangan kepentingan tidak dikawal ("NCI") mewakili nisbah untung atau rugi dan aset bersih dalam syarikat subsidiari yang tidak dimiliki secara langsung atau secara tidak langsung oleh Bank. NCI dibentangkan berasingan dalam penyata pendapatan yang disatukan, dan penyata pendapatan komprehensif dan pada ekuiti dalam penyata kedudukan kewangan yang disatukan tetapi berasingan daripada ekuiti pemegang saham induk. Jumlah pendapatan komprehensif diperuntukkan terhadap kepentingan NCI, sekali pun mengakibatkan baki defisit. Pemerolehan NCI adalah diambil kira dengan menggunakan kaedah pemanjangan entiti induk, di mana perbezaan antara pertukaran dan nilai saksama bahagian aset bersih yang dikuasai diiktiraf sebagai ekuiti.

Perubahan dalam kepentingan pemilikan sebuah syarikat subsidiari tanpa hilang kawalan, dikira sebagai transaksi ekuiti. Sekiranya Kumpulan kehilangan kuasa ke atas syarikat subsidiarinya ia:

- Nyah iktiraf aset (termasuk muhibah) dan liabiliti syarikat subsidiari pada nilai bawaan mereka;
- Nyah iktiraf nilai bawaan mana-mana kepentingan tidak dikawal dalam bekas syarikat subsidiari;
- Nyah iktiraf pertukaran matawang asing terkumpul yang direkodkan diekuiti;
- Mengiktiraf jumlah nilai saksama yang diterima;
- Mengiktiraf jumlah nilai saksama sebarang pelaburan yang dipegang dalam bekas syarikat subsidiari;
- Mengiktiraf sebarang lebihan atau defisit dalam untung atau rugi; dan
- Pengelasan semula bahagian komponen induk yang dahulunya diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain kepada untung atau rugi atau perolehan tertahan, sekiranya diperlukan sejajar dengan MFRS lain.

Kesemua di atas akan diambil kira dari tarikh kawalan hilang.

Dasar-dasar perakaunan bagi kombinasi perniagaan dan muhibah dinyatakan dalam Nota 2.3(iii).

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.3 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

(i) Pelaburan dalam syarikat subsidiari

Subsidiari merupakan syarikat-syarikat di mana kumpulan berkuasa ke atas dasar kewangan dan operasi untuk meraih manfaat daripada kegiatan-kegiatan mereka. Kewujudan dan kesan hak mengundi potensi yang dilaksanakan atau boleh diubah diberi pertimbangan apabila menilai sama ada kumpulan mempunyai kuasa terhadap entiti lain.

Dalam penyata kewangan bank yang berasingan, pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari dinyatakan pada kos ditolak kerugian rosot nilai. Dasar pengiktirafan dan pengukuran kerugian rosot nilai sejajar dengan nota 2.3(xvi) di bawah. Dalam melupuskan pelaburan seumpama itu, perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan nilai bawaan mereka dikira dalam untung atau rugi.

(ii) Kepentingan dalam syarikat bersekutu

Syarikat-syarikat bersekutu adalah entiti di mana Kumpulan mempunyai pengaruh yang ketara yang bukan syarikat subsidiari atau kepentingan dalam usahasama. Pengaruh yang ketara adalah kuasa untuk mengambil bahagian dalam membuat keputusan kewangan dan operasi tetapi tidak mempunyai kawalan terhadap dasar berkenaan.

Dalam penyata kewangan Bank yang berasingan, pelaburan syarikat bersekutu adalah dinyatakan pada kos ditolak kerugian rosot nilai. Polisi pengiktirafan dan pengukuran kerugian rosot nilai dibuat mengikut Nota 2.3(xvi) di bawah. Dalam pelupusan pelaburan seumpama itu, perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan jumlah bawaan mereka diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Kepentingan dalam syarikat bersekutu diambil kira dalam penyata kewangan yang disatukan dengan menggunakan kaedah perakaunan ekuiti. Perakaunan ekuiti dalam syarikat bersekutu dikira mulai tarikh Kumpulan mempunyai pengaruh sehinggalah pengaruh itu sudah tiada lagi.

Kepentingan dalam syarikat bersekutu merupakan jumlah bawaan pelaburan di dalam syarikat bersekutu di bawah kaedah ekuiti bersama-sama dengan sebarang kepentingan jangka panjang yang membentuk sebahagian daripada pelaburan bersih Kumpulan dan Bank dalam syarikat bersekutu itu.

Dalam menerima pakai kaedah ini, kepentingan dalam syarikat bersekutu dibawa pada kos yang diselaraskan terhadap perubahan selepas pemerolehan bahagian Kumpulan dalam aset bersih syarikat bersekutu. Muhibah berkaitan syarikat bersekutu dimasukkan dalam nilai bawaan pelaburan dan tidak dilunaskan atau diuji secara individu bagi rosot nilai. Perincian tentang muhibah dimasukkan dalam nilai bawaan kepentingan syarikat bersekutu dinyatakan dalam Nota 18 (d).

Penyata pendapatan yang disatukan mencerminkan bahagian Kumpulan ke atas keputusan operasi syarikat bersekutu. Sekiranya perubahan diiktiraf secara terus dalam ekuiti syarikat bersekutu, Kumpulan mengiktiraf bahagiannya dalam perubahan dan menyatakannya apabila perlu, dalam penyata perubahan ekuiti. Keuntungan atau kerugian yang tidak diperoleh dalam transaksi antara Kumpulan dengan syarikat bersekutu dihapuskan mengikut tahap kepentingan. Bahagian Kumpulan keuntungan dan kerugian syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan dalam penyata pendapatan yang disatukan dan mewakili keuntungan atau kerugian selepas cukai dan kepentingan tidak dikawal dalam syarikat subsidiari miliki syarikat bersekutu.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.3 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(ii) Kepentingan dalam syarikat bersekutu (samb.)

Apabila bahagian kerugian yang ditanggung Kumpulan dalam syarikat bersekutu menyamai atau melebihi jumlah yang dipegang termasuk kepentingan jangka panjang yang membentuk sebahagian pelaburan bersih Kumpulan, kerugian yang seterusnya tidak akan diiktiraf kecuali Kumpulan berkewajipan atau perlu membuat pembayaran bagi pihak syarikat bersekutu.

Penyata kewangan beraudit syarikat bersekutu yang terbaru digunakan oleh Kumpulan dalam menerima pakai kaedah ekuiti. Sekiranya tarikh akhir penyata kewangan itu tidak sama dengan Kumpulan, keputusan hasil kewangan dikira daripada penyata kewangan terakhir diaudit dan penyata kewangan pengurusan pada akhir tempoh perakaunan. Sekiranya perlu, penyelarasan akan dibuat supaya dasar perakaunan selari dengan Kumpulan.

Selepas pelaksanaan kaedah ekuiti, Kumpulan akan menentukan sejauh mana perlunya mengiktiraf sebarang rosot nilai tambahan bagi pelaburan dalam syarikat bersekutu. Kumpulan akan menentukan pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat bukti kepentingan dalam syarikat bersekutu mengalami rosot nilai. Sekiranya terbukti, Kumpulan akan mengira jumlah rosot nilai sebagai perbezaan antara jumlah yang boleh diperoleh semula dengan nilai bawaan serta mengiktiraf jumlah dalam bahagian 'keuntungan syarikat bersekutu' dalam penyata pendapatan.

Apabila Kumpulan tidak lagi mempunyai pengaruh yang ketara dalam syarikat bersekutu, Kumpulan akan mengukur dan mengiktiraf pegangan pelaburannya pada nilai saksama. Sebarang perbezaan di antara jumlah bawaan dengan nilai saksama pegangan pelaburan itu serta hasil pelupusan akan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(iii) Penyatuan perniagaan dan muhibah

Penyatuan perniagaan dikira menggunakan kaedah pemerolehan. Kos pemerolehan diukur sebagai agregat pertukaran yang diukur pada tarikh pengambilalihan dan jumlah kepentingan tidak dikawal dalam sesuatu yang diperoleh. Bagi setiap penyatuan perniagaan Kumpulan memilih sama ada mengukur kepentingan itu pada nilai saksama atau bahagian aset bersih yang kenal pasti oleh sesuatu yang diperoleh. Kos berkaitan pemerolehan itu adalah dibelanjakan apabila berlaku dan dimasukkan dalam perbelanjaan pentadbiran. Apabila Kumpulan memperoleh suatu perniagaan, ia membuat penilaian ke atas aset kewangan dan liabiliti dengan mengandaikan pengelasan yang bersesuaian dan penetapan mengikut terma-terma kontrak, keadaan ekonomi dan keadaan berkaitan pada tarikh pemerolehan.

Jika penyatuan perniagaan dicapai secara berperingkat-peringkat, kepentingan ekuiti yang dipegang sebelumnya diukur semula pada nilai saksama tarikh pemerolehan dan keuntungan atau kerugian yang timbul akan diiktiraf dalam untung atau rugi. Sebarang pertukaran luar jangka untuk dipindahkan kepada pembeli akan diiktiraf berdasarkan nilai saksama pada tarikh pemerolehan. Pertukaran luar jangka dikelaskan sebagai aset atau liabiliti instrumen kewangan dan berada dalam skop MFRS 139 Financial Instruments: Recognition and Measurement ("MFRS 139") diukur pada nilai saksama dengan perubahannya diiktiraf sama ada dalam untung atau rugi atau sebagai perubahan kepada pendapatan komprehensif lain. Sekiranya pertukaran luar jangka bukan dalam skop MFRS 139, pengukurannya dibuat mengikut mana-mana MFRS yang sesuai. Pertukaran luar jangka dikelaskan sebagai ekuiti yang tidak diukur semula dan penyelesaiannya dikira dalam ekuiti.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.3 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(iii) Penyatuan perniagaan dan muhibah (samb.)

Muhibah pada awalnya diukur berasaskan kos, sebagai lebihan kepada kos pembelian dan amaun diiktiraf bagi kepentingan tidak dikawal ke atas aset bersih yang dikenal pasti dibeli dan liabiliti ditanggung. Sekiranya nilai saksama aset bersih yang dibeli melebihi kos pembelian dipindahkan, keuntungannya diiktiraf dalam untung atau rugi. Selepas pengiktirafan awal, muhibah diukur pada kos ditolak kerugian rosot nilai terkumpul. Muhibah disemak semula untuk kerosotan nilai pada setiap tahun atau lebih kerap lagi sekiranya terdapat perubahan atau peristiwa tertentu yang membayangkan nilai bawaannya mungkin mengalami rosot nilai.

Bagi tujuan pengujian rosot nilai, muhibah yang diperoleh diperuntukkan sejak tarikh pemerolehan kepada setiap unit penjana tunai milik Kumpulan yang dijangka mendapat manfaat daripada sinergi penggabungan, tanpa mengira sama ada aset atau liabiliti lain-lain pemeroleh turut terdapat pada unit berkenaan.

Setiap unit yang diperuntukkan muhibah mewakili paras terendah dalam Kumpulan yang mana pengawasan dibuat untuk tujuan pengurusan dalaman dan lebih kecil daripada sebuah segmen operasi mengikut segmen operasi Kumpulan yang dinyatakan pada Nota 2.3 (xxxi) dan Nota 54.

Jika muhibah diperuntukkan kepada unit penjana tunai dan sebahagian daripada operasi dalam unit penjana tunai itu dilupuskan, muhibah yang berkaitan akan dimasukkan dalam jumlah bawaan operasi itu semasa menentukan keuntungan atau kerugian ke atas pelupusan operasi berkenaan. Muhibah yang dilupuskan dalam keadaan ini diukur berdasarkan kepada nilai yang saksama daripada pelupusan operasi dan bahagian unit penjanaan tunai dikekalkan.

(iv) Aset tidak ketara

Aset tidak ketara termasuk deposit teras, hubungan pelanggan dan tenaga kerja agensi yang diperoleh dalam penyatuan perniagaan, perisian komputer dan perisian yang sedang dibangunkan.

Aset tidak ketara diiktiraf hanya apabila kos boleh diukur dengan jelas dan terdapat jangkaan faedah ekonomi masa depan yang boleh disumbangkan kepada Kumpulan dan Bank.

Aset tidak ketara diperoleh secara berasingan adalah diukur berdasarkan kos pengiktirafan awal. Kos aset tidak ketara, yang diperoleh daripada penyatuan perniagaan adalah nilai saksama pada tarikh pemerolehan. Berikutan pengiktirafan awal, aset tidak ketara dikira pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan juga kerugian rosot nilai terkumpul, kecuali perisian yang sedang dibangunkan yang tidak tertakluk kepada pelunasan.

Tempoh hayat boleh guna aset tidak ketara dinilai sama ada secara terbatas ataupun sebaliknya. Aset tidak ketara dengan hayat terbatas dilunaskan mengikut tempoh anggaran boleh guna. Aset tidak ketara dengan hayat tidak terbatas atau belum sedia digunakan disemak untuk rosot nilai apabila terdapat petunjuk rosot nilai. Tempoh dan kaedah pelunasan aset tidak ketara dengan hayat terbatas disemak semula sekurang-kurangnya pada setiap tahun kewangan. Perubahan jangkaan tempoh hayat boleh guna atau jangkaan corak penggunaan faedah ekonomi setiap tahun dalam aset dikira dengan mengubah tempoh pelunasan atau kaedah yang bersesuaian, dan dianggap sebagai perubahan anggaran perakaunan. Perbelanjaan pelunasan aset tidak ketara dengan hayat terbatas diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam kategori perbelanjaan selari dengan fungsi aset tidak ketara.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.3 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(iv) Aset tidak ketara (samb.)

Aset tidak ketara dilunaskan mengikut batasan hayat boleh guna seperti berikut:

Perisian Komputer	3 – 10 tahun
Deposit Teras	8 tahun
Hubungan pelanggan	3 – 11 tahun
Tenaga kerja Agensi	9 tahun

(v) Aset kewangan

(a) Tarikh pengiktirafan

Kesemua aset kewangan pada awalnya diiktiraf pada tarikh urus niaga contohnya pada tarikh Kumpulan dan Bank menjadi pihak berkaitan kepada peruntukan kontrak instrumen tertentu. Ini termasuk cara biasa berniaga, belian atau jualan aset kewangan yang memerlukan penyampaian aset dalam kerangka masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di pasaran.

(b) Pengiktirafan awal dan pengukuran berikutnya

Aset kewangan dalam skop MFRS 139 dikelaskan sebagai aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi, pinjaman dan belum terima, pelaburan kewangan dipegang hingga matang dan pelaburan kewangan tersedia untuk dijual. Kumpulan dan Bank menentukan pengelasan aset kewangan pada pengiktirafan awal yang mana perinciannya dinyatakan di bawah ini.

Pengelasan instrumen kewangan pada awal pengiktirafan bergantung kepada tujuan dan niat pengurusan bagi aset kewangan yang diperoleh dan ciri-ciri mereka. Kesemua aset kewangan pada mulanya diukur pada nilai saksama termasuk kos transaksi langsung kecuali dalam kes pelaburan kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi.

Aset kewangan juga meliputi berikut:

(1) Aset kewangan atau pada nilai saksama melalui untung atau rugi ("FVTPL")

Aset kewangan pada FVTPL termasuk aset kewangan dipegang untuk urus niaga ("HFT") dari aset kewangan ditetapkan selepas pengiktirafan awal. Aset kewangan dikelaskan sebagai dipegang untuk urus niaga sekiranya mereka diperoleh bagi tujuan penjualan atau pembelian balik dalam jangka masa terdekat.

Bagi aset kewangan yang ditetapkan pada FVTPL, kriteria berikut perlu dipenuhi semasa pengiktirafan awal:

- penentuan menghapuskan atau mengurangkan dengan ketara ketidaktekalan yang boleh timbul daripada pengukuran aset atau liabiliti atau pengiktirafan keuntungan atau kerugian terhadap mereka pada asas yang berbeza.

- aset dan liabiliti merupakan sebahagian daripada sekumpulan aset kewangan, liabiliti kewangan atau kedua-duanya, yang ditadbir dan prestasi mereka dinilai pada nilai saksama selaras dengan pengurusan risiko yang didokumenkan atau strategi pelaburan.

Termasuk dalam aset kewangan yang dipegang untuk urus niaga adalah sekuriti hutang, ekuiti dan jualan pendek yang diperoleh pada asasnya untuk tujuan penjualan atau pembelian balik dalam jangka masa terdekat.

Termasuk dalam aset kewangan ditetapkan pada FVTPL adalah sekuriti hutang dan deposit berstruktur yang diuruskan pada asas nilai saksama di bawah dana insurans hayat dan dana keluarga.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.3 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(v) Aset kewangan (samb.)

(b) Pengiktirafan awal dan pengukuran berikutnya (Samb.)

(1) Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi ("FVTPL") (samb.)

Berikutan pengiktirafan awal, aset kewangan yang dipegang untuk urus niaga dan aset kewangan ditetapkan pada FVTPL adalah direkodkan dalam penyata kedudukan kewangan pada nilai saksama. Perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam untung atau rugi di bawah keterangan pendapatan bukan faedah.

(2) Pinjaman dan belum terima

Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Aset kewangan yang diklasifikasikan dalam kategori ini termasuk wang tunai dan baki dengan bank, perjanjian beli balik berbalik, pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan. Aset kewangan ini pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama, termasuk kos urus niaga langsung dan tokokan dan kemudiannya diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif.

(3) Pelaburan kewangan dipegang hingga matang ("HTM")

Pelaburan kewangan HTM merupakan aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan dan tempoh matang yang tetap yang mana Kumpulan dan Bank mempunyai niat dan keupayaan untuk memegangnya sehingga mencapai kematangan.

Berikutan dengan pengiktirafan awal, HTM diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif ditolak rosot nilai. Kos pelunasan ditentukan dengan mengambil kira diskaun atau premium atas pemerolehan dan yuran yang menjadi bahagian yang penting pada kadar faedah efektif. Pelunasan, kerugian yang timbul daripada rosot nilai dan keuntungan atau kerugian yang timbul daripada penyahiktirafan pelaburan seumpama itu diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Sekiranya Kumpulan dan Bank hendak menjual atau mengklasifikasikan semula lebih daripada satu jumlah yang kecil pelaburan kewangan HTM sebelum tempoh matang (selain daripada keadaan khusus yang tertentu), keseluruhan kategori itu akan dicemari dan perlu diklasifikasikan semula sebagai pelaburan kewangan tersedia untuk dijual. Selain itu, Kumpulan dan Bank ditegah daripada mengklasifikasikan sebarang pelaburan kewangan sebagai dipegang hingga matang bagi tempoh dua tahun berikutnya.

(4) Pelaburan kewangan tersedia untuk dijual ("AFS")

Pelaburan Kewangan AFS adalah aset kewangan yang ditetapkan sebagai tersedia untuk dijual atau tidak diklasifikasikan dalam mana-mana daripada tiga (3) kategori-kategori sebelum ini.

Pelaburan kewangan AFS termasuk ekuiti dan sekuriti hutang. Sekuriti hutang dalam kategori ini dirancang untuk dipegang sehingga satu jangka masa yang tidak ditetapkan dan mungkin dijual sebagai reaksi kepada keperluan kecairan atau perubahan dalam keadaan pasaran.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.3 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(v) Aset kewangan (samb.)

(b) Pengiktirafan awal dan pengukuran berikutnya (samb.)

(4) Pelaburan kewangan tersedia untuk dijual ("AFS") (samb.)

Selepas pengiktirafan awal, AFS diukur pada nilai saksama. Keuntungan atau kerugian yang tidak diperoleh diiktiraf secara terus dalam ekuiti (pendapatan komprehensif lain) dalam 'rizab pegangan belum diperoleh (defisit)' kecuali bagi kerugian rosot nilai, keuntungan atau kerugian tukaran asing aset kewangan monetari dan pendapatan faedah dikira menggunakan kaedah kadar faedah efektif adalah diiktiraf dalam penyata pendapatan. Dividen pelaburan kewangan AFS diiktiraf dalam penyata pendapatan apabila terdapat hak Kumpulan dan Bank untuk menerima pembayaran. Apabila pelaburan kewangan AFS dinyah iktiraf oleh Kumpulan dan Bank, keuntungan atau kerugian terkumpul yang sebelumnya diiktiraf dalam ekuiti dan diiktiraf dalam penyata pendapatan di bawah 'pendapatan bukan faedah'.

(c) Penyahiktirafan

Satu aset kewangan dinyah iktiraf apabila:

(1) Hak-hak menerima aliran tunai dari aset telah tamat tempoh;

(2) Kumpulan dan Bank memindahkan hak menerima aliran tunai daripada aset atau meneruskan kewajipan membayar aliran tunai sepenuhnya tanpa kelewatan kepada pihak ketiga melalui pengaturan secara "melalui"; dan salah satu:

(i) Kumpulan dan Bank telah memindahkan sebahagian besar kesemua risiko dan ganjaran aset kewangan, atau

(ii) Kumpulan dan Bank tidak memindah dan tidak juga mengekalkan sebahagian besar risiko dan ganjaran aset kewangan, tetapi telah memindahkan kawalan ke atas aset kewangan.

Apabila Kumpulan dan Bank memindahkan hak untuk menerima aliran tunai daripada satu aset kewangan atau membuat pengaturan secara "melalui" dan tidak juga memindah dan tidak memegang sebahagian besar risiko dan ganjaran aset serta tidak memindah kawalan, aset kewangan tersebut diiktiraf selagi terdapat penglibatan Kumpulan dan Bank dalam aset kewangan itu. Sehubungan itu, Kumpulan dan Bank juga mengiktiraf liabiliti kewangan bersekutu. Pemindahan aset dan liabiliti kewangan bersekutu diukur pada satu asas yang mencerminkan hak-hak dan kewajipan-kewajipan yang dikekalkan oleh Kumpulan dan Bank.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.3 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(v) Aset kewangan (samb.)

(d) Rosot nilai aset kewangan

Kumpulan dan Bank menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat bukti jelas bahawa satu aset kewangan termasuk satu atau lebih sekuriti (selain aset kewangan FVTPL) mengalami rosot nilai. Satu atau lebih aset kewangan dianggap rosot nilai jika dan hanya sekiranya terdapat bukti jelas berlaku kerosakan akibat satu atau lebih peristiwa-peristiwa yang berlaku setelah pengiktirafan awal aset (peristiwa yang mendatangkan kerugian) dan peristiwa berkenaan mengakibatkan impak terhadap jangkaan aliran tunai pada masa depan oleh aset kewangan atau kumpulan aset kewangan yang boleh dianggarkan dengan pasti.

Bukti rosot nilai termasuk tanda-tanda bahawa peminjam atau sekumpulan peminjam mengalami kesukaran kewangan yang ketara, kebarangkalian mereka akan muflis atau penyusunan semula kewangan lain, keingkaran atau kegagalan dalam pembayaran faedah atau prinsipal atau di mana data yang ada menunjukkan pengurangan yang boleh diukur dalam anggaran aliran tunai masa depan, seperti perubahan dalam tunggakan atau keadaan ekonomi yang mengaitkan dengan kegagalan.

(1) Pinjaman dan nilai belum terima

(i) Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan

Pengelasan pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan sebagai rosot nilai

Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan diklasifikasikan sebagai rosot nilai apabila:

- jumlah prinsipal atau faedah/keuntungan atau kedua-duanya tidak berbayar untuk tempoh selama tiga (3) bulan atau lebih; atau
- apabila pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang tertunggak untuk tempoh kurang tiga (3) bulan mempamerkan tanda-tanda kelemahan kredit, tanpa mengira sama ada kerugian rosot nilai telah diambil kira; atau
- apabila pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan rosot nilai dijadualkan atau distrukturkan semula, pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan akan terus diklasifikasikan sebagai rosot nilai sehingga pembayaran balik berdasarkan syarat-syarat yang disemak dan / atau distruktur semula diperhatikan secara berterusan untuk tempoh selama enam (6) bulan.

Proses Rosot nilai – Penilaian individu

Kumpulan dan Bank menilai jika bukti-bukti rosot nilai wujud bagi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang dianggap secara individu sebagai penting.

Jika terdapat bukti yang jelas bahawa kerugian rosot nilai berlaku, jumlah kerugian itu diukur sebagai perbezaan antara jumlah bawaan pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan, dan nilai semasa unjuran aliran tunai masa depan yang didiskaun pada kadar faedah efektif asal pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan. Jumlah bawaan pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun dan jumlah kerugian diiktiraf dalam penyata pendapatan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.3 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(v) Aset kewangan (samb.)

(d) Rosot nilai aset kewangan (samb.)

(1) Pinjaman dan nilai belum terima (samb.)

(i) Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan (samb.)

Proses Rosot nilai - Penilaian kolektif

Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang secara individunya tidak penting dan apabila ditaksir secara individu menunjukkan tiada bukti berlaku kerugian rosot nilai dikumpulkan bersama untuk penilaian rosot nilai portfolio. Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan ini dikelompokkan di dalam kriteria risiko kredit yang sama untuk penilaian kolektif, di mana data dari portfolio pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan (seperti kualiti kredit, tahap-tahap tunggakan, penggunaan kredit, nisbah pinjaman kepada cagaran dan lain-lain) dan penumpuan risiko-risiko (seperti prestasi kumpulan individu yang berbeza) diambil kira.

Aliran tunai masa depan dalam sekumpulan pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang secara kolektif dinilai bagi rosot nilai dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian Kumpulan dan Bank. Sejarah pengalaman kerugian diselaraskan berdasarkan data semasa yang mencerminkan keadaan semasa yang tidak menjejaskan tempoh di mana sejarah pengalaman kerugian diasaskan dan untuk menyingkirkan kesan-kesan syarat dalam tempoh sejarah yang kini tidak lagi wujud.

Anggaran perubahan aliran tunai masa depan untuk kumpulan aset perlu mencerminkan dan menjadi konsisten dengan perubahan berkaitan data yang diperhatikan pada setiap tempoh. Kaedah dan andaian yang digunakan untuk menganggarkan aliran tunai masa depan adalah disemak semula secara kerap oleh Kumpulan dan Bank untuk mengurangkan sebarang perbezaan di antara jangkaan kerugian dan pengalaman kerugian sebenar.

Proses Rosot nilai - Hapus kira akaun

Apabila pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan tidak boleh dikutip semula, ia dihapus kira berdasarkan elaun rosot nilai pinjaman. Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan sedemikian dihapus kira selepas prosedur-prosedur yang diperlukan telah selesai dan jumlah kerugian telah ditentukan. Pemerolehan semula jumlah yang dahulunya dihapus kira diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(ii) Lain-lain belum terima

Untuk menentukan sama ada terdapat bukti jelas bahawa kerugian rosot nilai aset kewangan telah berlaku, Kumpulan dan Bank mempertimbangkan faktor seperti kebarangkalian ketidakmampuan bayar atau masalah kewangan penghutang yang ketara dan terdapat kemungkiran atau penangguhan yang ketara dalam pembayaran.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.3 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(v) Aset kewangan (samb.)

(d) Rosot nilai aset kewangan (samb.)

(1) Pinjaman dan nilai belum terima (samb.)

(ii) Lain-lain belum terima (samb.)

Jika wujudnya sebarang bukti, jumlah kerugian rosot nilai diukur sebagai perbezaan antara jumlah bawaan aset dan nilai semasa unjuran aliran tunai masa depan didiskaun pada kadar faedah efektif asal aset kewangan.

Jumlah bawaan aset kewangan dikurangkan oleh kerugian rosot nilai secara langsung bagi kesemua aset kewangan.

Jika dalam tempoh setahun berikutnya, jumlah kerugian rosot nilai berkurangan dan pengurangan itu boleh dikaitkan secara objektif kepada peristiwa yang berlaku selepas rosot nilai diiktiraf, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya dikembalikan sehingga jumlah bawaan tidak melebihi kos dilunaskan pada tarikh dikembalikan. Jumlah yang dikembalikan diiktiraf dalam untung atau rugi.

(2) Pelaburan kewangan tersedia untuk dijual ("AFS")

Bagi pelaburan kewangan AFS, Kumpulan dan Bank menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat bukti jelas pelaburan mengalami rosot nilai.

Dalam kes instrumen hutang diklasifikasikan sebagai AFS, Kumpulan dan Bank mentaksir secara individu sama ada terdapat bukti rosot nilai berdasarkan kriteria serupa dengan pelaburan kewangan HTM.

Bagaimanapun, jumlah yang dicatatkan bagi rosot nilai merupakan kerugian terkumpul dikira antara perbezaan kos terlunas dan nilai saksama semasa, ditolak kerugian rosot nilai pelaburan dahulunya yang diiktiraf dalam penyata pendapatan. Pendapatan faedah masa depan adalah berdasarkan jumlah bawaan yang dikurangkan dan diakru menggunakan kadar faedah yang digunakan untuk pendiskaunan aliran tunai masa depan bagi tujuan pengiraan kerugian rosot nilai.

Pendapatan faedah direkodkan sebagai sebahagian daripada faedah dan pendapatan yang serupa. Jika dalam tempoh yang berikutnya, nilai saksama instrumen hutang meningkat dan peningkatannya secara objektif boleh dikaitkan dengan peristiwa kedit yang berlaku selepas rosot nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan, kerugian rosot nilai itu melalui penyata pendapatan.

Dalam kes pelaburan ekuiti dikelaskan sebagai aset kewangan AFS, bukti yang objektif juga termasuk kemerosotan 'ketara' atau 'berpanjangan' dalam nilai saksama pelaburan di bawah kosnya. Kumpulan dan Bank secara umumnya seperti 25% dan untuk suku-suku yang berturutan. Kumpulan dan Bank mentaksir 'ketara' sebagai 25% dan 'berpanjangan' sebagai suku-suku yang berturutan secara umumnya. Jika terdapat bukti rosot nilai, kerugian terkumpul diukur sebagai perbezaan antara kos pemerolehan dan nilai saksama semasa, ditolak kerugian rosot nilai pelaburan yang sebelumnya diiktiraf dalam penyata pendapatan disingkirkan daripada ekuiti dan diiktiraf dalam penyata pendapatan. Kerugian rosot nilai pelaburan ekuiti tidak dibalikkan melalui penyata pendapatan; peningkatan dalam nilai saksama selepas rosot nilai diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.3 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(v) Aset kewangan (samb.)

(d) Rosot nilai aset kewangan (samb.)

(3) Pelaburan kewangan dipegang hingga matang ("HTM")

Bagi pelaburan kewangan HTM, Kumpulan dan Bank menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat bukti objektif jelas bahawa pelaburan mengalami rosot nilai. Jika terdapat bukti objektif berlakunya rosot nilai dalam pelaburan HTM, kerugian rosot nilai diukur sebagai perbezaan di antara jumlah bawaan pelaburan kewangan HTM dan nilai semasa unjuran aliran tunai masa depan terdiskaun pada kadar faedah efektif asal pelaburan kewangan HTM. Jumlah bawaan pelaburan kewangan HTM dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun dan jumlah kerugian diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Pengembalian berikutnya di dalam kerugian rosot nilai diiktiraf apabila pengurangan yang berkaitan dengan satu peristiwa berlaku, selepas kerugian rosot nilai diiktiraf sehinggalah jumlah bawaan aset kewangan tidak melebihi kos terlunas pada tarikh balikan. Balikan tersebut diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Bagi sekuriti ekuiti yang dinilai pada kos, kerugian rosot nilai diukur sebagai perbezaan antara jumlah bawaan sekuriti dengan nilai semasa unjuran aliran tunai masa depan terdiskaun pada pulangan kadar pasaran semasa untuk sekuriti yang sama. Jumlah kerugian rosot nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan dan kerugian berkenaan tidak boleh diterbalikkan apabila diiktiraf.

(e) Mengklasifikasikan semula aset kewangan

Kumpulan dan Bank boleh memilih untuk mengklasifikasikan semula aset bukan derivatif daripada aset kewangan dalam kategori FVTPL, dalam keadaan luar biasa, di mana aset kewangan tidak lagi dipegang bagi tujuan penjualan atau pembelian semula dalam tempoh singkat. Selain itu, Kumpulan dan Bank mungkin juga boleh memilih untuk mengklasifikasikan semula aset kewangan yang memenuhi definisi pinjaman dan belum terima daripada aset kewangan pada FVTPL atau pelaburan kewangan AFS sekiranya Kumpulan dan Bank mempunyai hasrat dan keupayaan untuk memegang aset kewangan tersebut bagi satu tempoh terdekat pada masa depan atau sehingga tempoh matang.

Pengelasan semula pada nilai saksama adalah dibuat pada tarikh pengelasan semula di mana ia menjadi satu kos baru atau kos yang dilunas, mana yang sesuai.

Bagi aset kewangan yang diklasifikasi semula daripada pelaburan-pelaburan kewangan AFS, mana-mana keuntungan atau kerugian sebelumnya atas aset yang telah diiktiraf dalam ekuiti dilunaskan kepada untung atau rugi bagi baki hayat aset yang tinggal melalui kaedah faedah efektif. Sebarang perbezaan di antara kos terlunas yang baru dan unjuran aliran tunai juga dilunaskan bagi baki hayat aset yang tinggal melalui kaedah faedah efektif. Sekiranya aset itu kemudiannya diputuskan sebagai rosot nilai, jumlah yang dicatatkan dalam ekuiti dikitar semula ke dalam penyata pendapatan.

Pengelasan semula adalah dibuat mengikut pemilihan pengurusan dan ditentukan bagi instrumen demi instumen. Kumpulan dan Bank tidak mengklasifikasikan semula mana-mana instrumen kewangan ke dalam kategori nilai saksama melalui untung atau rugi selepas pengiktirafan awal.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.3 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(v) Aset kewangan (samb.)

(f) Menentukan nilai saksama

Instrumen kewangan yang diukur pada nilai saksama adalah ditentukan dengan merujuk kepada harga sebut harga pasaran atau menggunakan model penilaian. Bagi instrumen kewangan dengan harga pasaran yang boleh dilihat melalui perniagaannya dalam pasaran yang aktif, nilai saksama adalah berdasarkan harga pasaran disebut harga atau sebut harga peniaga. Ini termasuk sekuriti ekuiti tersenarai dan sebut harga broker dari Bloomberg dan Reuters.

Bagi semua instrumen kewangan yang lain, nilai saksama ditentukan menggunakan teknik penilaian yang bersesuaian. Dalam kes-kes seperti itu, nilai saksama dianggarkan berdasarkan model-model aliran tunai didiskaun dan model penentuan harga opsyen, serta berdasarkan data dapat dilihat bagi instrumen kewangan yang serupa dan penggunaan input-input (seperti keluk-keluk hasil) yang ada pada tarikh pelaporan. Kumpulan dan Bank selalunya menggunakan model penilaian yang diiktiraf secara meluas dengan input-input pasaran boleh dilihat dalam menentukan nilai saksama, disebabkan instrumen kewangan yang tidak begitu rumit.

Pelaburan-pelaburan dalam instrumen-instrumen ekuiti yang tidak disebut harga kerana nilai saksama tidak boleh ditentukan dengan jelas, ia diukur pada kos dan ditaksir rosot nilai pada tarikh pelaporan.

(vi) Liabiliti kewangan

(a) Tarikh pengiktirafan

Semua liabiliti kewangan pada awalnya diiktiraf pada tarikh urus niaga iaitu tarikh Kumpulan dan Bank menjadi pihak terlibat dengan peruntukan kontrak instrumen berkaitan. Ini termasuk cara biasa perdagangan-perdagangan: belian atau jualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang biasanya ditubuhkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran.

(b) Pengiktirafan awal dan pengukuran selanjutnya

Liabiliti kewangan dikelaskan berdasarkan kandungan perjanjian berkontrak yang dimeterai dan definisi liabiliti kewangan itu. Kesemua liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama termasuk kos transaksi langsung pada awalnya kecuali dalam kes liabiliti kewangan pada FVTPL.

Liabiliti kewangan dikelaskan sama ada sebagai liabiliti kewangan pada FVTPL atau liabiliti kewangan lain.

(1) Liabiliti kewangan pada FVTPL

Liabiliti kewangan pada FVTPL termasuk liabiliti HFT dan liabiliti kewangan ditetapkan pada pengiktirafan awal pada FVTPL.

Liabiliti kewangan HFT termasuk derivatif yang dimeterai oleh Kumpulan dan Bank yang tidak memenuhi kriteria perakaunan lindung nilai.

Kumpulan dan Bank tidak menetapkan sebarang liabiliti kewangan pada FVTPL.

(2) Liabiliti kewangan lain

Liabiliti kewangan lain Kumpulan dan Bank termasuk deposit daripada pelanggan, deposit dan penempatan daripada institusi-institusi kewangan, sekuriti hutang (termasuk pinjaman), nilai belum bayar, bil-bil dan penerimaan belum bayar dan liabiliti-liabiliti lain.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.3 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(vi) Liabiliti kewangan (samb.)

(b) Pengiktirafan awal dan pengukuran selanjutnya (samb.)

(2) Liabiliti kewangan lain (samb.)

(i) Deposit daripada pelanggan, deposit dan penempatan daripada institusi-institusi kewangan

Deposit daripada pelanggan, deposit dan penempatan daripada institusi-institusi kewangan disebut pada nilai penempatan.

(ii) Sekuriti Hutang

Sekuriti hutang yang diterbitkan dikelaskan sebagai liabiliti kewangan atau ekuiti berdasarkan kandungan syarat berkontrak instrumen itu. Sekuriti hutang yang diterbitkan oleh Kumpulan terdiri daripada nota subordinat, sekuriti modal inovatif tahap 1 dan pinjaman.

Sekuriti hutang ini dikelaskan sebagai liabiliti di dalam penyata kedudukan kewangan kerana Kumpulan dan Bank secara kontrak mempunyai kewajipan untuk membuat bayaran tunai sama ada jumlah prinsipal atau faedah atau kedua-duanya kepada pemegang sekuriti hutang. Kumpulan dan Bank juga mempunyai kewajipan untuk menyelesaikan pembayaran instrumen kewangan dalam bentuk tunai atau instrumen kewangan lain.

Selepas pengiktirafan awal, sekuriti hutang yang diterbitkan diiktiraf pada kos pelunasan, dengan perbezaan di antara hasil ditolak kos transaksi dan nilai penebusan akan diiktiraf di dalam penyata pendapatan sepanjang tempoh pinjaman dengan kaedah faedah efektif.

(iii) Nilai belum bayar

Pembayaran pada awalnya diiktiraf mengikut nilai saksama dan juga termasuk kos transaksi langsung yang seterusnya diukur pada kos pelunasan menggunakan kaedah faedah efektif.

(iv) Bil-bil dan penerimaan yang belum dibayar

Bil-bil dan penerimaan yang belum dibayar mewakili bil-bil dan penerimaan Kumpulan dan Bank yang didiskaun semula serta yang sedia ada di pasaran.

(v) Liabiliti-liabiliti Lain

Liabiliti-liabiliti lain dinyatakan pada kos yang merupakan nilai saksama jumlah yang perlu dibayar pada masa depan bagi barangan dan perkhidmatan yang diterima.

(c) Penyahiktirafan

Liabiliti kewangan dinyah iktiraf apabila kewajipan di bawah liabiliti tersebut dilepaskan, dibatalkan atau ditamatkan. Apabila liabiliti kewangan sedia ada digantikan dengan yang lain daripada pemberi pinjaman yang sama mengikut syarat-syarat yang berlainan dengan ketara ataupun syarat-syarat liabiliti sedia ada diubah suai dengan ketara, maka tukaran atau pengubahsuaian berkenaan dianggap sebagai nyah iktiraf liabiliti yang asal dan pengiktirafan liabiliti yang baru. Perbezaan dalam nilai bawaan liabiliti kewangan asal dan jumlah yang dibayar diiktiraf dalam untung atau rugi.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.3 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(vii) Instrumen derivatif dan perakaunan lindung nilai

(a) Instrumen derivatif

Kumpulan dan Bank mendagangkan derivatif seperti pertukaran (swap) dan niagaan ke depan (futures) kadar faedah, swap kemungkiran kredit, swap matawang bersilang, kontrak hadapan pertukaran asing dan opsyen kadar faedah, matawang asing dan ekuiti.

Instrumen derivatif pada asalnya diiktiraf pada nilai saksama yang biasanya adalah sifar atau terlalu kecil pada masa pembentukannya bagi derivatif bukan opsyen dan bersamaan dengan premium pasaran yang dibayar atau diterima bagi opsyen yang dibeli atau opsyen bertulis. Derivatif tersebut kemudiannya diukur semula pada nilai saksama. Nilai saksama diperoleh daripada sebut harga di pasaran yang aktif, termasuk dalam transaksi pasaran semasa dan teknik penilaian termasuk model aliran tunai yang didiskaun dan model penetapan harga opsyen, yang mana bersesuaian. Kesemua derivatif dikira sebagai aset apabila nilai saksama adalah positif dan dikira sebagai liabiliti apabila nilai saksama adalah negatif. Perubahan dalam nilai saksama sebarang derivatif yang tidak layak bagi perakaunan lindung nilai akan diiktiraf serta merta dalam penyata pendapatan.

(b) Perakaunan lindung nilai

Kumpulan dan Bank menggunakan instrumen derivatif bagi mengurus pendedahan terhadap risiko kadar faedah, matawang asing dan kredit. Bagi mengurus risiko tertentu, Kumpulan dan Bank mengenakan perakaunan lindung nilai untuk transaksi yang menepati kriteria ditetapkan.

Pada permulaan hubungan lindung nilai, Kumpulan dan Bank mendokumentasikan hubungan antara benda yang dilindung nilai dengan instrumen lindung nilai, termasuk sifat risiko, objektif dan strategi untuk menggunakan lindung nilai dan kaedah yang akan digunakan untuk menilai keberkesanan hubungan lindung nilai pada permulaan dan secara berterusan.

Pada setiap tarikh penilaian keberkesanan lindung nilai, hubungan lindung nilai mesti dijangka amat berkesan pada asas prospektif dan menunjukkan bahawa ia adalah berkesan (keberkesanan retrospektif) untuk tempoh tertentu untuk melayakkan perakaunan lindung nilai.

Lindung nilai yang tidak berkesan diiktiraf dalam penyata pendapatan. Bagi situasi di mana benda yang dilindung nilai adalah transaksi ramalan, Kumpulan dan Bank juga menilai sama ada transaksi tersebut berkemungkinan besar dan membawa satu pendedahan kepada variasi dalam aliran tunai yang akhirnya boleh menjejaskan penyata pendapatan.

(1) Lindung nilai-nilai saksama

Untuk lindung nilai yang ditetapkan dan layak, perubahan terkumpul dalam nilai saksama derivatif lindung nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan. Sementara itu, perubahan terkumpul dalam nilai saksama benda yang dilindung nilai berpunca daripada risiko lindung nilai dicatat sebagai sebahagian nilai bawaan benda yang dilindung nilai di dalam penyata kedudukan kewangan dan juga diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Seandainya instrumen lindung nilai telah tamat tempoh atau dijual, dihentikan atau dilaksanakan atau apabila lindung nilai itu tidak lagi menepati kriteria untuk perakaunan lindung nilai, hubungan lindung nilai akan ditamatkan. Untuk benda yang dilindung nilai yang dicatatkan pada kos pelunasan, perbezaan antara nilai yang dibawa oleh benda yang dilindung nilai semasa penamatan dengan nilainya yang sebenar akan dilunaskan ke atas baki tempoh lindung nilai asal dengan menggunakan kadar faedah efektif. Jika benda yang dilindung nilai itu dinyah iktiraf, penyelarasan nilai saksama yang tidak dilunaskan akan diiktiraf segera dalam penyata pendapatan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.3 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(vii) Instrumen derivatif dan perakaunan lindung nilai (samb.)

(b) Perakaunan lindung nilai (samb.)

(2) Lindung nilai aliran tunai

Untuk lindung nilai aliran tunai yang ditetapkan dan layak, bahagian untung atau rugi yang efektif ke atas instrumen lindung nilai pada asalnya diiktiraf terus sebagai ekuiti dalam rizab lindung nilai aliran tunai. Bahagian untung atau rugi tidak efektif ke atas instrumen lindung nilai diiktiraf segera sebagai pendapatan bukan faedah dalam penyata pendapatan.

Apabila aliran tunai yang dilindung nilai menjejaskan penyata pendapatan, untung atau rugi ke atas instrumen lindung nilai tersebut akan diiktiraf dalam pendapatan yang berkenaan atau barisan perbelanjaan penyata pendapatan.

Apabila instrumen lindung nilai tamat tempoh, atau dijual, ditamatkan, dilaksanakan atau apabila lindung nilai tidak lagi menepati kriteria untuk perakaunan lindung nilai, sebarang untung atau rugi terkumpul yang terdapat di dalam pendapatan komprehensif lain pada masa itu akan kekal di situ dan diiktiraf apabila ramalan transaksi lindung nilai akhirnya dikenal pasti dalam penyata pendapatan.

Apabila ramalan transaksi dijangka tidak akan berlaku lagi, untung atau rugi terkumpul yang dilaporkan dalam pendapatan komprehensif lain akan segera dipindahkan kepada penyata pendapatan.

Kumpulan dan Bank tidak mengguna pakai lindung nilai aliran tunai pada akhir tahun kewangan.

(3) Lindung nilai pelaburan bersih dalam operasi asing

Lindung nilai pelaburan bersih dalam operasi asing dikira sama dengan lindung nilai aliran tunai. Sebarang keuntungan atau kerugian ke atas instrumen lindung nilai yang berkaitan dengan bahagian lindung nilai yang efektif akan diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain. Untung atau rugi berkaitan bahagian tidak efektif akan diiktiraf segera dalam penyata pendapatan.

Mengenai penjualan operasi asing, nilai sebarang untung atau rugi terkumpul yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain akan dipindahkan ke penyata pendapatan.

Kumpulan dan Bank tidak mengguna pakai lindung nilai pelaburan bersih dalam operasi asing pada akhir tahun kewangan semasa.

(viii) Derivatif terbenam

Derivatif yang disertakan dengan instrumen kewangan lain dianggap sebagai derivatif berasingan dan direkodkan pada nilai saksama jika ciri ekonomi mereka serta risiko tidak berkait rapat dengan kontrak utama (host contract) dan kontrak utama tidak digunakan untuk urus niaga atau ditentukan pada nilai saksama melalui untung atau rugi. Derivatif terbenam itu diasingkan daripada kontrak utama, diukur pada nilai saksama dalam portfolio urus niaga dengan perubahan nilai saksama diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(ix) Aset kewangan dan liabiliti kewangan lain: Perjanjian belian balik

Sekuriti yang dibeli di bawah perjanjian jualan balik adalah sekuriti yang mana Kumpulan dan Bank telah membelinya dengan komitmen untuk menjual balik pada masa hadapan. Komitmen untuk menjual balik sekuriti itu diambil kira sebagai aset dalam penyata kedudukan kewangan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.3 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(ix) Aset kewangan dan liabiliti kewangan lain: Perjanjian belian balik (samb.)

Sebaliknya, kewajipan terhadap sekuriti yang dijual di bawah perjanjian belian balik adalah sekuriti yang mana Kumpulan dan Bank telah menjualkannya daripada portfolionya dengan komitmen untuk membeli balik pada masa hadapan. Transaksi kewangan sedemikian serta kewajipan berkaitan membeli balik sekuriti tersebut diambil kira sebagai liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan.

(x) Hartanah, loji dan peralatan dan susut nilai

Kesemua hartanah, loji dan peralatan pada asalnya direkodkan pada kos. Kos sesuatu item hartanah, loji dan peralatan diiktiraf sebagai aset jika, dan hanya jika, berkemungkinan memberi sumbangan ekonomi masa depan kepada Kumpulan dan kosnya boleh dikira secara tepat.

Selepas pengiktirafan, loji dan peralatan dan perabot serta pemasangan diukur pada kos setelah mengambil kira susut nilai terkumpul serta kerugian rosot nilai terkumpul. Apabila bahagian utama hartanah, loji dan peralatan perlu digantikan secara bersela, Kumpulan dan Bank mengiktiraf bahagian-bahagian itu sebagai aset individu dengan hayat kegunaan tertentu dan susut nilai. Begitu juga apabila pemeriksaan utama dijalankan, kosnya diiktiraf dalam nilai bawaan loji dan peralatan sebagai gantian jika kriteria pengiktirafan dipenuhi. Semua kos pembaikan dan penyenggaraan lain diiktiraf dalam untung atau rugi seperti yang dikenakan.

Tanah pegangan bebas mempunyai tempoh kegunaan yang tidak terbatas dan dengan itu tidak disusut nilai. Bangunan dalam proses pembinaan juga tidak mengalami susut nilai kerana ia belum sedia untuk digunakan.

Tanah pegangan pajakan disusut nilai sepanjang tempoh pajakan antara 35 hingga 999 tahun. Baki tempoh pajakan adalah antara 5 hingga 905 tahun. Susut nilai untuk lain-lain hartanah, loji dan peralatan lain dikira dengan menggunakan kaedah sama rata sepanjang tempoh kegunaan jangkaan harta tersebut pada kadar tahunan seperti berikut:

Bangunan di atas tanah milik bebas	50 tahun
Bangunan di atas tanah pegangan pajakan	50 tahun atau baki tempoh pajakan yang mana lebih awal
Perabot, kelengkapan, peralatan dan ubahsuai pejabat	10% - 25%
Komputer dan perkakasan	14% - 25%
Peralatan elektrik dan keselamatan	8% - 25%
Kenderaan	20% - 25%

Nilai bawaan hartanah, loji dan peralatan disemak untuk rosot nilai apabila kejadian atau perubahan dalam keadaan menunjukkan nilai bawaan tidak dapat diperoleh semula.

Kaedah baki nilai, hayat kegunaan dan susut nilai akan disemak pada setiap akhir tahun kewangan dan diselaraskan sebagaimana patut.

Hartanah, loji dan peralatan dinyah iktiraf apabila dijual atau apabila tiada sumbangan ekonomi masa depan diperoleh daripada penggunaan atau penjualannya. Perbezaan di antara hasil jualan bersih, jika ada, dan jumlah bawaan bersih diiktiraf dalam untung atau rugi.

(xi) Hartanah pelaburan

Hartanah pelaburan adalah hartanah yang dipegang sama ada untuk mendapatkan pendapatan sewaan atau peningkatan modal atau kedua-duanya sekali. Hartanah itu pada asalnya diukur pada kos termasuk kos transaksi. Berikutan dengan pengiktirafan awal, hartanah pelaburan dinyatakan pada nilai saksama yang menggambarkan keadaan pasaran pada tarikh laporan. Nilai saksama diperoleh dengan membuat rujukan harga transaksi bagi hartanah yang serupa dalam pasaran dan penilaian dijalankan oleh penilai bebas berdaftar yang berpengalaman tentang lokasi dan kategori hartanah yang dinilai.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.3 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(xi) Hartanah pelaburan (samb.)

Keuntungan atau kerugian daripada perubahan nilai saksama hartanah pelaburan diiktiraf dalam untung atau rugi pada tahun yang berkaitan.

Kepentingan hartanah yang dipegang di bawah pajakan operasi dikelaskan dan dianggap sebagai hartanah pelaburan pada asas hartanah apabila Kumpulan memegangnya untuk pungutan sewa atau peningkatan modal atau kedua-duanya sekali. Sebarang kepentingan hartanah seumpama itu dikelaskan sebagai hartanah pelaburan yang dikira pada nilai saksama.

Hartanah pelaburan dinyah iktiraf apabila dijual atau apabila tiada sumbangan ekonomi masa depan diperoleh daripada penggunaan atau penjualannya. Perbezaan di antara hasil jualan bersih dan jumlah bawaan diiktiraf dalam untung atau rugi bagi tempoh dinyah iktiraf.

Pemindahan akan dibuat ke atas hartanah pelaburan hanya apabila terdapat perubahan dalam kegunaannya. Untuk pemindahan daripada hartanah pelaburan kepada hartanah yang diduduki pemilik, kos yang dianggar untuk perakaunan berikutnya adalah nilai saksama pada tarikh perubahan guna harta.

Untuk pemindahan daripada hartanah yang diduduki pemilik kepada hartanah pelaburan, hartanah berkenaan dikira mengikut dasar perakaunan untuk hartanah, loji dan peralatan yang disediakan dalam Nota 2.3(x) sehingga tarikh perubahan guna harta. Sebarang perbezaan yang timbul pada tarikh perubahan guna harta antara jumlah bawaan sebelum sahaja berlaku perubahan dan nilai saksama diiktiraf secara terus dalam ekuiti sebagai rizab penilaian. Apabila keuntungan nilai saksama membalikkan kerugian rosot nilai sebelumnya, keuntungan ini diiktiraf dalam untung atau rugi. Pada pelupusan hartanah pelaburan sedemikian, sebarang lebihan dahulunya direkodkan dalam ekuiti dipindahkan kepada keuntungan terkumpul; pemindahan tidak dibuat melalui untung atau rugi.

Hartanah pelaburan dalam pembinaan (IPUC) diukur pada nilai saksama (apabila nilai saksama ditentukan dengan pastinya).

IPUC yang tidak boleh ditentukan nilainya mengikut kewajaran, diukur mengikut kos yang ditolak rosot nilai.

Nilai saksama bagi IPUC ditentukan pada akhir tempoh pelaporan berdasarkan pendapat jurunilai bebas yang diiktiraf dan penilaian dilakukan sama ada menerusi pendekatan residual atau pendekatan aliran tunai selepas diskaun, yang mana didapati bersesuaian oleh jurunilai. Setiap IPUC dinilai secara berasingan.

Anggaran nilai aset masa hadapan adalah berdasarkan kepada jangkaan pendapatan masa hadapan daripada projek berkaitan, iaitu menggunakan risiko hasil terselaras yang lebih tinggi daripada hasil semasa bagi hartanah siap yang hampir sama. Baki kos pembinaan dicampur dengan margin akan ditolak daripada anggaran nilai aset masa hadapan.

(xii) Aset-aset lain

Aset-aset lain ditentukan berdasarkan nilai yang boleh diperoleh. Hutang lapuk dihapus kira apabila dikenal pasti. Anggaran dibuat untuk hutang ragu berdasarkan kajian ke atas kesemua baki tertunggak pada tarikh laporan.

Turut termasuk dalam aset-aset lain adalah emas dalam bentuk fizikal yang dipegang oleh Bank hasil daripada kegiatan broker-peniaga. Kesemua ini dikira pada nilai saksama ditolak kos jualan. Perubahan dalam nilai saksama ditolak kos jualan direkodkan dalam pendapatan bukan faedah.

(xiii) Hartanah pembangunan untuk dijual

Hartanah pembangunan merupakan hartanah yang dipegang dengan tujuan untuk pembangunan dan penjualan dalam perjalanan perniagaan biasa.

Hartanah pembangunan yang tidak dijual dikira pada nilai yang lebih rendah di antara kos dan nilai perolehan bersih. Nilai perolehan bersih adalah anggaran harga jualan dalam perjalanan perniagaan yang biasa ditolak kos untuk menyelesaikan pembangunan dan perbelanjaan jualan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.3 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(xiii) Hartanah pembangunan untuk dijual (samb.)

Kos hartanah yang dibangunkan merangkumi, khususnya, kos dikenal pasti termasuk kos pemilikan, perbelanjaan pembangunan, kos pinjaman dan lain-lain perbelanjaan berkaitan. Kos pinjaman dibayar atas pembiayaan pembangunan hartanah juga dimodalkan mengikut pengenalan khusus, sebagai sebahagian daripada kos hartanah pembangunan sehingga pembangunan selesai.

Hasil daripada jualan hartanah pembangunan diiktiraf semasa pemindahan risiko dan ganjaran pemilikan.

Kumpulan menggunakan kaedah penyelesaian kontrak untuk mengiktiraf hasil daripada jualan hartanah pembangunan.

(xiv) Hartanah penyelesaian

Hartanah penyelesaian merupakan hartanah yang dimiliki secara penuh atau sebahagian sebagai penyelesaian hutang dan dinyatakan pada nilai yang lebih rendah di antara kos dan nilai saksama.

(xv) Tunai dan kesetaraan tunai

Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan kesetaraan tunai termasuk wang tunai dan dana jangka pendek dan deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan dengan baki tempoh kematangan kurang dari sebulan.

(xvi) Rosot nilai aset bukan kewangan

Jumlah bawaan aset bukan kewangan dikaji pada setiap tarikh laporan untuk memastikan sama ada terdapat tanda-tanda rosot nilai. Sekiranya tanda-tanda itu wujud, atau apabila uji rosot nilai tahunan bagi aset diperlukan, Kumpulan dan Bank menganggarkan jumlah boleh dipulihkan. Jumlah aset yang boleh dipulihkan merupakan nilai saksama ditolak kos jualan atau nilai kegunaannya, yang mana lebih tinggi bagi sesuatu aset atau unit penyata tunai ("CGU"). Sekiranya jumlah aset atau CGU melebihi jumlah yang boleh dipulihkan, aset dianggap sebagai rosot nilai dan diturunkan nilainya kepada jumlah yang boleh dipulihkan.

Dalam membuat penilaian tentang nilai kegunaan, anggaran aliran tunai masa depan didiskaunkan kepada nilai semasa menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang mencerminkan penilaian pasaran semasa nilai masa wang dan risiko yang khusus kepada aset. Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos jualan, transaksi pasaran semasa diambil kira. Sekiranya tiada transaksi seumpama itu boleh dikenal pasti, model penilaian yang bersesuaian digunakan. Pengiraan ini disokong oleh penilaian berganda, sebut harga saham bagi syarikat yang tersenarai di bursa saham atau petunjuk nilai saksama lain yang ada.

Bagi aset selain muhibah, penilaian dibuat pada setiap tarikh pelaporan, sama ada terdapat tanda-tanda kerugian rosot nilai diiktiraf sebelumnya tidak lagi wujud atau mungkin berkurangan. Sekiranya wujud, Kumpulan dan Bank menganggarkan jumlah yang boleh dipulihkan bagi aset atau CGU tersebut. Kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan hanya apabila terdapat perubahan anggapan yang digunakan untuk menentukan jumlah aset yang boleh dipulihkan sejak kerugian rosot nilai terakhir diiktiraf. Kembalikan itu adalah terhad supaya jumlah bawaan aset tidak mengatasi jumlah yang boleh dipulihkan, tidak juga melebihi jumlah bawaan yang ditentukan setelah ditolak susut nilai, seandainya tiada kerugian rosot nilai diiktiraf bagi aset dalam tahun sebelumnya. Balikkan seperti itu diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(xvii) Peruntukan untuk liabiliti

Peruntukan untuk liabiliti diiktiraf apabila Kumpulan dan Bank mempunyai kewajipan semasa yang perlu ditunaikan (perundangan atau konstruktif) hasil daripada peristiwa lalu dan ini memungkinkan pengeluaran sumber diperlukan untuk menunaikan kewajipan itu dan jumlah anggaran yang munasabah boleh dibuat.

Peruntukan itu dinilai pada setiap tarikh laporan dan diselaraskan untuk menunjukkan anggaran semasa yang terbaik. Sekiranya ia melibatkan nilai masa wang yang ketara, jumlah peruntukan mewakili nilai perbelanjaan kini yang dijangka diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan itu.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.3 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(xviii) Jaminan kewangan

Dalam keadaan perniagaan yang biasa, Bank memberi jaminan kewangan, mengandungi surat kredit, jaminan dan penerimaan.

Jaminan kewangan ialah kontrak yang memerlukan Bank membuat pembayaran tertentu kepada pemegangnya bagi kerugian yang berlaku kerana pihak yang tertentu gagal untuk memenuhi kewajipan mengikut terma-terma kontrak.

Jaminan kewangan pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama, iaitu premium yang diterima ketika penerbitan dibuat. Premium yang diterima kemudiannya dilunaskan mengikut tempoh hayat jaminan kewangan itu. Liabiliti jaminan itu (jumlah nosional) kemudiannya diiktiraf lebih tinggi daripada jumlah yang dilunaskan ini dan nilai semasa bayaran yang dijangkakan, (yang mana lebih tinggi apabila pembayaran di bawah jaminan menjadi berkemungkinan) Premium yang tidak dilunaskan diterima atas jaminan-jaminan kewangan tersebut termasuk dalam liabiliti-liabiliti lain.

(xix) Rizab Kesetaraan Keuntungan ("PER")

PER adalah jumlah yang diraih daripada jumlah pendapatan kasar bagi mengekalkan tahap tertentu pulangan kepada pendeposit sejajar dengan "Rangka Kerja Kadar Pulangan BNM" (BNM/GP2-i) yang diterbitkan oleh BNM. PER diraih dan dimasukkan balik ke dalam jumlah pendapatan kasar untuk memperoleh pendapatan kasar boleh diagih bersih. Jumlah yang diraih dikongsi oleh pendeposit-pendeposit dan Kumpulan. PER dipotong pada kadar yang tidak melebihi jumlah maksimum 15% daripada pendapatan kasar bulanan, pendapatan perniagaan bersih bulanan, pendapatan lain dan pendapatan luar biasa. PER dikekalkan sehingga tahap maksimum 30% daripada jumlah modal perbankan Islam.

Dengan penerbitan Garis Panduan Semakan PER oleh BNM pada bulan Mei 2011, PER diambil kira seperti berikut:

(a) Kewujudan PER telah membentuk satu kewajipan untuk mengurus pengagihan kepada Para Pemegang Akaun Pelaburan ("IAH") daripada perspektif Syariah. PER daripada IAH dikelaskan sebagai liabiliti dan diiktiraf pada kos. Pembahagian untung berikutnya kepada IAH diiktiraf dalam penyata kewangan. Pengagihan PER sebagai keuntungan boleh diagihkan kepada IAH akan dikira sebagai aliran keluar dana untuk penyelesaian kewajipan terhadap IAH; dan

(b) PER bagi Institusi Perbankan Islam ("SPI") diperuntukkan daripada keuntungan terkumpul dan tergolong sebagai rizab dalam ekuiti dan tidak boleh diagihkan. Berikutan pembahagian daripada atau pengagihan kepada keuntungan terkumpul dikira sebagai pindahan antara rizab.

(xx) Matawang asing

(a) Matawang fungsi dan pembentangan

Penyata kewangan setiap entiti individu dalam Kumpulan diukur menggunakan matawang persekitaran ekonomi yang utama di mana entiti tersebut beroperasi ("matawang fungsi"). Penyata kewangan yang disatukan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang juga merupakan matawang fungsi utama bagi Bank.

(b) Transaksi matawang asing

Transaksi dalam matawang asing dikira bersamaan dengan matawang fungsi masing-masing bagi Bank dan syarikat-syarikat subsidiari dan direkodkan pada pengiktirafan asal matawang fungsi tersebut berdasarkan anggaran kadar tukaran pada tarikh urus niaga tersebut dilaksanakan.

Aset kewangan dan liabiliti dalam matawang asing dikira pada kadar tukaran yang berkuat kuasa pada tarikh laporan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.3 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(xx) Matawang asing (samb.)

(b) Transaksi matawang asing (samb.)

Item-item bukan monetari dengan denominasi matawang asing yang dinilai pada kos sejarah diterjemahkan menggunakan kadar tukaran pada tarikh transaksi asal dibuat. Item-item bukan monetari dengan denominasi matawang asing yang dinilai pada nilai saksama diterjemahkan menggunakan kadar tukaran pada tarikh nilai saksama tersebut ditentukan.

Perbezaan tukaran yang terhasil daripada penyelesaian item monetari atau dalam terjemahan item monetari pada tarikh laporan diiktiraf dalam penyata pendapatan kecuali untuk perbezaan tukaran yang terhasil daripada item monetari yang membentuk pelaburan bersih Kumpulan dalam operasi asingnya yang telah diiktiraf pada asalnya dalam pendapatan komprehensif lain yang disatukan di bawah rizab terjemahan matawang asing dalam bentuk ekuiti.

Perbezaan tukaran yang terhasil daripada terjemahan item bukan monetari yang dibawa pada nilai yang saksama dimasukkan dalam penyata pendapatan bagi tahun tersebut kecuali bagi perbezaan yang timbul daripada terjemahan perkara bukan kewangan di mana keuntungan dan kerugian diiktiraf terus dalam ekuiti.

(c) Operasi asing

Hasil dan kedudukan kewangan operasi asing yang mempunyai matawang fungsi yang berbeza berbanding matawang yang dibentangkan (RM) dalam penyata kewangan disatukan telah ditukar kira dalam RM seperti berikut:

- Aset dan liabiliti bagi setiap operasi asing ditukar kira pada kadar penutup yang menjadi kelaziman pada tarikh laporan;
- Pendapatan dan perbelanjaan bagi setiap penyata pendapatan ditukar kira pada kadar purata tukaran bagi tahun tersebut yang menyamai anggaran kadar tukaran pada tarikh transaksi; dan
- Kesemua perbezaan tukaran yang terhasil akan dimasukkan terus ke dalam pendapatan komprehensif lain menerusi rizab terjemahan matawang asing.

Apabila berlaku pelupusan operasi asing, jumlah terkumpul perbezaan tukaran yang dikenal pasti dalam pendapatan komprehensif lain dan digabungkan dalam ekuiti, dikelaskan semula daripada ekuiti kepada penyata pendapatan (sebagai pelarasan pengelasan semula) apabila keuntungan dan kerugian pelupusan diiktiraf.

Apabila berlaku pelupusan sebahagian daripada sebuah subsidiari yang melibatkan operasi asing, Kumpulan akan merujuk semula bahagian perkongsian pada kadar yang sama untuk jumlah kumulatif bagi perbezaan tukaran yang telah dikenal pasti dalam pendapatan komprehensif lain kepada kepentingan tidak dikawal dalam operasi asing tersebut. Dalam pelupusan sebahagian operasi asing lain, Kumpulan akan mengelaskan semula kepada penyata pendapatan hanya bahagian perkongsian pada kadar yang sama bagi jumlah kumulatif bagi perbezaan tukaran yang dikenal pasti dalam pendapatan komprehensif lain.

Penyelarasan muhibah dan nilai saksama yang terbentuk daripada pemilikan operasi asing sebelum 1 Januari 2006 dikira sebagai aset dan liabiliti kepada entiti induk dan direkodkan dalam RM pada tarikh pemerolehan itu.

Penyelarasan muhibah dan nilai saksama yang terbentuk daripada pemilikan operasi subsidiari asing sebelum 1 Januari 2006 dikira sebagai aset dan liabiliti kepada syarikat operasi asing dan direkodkan dalam matawang fungsi operasi asing itu dan diterjemahkan pada kadar penutup tarikh pelaporan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.3 RINGKASAN BAGI DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(xxi) Cukai pendapatan dan zakat

(a) Cukai pendapatan

Cukai pendapatan di dalam untung atau rugi untuk tahun tersebut merangkumi cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa adalah jumlah anggaran cukai pendapatan yang perlu dibayar ke atas keuntungan boleh cukai bagi tahun semasa dan dikira menggunakan kadar cukai yang dikuatkuasakan pada tarikh laporan.

Cukai tertunda diperuntukkan dengan menggunakan kaedah liabiliti. Secara prinsipnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi kesemua perbezaan sementara boleh ditolak, dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi kesemua perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai belum digunakan sehingga ke tahap di mana perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai belum digunakan boleh digunakan. Cukai tertunda tidak akan diiktiraf jika perbezaan sementara wujud daripada muhibah atau muhibah negatif atau daripada pengiktirafan asal sesuatu aset atau liabiliti dalam transaksi yang bukan gabungan perniagaan dan pada masa transaksi tersebut, tidak menjejaskan keuntungan perakaunan ataupun keuntungan boleh cukai.

Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dijangka diguna pakai dalam tempoh tersebut apabila aset itu dizahirkan atau liabiliti itu diselesaikan berdasarkan kadar cukai yang dikuatkuasakan ataupun telah dikuatkuasakan sebahagian besarnya pada tarikh laporan. Cukai tertunda diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan dan dimasukkan dalam untung atau rugi bagi tempoh berkenaan, kecuali jika terhasil daripada transaksi yang diiktiraf terus dalam ekuiti, di mana dalam hal sedemikian, cukai tertunda juga diiktiraf terus dalam ekuiti, atau apabila ia terhasil daripada gabungan perniagaan yang merupakan satu pemilikan di mana cukai tertunda akan dimasukkan dalam muhibah atau jumlah lebihan kepentingan pembeli mengikut nilai saksama bersih aset pembeli yang dikenal pasti, liabiliti dan liabiliti luar jangka ke atas kos gabungan perniagaan tadi.

(b) Zakat

Ia mewakili zakat perniagaan dibayar oleh Kumpulan selaras dengan prinsip Syariah dan seperti yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Kumpulan.

(xxii) Pajakan

(a) Pengelasan

Pajakan diiktiraf sebagai pajakan kewangan sekiranya ia memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran berkaitan dengan pegangan hak milik kepada Kumpulan. Pajakan tanah dan bangunan dikelaskan sebagai pajakan operasi atau kewangan seperti mana pajakan terhadap aset-aset lain serta elemen tanah dan bangunan ke atas sebuah pajakan bagi tanah dan bangunan telah diambil kira secara berasingan bagi tujuan pengelasan pajakan. Pajakan yang tidak memindahkan sejumlah besar risiko dan ganjaran dikelaskan sebagai pajakan operasi kecuali berikut:

- Hartanah dipegang di bawah pajakan operasi melainkan ia memenuhi definisi hartanah pelaburan, dikelaskan sebagai hartanah pelaburan berasaskan setiap hartanah dan, sekiranya dikelaskan sebagai hartanah pelaburan, maka ia diambil kira di bawah pajakan kewangan; dan
- Tanah bagi kegunaan sendiri di bawah pajakan operasi, nilai saksama yang tidak boleh diukur secara berasingan daripada nilai saksama bangunan yang ada pada permulaan pajakan, dan diambil kira sebagai pajakan kewangan, melainkan bangunan itu ternyata dipegang di bawah pajakan operasi.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.3 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(xxii) Pajakan (samb.)

(b) Pajakan kewangan - Kumpulan sebagai pemajak

Aset-aset yang dimiliki secara sewa beli atau pajakan kewangan dinyatakan pada jumlah setara kepada nilai saksama terendah dan nilai minimum semasa bayaran pajakan pada awal pemajakan ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai. Liabiliti berkaitan dimasukkan sebagai pinjaman dalam penyata kewangan. Dalam mengira nilai semasa pembayaran minimum pajakan, faktor diskaun yang digunakan adalah kadar faedah yang dikenakan dalam pajakan, apabila didapati praktikal untuk ditentukan; jika tidak kadar pinjaman tokokan Bank digunakan. Kos langsung awal juga ditambah ke dalam jumlah bawaan aset berkenaan.

Bayaran pajakan dibahagikan antara kos kewangan dan pengurangan baki liabiliti. Kos kewangan yang mewakili perbezaan antara jumlah komitmen pajakan dan nilai saksama aset-aset yang dibeli, diiktiraf dalam untung atau rugi pada tempoh pajakan untuk menghasilkan tempoh berkala kadar caj yang tetap terhadap baki yang diwajibkan bagi setiap tempoh perakaunan.

Polisi penyusutan pajakan aset-aset adalah berdasarkan pada susut nilai hartanah, loji dan peralatan seperti mana dijelaskan dalam Nota 2.3(x).

(c) Pajakan operasi - Kumpulan sebagai pemajak

Bayaran pajakan operasi diiktiraf sebagai satu perbelanjaan di atas asas garis lurus terhadap tempoh pajakan yang berkenaan. Agregat faedah insentif yang disediakan oleh pemberi pajakan diiktiraf sebagai pengurangan perbelanjaan sewa ke atas tempoh pajakan pada asas garis lurus.

Dalam kes pajakan tanah dan bangunan, bayaran pajakan minimum atau bayaran pendahuluan yang dibuat diperuntukkan apabila perlu, antara elemen tanah dan bangunan selari dengan nilai saksama relatif bagi faedah pegangan pajakan dalam elemen tanah dan bangunan pajakan tersebut semasa permulaan pajakan. Bayaran pendahuluan mewakili bayaran pajakan prabayar dan dilunaskan pada asas garis lurus dalam tempoh pajakan.

(d) Pajakan operasi - Kumpulan sebagai pemberi pajak

Aset-aset yang diberi pajak di bawah pajakan operasi dilaporkan ke dalam penyata kedudukan kewangan mengikut keadaan semulajadi aset-aset berkenaan. Pendapatan sewa daripada pajakan operasi diiktiraf pada asas garis lurus dalam tempoh pajakan. Kos langsung awal yang ditanggung ketika perundingan dan penyediaan pajakan operasi ditambah kepada jumlah bawaan aset yang dipajak dan diiktiraf pada asas garis lurus dalam tempoh pajakan.

(xxiii) Insurans

(a) Dana insuran hayat

Dana hayat terdiri daripada liabiliti jangka panjang kepada pemegang polisi yang ditentukan oleh penilaian aktuari tahunan serta lebihan terkumpul. Lebihan ini dipindahkan kepada pemegang dana dan diiktiraf dalam penyata pendapatan seperti yang ditentukan oleh Aktuari yang dilantik seperti mana ditetapkan oleh Akta Insurans, 1996 di Malaysia.

(b) Dana takaful

Dana takaful Kumpulan beroperasi di bawah model Mudharabah dan Wakalah dan dikekalkan berpandukan syarat-syarat Akta Takaful 1984 dan mematuhi prinsip Syariah.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.3 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(xxiii) Insurans (samb.)

(c) Liabiliti premium/sumbangan, rizab premium/sumbangan tanpa perolehan dan rizab risiko tidak tamat tempoh

(1) Liabiliti premium/sumbangan

Liabiliti premium/sumbangan mewakili tanggungan masa depan kontrak insurans/takaful berkaitan penerimaan premium/sumbangan terhadap risiko yang belum tamat tempoh. Pergerakan liabiliti premium/sumbangan dilepaskan berdasarkan terma kontrak insurans/takaful dan diiktiraf sebagai pendapatan premium/sumbangan.

Liabiliti premium insurans am dilaporkan pada agregat lebih tinggi di antara agregat Rizab Premium Tanpa Perolehan untuk semua barisan perniagaan atau nilai anggaran terbaik bagi insurans semula Risiko Tidak Tamat Tempoh ("URR") pada akhir tahun kewangan dan peruntukan margin risiko bagi sisihan negatif ("PRAD") yang dikira pada paras dana keseluruhan URR ditetapkan pada tahap lebih 75% daripada paras yang mencukupi.

Liabiliti sumbangan bagi perniagaan takaful dilaporkan pada agregat lebih tinggi di antara Rizab Sumbangan Tanpa Perolehan ("UCR") untuk semua barisan perniagaan atau jumlah Rizab Tidak Tamat Tempoh bagi dana takaful am di atas 75% Paras Keyakinan pada akhir tahun kewangan.

(2) Rizab premium tanpa perolehan ("UPR") dan rizab sumbangan belum diperoleh ("UCR")

UPR/UCR mewakili sebahagian pendapatan premium/sumbangan bersih dari polisi insurans/sijil takaful bertulis yang berkaitan dengan tempoh belum tamat bagi polisi/sijil pada akhir tahun kewangan. Dalam menentukan UPR/UCR pada tarikh laporan, kaedah paling tepat menggambarkan premium/sumbangan belum diperoleh sebenar adalah seperti berikut:

- kaedah 25% untuk kargo marin, kargo penerbangan dan perniagaan transit;
- kaedah 1/24 untuk kelas lain polisi perniagaan insurans am Malaysia dan kaedah 1/365 untuk semua kelas lain perniagaan takaful am, dikurangkan oleh peratusan berkenaan bagi komisen perniagaan langsung kasar berkaitan premium/sumbangan, yang tidak melebihi had ditentukan oleh Bank Negara Malaysia;
- Kaedah 1/8 untuk semua kelas perniagaan luar negara dengan pemotongan 20% untuk komisen;
- Kaedah diperoleh pada tempoh matang untuk perniagaan bon bertulis oleh dana takaful am; dan
- Dasar-dasar bukan tahunan dibahagikan mengikut kadar tempoh risiko selepas ditolak komisen, yang berkaitan dengan tempoh tidak tamat polisi pada akhir tahun kewangan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.3 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(xxiii) Insurans (samb.)

(c) Liabiliti premium/sumbangan, rizab premium/sumbangan tanpa perolehan dan rizab risiko tidak tamat tempoh (samb.)

(3) Rizab risiko tidak tamat tempoh ("URR")

URR adalah anggaran prospektif bagi pembayaran masa hadapan yang dijangka timbul daripada peristiwa masa depan diinsuranskan di bawah polisi/sijil yang berkuatkuasa pada tarikh pelaporan dan turut termasuk adalah peruntukan perbelanjaan meliputi overhed dan kos insurans/ takaful semula, yang dijangka dikenakan ketika tempoh belum tamat tempoh bagi menguruskan polisi/sijil berkaitan serta menyelesaikan tuntutan yang sewajarnya, dan pembayaran balik premium masa depan yang dijangkakan. URR dianggarkan dari penilaian aktuari yang dilakukan oleh aktuari berkelayakan.

(d) Dana takaful keluarga

Dana takaful keluarga terdiri daripada jumlah yang dianggap milik para peserta seperti yang ditentukan oleh penilaian aktuari tahunan dan lebihan terkumpul yang dianggap milik para peserta serta rizab AFS berkaitan pelaburan dana takaful keluarga. Sebarang defisit dana takaful keluarga akan sah diterima oleh dana pemegang saham melalui pinjaman amal atau Qardhul Hassan. Lebihan yang boleh diagihkan kepada para peserta dibuat selaras dengan syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan Jawatankuasa Syariah syarikat subsidiari takaful.

(e) Dana takaful am

Dana takaful am terdiri daripada Rizab Sumbangan Tanpa Perolehan, lebihan terkumpul boleh diagih kepada para peserta dan rizab AFS berkaitan dengan pelaburan dana Takaful am. Sebarang defisit dalam dana Takaful am akan sah diterima oleh dana pemegang saham melalui pinjaman amal atau Qardhul Hassan. Lebihan yang boleh diagihkan kepada para peserta dibuat selaras dengan syarat dan peraturan Jawatankuasa Syariah syarikat subsidiari takaful.

(f) Liabiliti tuntutan dan liabiliti kontrak insurans hayat/takaful keluarga

Untuk perniagaan insurans am dan takaful am, liabiliti bagi tuntutan tertunggak diiktiraf bagi kedua-dua insurans langsung dan insurans semula yang diterima. Jumlah tuntutan merupakan kos anggaran kesemua tuntutan yang berlaku tetapi belum diselesaikan pada tarikh pelaporan, sama ada dilaporkan atau sebaliknya bersama kos kendalian tuntutan berkaitan dan pemulihan lain. Liabiliti tuntutan mengandungi peruntukan tuntutan yang dilaporkan, liabiliti tuntutan yang berlaku tetapi tidak dilaporkan ("IBNR") dan peruntukan margin risiko bagi sisihan negatif ("PRAD") dikira melebihi 75% paras keyakinan penanggung insurans dan pengendali takaful pada paras dana keseluruhan. Liabiliti tuntutan ditentukan berdasarkan analisis yang dilakukan oleh aktuari berdasarkan yang berkelayakan, menggunakan teknik unjuran tuntutan aktuari, berdasarkan antaranya corak perkembangan tuntutan sebenar. Liabiliti ini tidak didiskaunkan untuk nilai masa wang.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.3 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(xxiii) Insurans (samb.)

(f) Liabiliti tuntutan dan liabiliti kontrak insurans hayat/takaful keluarga (samb.)

Liabiliti insurans hayat/takaful keluarga dinilai menggunakan satu prospektif penilaian aktuari berdasarkan jumlah nilai semasa faedah masa hadapan dan perbelanjaan ditolak pertukaran kasar masa depan yang timbul daripada polisi/sijil-sijil yang didiskaunkan pada kadar diskaun risiko yang bersesuaian. Kaedah ini dikenali sebagai kaedah penilaian premium/sumbangan kasar yang juga berdasarkan Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko BNM ("RBC").

Liabiliti sijil-sijil takaful keluarga diiktiraf apabila sijil-sijil telah dikuatkuasakan dan sumbangan dikenakan bayarannya. Liabiliti sijil takaful dinyahiktiraf apabila kontrak tamat, dilepaskan atau dibatalkan. Pada setiap tarikh pelaporan, penilaian dibuat sama ada liabiliti kontrak takaful keluarga yang diiktiraf adalah mencukupi berdasarkan ujian kecukupan liabiliti sedia ada.

(xxiv) Pengiktirafan faedah, pembiayaan dan pendapatan keuntungan dan perbelanjaan

Pendapatan faedah dan perbelanjaan untuk kesemua instrumen kewangan diukur pada kos pelunasan dan aset kewangan yang membawa faedah/keuntungan dikelaskan sebagai pelaburan kewangan tersedia untuk dijual, pelaburan kewangan dipegang-untuk-diurus niaga dan pelaburan kewangan ditetapkan pada nilai saksama melalui untung atau rugi akan diiktiraf dalam "pendapatan faedah" dan "perbelanjaan faedah" dalam penyata pendapatan menggunakan kaedah faedah efektif.

Kaedah faedah efektif adalah satu kaedah mengira kos pelunasan aset kewangan atau liabiliti kewangan dan atas peruntukan pendapatan faedah atau perbelanjaan faedah di sepanjang tempoh berkaitan. Kadar faedah efektif adalah kadar yang memberi diskaun jangkaan bayaran tunai masa depan dengan tepat atau penerimaan melalui jangkaan hayat instrumen kewangan atau apabila dalam keadaan sesuai, tempoh lebih singkat kepada jumlah bawaan bersih aset kewangan atau liabiliti kewangan. Apabila mengira kadar faedah efektif, Kumpulan dan Bank mengambil kira semua syarat berkontrak instrumen kewangan termasuk sebarang yuran atau kenaikan kos yang secara langsung diagihkan kepada instrumen itu dan menjadi bahagian penting kadar faedah efektif tetapi tidak mempertimbangkan kerugian kredit masa depan.

Sebaik sahaja nilai catatan satu atau sekumpulan aset kewangan yang serupa dikurangkan disebabkan oleh kerugian rosot nilai, pendapatan faedah terus diiktiraf menggunakan kadar faedah yang digunakan untuk mendiskaunkan aliran tunai masa depan bagi tujuan mengukur kerugian rosot nilai.

Pendapatan dan perbelanjaan daripada perniagaan perbankan Islam diiktiraf berasaskan asas akruan selaras dengan prinsip Syariah.

(xxv) Pengiktirafan yuran dan pendapatan lain

(a) Yuran dan pendapatan komisen

Bank memperolehi yuran dan pendapatan komisen daripada serangkaian luas perkhidmatan yang disediakan kepada para pelanggannya. Pendapatan yuran boleh dibahagikan kepada dua kategori berikut:

(1) Pendapatan yuran diperolehi daripada perkhidmatan yang disediakan untuk satu tempoh jangka masa tertentu

Yuran-yuran yang diperolehi bagi peruntukan perkhidmatan melalui satu tempoh jangka masa diakrukan sepanjang tempoh tersebut. Yuran-yuran tersebut termasuk pendapatan komisen dan pengurusan aset, penjagaan dan pengurusan-pengurusan lain dan yuran khidmat nasihat.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.3 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(xxv) Pengiktirafan yuran dan pendapatan lain (samb.)

(a) Yuran dan pendapatan komisen (samb.)

(1) Pendapatan yuran diperolehi daripada perkhidmatan yang disediakan untuk satu tempoh jangka masa tertentu (samb.)

Yuran komitmen pinjaman bagi pinjaman berkemungkinan besar akan dikeluarkan untuk penggunaannya dan yuran berkaitan kredit yang lain ditunda (bersama-sama sebarang kos tokokan) dan diiktiraf sebagai pelarasan kepada EIR pinjaman tersebut. Sekiranya terdapat kemungkinan pengeluaran itu tidak berlaku, yuran komitmen pinjaman akan diiktiraf sepanjang tempohnya pada kaedah sama rata.

(2) Yuran pendapatan daripada perkhidmatan urus niaga

Yuran-yuran yang terhasil daripada perundingan atau menyertai perundingan urus niaga dengan pihak ketiga seperti pembelian saham atau sekuriti-sekuriti lain atau pembelian atau penjualan perniagaan, akan diiktiraf apabila selesainya urus niaga tersebut. Yuran atau pun komponennya yang berkaitan dengan pencapaian tertentu diiktiraf selepas kriteria yang ditetapkan dipenuhi.

(b) Pendapatan dividen

Hasil diiktiraf apabila hak kepunyaan Kumpulan untuk menerima dividen wujud, biasanya selepas diluluskan oleh para pemegang saham.

(c) Pendapatan perdagangan bersih

Keputusan kewangan daripada aktiviti-aktiviti perdagangan meliputi kesemua keuntungan dan kerugian daripada perubahan nilai saksama dan pendapatan atau perbelanjaan berkaitan faedah, dan dividen aset kewangan serta liabiliti-liabiliti kewangan dipegang untuk diurus niaga. Ini termasuk sebarang ketidakberkesanan yang direkodkan dalam transaksi lindung nilai.

(d) Pendapatan perniagaan insurans

Premium/sumbangan dan perniagaan insurans/takaful am diiktiraf sebagai pendapatan dalam tahun kewangan berkaitan risiko yang dipikul dalam tahun kewangan tertentu selepas pengeluaran nota-nota debit. Premium/sumbangan berkaitan dengan risiko terubah yang mana nota-nota debit tidak diterbitkan pada tarikh pelaporan akan diakru pada tarikh tersebut. Perjanjian dalaman premium insurans semula sumbangan takaful semula diiktiraf pada asas nasihat berkala diterima daripada pengendali pengesid insurans/takaful. Premium insurans/sumbangan takaful semula yang disesuaikan secara dalaman diiktiraf dalam tahun kewangan berkaitan risiko yang disesuaikan dalam tahun kewangan tertentu seperti mana dalam kes dasar langsung berikutan tarikh terubah risiko individu.

Premium/sumbangan dari perniagaan insurans hayat/takaful keluarga diiktiraf sebaik sahaja jumlah premium/sumbangan boleh diukur dengan pasti. Premium/sumbangan awal diiktiraf daripada tarikh terubah dan premium/sumbangan kemudiannya diiktiraf pada tarikh matang. Pada akhir tahun kewangan, semua premium/sumbangan matang dikira sehingga tahap yang boleh diukur dengan pasti.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.3 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(xxv) Pengiktirafan yuran dan pendapatan lain (samb.)

(d) Pendapatan perniagaan insurans (samb.)

Premium insurans semula sumbangan takaful semula yang keluar diiktiraf dalam tahun kewangan yang sama dengan polisi/sijil asal kepada insurans/takaful semula berkaitan.

(e) Program kesetiaan pelanggan

Anugerah kredit di bawah program kesetiaan pelanggan diambil kira sebagai komponen yang dikenal pasti secara berasingan di dalam transaksi di mana kredit tersebut diberikan. Nilai saksama pembayaran yang diterima bagi jualan awal dibahagikan antara anugerah kredit dan komponen-komponen lain jualan. Pendapatan yang daripada program kesetiaan pelanggan diiktiraf dalam 'pendapatan operasi lain'.

(xxvi) Manfaat kakitangan

(a) Manfaat jangka pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan-sumbangan jaminan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun yang berkaitan diterima oleh kakitangan Bank dan Kumpulan. Pampasan bagi ketidakhadiran terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar akan diiktiraf apabila kakitangan telah berkhidmat sehingga bertambahnya hak kepada pampasan bagi ketidakhadiran pada masa depan. Pampasan bagi ketidakhadiran tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit adalah diiktiraf apabila berlakunya ketidakhadiran.

(b) Penjelasan pelan sumbangan

Seperti yang diperuntukkan oleh undang-undang, syarikat-syarikat di Malaysia perlu membuat sumbangan kepada Kumpulan Simpanan Wang Pekerja ("KWSP"). Cawangan-cawangan bank asing dan syarikat-syarikat subsidiari membuat sumbangan kepada skim pencen berkanun di negara masing-masing. Sumbangan tersebut adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam penyata pendapatan.

(c) Pampasan berasaskan saham

(1) ESOS

Skim Opsyen Saham Pekerja-pekerja Kumpulan Maybank (ESOS) merupakan pelan pampasan berasaskan saham ekuiti yang membenarkan pengarah-pengarah dan kakitangan Kumpulan membeli saham Bank. Jumlah nilai saksama opsyen saham yang diberikan kepada kakitangan diiktiraf sebagai kos pekerja sepadan dengan meningkatnya rizab opsyen saham pada sepanjang tempoh letak hak dan mengambil kira kemungkinan opsyen memberikan hak kepada seseorang. Nilai saksama opsyen saham diukur pada tarikh pemindahan diberikan, selepas sekiranya ada, mengambil kira syarat-syarat untuk membuat peletakan hak di dalam pasaran sebelum ia diberikan tetapi tidak termasuk kesan syarat-syarat peletakan hak bukan pasaran. Syarat-syarat peletakan hak bukan pasaran termasuk anggaran mengenai bilangan opsyen yang boleh dilaksanakan pada tarikh peletakan hak.

Pada setiap tarikh pelaporan, Kumpulan menyemak semula anggaran bilangan opsyen yang dijangka bakal dilaksanakan pada tarikh peletakan hak. Ia mengiktiraf kesan daripada penyemakan anggaran awal jika ada, dalam penyata pendapatan serta sepadan dengan penyelarasan ekuiti bagi baki tempoh peletakan hak itu. Jumlah ekuiti adalah diiktiraf dalam rizab opsyen saham.

Hasil yang diterima, bersih daripada kos transaksi dikreditkan kepada modal saham apabila opsyen itu dilaksanakan. Rizab opsyen saham dipindahkan kepada pegangan pendapatan apabila opsyen saham berkenaan tamat tempoh.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.3 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(xxvi) Manfaat pekerja (samb.)

(c) Pampasan berasaskan saham (samb.)

(2) Unit saham terhad ("RSU")

Kakitangan pengurusan kanan Kumpulan layak untuk saham terhad berasaskan prestasi sebagai pertimbangan bagi perkhidmatan yang diberikan mereka. RSU ini boleh diselesaikan dengan cara terbitan dan pindahan Saham baru Maybank atau secara tunai di atas budi bicara mutlak Jawatankuasa ESS. Jumlah nilai sebenar RSU yang ditawarkan kepada kakitangan pengurusan kanan dikenal pasti sebagai kos kakitangan dengan peningkatan seiring dalam rizab di dalam ekuiti sepanjang tempoh penguatkuasaan dan mengambil kira kemungkinan bahawa RSU akan dikuatkuasakan. Nilai saksama RSU dikira pada tarikh penawaran, dengan mengambil kira, keadaan penguatkuasaan pasaran di mana RSU ditawarkan tetapi tidak termasuk kesan sebarang keadaan penguatkuasaan tidak berasaskan pasaran. Keadaan penguatkuasaan tidak berasaskan pasaran disertakan dalam andaian berhubung bilangan opsyen yang dijangka akan ditawarkan pada tarikh penguatkuasaan.

Pada setiap tarikh laporan, Kumpulan mengkaji semula ramalan jumlah RSU yang dijangka akan ditawarkan pada tarikh penguatkuasaan. Ia mengenal pasti kesan kajian semula atas ramalan, jika ada, dalam penyata pendapatan dan penyelarasan yang seiring atas ekuiti sepanjang tempoh penguatkuasaan. Jumlah ekuiti tersebut dikenal pasti dalam rizab opsyen saham (ESS).

(3) Skim Berasaskan Prestasi Dibayar Tunai ("CESS")

CESS terdiri daripada Skim Opsyen Berdasarkan Prestasi Dibayar Tunai ("CESOS") dan Skim Unit Saham Terhad Berasaskan Prestasi Dibayar Tunai ("CRSU") sebagai ganti ESOS dan RSU disediakan kepada kakitangan yang layak di cawangan luar negara dan syarikat subsidiari Bank, tertakluk kepada kriteria pencapaian prestasi yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dan amalan pasaran semasa di negara masing-masing.

Kos CESS diukur awalnya pada nilai saksama pada tarikh pemberian menggunakan model binomial, butiran lanjut diberikan dalam Nota 31(f). Nilai saksama ini dibelanjakan sepanjang tempoh sehingga tarikh penguatkuasaan dengan pengiktirafan liabiliti yang sepadan. Liabiliti tersebut diukur semula kepada nilai saksama pada setiap tarikh pelaporan sehingga dan termasuk tarikh penyelesaian, dengan perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam 'perbelanjaan kakitangan'.

(d) Penjelasan pelan manfaat pencen

Kumpulan mengendalikan pelan manfaat pencen tertentu. Kos menyediakan manfaat di bawah caruman pelan pencen ditentukan secara berasingan menggunakan kaedah penilaian anggaran aktuari unit kredit.

Keuntungan dan kerugian aktuari diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan apabila keuntungan dan kerugian bersih aktuari tidak diiktiraf terkumpul pada laporan akhir tahun sebelumnya melebihi 10% daripada yang lebih tinggi di antara tanggungan penjelasan manfaat dan nilai saksama aset pelan pada tarikh tersebut. Keuntungan atau kerugian diiktiraf sepanjang purata jangkaan baki perkhidmatan tahun pekerja yang layak.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.3 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(xxvi) Manfaat pekerja (samb.)

(d) Penjelasan pelan manfaat pencen (samb.)

Kos perkhidmatan lepas diiktiraf dengan serta-merta sebagai perbelanjaan, kecuali kos perkhidmatan bukan penguatkuasaan lalu yang dilunaskan dan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh penguatkuasaan.

(xxvii) Aset bukan-semasa dipegang untuk dijual dan operasi tidak diteruskan

Aset bukan semasa diklasifikasikan sebagai dipegang untuk dijual jika sekiranya jumlah bawaan dapat dipulihkan terutamanya dengan urus niaga jualan berbanding terus menggunakannya. Syaratnya dipenuhi hanya apabila terdapat kemungkinan besar berlaku jualan dan aset tersedia untuk jualan segera berdasarkan keadaan sedia ada, pengurusan telah dikomit untuk jualan, dan jualan dijangka akan diselesaikan dalam tempoh satu tahun daripada tarikh klasifikasi.

Sebaik sahaja sebelum diklasifikasikan sebagai dipegang untuk dijual, pengukuran aset bukan semasa dikemas kini mengikut MFRS yang diterima pakai. Kemudiannya, ketika dibuat klasifikasi awal sebagai dipegang untuk dijual, aset bukan semasa (selain hartanah pelaburan, aset cukai tertunda dan aset kewangan) diukur mengikut MFRS 5 *Non-current Assets Held-for sale and Discontinued Operations* pada yang mana lebih rendah di antara jumlah bawaan dan nilai saksama ditolak kos untuk dijual. Sebarang perbezaan dimasukkan dalam penyata pendapatan.

Komponen bank diklasifikasikan sebagai tidak diteruskan operasi apabila kriterianya sebagai dipegang untuk dijual dipenuhi atau telah dilupuskan dan komponen berkenaan mewakili barisan utama perniagaan yang berasingan atau kawasan geografi operasi, adalah sebahagian daripada satu barisan perniagaan utama kendalian tunggal atau kawasan geografi operasi atau subsidiari dibeli hanya untuk dijual semula.

(xxviii) Modal saham dan dividen yang diisytiharkan

Saham biasa diklasifikasikan sebagai ekuiti apabila tidak ada kewajipan diberi untuk memindahkan tunai ke atas aset kewangan lain. Kos transaksi yang boleh diagihkan secara langsung kepada terbitan saham ekuiti baru diambil daripada ekuiti sebagai potongan hasil perolehan.

Dividen yang diisytiharkan ke atas saham biasa diiktiraf sebagai liabiliti dan ditolak daripada ekuiti dalam tempoh yang mana semua kelulusan yang berkaitan telah diperoleh. Dividen diisytiharkan kepada ETF akan dihapuskan di peringkat Kumpulan dan Bank.

(xxix) Aset dan liabiliti luar jangka

Bila mana tidak diketahui sejauh mana aliran keluar manfaat ekonomi diperlukan atau jumlahnya tidak boleh diramalkan secara pasti, kewajipannya dinyatakan sebagai liabiliti luar jangka kecuali kebarangkalian berlaku aliran keluar manfaat ekonomi itu adalah tipis. Kewajipan itu yang mungkin berlaku dengan hanya dapat disahkan keberlakuan atau tidak keberlakuan satu daripada lebih peristiwa masa hadapan, juga dinyatakan sebagai liabiliti luar jangka melainkan kebarangkalian aliran keluar manfaat ekonomi adalah tipis.

Aset luar jangka mungkin juga timbul daripada kejadian lampau yang mana kewujudan hanya boleh disahkan oleh keberlakuan atau tidak keberlakuan satu atau lebih perkara pada masa depan yang berada di luar kawalan Kumpulan. Kumpulan tidak mengiktiraf aset-aset luar jangka tetapi menyatakan kewujudannya yang mana aliran masuk manfaat ekonomi adalah suatu kemungkinan, tetapi bukanlah kepastian yang nyata.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.3 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(xxx) Pendapatan sesaham

Pendapatan sesaham ("EPS") Kumpulan mewakili pendapatan sesaham asas dan dicairkan (yang mana perlu) bagi saham biasanya. EPS Asas dikira secara membahagikan keuntungan atau kerugian yang disumbangkan kepada pemegang saham biasa Bank menerusi angka purata wajaran atau jumlah saham biasa pada tempoh bersih saham perbendaharaan. EPS yang dicairkan ditentukan dengan menyelaraskan keuntungan atau kerugian yang disumbangkan kepada pemegang saham biasa dan jumlah purata wajaran menerusi jumlah saham biasa bagi semua saham biasa yang berpotensi untuk dicairkan. Tiada pelarasan diperlukan bagi saham biasa yang tidak boleh dicairkan.

(xxxi) Laporan segmen

Segmen operasi dilaporkan secara konsisten dengan laporan dalaman yang disediakan kepada ketua pembuat keputusan operasi. Ketua pembuat keputusan operasi ialah orang atau kumpulan yang memperuntukkan sumber-sumber dan menilai prestasi segmen-segmen sesuatu entiti. Kumpulan telah melantik Jawatankuasa Ketua Eksekutif sebagai ketua pembuat keputusan bagi operasinya.

Semua transaksi antara segmen-segmen perniagaan berjalan dengan pendapatan dan kos antara segmen dihapuskan di ibu pejabat. Pendapatan dan perbelanjaan yang berkaitan secara langsung dengan setiap segmen disertakan dalam menentukan prestasi segmen perniagaan.

2.4 PENERIMAAN KALI PERTAMA PIAWAIAN PELAPORAN KEWANGAN MALAYSIA ("MFRS") DAN PERUBAHAN DALAM DASAR PERAKAUNAN

Pada 1 Januari 2012, Kumpulan dan Bank telah menggunakan Rangka Kerja MFRS yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") yang memerlukan penyata kewangan Kumpulan dan Bank mematuhi sepenuhnya rangka kerja IFRS. Penyata kewangan Kumpulan dan Bank bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 adalah penyata kewangan pertama disediakan menurut MFRS dan IFRS termasuk penggunaan kali pertama MFRS 1 *First-time Adoption of Malaysian Financial Reporting Standards ("MFRS")*.

Bagi tempoh sehingga dan termasuk enam bulan yang berakhir pada 31 Disember 2011, Kumpulan dan Bank telah menyediakan penyata kewangan selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan ("FRS") di Malaysia seperti yang diubahsuai oleh Garis Panduan BNM.

Sejajar dengan itu, Kumpulan dan Bank telah menyediakan penyata kewangan yang mematuhi MFRS diterima pakai bagi tempoh berakhir pada atau selepas 31 Disember 2012, bersama maklumat tempoh perbandingan pada dan untuk tempoh berakhir 31 Disember 2011 seperti mana yang ditunjukkan dalam ringkasan dasar-dasar perakaunan penting.

Dalam menyediakan penyata kewangan ini, penyata kedudukan kewangan pembukaan Kumpulan dan Bank telah disediakan pada 1 Julai 2011, menandakan peralihan Kumpulan dan Bank kepada MFRS. Nota ini menjelaskan pelarasan utama yang dibuat oleh Kumpulan dan Bank dalam menyatakan semula penyata kedudukan kewangan pada 1 Julai 2011 dan penyata kewangan yang diterbitkan sebelumnya pada tempoh enam bulan berakhir 31 Disember 2011, kedua-duanya telah disediakan menurut FRS di Malaysia seperti mana yang diubahsuai oleh Garis Panduan BNM.

Peralihan daripada FRS di Malaysia seperti yang diubahsuai oleh Garis Panduan BNM kepada MFRS tidak mempunyai kesan nyata ke atas penyata aliran tunai.

Dasar-dasar perakaunan penting seperti mana dinyatakan dalam Nota 2.3 di atas adalah konsisten dengan apa yang dicatatkan sebelumnya bagi tempoh enam bulan berakhir pada 31 Disember 2011, kecuali bagi pengecualian yang terpilih, penggunaan garis panduan BNM yang dipinda supaya mematuhi MFRS dan perubahan-perubahan lain dalam dasar perakaunan seperti mana digariskan di bawah:

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.4 PENGGUNAAN PAKAI KALI PERTAMA PIAWAIAN PELAPORAN KEWANGAN MALAYSIA ("MFRS") DAN PERUBAHAN DALAM DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

(i) Pengecualian pilihan diterima pakai

MFRS 1 menawarkan pengecualian tertentu kepada pengguna kali pertama daripada pemakaian secara retrospektif keperluan tertentu di bawah MFRS. Kumpulan dan Bank telah menggunakan pengecualian-pengecualian berikut:

(a) Penetapan instrumen kewangan yang diiktiraf sebelumnya

MFRS 1 membenarkan penerima pakai kali pertama menetapkan instrumen kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi atau sebagai tersedia untuk dijual pada tarikh peralihan kepada MFRS.

Kumpulan dan Bank telah membuat pilihan untuk mendapat pengecualian dan menetapkan instrumen kewangan tertentu sebelumnya diklasifikasikan sebagai pelaburan kewangan dipegang hingga matang kepada pelaburan kewangan tersedia untuk dijual pada 1 Julai 2011.

Penetapan instrumen kewangan tersebut mengakibatkan Kumpulan dan Bank mengiktiraf perubahan nilai saksama terkumpul berkaitan di rizab pegangan belum diperoleh dalam pembukaan penyata kedudukan kewangan MFRS. Selain itu, MFRS memerlukan Kumpulan dan Bank memindahkan perubahan nilai saksama itu kepada untung atau rugi sekiranya berlaku peristiwa pelupusan atau rosot nilai selepasnya.

Kesan kewangan dan pilihan pengecualian berkenaan mempunyai kesan kewangan ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Bank termasuk Operasi Skim Perbankan Islam ("SPI") seperti mana dinyatakan dalam Nota 2.4 (vii).

(b) Penyatuan perniagaan

MFRS 1 membolehkan pengguna kali pertama tidak mengaplikasi MFRS 3 *Business Combinations* secara retrospektif kepada penyatuan perniagaan yang berlaku sebelum tarikh peralihan kepada MFRS.

(1) Penggunaan penyatuan perniagaan

Kumpulan dan Bank memilih untuk tidak menyatakan semula penyatuan perniagaan yang timbul daripada pengambilalihan syarikat subsidiari, yang dianggap perniagaan di bawah MFRS, atau kepentingan dalam syarikat bersekutu dan syarikat usaha sama yang berlaku sebelum 1 Julai 2011. Dalam menggunakan pengecualian ini:

- Pengelasan penyatuan perniagaan yang berlaku sebelum 1 Julai 2011 dikekalkan;
- Tiada pengukuran semula dilakukan berhubung dengan nilai saksama asal seperti sebelumnya ditentukan pada tarikh pemerolehan;
- Jumlah bawaan aset dan liabiliti yang diiktiraf sejajar dengan FRS di Malaysia seperti yang diubahsuai oleh Garis Panduan BNM, yang perlu diiktiraf di bawah MFRS, dianggap kos pada tarikh pengambilalihan. Selepas tarikh pengambilalihan, pengukuran adalah sejajar dengan MFRS. Aset dan liabiliti yang tidak layak untuk diiktirafkan di bawah MFRS dikecualikan daripada penyata kedudukan kewangan pembukaan MFRS. Kumpulan tidak mengiktiraf mana-mana jumlah baru atau mengecualikan mana-mana jumlah yang diiktiraf sebelumnya hasil daripada keperluan pengiktirafan MFRS; dan
- Jumlah bawaan muhibah yang diiktiraf di bawah FRS di Malaysia seperti yang diubahsuai oleh Garis Panduan BNM tidak diselaraskan.

Sejajar dengan MFRS 1, Kumpulan telah menguji muhibah untuk rosot nilai pada tarikh peralihan kepada MFRS. Tiada keperluan rosot nilai pada 1 Julai 2011.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.4 PENGGUNAAN PAKAI KALI PERTAMA PIAWAIAN PELAPORAN KEWANGAN MALAYSIA ("MFRS") DAN PERUBAHAN DALAM DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

(i) Pengecualian pilihan diterima pakai (samb.)

(b) Gabungan perniagaan (samb.)

(2) Pertukaran asing pada nilai saksama pelarasan dan muhibah

MFRS 1 memberi pengecualian daripada mengguna MFRS 121 *The Effects of Changes in Foreign Exchange Rates* secara retrospektif kepada pelarasan nilai saksama dan muhibah daripada penyatuan perniagaan yang berlaku sebelum tarikh peralihan kepada MFRS 1.

Kumpulan dan Bank tidak menggunakan MFRS 121 secara retrospektif terhadap pelarasan nilai saksama dan muhibah daripada penyatuan perniagaan yang berlaku sebelum tarikh peralihan kepada MFRS. Pelarasan nilai saksama dan muhibah tersebut dianggap sebagai aset dan tanggungan induk dan bukan sebagai aset dan liabiliti entiti yang diperoleh.

Oleh itu, aset-aset dan liabiliti yang sudah dinyatakan dalam matawang fungsi induk atau perkara bukan kewangan matawang asing dan tiada pertukaran perbezaan selanjutnya akan berlaku.

(c) Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari, entiti dikawal bersama dan syarikat-syarikat bersekutu

Dalam penyata kewangan berasingan, MFRS 1 membolehkan penggunaan kali pertama yang mengukur pelaburan dalam syarikat subsidiari, entiti dikawal bersama dan syarikat bersekutu pada kos, mengukur pelaburan seumpama itu pada kos (seperti yang ditentukan mengikut MFRS 127 *Consolidated dan Separate Financial Statements*) atau dianggap pada kos (pada nilai saksama atau jumlah bawaan dinyatakan selaras dengan FRS di Malaysia seperti yang diubah suai oleh Garis Panduan BNM) di dalam penyata kedudukan kewangan pembukaan MFRS yang berasingan.

Bank telah memilih untuk mengukur semua pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari dan bersekutu pada kos berdasarkan jumlah bawaan yang dinyatakan sejajar dengan FRS Malaysia seperti yang diubahsuai oleh Garis Panduan BNM dalam penyata kedudukan kewangan pembukaan MFRS yang berasingan.

(d) Pajakan

MFRS 1 membenarkan pengguna kali pertama menentukan sama ada pengaturan yang sedia ada pada tarikh peralihan kepada MFRS mengandungi pajakan berasaskan fakta dan keadaan yang wujud pada tarikh tersebut.

Jika pengguna kali pertama membuat penentuan sama ada pengaturan mengandungi pajakan selaras dengan FRS di Malaysia seperti yang diubahsuai oleh Garis Panduan BNM dan hasil penentuan adalah sama seperti yang diperlukan oleh IC Interpretation 4 *Determining Whether an Arrangement contains a Lease* dan MFRS 117 *Leases*, pengguna kali pertama boleh menggunakan penentuan itu apabila ia mengguna MFRS walaupun tarikh penentuan itu dilakukan adalah berbeza daripada apa yang diperlukan oleh IC Interpretation 4.

Kumpulan dan Bank menggunakan pengecualian yang dinyatakan di atas dan mengekalkan kesimpulan yang dicapai daripada taksiran sebelum ini di bawah FRS Malaysia seperti yang diubahsuai oleh Garis Panduan BNM bagi maklumat sedia ada dan pengaturan teknologi penyumberan luar yang berkaitan.

(e) Transaksi pembayaran berasaskan saham pengguna

Pengguna kali pertama adalah digalakkan, tetapi tidak semestinya untuk menggunakan MFRS 2 *Share-based Payment* bagi instrumen ekuiti yang diberikan pada atau sebelum 7 November 2002 dan instrumen ekuiti yang diberikan selepas 7 November 2002 dan penguatkuasaan sebelum 1 Julai 2011 iaitu tarikh peralihan kepada MFRS.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.4 PENGGUNAAN PAKAI KALI PERTAMA PIAWAIAN PELAPORAN KEWANGAN MALAYSIA ("MFRS") DAN PERUBAHAN DALAM DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

(i) Pengecualian pilihan diterima pakai (samb.)

(e) Pembayaran urus niaga berasaskan saham (samb.)

Kumpulan dan Bank telah memilih untuk tidak mengguna MFRS 2 bagi instrumen ekuiti dalam urus niaga bayaran berasaskan saham yang diberikan pada atau sebelum 7 November 2002, mahu pun selepas 7 November 2002 yang dikuatkuasakan sebelum 1 Julai 2011. Untuk transaksi pembayaran berasaskan saham yang dibayar secara, Kumpulan dan Bank telah memilih untuk tidak menggunakan MFRS 2 ke atas liabiliti yang diselesaikan sebelum 1 Julai 2011.

Pengecualian pilihan lain yang ada di bawah MFRS 1, yang tidak dibincangkan di sini, tidak relevan kepada Kumpulan dan Bank.

(ii) Pengecualian Mandatori

(a) Anggaran

Anggaran pada 1 Julai 2011 dan pada 31 Disember 2011 adalah konsisten dengan apa yang dibuat untuk tarikh yang sama menurut FRS di Malaysia seperti yang diubahsuai oleh Garis Panduan BNM. Anggaran yang digunakan oleh Kumpulan dan Bank untuk membentangkan jumlah ini mengikut MFRS mencerminkan syarat-syarat pada 1 Julai 2011, tarikh peralihan kepada MFRS dan 31 Disember 2011.

(b) Penyahiktirafan aset kewangan dan liabiliti kewangan

Pengguna kali pertama hendaklah menggunakan keperluan penyahiktirafan dalam MFRS 139 *Financial Instruments: Recognition* dan *Measurement* secara prospektif untuk transaksi yang berlaku pada atau selepas 1 Julai 2011, iaitu tarikh peralihan kepada MFRS. Walau bagaimanapun, sebuah entiti boleh menggunakan penyahiktirafan khusus dalam MFRS 139 mulai tarikh retrospektif yang dipilih oleh entiti, hanya jika syarat-syarat tertentu di bawah MFRS 139 dipenuhi.

Kumpulan dan Bank telah menggunakan keperluan penyahiktirafan dalam MFRS 139 *Financial Instruments: Recognition* dan *Measurement* secara prospektif untuk urus niaga yang berlaku pada atau selepas 1 Julai 2011.

(c) Perakaunan lindung nilai

Pengguna kali pertama tidak boleh menetapkan hubungan lindung nilai secara retrospektif untuk transaksi yang berlaku sebelum 1 Julai 2011, tarikh peralihan kepada MFRS. Sesuatu entiti hendaklah menggunakan perakaunan lindung nilai secara prospektif mulai 1 Julai 2011 kepada hubungan lindung nilai yang layak bagi perakaunan lindung nilai di bawah MFRS 139 pada tarikh tersebut.

Kumpulan dan Bank telah mematuhi keperluan untuk pengecualian di atas.

(d) Kepentingan tidak dikawal

Kepentingan tidak dikawal tidak seharusnya dinyatakan semula secara retrospektif kecuali entiti berkaitan memilih untuk menggunakan MFRS 3 *Business Combination* secara retrospektif kepada penyatuan perniagaan yang lepas.

Kumpulan dan Bank telah mematuhi keperluan untuk pengecualian di atas secara prospektif mulai 1 Julai 2011, tarikh peralihan kepada MFRS, seperti yang dipilih oleh Kumpulan dan Bank untuk menggunakan MFRS 3 secara prospektif, seperti yang dinyatakan dalam Nota 2.4(i)(b)(1).

(iii) Perubahan dalam pembentangan "Aset dana hayat, takaful am dan takaful keluarga", "Liabiliti dana hayat, takaful am dan takaful keluarga" dan "Dana pemegang polisi hayat, takaful am dan takaful keluarga" dalam penyata kedudukan kewangan yang disatukan

MFRS 127 memerlukan sebuah entiti menyediakan penyata kewangan yang disatukan untuk menggabungkan penyata kewangan induk dan syarikat subsidiari pada setiap baris dengan menambah bersama aset, liabiliti, ekuiti, pendapatan dan perbelanjaan yang serupa.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.4 PENGGUNAAN PAKAI KALI PERTAMA PIAWAIAN PELAPORAN KEWANGAN MALAYSIA ("MFRS") DAN PERUBAHAN DALAM DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

(iii) Perubahan dalam pembentangan "Aset dana hayat, takaful am dan takaful keluarga", "Liabiliti dana hayat, takaful am dan takaful keluarga" dan "Dana pemegang polisi hayat takaful am dan takaful keluarga" dalam penyata kedudukan kewangan yang disatukan (samb.)

Sebelum ini, Kumpulan telah membentangkan aset dan liabiliti dana hayat dan takaful di dalam penyata kedudukan kewangan yang disatukan, masing-masing pada asas agregat seperti "Aset dana hayat, takaful am dan takaful keluarga", "Liabiliti dana hayat, takaful am dan takaful keluarga" dan "Dana pemegang polisi hayat, takaful am dan takaful keluarga"

Dengan penerimaan Rangka Kerja MFRS, Kumpulan telah memutuskan untuk menukar pembentangan aset dan liabiliti yang membentuk sebahagian daripada dana hayat dan takaful di dalam penyata kedudukan kewangan yang disatukan pada 1 Julai 2011. Kesan perubahan dalam pembentangan adalah diperincikan seperti berikut:

(a) Penyingkiran barisan item iaitu "Aset dana hayat, takaful am dan takaful keluarga", "Liabiliti dana hayat, takaful am dan takaful keluarga" dan "Dana pemegang polisi hayat, takaful am dan takaful keluarga" daripada penyata kedudukan kewangan yang disatukan.

(b) Penambahan dua item baru, iaitu "Aset insurans semula/takaful semula dan lain-lain aset insurans" dan "Liabiliti kontrak insurans/takaful dan lain-lain liabiliti insurans" dalam penyata kedudukan kewangan yang disatukan.

(c) Penyatuan aset-aset lain dan liabiliti dana hayat dan takaful dalam penyata kedudukan kewangan disatukan pada asas barisan item.

Kesan kewangan terhadap perubahan dalam pembentangan aset dan liabiliti dana hayat dan takaful kepada penyata kewangan Kumpulan dinyatakan dalam Nota 2.4(vii).

(iv) Garis panduan laporan kewangan disemak semula bagi penanggung insurans oleh BNM

Pada 31 Disember 2011, liabiliti kontrak insurans hayat bagi syarikat subsidiari insurans, Etiqa Insurance Berhad ("EIB"), memasukkan lebihan terkumpul ditolak anggaran liabiliti aktuari (secara kolektif dirujuk sebagai "lebihan tidak diperuntukkan") dan pegangan rizab belum diperoleh semua kontrak insurans hayat termasuk yang mempunyai ciri-ciri penyertaan berdasarkan budi bicara (dirujuk sebagai "DPF") dan yang sebaliknya (dirujuk sebagai "Bukan DPF").

Mengikut MFRS 4 *Insurance Contracts* dan *Framework for Preparation dan Presentation of Financial Statements*, lebihan Bukan DPF yang tidak diperuntukkan tidak memenuhi definisi liabiliti kerana ia mewakili baki kepentingan dalam aset Dana Bukan DPF selepas pertimbangan bagi semua liabiliti. Selain itu, sejajar MFRS 139 *Financial Instruments Recognition and Measurement*, rizab pegangan belum diperoleh Bukan DPF hendaklah diambil kira sebagai ekuiti Kumpulan.

Pengelasan sebelum ini iaitu lebihan tidak diperuntukkan Bukan DPF dan rizab pegangan belum diperoleh EIB sebagai liabiliti dibuat sejajar dengan Garis Panduan BNM dan merupakan pengubahsuaian kepada FRS di Malaysia yang diluluskan oleh BNM di bawah Seksyen 90 Akta Insurans, 1996 di Malaysia.

Selaras dengan pengunaan MFRS, lebihan tidak diperuntukkan dan rizab belum diperoleh Bukan DPF telah diklasifikasikan semula daripada liabiliti kepada ekuiti. Garis Panduan BNM yang disemak semula yang timbul daripada penerimaan Rangka Kerja MFRS oleh Kumpulan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2012, dan pelarasan secara retrospektif perlu dibuat terhadap penyata kedudukan kewangan pembukaan MFRS Kumpulan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.4 PENGGUNAAN KALI PERTAMA PIAWAIAN PELAPORAN KEWANGAN MALAYSIA ("MFRS") DAN PERUBAHAN DALAM DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

(iv) Garis panduan laporan kewangan disemak semula bagi penanggung insurans terbitan BNM (samb.)

Kesan kewangan penerimaan pakai Garis Panduan BNM disemak semula di atas kepada penyata kewangan Kumpulan dinyatakan dalam Nota 2.4(vii).

(v) Kesan penggunaan MFRS di bahagian-bahagian lain:

(a) Pembiayaan yang dijual kepada Cagamas

Dalam tahun-tahun sebelum ini, baki yang berkaitan dengan pembiayaan Islam yang dijual kepada Cagamas dikecualikan daripada jumlah pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan di dalam penyata kedudukan kewangan yang disatukan. Perlakuan ini adalah sejajar dengan Garis Panduan BNM, di mana baki tersebut didedahkan dan dimasukkan sebagai sebahagian daripada komitmen dan luar jangkaan.

Berikutan penggunaan MFRS dalam tahun kewangan, baki berkaitan pembiayaan yang dijual kepada Cagamas telah dimasukkan dalam jumlah pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan di dalam penyata kedudukan kewangan yang disatukan sejajar dengan MFRS 139. Kumpulan mempunyai kewajipan untuk menggantikan pembiayaan yang dijual kerana telah defektif berdasarkan kriteria berhemat yang ditetapkan lebih awal dan dipersetujui, dan dengan itu mengekalkan risiko kredit pembiayaan. Sehubungan itu, baki berkaitan pembiayaan yang dijual tidak dinyahiktiraf, dan hasil kutipan yang diterima daripada Cagamas direkodkan sebagai liabiliti kewangan dalam penyata kedudukan kewangan yang disatukan sebagai kewajipan kembali ke atas pembiayaan yang dijual kepada Cagamas. Perubahan dalam dasar perakaunan ini telah digunakan secara retrospektif sebagai sebahagian daripada kesan-kesan penerimaan MFRS. Kesan kewangan penerimaan MFRS pada penyata kewangan Kumpulan termasuk operasi SPI dinyatakan dalam Nota 2.4(vii).

(b) Pendedahan pihak berkaitan untuk entiti berkaitan kerajaan

Dalam tahun-tahun sebelumnya, baki dan transaksi dengan entiti berkaitan kerajaan tidak perlu didedahkan dalam nota kepada penyata kewangan. Ini adalah pengecualian disediakan dalam FRS 124 *Related Party Disclosures* di bawah rangka kerja FRS.

Berikutan penggunaan MFRS dalam tahun kewangan, baki dan normal dengan entiti berkaitan kerajaan telah dinyatakan dalam nota penyata kewangan sejajar dengan MFRS 124. Keperluan pendedahan tersebut telah digunakan secara retrospektif sebagai sebahagian daripada kesan penggunaan MFRS dan ia adalah didedahkan dalam Nota 44(d). Tiada kesan kewangan ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Bank di atas penerimaan MFRS 124.

(vi) Perubahan dalam dasar-dasar perakaunan dan pengelasan semula perbandingan untuk mematuhi pembentangan tahun semasa

(a) Penggunaan *Financial Reporting Standards Implementation Committee Consensus 18 Monies Held-in-Trust by Participating Organisation at Bursa Malaysia Securities Berhad ("FRSIC Consensus 18")*

FRSIC Consensus 18 telah diwujudkan oleh Jawatankuasa Pelaksanaan Piawaian Pelaporan Kewangan ("FRSIC") dan dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia ("MIA" atau "Institut") pada 18 September 2012.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.4 PENGGUNAAN KALI PERTAMA PIAWAIAN PELAPORAN KEWANGAN MALAYSIA ("MFRS") DAN PERUBAHAN DALAM DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

(vi) Perubahan dalam dasar-dasar perakaunan dan pengelasan semula perbandingan untuk mematuhi pembentangan tahun semasa (samb.)

(a) Penerimaan *Financial Reporting Standards Implementation Committee Consensus 18 Monies Held-in-Trust by Participating Organisation at Bursa Malaysia Securities Berhad ("FRSIC Consensus 18")* (samb.)

Sejajar dengan FRSIC Consensus 18, adalah dicadangkan bahawa pengiktirafan wang amanah sebagai aset organisasi yang berkenaan dengan liabiliti yang sepadan mungkin tidak sesuai daripada konteks MFRS disebabkan oleh sebab-sebab berikut:

(1) Aset ditakrifkan sebagai "sumber yang dikawal oleh entiti sebagai hasil daripada peristiwa lepas dan yang mana manfaat ekonomi masa depan dijangka mengalir ke entiti". Organisasi yang berkenaan adalah dilarang di bawah peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Seksyen 113 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan, 2007 ("CMSA 2007") untuk menggunakan wang sama ada untuk faedah ekonomi sendiri atau penyelesaian liabiliti sendiri.

(2) Liabiliti ditakrifkan sebagai "obligasi semasa entiti yang wujud daripada peristiwa masa lepas, yang mana penyelesaian kepadanya dijangka menyebabkan aliran keluar sumber-sumber yang mengandungi manfaat ekonomi dari entiti tersebut".

Walaupun organisasi yang berkenaan dikehendaki oleh CMSA 2007 dan Peraturan Bursa Sekuriti untuk mengekalkan akaun amanah, ia tidak mempunyai sebarang obligasi berkontrak atau berkanun terhadap pelanggan ke atas wang yang disimpan di akaun amanah yang akan menyebabkan aliran keluar sumber-sumber yang mengandungi manfaat ekonomi dari organisasi yang berkenaan.

Perubahan disebabkan oleh FRSIC Consensus 18 ini telah diambil kira secara retrospektif dan telah membawa kepada penurunan baki mula tunai dan dana jangka pendek, deposit dan penempatan dengan institusi kewangan dan liabiliti-liabiliti lain, masing-masing dalam penyata kedudukan kewangan pada 1 Julai 2011 dan 31 Disember 2011.

Kesan kewangan penerimaan FRSIC Consensus 18 terhadap Penyata kewangan Kumpulan didedahkan dalam Nota 2.4(vii).

(b) Pengelasan semula "Pembangunan Perisian Dalam Pelaksanaan" dalam hartanah, loji dan peralatan kepada aset tidak ketara.

Pembangunan perisian dalam pelaksanaan Kumpulan dan Bank sebelum ini dibentangkan di dalam hartanah, loji dan peralatan sehingga pembangunan telah siap di mana jumlah kos akan dipindahkan ke aset tidak ketara. Walau bagaimanapun, semasa pembentangan tahun semasa, pembangunan perisian dalam pelaksanaan Kumpulan dan Bank telah dikelaskan semula kepada aset tidak ketara dalam Nota 20 supaya semua kos perisian yang berkaitan berada di bawah nota tunggal kepada penyata kewangan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.4 PENGGUNAAN KALI PERTAMA PIAWAIAN PELAPORAN KEWANGAN MALAYSIA ("MFRS") DAN PERUBAHAN DALAM DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

(vii) Kesan kewangan yang timbul daripada Penggunaan Rangka Kerja MFRS, Perubahan Dalam Dasar-dasar Perakaunan dan Pengelasan Semula Perbandingan (samb.)

(a) Berikut adalah penyesuaian kepada penyata kedudukan kewangan (i) Kumpulan (ii) Bank dan (iii) Operasi Skim Perbankan Islam ("SPI") pada 1 Julai 2011 dan 31 Disember 2011:

(i)

Kumpulan	FRS pada 1 Julai 2011 RM'000	Nota 2.4(i)(a) RM'000	Nota 2.4(iii) RM'000	Nota 2.4(iv) RM'000	Nota 2.4(v)(a) RM'000	Kesan selepas penerimaan MFRS RM'000	Nota 2.4(vi)(a) RM'000	Nota 2.4(vi)(b) RM'000	MFRS pada 1 Julai 2011 RM'000
ASET-ASET									
Tunai dan dana jangka pendek	38,803,519	–	1,715,064	–	–	40,518,583	(1,036,712)	–	39,481,871
Deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan	10,291,513	–	692,622	–	–	10,984,135	(560,884)	–	10,423,251
Aset kewangan dibeli di bawah perjanjian jualan balik	–	–	–	–	–	–	–	–	–
Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	4,141,978	–	8,523,846	–	–	12,665,824	–	–	12,665,824
Pelaburan kewangan tersedia untuk dijual	47,258,558	7,482,127	7,027,227	–	–	61,767,912	–	–	61,767,912
Pelaburan kewangan dipegang hingga matang	9,638,714	(7,201,273)	–	–	–	2,437,441	–	–	2,437,441
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	253,976,426	–	358,588	–	682,679	255,017,693	–	–	255,017,693
Aset derivatif	1,652,182	–	41,782	–	–	1,693,964	–	–	1,693,964
Aset insurans semula/takaful semula dan lain-lain aset insurans	–	–	2,107,340	–	–	2,107,340	–	–	2,107,340
Aset-aset lain	6,735,522	–	(1,836,868)	–	–	4,898,654	–	–	4,898,654
Hartanah pelaburan	45,051	–	480,470	–	–	525,521	–	–	525,521
Deposit berkanun dengan bank-bank pusat	7,698,425	–	–	–	–	7,698,425	–	–	7,698,425
Kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu	2,439,654	–	–	–	–	2,439,654	–	–	2,439,654
Hartanah, loji dan peralatan	2,168,986	–	83,320	–	–	2,252,306	–	(127,089)	2,125,217
Aset tidak ketara	6,509,048	–	1,817	–	–	6,510,865	–	127,089	6,637,954
Aset cukai tertunda	1,402,705	(70,214)	1,205	–	–	1,333,696	–	–	1,333,696
Aset dana insurans hayat, takaful am dan takaful keluarga	19,196,413	–	(19,196,413)	–	–	–	–	–	–
JUMLAH ASET	411,958,694	210,640	–	–	682,679	412,852,013	(1,597,596)	–	411,254,417

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.4 PENGGUNAAN KALI PERTAMA PIAWAIAN PELAPORAN KEWANGAN MALAYSIA ("MFRS") DAN PERUBAHAN DALAM DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

(vii) Kesan kewangan yang timbul daripada Penggunaan Rangka Kerja MFRS, Perubahan Dalam Dasar-dasar Perakaunan dan Pengelasan Semula Perbandingan (samb.)

(a) Berikut adalah penyesuaian kepada penyata kedudukan kewangan (i) Kumpulan (ii) Bank dan (iii) Operasi Skim Perbankan Islam ("SPI") pada 1 Julai 2011 dan 31 Disember 2011 (samb.):

(i)

Kumpulan (samb.)	FRS Pada 1 Julai 2011 RM'000	Nota 2.4(i)(a) RM'000	Nota 2.4(iii) RM'000	Nota 2.4(iv) RM'000	Nota 2.4(v)(a) RM'000	Kesan selepas penerimaan MFRS RM'000	Nota 2.4(vi)(a) RM'000	Nota 2.4(vi)(b) RM'000	MFRS pada 1 Julai 2011 RM'000
LIABILITI-LIABILITI									
Deposit daripada pelanggan	281,976,379	–	–	–	–	281,976,379	820,755	–	282,797,134
Deposit dan penempatan daripada institusi-institusi kewangan	33,303,655	–	–	–	–	33,303,655	–	–	33,303,655
Tanggungan ke atas aset kewangan dijual di bawah perjanjian belian balik	373,562	–	–	–	–	373,562	–	–	373,562
Bil-bil dan penerimaan belum bayar	8,513,401	–	–	–	–	8,513,401	–	–	8,513,401
Liabiliti derivatif	1,533,935	–	–	–	–	1,533,935	–	–	1,533,935
Liabiliti kontrak insurans/takaful dan lain-lain liabiliti insurans	–	–	20,707,493	(1,393,953)	–	19,313,540	–	–	19,313,540
Liabiliti-liabiliti lain	11,311,854	–	(1,627,142)	–	–	9,684,712	(2,418,351)	–	7,266,361
Kewajipan atas pinjaman dan pembiayaan dijual kepada Cagamas	528,285	–	–	–	682,679	1,210,964	–	–	1,210,964
Peruntukan cukai dan zakat	134,620	–	48,139	–	–	182,759	–	–	182,759
Liabiliti cukai tertunda	247,892	–	67,923	342,767	–	658,582	–	–	658,582
Pinjaman	5,447,120	–	–	–	–	5,447,120	–	–	5,447,120
Tanggungan subordinat	10,800,539	–	–	–	–	10,800,539	–	–	10,800,539
Sekuriti modal	6,120,774	–	–	–	–	6,120,774	–	–	6,120,774
Liabiliti dana insurans hayat, takaful am dan takaful keluarga	5,408,600	–	(5,408,600)	–	–	–	–	–	–
Dana pemegang polisi insurans hayat, takaful am dan takaful keluarga	13,787,813	–	(13,787,813)	–	–	–	–	–	–
JUMLAH LIABILITI	379,488,429	–	–	(1,051,186)	682,679	379,119,922	(1,597,596)	–	377,522,326

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.4 PENGGUNAAN KALI PERTAMA PIAWAIAN PELAPORAN KEWANGAN MALAYSIA ("MFRS") DAN PERUBAHAN DALAM DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

(vii) Kesan kewangan yang timbul daripada Penggunaan Rangka Kerja MFRS, Perubahan Dalam Dasar-dasar Perakaunan dan Pengelasan Semula Perbandingan (samb.)

(a) Berikut adalah penyesuaian kepada penyata kedudukan kewangan (i) Kumpulan (ii) Bank dan (iii) Operasi Skim Perbankan Islam ("SPI") pada 1 Julai 2011 dan 31 Disember 2011 (samb.):

(i)

Kumpulan (samb.)	FRS pada 1 Julai 2011 RM'000	Nota 2.4(i)(a) RM'000	Nota 2.4(iii) RM'000	Nota 2.4(iv) RM'000	Nota 2.4(v)(a) RM'000	Kesan selepas penerimaan MFRS RM'000	Nota 2.4(vi)(a) RM'000	Nota 2.4(vi)(b) RM'000	MFRS pada 1 Julai 2011 RM'000
Ekuiti boleh diagih kepada pemegang-pemegang ekuiti Bank									
Modal saham	7,478,206	–	–	–	–	7,478,206	–	–	7,478,206
Premium saham	8,583,711	–	–	–	–	8,583,711	–	–	8,583,711
Keuntungan terkumpul	9,491,265	–	–	676,463	–	10,167,728	–	–	10,167,728
Rizab-rizab lain	5,908,317	207,875	–	49,381	–	6,165,573	–	–	6,165,573
	31,461,499	207,875	–	725,844	–	32,395,218	–	–	32,395,218
Kepentingan tidak dikawal	1,008,766	2,765	–	325,342	–	1,336,873	–	–	1,336,873
	32,470,265	210,640	–	1,051,186	–	33,732,091	–	–	33,732,091
JUMLAH LIABILITI DAN EKUITI PEMEGANG SAHAM	411,958,694	210,640	–	–	682,679	412,852,013	(1,597,596)	–	411,254,417

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.4 PENGGUNAAN KALI PERTAMA PIAWAIAN PELAPORAN KEWANGAN MALAYSIA ("MFRS") DAN PERUBAHAN DALAM DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

(vii) Kesan kewangan yang timbul daripada Penggunaan Rangka Kerja MFRS, Perubahan Dalam Dasar-dasar Perakaunan dan Pengelasan Semula Perbandingan (samb.)

(a) Berikut adalah penyesuaian kepada penyata kedudukan kewangan (i) Kumpulan (ii) Bank dan (iii) Operasi Skim Perbankan Islam ("SPI") pada 1 Julai 2011 dan 31 Disember 2011 (samb.):

(i)

Kumpulan (samb.)	FRS pada 31 Disember 2011 RM'000	Nota 2.4(i)(a) RM'000	Nota 2.4(iii) RM'000	Nota 2.4(iv) RM'000	Nota 2.4(v)(a) RM'000	Kesan selepas penerimaan MFRS RM'000	Nota 2.4(vi)(a) RM'000	Nota 2.4(vi)(b) RM'000	MFRS pada 31 Disember 2011 RM'000
ASET-ASET									
Tunai dan dana jangka pendek	49,089,088	–	1,757,239	–	–	50,846,327	(1,458,445)	–	49,387,882
Deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan	6,452,978	–	743,974	–	–	7,196,952	(35,301)	–	7,161,651
Aset kewangan dibeli di bawah perjanjian jualan balik	1,397,235	–	–	–	–	1,397,235	–	–	1,397,235
Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	9,665,997	–	8,727,755	–	–	18,393,752	–	–	18,393,752
Pelaburan kewangan tersedia untuk dijual	48,504,468	7,591,843	7,488,734	–	–	63,585,045	–	–	63,585,045
Pelaburan kewangan dipegang hingga matang	9,880,899	(7,191,093)	–	–	–	2,689,806	–	–	2,689,806
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	274,430,691	–	322,892	–	1,499,270	276,252,853	–	–	276,252,853
Aset derivatif	1,954,476	–	33,026	–	–	1,987,502	–	–	1,987,502
Aset insurans semula/takaful semula dan lain-lain aset insurans	–	–	2,173,794	–	–	2,173,794	–	–	2,173,794
Aset-aset lain	6,661,305	–	(1,911,485)	–	–	4,749,820	–	–	4,749,820
Hartanah pelaburan	62,007	–	480,470	–	–	542,477	–	–	542,477
Deposit berkanun dengan bank-bank pusat	10,577,416	–	–	–	–	10,577,416	–	–	10,577,416
Kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu	2,406,462	–	–	–	–	2,406,462	–	–	2,406,462
Hartanah, loji dan peralatan	2,372,534	–	62,745	–	–	2,435,279	–	(217,796)	2,217,483
Aset tidak ketara	6,507,949	–	22,308	–	–	6,530,257	–	217,796	6,748,053
Aset cukai tertunda	1,421,934	(100,188)	1,860	–	–	1,323,606	–	–	1,323,606
Aset dana insurans hayat, takaful am dan takaful keluarga	19,903,312	–	(19,903,312)	–	–	–	–	–	–
JUMLAH ASET	451,288,751	300,562	–	–	1,499,270	453,088,583	(1,493,746)	–	451,594,837

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.4 PENGGUNAAN KALI PERTAMA PIAWAIAN PELAPORAN KEWANGAN MALAYSIA ("MFRS") DAN PERUBAHAN DALAM DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

(vii) Kesan kewangan yang timbul daripada Penggunaan Rangka Kerja MFRS, Perubahan Dalam Dasar-dasar Perakaunan dan Pengelasan Semula Perbandingan (samb.)

(a) Berikut adalah penyesuaian kepada penyata kedudukan kewangan (i) Kumpulan (ii) Bank dan (iii) Operasi Skim Perbankan Islam ("SPI") pada 1 Julai 2011 dan 31 Disember 2011 (samb.):

(i)

Kumpulan (samb.)	FRS pada 31 Disember 2011 RM'000	Nota 2.4(i)(a) RM'000	Nota 2.4(iii) RM'000	Nota 2.4(iv) RM'000	Nota 2.4(v)(a) RM'000	Kesan selepas penerimaan MFRS RM'000	Nota 2.4(vi)(a) RM'000	Nota 2.4(vi)(b) RM'000	MFRS pada 31 Disember 2011 RM'000
LIABILITI-LIABILITI									
Deposit daripada pelanggan	313,709,780	–	–	–	–	313,709,780	982,465	–	314,692,245
Deposit dan penempatan daripada institusi-institusi kewangan	36,760,978	–	–	–	–	36,760,978	–	–	36,760,978
Tanggungan ke atas aset kewangan dijual di bawah perjanjian belian balik	267,652	–	–	–	–	267,652	–	–	267,652
Bil-bil dan penerimaan belum bayar	4,472,872	–	–	–	–	4,472,872	–	–	4,472,872
Liabiliti derivatif	2,162,709	–	–	–	–	2,162,709	–	–	2,162,709
Liabiliti kontrak insurans/takaful dan dan lain-lain liabiliti insurans	–	–	21,464,408	(1,373,500)	–	20,090,908	–	–	20,090,908
Liabiliti-liabiliti lain	10,576,494	–	(1,692,377)	–	–	8,884,117	(2,476,211)	–	6,407,906
Kewajipan atas pinjaman dan pembiayaan dijual kepada Cagamas	715,603	–	–	–	1,499,270	2,214,873	–	–	2,214,873
Peruntukan cukai dan zakat	320,212	–	62,350	–	–	382,562	–	–	382,562
Liabiliti cukai tertunda	263,605	–	68,931	339,489	–	672,025	–	–	672,025
Pinjaman	7,185,230	–	–	–	–	7,185,230	–	–	7,185,230
Tanggungan subordinat	14,160,553	–	–	–	–	14,160,553	–	–	14,160,553
Sekuriti modal	6,113,761	–	–	–	–	6,113,761	–	–	6,113,761
Liabiliti dana insurans hayat, takaful am dan takaful keluarga	2,886,104	–	(2,886,104)	–	–	–	–	–	–
Dana pemegang polisi insurans hayat, takaful am dan takaful keluarga	17,017,208	–	(17,017,208)	–	–	–	–	–	–
JUMLAH LIABILITI	416,612,761	–	–	(1,034,011)	1,499,270	417,078,020	(1,493,746)	–	415,584,274

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.4 PENGGUNAAN KALI PERTAMA PIAWAIAN PELAPORAN KEWANGAN MALAYSIA ("MFRS") DAN PERUBAHAN DALAM DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

(vii) Kesan kewangan yang timbul daripada Penggunaan Rangka Kerja MFRS, Perubahan Dalam Dasar-dasar Perakaunan dan Pengelasan Semula Perbandingan (samb.)

(a) Berikut adalah penyesuaian kepada penyata kedudukan kewangan (i) Kumpulan (ii) Bank dan (iii) Operasi Skim Perbankan Islam ("SPI") pada 1 Julai 2011 dan 31 Disember 2011 (samb.):

(i)

Kumpulan (samb.)	FRS pada 31 Disember 2011 RM'000	Nota 2.4(i)(a) RM'000	Nota 2.4(iii) RM'000	Nota 2.4(iv) RM'000	Nota 2.4(v)(a) RM'000	Kesan selepas penerimaan MFRS RM'000	Nota 2.4(vi)(a) RM'000	Nota 2.4(vi)(b) RM'000	MFRS pada 31 Disember 2011 RM'000
Ekuiti boleh diagih kepada pemegang-pemegang ekuiti Bank									
Modal saham	7,639,437	–	–	–	–	7,639,437	–	–	7,639,437
Premium saham	9,598,847	–	–	–	–	9,598,847	–	–	9,598,847
Keuntungan terkumpul	9,713,321	–	–	680,446	–	10,393,767	–	–	10,393,767
Rizab-rizab lain	6,493,822	296,832	–	33,538	–	6,824,192	–	–	6,824,192
	33,445,427	296,832	–	713,984	–	34,456,243	–	–	34,456,243
Kepentingan tidak dikawal	1,230,563	3,730	–	320,027	–	1,554,320	–	–	1,554,320
	34,675,990	300,562	–	1,034,011	–	36,010,563	–	–	36,010,563
JUMLAH LIABILITI DAN EKUITI PEMEGANG SAHAM	451,288,751	300,562	–	–	1,499,270	453,088,583	(1,493,746)	–	451,594,837

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.4 PENGGUNAAN KALI PERTAMA PIAWAIAN PELAPORAN KEWANGAN MALAYSIA ("MFRS") DAN PERUBAHAN DALAM DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

(vii) Kesan kewangan yang timbul daripada Penggunaan Rangka Kerja MFRS, Perubahan Dalam Dasar-dasar Perakaunan dan Pengelasan Semula Perbandingan (samb.)

(a) Berikut adalah penyesuaian kepada penyata kedudukan kewangan (i) Kumpulan (ii) Bank dan (iii) Operasi Skim Perbankan Islam ("SPI") pada 1 Julai 2011 dan 31 Disember 2011 (samb.):

(ii)

Bank	FRS pada 1 Julai 2011 RM'000	Nota 2.4(i)(a) RM'000	Kesan selepas penerimaan MFRS RM'000	Nota 2.4(vi)(b) RM'000	MFRS pada 1 Julai 2011 RM'000	FRS pada 31 Disember 2011 RM'000	Nota 2.4(i)(a) RM'000	Kesan selepas MFRS RM'000	Nota 2.4(vi)(b) RM'000	MFRS pada 31 Disember 2011 RM'000
ASET-ASET										
Tunai dan dana jangka pendek	25,803,796	–	25,803,796	–	25,803,796	35,966,579	–	35,966,579	–	35,966,579
Deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan	7,644,471	–	7,644,471	–	7,644,471	6,246,093	–	6,246,093	–	6,246,093
Aset kewangan dibeli di bawah perjanjian jualan balik	–	–	–	–	–	1,397,235	–	1,397,235	–	1,397,235
Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	2,884,895	–	2,884,895	–	2,884,895	7,325,466	–	7,325,466	–	7,325,466
Pelaburan kewangan tersedia untuk dijual	40,262,042	6,838,838	47,100,880	–	47,100,880	39,618,975	6,895,225	46,514,200	–	46,514,200
Pelaburan kewangan dipegang hingga matang	8,339,494	(6,701,424)	1,638,070	–	1,638,070	8,804,797	(6,688,864)	2,115,933	–	2,115,933
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	181,572,844	–	181,572,844	–	181,572,844	194,174,085	–	194,174,085	–	194,174,085
Aset derivatif	1,626,415	–	1,626,415	–	1,626,415	1,949,344	–	1,949,344	–	1,949,344
Aset-aset lain	1,420,365	–	1,420,365	–	1,420,365	2,240,433	–	2,240,433	–	2,240,433
Deposit berkanun dengan bank-bank pusat	4,313,116	–	4,313,116	–	4,313,116	6,095,129	–	6,095,129	–	6,095,129
Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari	17,070,392	–	17,070,392	–	17,070,392	17,230,202	–	17,230,202	–	17,230,202
Kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu	454,412	–	454,412	–	454,412	456,512	–	456,512	–	456,512
Hartanah, loji dan peralatan	1,170,183	–	1,170,183	(125,249)	1,044,934	1,298,891	–	1,298,891	(215,612)	1,083,279
Aset tidak ketara	177,270	–	177,270	125,249	302,519	173,933	–	173,933	215,612	389,545
Aset cukai tertunda	920,837	(34,353)	886,484	–	886,484	867,163	(51,590)	815,573	–	815,573
JUMLAH ASET	293,660,532	103,061	293,763,593	–	293,763,593	323,844,837	154,771	323,999,608	–	323,999,608

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.4 PENGGUNAAN KALI PERTAMA PIAWAIAN PELAPORAN KEWANGAN MALAYSIA ("MFRS") DAN PERUBAHAN DALAM DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

(vii) Kesan kewangan yang timbul daripada Penggunaan Rangka Kerja MFRS, Perubahan Dalam Dasar-dasar Perakaunan dan Pengelasan Semula Perbandingan (samb.)

(a) Berikut adalah penyesuaian kepada penyata kedudukan kewangan (i) Kumpulan (ii) Bank dan (iii) Operasi Skim Perbankan Islam ("SPI") pada 1 Julai 2011 dan 31 Disember 2011 (samb.):

(ii)

Bank (samb.)	FRS pada 1 Julai 2011 RM'000	Nota 2.4(i)(a) RM'000	Kesan selepas penerimaan MFRS RM'000	Nota 2.4(vi)(b) RM'000	MFRS pada 1 Julai 2011 RM'000	FRS pada 31 Disember 2011 RM'000	Nota 2.4(i)(a) RM'000	Kesan selepas MFRS RM'000	Nota 2.4(vi)(b) RM'000	MFRS pada 31 Disember 2011 RM'000
LIABILITI-LIABILITI										
Deposit daripada pelanggan	201,465,408	–	201,465,408	–	201,465,408	222,895,293	–	222,895,293	–	222,895,293
Deposit dan penempatan daripada institusi-institusi kewangan	31,441,675	–	31,441,675	–	31,441,675	35,555,592	–	35,555,592	–	35,555,592
Tanggungan ke atas aset kewangan dijual di bawah perjanjian belian balik	373,562	–	373,562	–	373,562	267,652	–	267,652	–	267,652
Bil-bil dan penerimaan belum bayar	7,115,673	–	7,115,673	–	7,115,673	3,610,141	–	3,610,141	–	3,610,141
Liabiliti derivatif	1,446,311	–	1,446,311	–	1,446,311	2,072,731	–	2,072,731	–	2,072,731
Liabiliti-liabiliti lain	4,240,156	–	4,240,156	–	4,240,156	6,351,178	–	6,351,178	–	6,351,178
Kewajipan atas pinjaman dan pembiayaan dijual kepada Cagamas	528,285	–	528,285	–	528,285	715,603	–	715,603	–	715,603
Pinjaman	3,420,499	–	3,420,499	–	3,420,499	4,208,282	–	4,208,282	–	4,208,282
Tanggungan subordinat	9,509,786	–	9,509,786	–	9,509,786	12,574,919	–	12,574,919	–	12,574,919
Sekuriti modal	6,120,774	–	6,120,774	–	6,120,774	6,113,761	–	6,113,761	–	6,113,761
JUMLAH LIABILITI	265,662,129	–	265,662,129	–	265,662,129	294,365,152	–	294,365,152	–	294,365,152
Ekuiti boleh diagih kepada pemegang-pemegang ekuiti Bank										
Modal saham	7,478,206	–	7,478,206	–	7,478,206	7,639,437	–	7,639,437	–	7,639,437
Premium saham	8,583,711	–	8,583,711	–	8,583,711	9,598,847	–	9,598,847	–	9,598,847
Keuntungan terkumpul	5,140,905	–	5,140,905	–	5,140,905	4,895,012	–	4,895,012	–	4,895,012
Rizab-rizab lain	6,795,581	103,061	6,898,642	–	6,898,642	7,346,389	154,771	7,501,160	–	7,501,160
	27,998,403	103,061	28,101,464	–	28,101,464	29,479,685	154,771	29,634,456	–	29,634,456
JUMLAH LIABILITI DAN EKUITI PEMEGANG SAHAM	293,660,532	103,061	293,763,593	–	293,763,593	323,844,837	154,771	323,999,608	–	323,999,608

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.4 PENGGUNAAN KALI PERTAMA PIAWAIAN PELAPORAN KEWANGAN MALAYSIA ("MFRS") DAN PERUBAHAN DALAM DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

(vii) Kesan kewangan yang timbul daripada Penggunaan Rangka Kerja MFRS, Perubahan Dalam Dasar-dasar Perakaunan dan Pengelasan Semula Perbandingan (samb.)

(a) Berikut adalah penyesuaian kepada penyata kedudukan kewangan (i) Kumpulan (ii) Bank dan (iii) Operasi Skim Perbankan Islam ("SPI") pada 1 Julai 2011 dan 31 Disember 2011 (samb.):

(iii)

Operasi SPI (Nota 57)	FRS pada 1 Julai 2011 RM'000	Nota 2.4(i)(a) RM'000	Nota 2.4(v)(a) RM'000	MFRS pada 1 Julai 2011 RM'000	FRS pada 31 Disember 2011 RM'000	Nota 2.4(i)(a) RM'000	Nota 2.4(v)(a) RM'000	MFRS pada 31 Disember 2011 RM'000
ASET-ASET								
Tunai dan dana jangka pendek	9,684,169	–	–	9,684,169	8,971,617	–	–	8,971,617
Deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan	394,136	–	–	394,136	429,910	–	–	429,910
Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	513,225	–	–	513,225	2,360,877	–	–	2,360,877
Pelaburan kewangan tersedia untuk dijual	6,138,274	122,996	–	6,261,270	6,108,169	124,577	–	6,232,746
Pelaburan kewangan dipegang hingga matang	171,893	(121,351)	–	50,542	171,884	(121,460)	–	50,424
Pembiayaan dan pendahuluan	46,244,031	–	682,679	46,926,710	50,926,004	–	1,499,270	52,425,274
Aset derivatif	14,646	–	–	14,646	28,198	–	–	28,198
Aset-aset lain	4,737,314	–	–	4,737,314	4,492,748	–	–	4,492,748
Deposit berkanun dengan bank-bank pusat	913,900	–	–	913,900	1,834,800	–	–	1,834,800
Hartanah, loji dan peralatan	347	–	–	347	2,551	–	–	2,551
Aset tidak ketara	918	–	–	918	3,701	–	–	3,701
Aset cukai tertunda	161,550	(411)	–	161,139	178,148	(779)	–	177,369
JUMLAH ASET	68,974,403	1,234	682,679	69,658,316	75,508,607	2,338	1,499,270	77,010,215

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.4 PENGGUNAAN KALI PERTAMA PIAWAIAN PELAPORAN KEWANGAN MALAYSIA ("MFRS") DAN PERUBAHAN DALAM DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

(vii) Kesan kewangan yang timbul daripada Penggunaan Rangka Kerja MFRS, Perubahan Dalam Dasar-dasar Perakaunan dan Pengelasan Semula Perbandingan (samb.)

(a) Berikut adalah penyesuaian kepada penyata kedudukan kewangan (i) Kumpulan (ii) Bank dan (iii) Operasi Skim Perbankan Islam ("SPI") pada 1 Julai 2011 dan 31 Disember 2011 (samb.):

(iii)

Operasi SPI (Nota 57) (Samb.)	FRS pada 1 Julai 2011 RM'000	Nota 2.4(i)(a) RM'000	Nota 2.4(v)(a) RM'000	MFRS pada 1 Julai 2011 RM'000	FRS pada 31 Disember 2011 RM'000	Nota 2.4(i)(a) RM'000	Nota 2.4(v)(a) RM'000	MFRS pada 31 Disember 2011 RM'000
LIABILITI-LIABILITI								
Deposit daripada pelanggan	50,890,270	–	–	50,890,270	59,090,400	–	–	59,090,400
Deposit dan penempatan daripada institusi-institusi kewangan	11,292,077	–	–	11,292,077	9,449,458	–	–	9,449,458
Bil-bil dan penerimaan belum bayar	1,115,350	–	–	1,115,350	504,237	–	–	504,237
Kewajipan ke atas pinjaman dan pembiayaan dijual kepada Cagamas	–	–	682,679	682,679	–	–	1,499,270	1,499,270
Liabiliti derivatif	53,504	–	–	53,504	96,179	–	–	96,179
Liabiliti-liabiliti lain	175,494	–	–	175,494	193,515	–	–	193,515
Peruntukan cukai dan zakat	52,931	–	–	52,931	109,256	–	–	109,256
Sukuk bersubordinat	1,010,637	–	–	1,010,637	1,010,723	–	–	1,010,723
JUMLAH LIABILITI	64,590,263	–	682,679	65,272,942	70,453,768	–	1,499,270	71,953,038
DANA MODAL PERBANKAN ISLAM								
Dana Perbankan Islam	459,287	–	–	459,287	943,296	–	–	943,296
Premium saham	2,488,400	–	–	2,488,400	2,488,400	–	–	2,488,400
Keuntungan terkumpul	1,271,180	–	–	1,271,180	1,383,544	–	–	1,383,544
Rizab-rizab lain	165,273	1,234	–	166,507	239,599	2,338	–	241,937
	4,384,140	1,234	–	4,385,374	5,054,839	2,338	–	5,057,177
JUMLAH LIABILITI DAN DANA MODAL PERBANKAN ISLAM	68,974,403	1,234	682,679	69,658,316	75,508,607	2,338	1,499,270	77,010,215

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.4 PENGGUNAAN KALI PERTAMA PIAWAIAN PELAPORAN KEWANGAN MALAYSIA ("MFRS") DAN PERUBAHAN DALAM DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

(vii) Kesan kewangan yang timbul daripada Penggunaan Rangka Kerja MFRS, Perubahan Dalam Dasar-dasar Perakaunan dan Pengelasan Semula Perbandingan (samb.)

(b) Berikut adalah penyesuaian kepada penyata kedudukan kewangan (i) Kumpulan (ii) Bank dan (iii) Operasi Skim Perbankan Islam ("SPI") bagi tempoh enam bulan berakhir pada 31 Disember 2011:

(i)

	Kumpulan			
	Di bawah FRS 1.7.2011 hingga 31.12.2011 RM'000	Nota 2.4(i)(a) RM'000	Nota 2.4(iv) RM'000	Di bawah MFRS 1.7.2011 hingga 31.12.2011 RM'000
Hasil operasi	12,884,511	–	7,691	12,892,202
Pendapatan faedah	7,004,319	–	–	7,004,319
Perbelanjaan faedah	(2,978,041)	–	–	(2,978,041)
Pendapatan faedah bersih	4,026,278	–	–	4,026,278
Pendapatan daripada SPI	1,008,037	–	–	1,008,037
	5,034,315	–	–	5,034,315
Pendapatan bersih daripada perniagaan insurans/takaful	418,828	–	7,691	426,519
	5,453,143	–	7,691	5,460,834
Pendapatan operasi lain	2,374,180	–	–	2,374,180
Pendapatan bersih	7,827,323	–	7,691	7,835,014
Perbelanjaan overhed	(3,941,839)	–	–	(3,941,839)
	3,885,484	–	7,691	3,893,175
Peruntukan kerugian rosot nilai atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan, bersih	(329,080)	–	–	(329,080)
Peruntukan kerugian rosot nilai atas pelaburan kewangan, bersih	(67,237)	–	–	(67,237)
Keuntungan operasi	3,489,167	–	7,691	3,496,858
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu	74,234	–	–	74,234
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	3,563,401	–	7,691	3,571,092
Cukai dan zakat	(887,071)	–	(1,922)	(888,993)
Keuntungan bagi tempoh kewangan	2,676,330	–	5,769	2,682,099
Diagihkan kepada:				
Pemegang ekuiti Bank	2,583,069	–	3,983	2,587,052
Kepentingan tidak dikawal	93,261	–	1,786	95,047
	2,676,330	–	5,769	2,682,099

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.4 PENGGUNAAN KALI PERTAMA PIAWAIAN PELAPORAN KEWANGAN MALAYSIA ("MFRS") DAN PERUBAHAN DALAM DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

(vii) Kesan kewangan yang timbul daripada Penggunaan Rangka Kerja MFRS, Perubahan Dalam Dasar-dasar Perakaunan dan Pengelasan Semula Perbandingan (samb.)

(ii) Bank dan (iii) operasi SPI

Tiada penyesuaian kepada penyata pendapatan diperlukan bagi Bank dan operasi SPI kerana tidak ada kesan kewangan yang timbul daripada penerimaan kali pertama MFRS dan perubahan dasar-dasar perakaunan.

(c) Berikut adalah penyesuaian kepada penyata pendapatan komprehensif (i) Kumpulan (ii) Bank dan (iii) Operasi Skim Perbankan Islam ("SPI") bagi tempoh enam bulan berakhir pada 31 Disember 2011:

(i)

	Kumpulan			
	Di bawah FRS 1.7.2011 hingga 31.12.2011 RM'000	Nota 2.4(i)(a) RM'000	Nota 2.4(iv) RM'000	Di bawah MFRS 1.7.2011 hingga 31.12.2011 RM'000
Keuntungan dalam tempoh kewangan	2,676,330	–	5,769	2,682,099
Pendapatan komprehensif lain:				
Keuntungan/(kerugian) bersih ke atas penilaian semula pelaburan kewangan yang tersedia untuk dijual	(68,851)	119,897	(30,592)	20,454
Cukai pendapatan berkaitan komponen pendapatan komprehensif lain	(1,060)	(29,975)	7,648	(23,387)
Terjemahan matawang asing	55,160	–	–	55,160
Perubahan dalam rizab-rizab lain	(220)	–	–	(220)
Pendapatan komprehensif lain bagi tempoh kewangan, cukai bersih	(14,971)	89,922	(22,944)	52,007
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tempoh kewangan	2,661,359	89,922	(17,175)	2,734,106

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.4 PENGGUNAAN KALI PERTAMA PIAWAIAN PELAPORAN KEWANGAN MALAYSIA ("MFRS") DAN PERUBAHAN DALAM DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

(vii) Kesan kewangan yang timbul daripada Penggunaan Rangka Kerja MFRS, Perubahan Dalam Dasar-dasar Perakaunan dan Pengelasan Semula Perbandingan (samb.)

(c) Berikut adalah penyesuaian kepada penyata pendapatan komprehensif (i) Kumpulan (ii) Bank dan (iii) Operasi Skim Perbankan Islam ("SPI") bagi tempoh enam bulan berakhir pada 31 Disember 2011 (samb.):

(i)

	Kumpulan (samb.)			
	Di bawah FRS 1.7.2011 hingga 31.12.2011 RM'000	Nota 2.4(i)(a) RM'000	Nota 2.4(iv) RM'000	Di bawah MFRS 1.7.2011 hingga 31.12.2011 RM'000
Pendapatan komprehensif lain yang boleh diagih kepada:				
Pemegang-pemegang ekuiti Bank	(27,709)	88,957	(15,843)	45,405
Kepentingan tidak dikawal	12,738	965	(7,101)	6,602
	(14,971)	89,922	(22,944)	52,007
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tempoh kewangan yang boleh diagihkan kepada:				
Pemegang-pemegang ekuiti Bank	2,555,360	88,957	(11,860)	2,632,457
Kepentingan tidak dikawal	105,999	965	(5,315)	101,649
	2,661,359	89,922	(17,175)	2,734,106

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.4 PENGGUNAAN KALI PERTAMA PIAWAIAN PELAPORAN KEWANGAN MALAYSIA ("MFRS") DAN PERUBAHAN DALAM DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

(vii) Kesan kewangan yang timbul daripada Penggunaan Rangka Kerja MFRS, Perubahan Dalam Dasar-dasar Perakaunan dan Pengelasan Semula Perbandingan (samb.)

(c) Berikut adalah penyesuaian kepada penyata pendapatan komprehensif (i) Kumpulan (ii) Bank dan (iii) Operasi Skim Perbankan Islam ("SPI") bagi tempoh enam bulan berakhir pada 31 Disember 2011 (samb.):

(ii)

	Bank		
	Di bawah FRS 1.7.2011 hingga 31.12.2011 RM'000	**Nota 2.4(i)(a) RM'000**	**Di bawah MFRS 1.7.2011 hingga 31.12.2011 RM'000**
Keuntungan dalam tempoh kewangan	2,065,285	–	2,065,285
Pendapatan komprehensif lain:			
(Kerugian)/keuntungan bersih atas penilaian semula pelaburan kewangan tersedia untuk dijual	(22,114)	68,947	46,833
Cukai pendapatan berkaitan komponen pendapatan komprehensif lain	5,688	(17,237)	(11,549)
Terjemahan matawang asing	(11,489)	–	(11,489)
Pendapatan komprehensif lain bagi tempoh kewangan, cukai bersih	(27,915)	51,710	23,795
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tempoh kewangan	2,037,370	51,710	2,089,080
Pendapatan komprehensif lain yang boleh diagih kepada:			
Pemegang-pemegang ekuiti Bank	(27,915)	51,710	23,795
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tempoh kewangan yang boleh diagihkan kepada:			
Pemegang-pemegang ekuiti Bank	2,037,370	51,710	2,089,080

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.4 PENGGUNAAN KALI PERTAMA PIAWAIAN PELAPORAN KEWANGAN MALAYSIA ("MFRS") DAN PERUBAHAN DALAM DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

(vii) Kesan kewangan yang timbul daripada Penggunaan Rangka Kerja MFRS, Perubahan Dalam Dasar-dasar Perakaunan dan Pengelasan Semula Perbandingan (samb.)

(c) Berikut adalah penyesuaian kepada penyata pendapatan komprehensif (i) Kumpulan (ii) Bank dan (iii) Operasi Skim Perbankan Islam ("SPI") bagi tempoh enam bulan berakhir pada 31 Disember 2011 (samb.):

(iii)

	Operasi SPI		
	Di bawah FRS 1.7.2011 hingga 31.12.2011 RM'000	Nota 2.4(i)(a) RM'000	Di bawah MFRS 1.7.2011 hingga 31.12.2011 RM'000
Keuntungan dalam tempoh kewangan	424,586	–	424,586
Pendapatan komprehensif lain:			
Keuntungan bersih ke atas penilaian semula pelaburan kewangan yang tersedia untuk dijual	48,652	1,472	50,124
Cukai pendapatan berkaitan komponen pendapatan komprehensif lain	(12,220)	(368)	(12,588)
Terjemahan matawang asing	3,438	–	3,438
Pendapatan komprehensif lain bagi tempoh kewangan, cukai bersih	39,870	1,104	40,974
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tempoh kewangan	464,456	1,104	465,560

3. PERTIMBANGAN, ANGGARAN DAN ANDAIAN KRITIKAL PERAKAUNAN

Bagi menyediakan penyata kewangan, pihak pengurusan perlu membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada dasar yang diterima pakai dan jumlah yang dilaporkan dalam pendapatan, perbelanjaan, aset-aset, liabiliti-liabiliti, pendedahan iringan dan pendedahan liabiliti luar jangka. Walaupun anggaran dan pertimbangan dibuat berdasarkan pengetahuan terbaik pengurusan tentang peristiwa dan tindakan semasa, keputusan sebenarnya mungkin berbeza. Kegunaan pertimbangan dan anggaran yang paling kritikal adalah seperti berikut:

3.1 KEUPAYAAN MENERUSKAN PERNIAGAAN

Pengurusan Kumpulan dan Bank telah membuat taksiran terhadap keupayaannya untuk meneruskan perniagaan dan berpuas hati dengan sumber-sumber yang ada untuk berbuat demikian dalam tempoh masa depan yang dapat diramalkan. Selain itu, pengurusan tidak menyedari wujudnya sebarang ketidaktentuan yang boleh menimbulkan keraguan ketara terhadap keupayaan Kumpulan dan Bank dalam meneruskan perniagaannya. Oleh itu, penyata kewangan terus disediakan pada asas keupayaan meneruskan perniagaannya.

3.2 ROSOT NILAI PORTFOLIO PELABURAN KEWANGAN (NOTA-NOTA 8, 9, 10 DAN 42)

Kumpulan dan Bank mengkaji portfolio aset kewangan pada FVTPL, pelaburan kewangan AFS dan HTM pada setiap tarikh pelaporan untuk menilai sama ada wujudnya bukti yang objektif bahawa pelaburannya mengalami rosot nilai. Sekiranya terdapat petunjuk-petunjuk atau bukti yang objektif, pelaburan itu adalah tertakluk kepada kajian rosot nilai.

3. PERTIMBANGAN, ANGGARAN DAN ANDAIAN KRITIKAL PERAKAUNAN (SAMB.)

3.2 ROSOT NILAI PORTFOLIO PELABURAN KEWANGAN (NOTA-NOTA 8, 9, 10 DAN 42) (SAMB.)

Dalam menjalankan kajian rosot nilai, pertimbangan pengurusan yang berikut diperlukan:

(i) Penentuan sama ada pelaburan mengalami rosot nilai adalah berdasarkan petunjuk tertentu seperti, antara lain, penurunan berpanjangan dalam nilai saksama, masalah kewangan yang ketara oleh penerbit atau penanggung terbitan, kehilangan pasaran dagangan yang aktif dan kemerosotan kualiti kredit penerbit atau penanggung terbitan; dan

(ii) Penentuan sama ada "ketara" atau "berpanjangan" memerlukan pertimbangan dan penilaian pengurusan ke atas pelbagai faktor, seperti sejarah pergerakan nilai saksama, tempoh dan tahap pengurangan dalam nilai saksama.

3.3 ANGGARAN ASET KEWANGAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI UNTUNG ATAU RUGI (NOTA 8), PELABURAN KEWANGAN TERSEDIA UNTUK DIJUAL (NOTA 9) DAN INSTRUMEN KEWANGAN DERIVATIF (NOTA 12)

Nilai saksama aset kewangan dan derivatif yang tidak diniagakan dalam pasaran aktif ditentukan menggunakan teknik penilaian yang sesuai. Teknik penilaian termasuk kaedah aliran tunai terdiskaun, model harga opsyen, model kredit dan model-model penilaian lain yang berkaitan.

3.4 KERUGIAN ROSOT NILAI ATAS PINJAMAN, PENDAHULUAN DAN PEMBIAYAAN (NOTA-NOTA 11 DAN 41)

Kumpulan dan Bank mengkaji pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang ketara secara individu pada setiap tarikh pelaporan untuk menilai sama ada kerugian rosot nilai perlu direkodkan dalam penyata pendapatan. Secara khususnya, pertimbangan pengurusan diperlukan dalam anggaran jumlah dan tempoh aliran tunai masa hadapan apabila menentukan kerugian rosot nilai. Dalam menganggarkan aliran tunai ini, Kumpulan dan Bank membuat pertimbangan mengenai keadaan kewangan peminjam dan nilai bersih cagaran yang boleh diperoleh. Anggaran-anggaran ini adalah berdasarkan andaian tentang beberapa faktor dan keputusan sebenar mungkin berbeza, menyebabkan perubahan pada masa hadapan ke atas elaun.

Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang dinilai secara individu tetapi tidak perlu memberi kerosotan nilai dan semua pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan secara individu yang tidak ketara kemudiannya dinilai secara kolektif dalam kumpulan aset dengan ciri-ciri risiko kredit yang sama untuk menentukan sama ada peruntukan harus dibuat atas kerugian yang ditanggung yang mana terdapat bukti objektif tetapi kesannya masih belum kelihatan. Taksiran kolektif mengambil kira data daripada portfolio pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan (seperti kualiti kredit, tahap tunggakan, penggunaan kredit, nisbah pinjaman kepada cagaran dan lain-lain) dan pertimbangan atas kesan penumpuan risiko (seperti prestasi kumpulan-kumpulan individu yang berbeza).

3.5 PENILAIAN HARTANAH PELABURAN (NOTA 15)

Pengukuran nilai saksama bagi hartanah pelaburan diperoleh dengan merujuk kepada bukti pasaran harga transaksi untuk hartanah yang sama dan dilakukan oleh penilai bebas yang mempunyai kelayakan profesional yang diiktiraf dan berkaitan serta memiliki pengalaman terkini dalam lokasi dan kategori hartanah yang dinilai.

3.6 ROSOT NILAI PELABURAN DALAM SYARIKAT-SYARIKAT SUBSIDIARI (NOTA 17) DAN KEPENTINGAN DALAM SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU (NOTA 18)

Kumpulan menilai sama ada terdapat sebarang petunjuk bahawa pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari dan kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu mungkin mengalami rosot nilai pada setiap tarikh pelaporan.

Sekiranya tanda-tanda itu wujud, aset-aset tersebut tertakluk kepada semakan rosot nilai. Kajian rosot nilai meliputi perbandingan jumlah bawaan pelaburan dan anggaran jumlah jangkaan pelaburan boleh dipulihkan.

3. PERTIMBANGAN, ANGGARAN DAN ANDAIAN KRITIKAL PERAKAUNAN (SAMB.)

3.6 ROSOT NILAI PELABURAN DALAM SYARIKAT-SYARIKAT SUBSIDIARI (NOTA 17) DAN KEPENTINGAN DALAM SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU (NOTA 18) (SAMB.)

Penilaian yang dibuat oleh pengurusan dalam menggunakan dasar-dasar perakaunan Kumpulan dari segi pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari dan kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu adalah seperti berikut:

(i) Kumpulan menentukan sama ada pelaburannya mengalami rosot nilai berikutan tanda-tanda rosot nilai bawaan seperti, antara lain, kekurangan berpanjangan di antara nilai pasaran dan jumlah bawaan, perubahan ketara dengan kesan yang menjejaskan pelaburan dan prestasi kewangan pelaburan merosot disebabkan oleh perubahan yang diperhatikan dan dalam persekitaran ekonomi; dan

Aset cukai tertunda tidak diiktiraf bagi perkara-perkara berikut:

	Kumpulan		
	Pada 31.12.2012 RM'000	Pada 31.12.2011 RM'000	Pada 1.7.2011 RM'000
Kerugian cukai belum guna	**14,342**	50,499	49,152
Elaun modal belum diserap	**992**	992	992
Kerugian pinjaman dan peruntukan serta faedah tergantung	**57,228**	55,692	53,618
Lain-lain	**86,784**	84,454	83,627
	159,346	191,637	187,389

Kerugian cukai yang belum digunakan dan elaun modal yang tidak diserapkan boleh digunakan untuk mengimbangi sebarang keuntungan bercukai di masa hadapan dalam syarikat-syarikat subsidiari berkenaan apabila diperlukan. Aset cukai tertunda tidak diiktiraf ke atas perkara-perkara tersebut kerana ia mungkin tidak dapat digunakan untuk mengimbangi keuntungan boleh cukai syarikat-syarikat subsidiari lain dalam Kumpulan. Ia timbul dalam syarikat-syarikat subsidiari yang pernah mengalami kerugian di mana aset cukai tertunda hanya diiktiraf sehingga ke tahap keuntungan bercukai di masa hadapan yang boleh dicapai.

28. PINJAMAN

	Nota	Kumpulan		
		Pada 31.12.2012 RM'000	Pada 31.12.2011 RM'000	Pada 1.7.2011 RM'000
Bercagar:	(a)			
– Kurang daripada satu tahun		**440,727**	599,246	727,523
– Lebih daripada satu tahun		**902,832**	959,559	666,667
		1,343,559	1,558,805	1,394,190
Tidak bercagar:	(b)			
(i) Pinjaman				
– Kurang daripada satu tahun		**717,793**	689,204	335,474
– Lebih daripada satu tahun		**4,253,153**	4,170,359	3,299,579
(ii) Nota Jangka Sederhana				
– Kurang daripada satu tahun		**375,305**	123,672	294,972
– Lebih daripada satu tahun		**4,024,456**	643,190	122,905
		9,370,707	5,626,425	4,052,930
		10,714,266	7,185,230	5,447,120

	Nota	Bank		
		Pada 31.12.2012 RM'000	Pada 31.12.2011 RM'000	Pada 1.7.2011 RM'000
Tidak bercagar:	(b)			
(i) Pinjaman				
– Kurang daripada satu tahun		**168,248**	95,501	120,920
– Lebih daripada satu tahun		**3,190,015**	3,469,591	3,299,579
(ii) Nota Jangka Sederhana				
– Kurang daripada satu tahun		**–**	–	–
– Lebih daripada satu tahun		**4,024,456**	643,190	–
		7,382,719	4,208,282	3,420,499

28. PINJAMAN (SAMB.)

(a) Pinjaman bercagar

Pinjaman bercagar dibuat terhadap cagaran berikut:

(i) pemindahan pemegang amanah belum terima sebuah syarikat subsidiari daripada pihak ketiga berkaitan pembiayaan pembelian kenderaan dengan satu amaun agregat tidak kurang daripada jumlah tertentu bon-bon utama yang diterbitkan;

(ii) pemindahan pemegang amanah akaun belum terima berjumlah baki-baki tertentu;

(iii) pemindahan pemegang amanah belum terima pembiayaan pengguna dengan satu amaun agregat jika tidak kurang daripada 100% hingga 125% daripada jumlah baki pinjaman utama; dan

(iv) cagaran khusus adalah seperti berikut:

(1) penghutang dagangan tertentu;

(2) berdasarkan satu gadai janji pertama ke atas hartanah pembangunan untuk dijual (Nota 14(b)(i)); dan/atau tugasan semua hak dan faedah-faedah terhadap hartanah pembangunan dan satu jaminan korporat berlanjutan, dan

(3) gadai janji pertama tanah terletak di 50 North Canal Road dan bangunan di atasnya, tugasan hak-hak dan faedah-faedah semua perjanjian sewaan dimasukkan dalam salah satu daripada subsidiari-subsidiari dan penyewa-penyewa, tugasan semua perolehan insurans dan kontrak pembinaan berkaitan dengan bangunan, dan satu jaminan korporat daripada sebuah syarikat subsidiari.

Kadar faedah pinjaman-pinjaman ini adalah daripada 1.0% hingga 12.0% (31 Disember 2011: 1.0% hingga 16.0% dan 1 Julai 2011: 5.0% hingga 16.0%) setahun dan mempunyai tempoh matang antara 2 bulan hingga 54 bulan (31 Disember 2011: 0.5 bulan hingga 58 bulan dan 1 Julai 2011: 0.5 bulan hingga 44 bulan).

(b) Pinjaman tidak bercagar

(i) Pinjaman-pinjaman tidak bercagar adalah pinjaman berjangka dan penerimaan jurubank dalam matawang USD, IDR dan SGD. Pinjaman ini adalah tidak bercagar dan menanggung kadar-kadar faedah dalam di antara 0.8% hingga 15.0% (31 Disember 2011: di antara 0.6% hingga 8.8% dan 1 Julai 2011: di antara 0.8% hingga 10.3%) setahun.

(ii) Nota-nota berjangka sederhana berbilang matawang ("MTN")

Program MTN SGD800.0 juta

Pada bulan November 2006, Maybank Kim Eng Holdings Limited, sebuah syarikat subsidiari Bank, telah menerbitkan program MTN berjumlah SGD300.0 juta. Jumlah agregat prinsipal maksimum nota-nota yang boleh diterbitkan di bawah program itu dinaikkan kepada SGD800.0 juta berkuat kuasa mulai 18 Jun 2010. Di bawah program MTN, syarikat-syarikat subsidiari menerbitkan nota-nota bersiri atau berperingkat (tranche) dari semasa ke semasa, iaitu Dolar Singapura atau mana-mana matawang lain dianggap sesuai pada masa itu. Setiap siri atau peringkat nota-nota berkenaan boleh dikeluarkan dalam pelbagai jumlah atau amaun dan tempoh pemegangan dan boleh dalam kadar faedah berkadar tetap, terapung, pelbagai atau hibrid atau boleh tidak dikenakan kadar faedah. Nota-nota membentuk kewajipan langsung, tanpa syarat, tanpa subordinat dan tanpa cagar ke atas syarikat-syarikat subsidiari dan setara tanpa sebarang kecenderungan atau keutamaan sesama mereka, dan juga setara kesemua kewajipan tidak bercagar semasa dan akan datang ke atas syarikat subsidiari.

28. PINJAMAN (SAMB.)

(b) Pinjaman tidak bercagar (samb.)

(ii) Nota-nota berjangka sederhana berbilang matawang ("MTN") (samb.)

Program MTN SGD800.0 juta (samb.)

Pada 31 Disember 2012, pinjaman tersebut menanggung faedah sebanyak 1.7% (31 Disember 2011: 2.4% dan 1 Julai 2011: dalam jajaran 2.2% hingga 2.4%) setahun dan mempunyai tempoh matang selama 7 bulan (31 Disember 2011: 7 bulan dan 1 Julai 2011: dalam jajaran antara 3 bulan kepada 12 bulan).

Program MTN USD2.0 bilion

Pada 18 April 2011, Bank menerbitkan sebuah program MTN berjumlah USD2.0 bilion. Program MTN ini akan membolehkan Bank menerbitkan dari semasa ke semasa nota subordinat dan/ atau taraf senior dalam matawang selain daripada Ringgit Malaysia pada bila-bila masa jika jumlah atau amaun agregat baki Nota pada bila-bila masa tidak melebihi USD2.0 bilion (atau setara dalam matawang lain) dalam nilai nominal.

Pada 7 Disember 2011 dan 22 Disember 2011, Bank telah menerbitkan Nota Senior, masing-masing berjumlah HKD572.0 juta dan JPY10.0 dengan tempoh matang pada tahun 2016 dan 2026 di bawah Program MTN. Pinjaman ini menanggung kadar faedah tetap, masing-masing sebanyak 2.7% dan 2.5% setahun.

Pada 10 Februari 2012, Bank menerbitkan Nota Senior berjumlah USD400.0 juta dengan tempoh matang pada tahun 2017 di bawah Program MTN. Pinjaman ini menanggung kadar faedah tetap sebanyak 3.0% setahun.

Pada 1 Mac 2012, Bank menerbitkan Nota Senior berjumlah HKD700.0 juta yang mempunyai tempoh matang pada tahun 2017 di bawah program MTN. Pinjaman ini menanggung faedah tetap sebanyak 2.85% setahun.

Pada 8 Mei 2012, Bank mengeluarkan Nota Senior berjumlah USD500.0 juta yang mempunyai tempoh matang pada 2014 di bawah program MTN. Pinjaman ini mempunyai faedah tetap sebanyak 2.00% setahun.

Program MTN USD5.0 juta

Pada 14 Mei 2012, Bank menerbitkan program MTN berjumlah USD5.0 bilion. Program ini membolehkan Bank menerbitkan nota taraf tertinggi dan/atau nota subordinat dari semasa ke semasa dalam matawang selain Ringgit Malaysia, jika jumlah atau amaun agregat baki Nota pada bila-bila masa tidak melebihi USD5.0 bilion (atau setara dalam matawang lain) dalam nilai nominal.

Pada 30 Mei 2012, Bank menerbitkan Nota Senior berjumlah JPY5.0 bilion dalam nilai nominal dengan tempoh matang pada tahun 2017 di bawah Program MTN. Pinjaman ini menanggung kadar faedah tetap sebanyak 0.85% setahun.

Pada 20 Julai 2012, Bank menerbitkan Nota Senior berjumlah HKD600.0 juta dengan tempoh matang pada tahun 2022 di bawah Program MTN. Pinjaman ini mempunyai kadar faedah tetap sebanyak 3.25% setahun.

29. TANGGUNGAN SUBORDINAT

	Nota	Kumpulan Pada 31.12.2012 RM'000	Pada 31.12.2011 RM'000	Pada 1.7.2011 RM'000
Bon subordinat Islam RM1,500 juta matang pada 2018	(i)	**1,509,738**	1,509,684	1,469,579
Bon subordinat RM1,500 juta matang pada 2017	(ii)	**–**	1,513,151	1,512,986
Sijil subordinat USD300 juta matang pada 2017	(iii)	**–**	954,340	907,272
Pinjaman berjangka subordinat RM3,100 juta matang pada 2023	(iv)	**–**	3,111,211	3,110,871
Nota subordinat modal SGD1,000 juta matang pada 2021	(v)	**2,517,605**	2,456,311	2,469,078
Sukuk subordinat RM1,000 juta matang pada 2021	(vi)	**1,010,782**	1,010,723	1,010,637
Bon subordinat BII IDR1.5 trilion BII matang pada 2018	(vii)	**380,864**	404,613	320,116
Nota subordinat RM2,000 juta matang pada 2021	(viii)	**2,029,987**	2,029,783	–
Bon subordinat BII IDR500 bilion matang pada 2018	(ix)	**158,841**	170,298	–
Nota subordinat RM750 juta matang pada 2021	(x)	**750,301**	750,326	–
Nota subordinat RM250 juta matang pada 2023	(xi)	**250,105**	250,113	–
Nota subordinat RM2,100 juta matang pada 2024	(xii)	**2,112,226**	–	–
Nota subordinat USD800 juta matang pada 2022	(xiii)	**2,468,888**	–	–
Bon subordinat BII IDR1 trilion BII matang pada 2019	(xiv)	**320,704**	–	–
		13,510,041	14,160,553	10,800,539

	Nota	Bank Pada 31.12.2012 RM'000	Pada 31.12.2011 RM'000	Pada 1.7.2011 RM'000
Bon subordinat Islam RM1,500 juta matang pada 2018	(i)	**1,509,738**	1,509,684	1,509,579
Bon subordinat RM1,500 juta matang pada 2017	(ii)	**–**	1,513,151	1,512,986
Sijil subordinat USD300 juta matang pada 2017	(iii)	**–**	954,340	907,272
Pinjaman berjangka subordinat RM3,100 juta matang pada 2023	(iv)	**–**	3,111,211	3,110,871
Nota subordinat modal SGD1,000 juta matang pada 2021	(v)	**2,517,605**	2,456,311	2,469,078
Nota subordinat RM2,000 juta matang pada 2021	(viii)	**2,029,987**	2,029,783	–
Nota subordinat RM750 juta matang pada 2021	(x)	**750,301**	750,326	–
Nota subordinat RM250 juta matang pada 2023	(xi)	**250,105**	250,113	–
Nota subordinat RM2,100 juta matang pada 2024	(xii)	**2,112,226**	–	–
Nota subordinat USD800 juta matang pada 2022	(xiii)	**2,468,888**	–	–
		11,638,850	12,574,919	9,509,786

29. TANGGUNGAN SUBORDINAT (SAMB.)

(i) Pada 15 Mei 2006, Bank telah menerbitkan Bon Subordinat Islam bernilai nominal RM1.5 bilion di bawah prinsip Syariah, Bai' Bithaman Ajil dengan kadar keuntungan sebanyak 5.00% setahun. Bon-bon ini adalah di bawah kategori bukan-panggilan 12 asas 7, dibayar dua kali setahun secara tertunggak pada bulan Mei dan November setiap tahun, dan akan matang pada bulan Mei 2018. Di bawah kategori bukan-panggilan 12 asas 7, Bank mempunyai opsyen untuk menebus bon-bon pada ulang tahun ketujuh atau tarikh dua kali setahun selanjutnya. Sekiranya Bank berkeputusan untuk tidak melaksanakan opsyennya untuk menebus Bon, para pemegang Bon akan layak menerima kadar keuntungan tahunan dipertingkatkan dalam jajaran daripada 0 hingga 70 mata asas daripada permulaan tahun ke-8 hingga ke tarikh matang terakhir.

(ii) Pada 13 April 2007, Bank telah menerbitkan Bon Subordinat bernilai nominal RM1.5 bilion dengan kadar kupon tetap sebanyak 4.00% setahun dibayar dua kali setahun secara tertunggak pada bulan April dan Oktober setiap tahun dan matang pada tahun 2017. Bank, tertakluk kepada kebenaran diperoleh lebih awal daripada Bank Negara Malaysia, boleh menebus Nota itu secara keseluruhan dan bukan secara sebahagiannya pada bila-bila masa selepas 5 tahun dari tarikh terbitannya atau pada setengah tahunan yang berikutnya bersama-sama faedah terakru. Sekiranya Bank membuat keputusan untuk tidak melaksanakan opsyen panggilan bagi menebus Bon, para pemegang Bon akan layak menerima kadar keuntungan tahunan dipertingkatkan sebanyak 100 mata asas daripada permulaan tahun ke-6 hingga ke tarikh matang terakhir. Bon subordinat ditebus sepenuhnya pada 13 April 2012.

(iii) Pada 25 April 2007, MBB Sukuk, Penerbit, (sebuah syarikat tujuan khas ("SPV"), ditubuhkan untuk menerbitkan Sijil Subordinat bernilai USD300.0 juta dengan kadar pengagihan berdasarkan LIBOR 6-bulan termasuk margin 0.33% setahun dibayar dua kali secara tertunggak pada bulan April dan Oktober pada setiap tahun. Hasil daripada Sijil Subordinat akan dibayar kepada Premier Sukuk Inc., sebuah lagi SPV yang ditubuhkan bagi transaksi ini dan kemudiannya dibayar semula kepada Bank. Bank, kemudiannya akan memindahkan pemegang hak pemilikan portfolio aset (mengandungi kontrak jual beli dan tunai) kepada Premier Sukuk dan kemudiannya kepada penerbit.

Portfolio aset diuruskan oleh Bank sejajar dengan Perjanjian Pengurusan. Sijil Subordinat akan matang pada tahun 2017. Penerbitnya tertakluk kepada kebenaran awal Bank Negara Malaysia, boleh menebus Sijil itu secara kesemuanya dan bukan sebahagiannya pada ulang tahun ke-5 tarikh terbitan atau pada sebarang tarikh pembayaran pengagihan dua kali setahun yang berikutnya.

Jika penerbitnya berkeputusan untuk tidak melaksanakan opsyen panggilan, pemegang sijil layak mendapat peningkatan margin 1.33% setahun pada tahun ke-6 sehingga tarikh matang terakhir.

Pemegang sijil akan mempunyai penyelesaian pada asas subordinat kepada Bank selaras dengan Surat Ikatan Janji Jual beli.

Sijil Subordinat telah ditebus sepenuhnya pada 25 April 2012.

(iv) Pada 28 November 2008, Bank ("Peminjam") memperoleh Kemudahan Pinjaman Berjangka Subordinat Modal Tahap 2 ("Kemudahan") bernilai RM3.1 bilion bagi tempoh lima belas tahun (15) daripada tarikh pengeluaran dibuat dengan peminjam diberi opsyen untuk menebus kemudahan itu pada Tarikh Penebusan Pilihan atau pada masa lain yang dipersetujui di antara Pemberi Pinjam dan Peminjam. Tarikh Penebusan Pilihan itu adalah pada ulang tahun kesepuluh (10) daripada tarikh penggunaannya atau pada sebarang tarikh pembayaran faedah dua kali setahun berikutnya. Kemudahan itu mempunyai kadar faedah tetap sebanyak 4.00%, setahun, dibayar dua kali setahun secara tertunggak.

Pada ulang tahun ke-10 daripada tarikh diterbitkan, kadar faedah akan dinaikkan sekali dengan agregat bersamaan 100 mata asas dan kadar lazim pasaran yang dipersetujui antara Pemberi Pinjaman dan Peminjam berdasarkan penarafan kredit Peminjam bagi bon subordinat Tahap 2 sambil memberikan pertimbangan lain antaranya hasil matang bon lima (5) tahun dan hasil terakhir bon subordinat Tahap 2 diurus niagakan dan lain-lain penarafan yang dilihat sebanding.

Kemudahan itu layak diiktiraf sebagai Modal Tahap 2 Bank untuk tujuan keperluan kecukupan modal yang dikeluarkan BNM.

Kemudahan itu ditebus sepenuhnya pada 2 Julai 2012.

29. TANGGUNGAN SUBORDINAT (SAMB.)

(v) Pada 28 April 2011, Bank menerbitkan Nota Subordinat bernilai nominal SGD1.0 bilion di bawah program MTN dengan kadar faedah tetap sebanyak 3.80% setahun yang dibayar dua kali setahun pada bulan April dan Oktober setiap tahun dan matang pada 2021. Bank, tertakluk kepada kebenaran daripada Bank Negara Malaysia, boleh menebus Nota itu secara keseluruhan dan bukan sebahagiannya pada 28 April 2016 (tarikh penebusan opsyen pertama) dan pada setengah tahun yang berikutnya bersama-sama faedah terakru. Sekiranya Bank mengambil keputusan untuk tidak melaksanakan opsyen panggilan bagi menebus bon, para pemegang Bon Subordinat layak menerima kadar keuntungan daripada semakan semula kadar faedah daripada tarikh penebusan opsyennya yang pertama hingga (tapi tidak termasuk) tarikh matang sebagai jumlah (i) tebaran awal; dan (ii) kadar diminta bagi Kadar Tawaran Swap 5 tahun pada tarikh penebusan pilihan yang pertama.

(vi) Pada 31 Mac 2011, Maybank Islamic Berhad, syarikat subsidiari Bank, telah menerbitkan sukuk subordinat Islam Tahap 1 (Tier 1) bernilai nominal RM1.0 bilion berdasarkan prinsip-prinsip Syariah Musyarakah. Sukuk itu mempunyai tempoh pemegangan selama 10 tahun dari tarikh terbitannya di bawah kategori bukan panggilan 10 asas 5, dengan kadar keuntungan tahunan 4.22% dibayar dua kali setahun secara tertunggak pada bulan Mac dan September dan akan matang pada bulan Mac 2021. Syarikat subsidiari mempunyai opsyen untuk menebus sukuk pada tarikh pengagihan dua kali setahun pada atau selepas ulang tahun ke-5 dari tarikh terbitannya. Sekiranya syarikat subsidiari berkeputusan untuk tidak melaksanakan opsyennya untuk menebus sukuk, ia akan terus berbaki sehingga tarikh matang yang akhir.

(vii) Pada 19 Mei 2011, syarikat subsidiari, BII telah menerbitkan nota subordinat bernilai IDR1.5 trilion yang mana IDR0.6 trilion dipegang oleh Bank. Nota tidak dijamin dengan cagaran khusus tetapi melibatkan kesemua aset BII sama ada aset tetap atau aset tidak tetap semasa atau pada masa depan. Nota akan matang pada 19 Mei 2018. Nota tersebut mempunyai kadar faedah tetap sebanyak 10.75% setahun dibayar setiap suku tahun, pembayaran kupon pertama dibuat pada 19 Ogos 2011. Nota itu telah diluluskan oleh Bank Indonesia melalui surat bertarikh 23 Jun 2011 untuk layak sebagai Modal Tahap 2 syarikat subsidiari.

(viii) Pada 15 Ogos 2011, Bank menerbitkan Nota Subordinat RM2.0 bilion di bawah Program Nota Subordinat Maybank sehingga RM3.0 bilion yang akan matang pada tahun 2021. Nota itu menanggung kadar faedah tetap sebanyak 4.10% setahun yang dibayar dua kali setahun secara tertunggak pada bulan Februari dan Ogos setiap tahun. Bank tertakluk kepada kebenaran daripada Bank Negara Malaysia, boleh menebus Nota itu secara keseluruhan dan bukan sebahagiannya pada 15 Ogos 2016 (tarikh Panggilan Pertama) dan pada tarikh pembayaran faedah setengah tahunan yang berikutnya pada jumlah prinsipal bersama-sama kupon terakru tetapi tidak berbayar.

(ix) Pada 6 Disember 2011, syarikat subsidiari, BII telah menerbitkan nota subordinat bernilai IDR500 bilion yang mana IDR15 bilion dipegang oleh Bank. Nota mempunyai kadar faedah tetap sebanyak 10.00% setahun dengan tempoh tujuh (7) tahun pemegangan sejak tarikh terbitan. Faedahnya akan dibayar berdasarkan Tarikh Pembayaran Faedah Nota ini. Pembayaran faedah pertama akan dibuat pada 6 Mac 2012, manakala tarikh pembayaran faedah terakhir dan Nota akan matang pada 6 Disember 2018.

(x) Pada 28 Disember 2011, Bank menerbitkan Nota Subordinat RM750.0 juta di bawah Program Nota Subordinat Maybank sehingga RM3.0 bilion yang matang pada tahun 2021. Nota itu menanggung kadar faedah tetap sebanyak 3.97% setahun yang dibayar dua kali setahun secara tertunggak pada bulan Jun dan Disember setiap tahun. Bank tertakluk kepada kebenaran Bank Negara Malaysia, boleh menebus Nota itu secara keseluruhan dan bukan sebahagiannya pada 28 Disember 2016 (tarikh Panggilan Pertama) dan pada tarikh pembayaran faedah setengah tahun yang berikutnya pada jumlah prinsipal bersama-sama kupon terakru tetapi tidak berbayar.

29. TANGGUNGAN SUBORDINAT (SAMB.)

(xi) Pada 28 Disember 2011, Bank menerbitkan Nota Subordinat RM250.0 juta di bawah Program Nota Subordinat Maybank sehingga RM3.0 bilion yang akan matang pada tahun 2023. Nota itu menanggung kadar faedah tetap sebanyak 4.12% setahun yang dibayar dua kali setahun secara tertunggak pada bulan Jun dan Disember setiap tahun. Bank tertakluk kepada kebenaran Bank Negara Malaysia, boleh menebus Nota itu secara keseluruhan dan bukan sebahagiannya pada 28 Disember 2018 (tarikh Panggilan Pertama) dan pada tarikh pembayaran faedah setengah tahunan yang berikutnya pada jumlah prinsipal bersama-sama kupon terakru tetapi belum dibayar.

(xii) Pada 10 Mei 2012, Bank menerbitkan Nota Subordinat bernilai nominal RM2.1 bilion di bawah Program Nota Subordinat sehingga RM7 bilion yang matang pada tahun 2024. Nota ini menanggung kadar faedah tetap sebanyak 4.25% setahun dan dibayar dua kali setahun pada bulan Mei dan November setiap tahun. Bank tertakluk kepada kebenaran Bank Negara Malaysia, boleh menebus Nota Subordinat secara keseluruhan dan bukan sebahagiannya pada 10 Mei 2019 (Tarikh Panggilan Pertama) dan pada setengah tahunan yang berikutnya pada jumlah prinsipal dan kupon terakru tetapi belum dibayar.

(xiii) Pada 20 September 2012, Bank menerbitkan Nota Subordinat bernilai nominal USD800.0 juta daripada Program Nota Berjangka Sederhana Berbilang Matawang USD5.0 bilion. Bank tertakluk kepada kebenaran Bank Negara Malaysia, boleh menebus Nota Subordinat secara keseluruhan dan bukan sebahagiannya pada 20 September 2017 (Tarikh Panggilan Pertama). Nota Subordinat ini menanggung kadar faedah tetap sebanyak 3.25% setahun daripada tarikh terbitan tetapi tidak termasuk Tarikh panggilan Pertama yang dibayar dua kali secara tertunggak pada bulan Mac dan September setiap tahun. Kadar faedah Nota itu dibayar pada mula dan Tarikh Panggilan Pertama tetapi tidak termasuk tarikh matang akan ditentukan semula pada kadar tetap bersamaan kadar lazim perbendaharaan AS bagi tempoh 5 tahun pada 20 September 2017 termasuk tambahan 2.6% setahun, dibayar setiap setengah tahun secara tertunggak.

(xiv) Pada 31 Oktober 2012, syarikat subsidiari, BII telah menerbitkan Nota Subordinat bernilai IDR1.0 trilion. Nota Subordinat mempunyai kadar faedah tetap sebanyak 9.25% setahun dan tarikh matangnya adalah 31 Oktober 2019.

Faedah Nota Subordinat akan dibayar pada setiap suku tahun berdasarkan Tarikh Pembayaran Faedah Nota ini. Pembayaran faedah pertama akan dibuat pada 31 Januari 2013 manakala bayaran faedah terakhir dan tempoh matang Nota pula dibuat pada 6 Disember 2018.

Faedah/kadar keuntungan bagi kesemua instrumen subordinat di atas berada dalam jajaran 3.25% hingga 10.75% (31 Disember 2011: dalam jajaran antara 0.77% hingga 10.75% dan 1 Julai 2011: dalam jajaran antara 4.00% hingga 6.13%) setahun.

Kesemua instrumen subordinat di atas merupakan liabiliti tidak bercagar Kumpulan dan Bank serta dan disubordinatkan kepada hutang-hutang taraf tertinggi Kumpulan dan Bank di bawah syarat dan peraturan terbitan masing-masing.

30. SEKURITI MODAL

	Nota	Kumpulan dan Bank Pada 31.12.2012 RM'000	Pada 31.12.2011 RM'000	Pada 1.7.2011 RM'000
Sekuriti modal tercantum ("NCPCS") bernilai RM3,500 juta 6.85%		**3,503,284**	3,503,275	3,502,620
Ditolak: Kos urus niaga		**(2,686)**	(2,686)	(2,686)
Ditambah: Pelunasan terkumpul atas kos urus niaga		**998**	751	631
	(a)	**3,501,596**	3,501,340	3,500,565
Sekuriti Modal Tahap 1 Inovatif 6.00% bernilai SGD600 juta ("SGD600 juta IT1CS")		**1,536,119**	1,500,936	1,508,921
Ditolak: Kos urus niaga		**(8,514)**	(8,514)	(8,514)
Ditambah: Pelunasan terkumpul atas kos urus niaga		**3,228**	2,415	2,024
	(b)	**1,530,833**	1,494,837	1,502,431
Sekuriti Modal Tahap 1 Inovatif RM1,100 juta 6.30% ("RM1.1 bilion IT1CS")		**1,118,607**	1,118,366	1,118,607
Ditolak: Kos urus niaga		**(1,063)**	(1,063)	(1,063)
Pelunasan terkumpul atas kos urus niaga		**378**	281	234
	(c)	**1,117,922**	1,117,584	1,117,778
		6,150,351	6,113,761	6,120,774

(a) NCPCS

Pada 27 Jun 2008, Kumpulan telah menerbitkan sekuriti bernilai nominal RM3,500 juta terdiri daripada:

(a) Sekuriti Modal Berterusan Tidak Terkumpul ("NCPCS") yang diterbitkan oleh Bank dan disertakan dengan Nota-nota Subordinat yang dinyatakan di bawah; dan

(b) Nota-nota Subordinat yang diterbitkan oleh Cekap Mentari Berhad ("CMB"), sebuah syarikat subsidiari milik penuh Bank.

(Kesemuanya dikenali sebagai "Sekuriti Modal Tercantum").

30. MODAL SAHAM (SAMB.)

(a) NCPCS (samb.)

Sehingga kejadian yang ditetapkan berlaku, Sekuriti Modal Tercantum tidak boleh dipindahkan, diurus niaga dan didagangkan secara berasingan. Pada tempoh kejadian yang ditetapkan itu, Sekuriti Modal Tercantum akan dirungkaikan dengan pelabur hanya boleh memegang NCPCS manakala pemilikan Nota Subordinat akan dipegang oleh Bank selaras dengan kontrak belian hadapan yang dimeterai oleh Bank. Kecuali dinyatakan sebaliknya di bawah syarat-syarat Sekuriti Modal Tercantum, tempoh kejadian yang ditetapkan boleh berlaku pada tarikh pembayaran faedah buat kali ke-20 atau 10 tahun daripada tarikh terbitan Nota Subordinat.

Setiap NCPCS dan Nota Subordinat mempunyai kadar faedah tetap sebanyak 6.85% setahun. Bagaimanapun, pengagihan NCPCS tidak akan mula terakru sehingga Nota Subordinat diserah semula kepada Bank seperti mana dirujuki di atas. Sehubungan itu, Sekuriti Modal Tercantum akan diterbitkan oleh Bank pada kadar faedah 6.85% setahun. Kadar faedah itu boleh dibayar dua kali setahun secara tertunggak.

NCPCS diterbitkan untuk dikekalkan kecuali ditebus di dalam tempohnya. NCPCS boleh ditebus mengikut opsyen Maybank pada tarikh pembayaran faedah kali ke-20 atau 10 tahun dari tarikh terbitan Nota Subordinat, atau sebarang tarikh pengagihan NCPCS kemudiannya tertakluk kepada syarat penebusan dipenuhi. Nota Subordinat mempunyai tempoh selama 30 tahun kecuali ditebus awal di bawah tempohnya. Nota Subordinat boleh ditebus mengikut opsyen CMB pada mana-mana tarikh pembayaran faedah yang tidak boleh lebih awal daripada tarikh kejadian yang ditetapkan, tertakluk kepada syarat penebusan dipenuhi.

Sekuriti Modal Tercantum memenuhi Garis Panduan Bank Negara Malaysia bagi Instrumen Modal Bukan Inovatif Tahap 1. Ia mewakili kewajipan subordinat dan tidak terjamin Kumpulan. Tuntutan ke atas NCPCS adalah bersifat setara dan tidak mempunyai keutamaan antara sekuriti modal Tahap 1 lain Bank dan juga saham kelas paling rendah tetapi mempunyai keutamaan daripada segi hak dan membuat tuntutan oleh pemegang saham biasa Bank. Nota Subordinat adalah setara dan tidak mempunyai keutamaan antara nota-nota dan dengan nota kelas paling rendah atau saham keutamaan CMB.

"Kejadian yang ditetapkan" merujuk kepada sebarang keadaan berikut:

(a) Bank gagal mematuhi keperluan nisbah kecukupan modal minimum Bank Negara Malaysia yang diterima pakai untuk penerbit NCPCS; atau

(b) Terdapat tindakan undang-undang supaya Bank atau CMB dibubarkan; atau

(c) Pentadbir dilantik untuk melakukan penstrukturan terhadap Bank; atau

(d) Berlakunya kemungkiran pembayaran pengagihan NCPCS atau pembayaran faedah Nota Subordinat; atau

(e) CMB sama ada secara langsung atau sebaliknya tidak lagi menjadi subsidiari milik penuh Bank; atau

(f) Bank Negara Malaysia mengehendaki kejadian yang ditetapkan berlaku; atau

(g) Bank memilih kejadian yang ditetapkan itu berlaku; atau

(h) Tarikh pembayaran faedah Nota Subordinat kali ke-20; atau

(i) Tempoh 60 hari selepas kejadian kawal selia (bermakna pada bila-bila masa terdapat lebih banyak risiko tidak ketara, seperti mana ditentukan oleh Bank dan NCPCS tidak lagi layak menjadi modal Bukan Inovatif Tahap 1 Bank untuk tujuan keperluan kecukupan modal Bank Negara Malaysia di bawah peraturan yang berkenaan) telah berlaku, tertakluk kepada pihak berkuasa untuk terus beroperasi selepas 60 hari; atau

(j) Sebarang penangguhan pembayaran faedah Nota Subordinat; atau

(k) 30 tahun daripada tarikh terbitan Nota Subordinat.

30. MODAL SAHAM (SAMB.)

(a) NCPCS (samb.)

Sebagai tambahan dalam kaedah penebusan, NCPCS dan Nota Subordinat boleh ditebus dalam keadaan berikut:

(a) Sekiranya NCPCS dan Nota Subordinat diterbitkan bagi tujuan pembiayaan penggabungan atau pemerolehan yang kemudiannya dibatalkan, atas pilihan Bank dan CMB dan tertakluk kepada kelulusan awal Bank Negara Malaysia;

(b) Pada bila-bila masa terdapat risiko tidak ketara yang lebih tinggi berkaitan dengan pindaan peraturan percukaian yang diterima pakai, seperti yang ditentukan oleh Bank atau CMB, yang mungkin mengakibatkan Bank atau CMB membayar jumlah tambahan atau tidak lagi berupaya untuk memotong faedah Nota Subordinat atau pinjaman antara syarikat (antara Bank dengan CMB) bagi tujuan cukai; dan

(c) Pada bila-bila masa sekiranya risiko tidak ketara yang lebih tinggi berkaitan dengan pindaan keperluan modal kawal selia diterima pakai, seperti yang ditentukan oleh Bank atau CMB, mungkin mengakibatkan menarik balik kelayakan NCPCS untuk mengakibatkan dianggap sebagai sebahagian modal Bukan Inovatif Tahap 1 bagi tujuan keperluan modal badan kawal selia.

(b) SGD600 juta IT1CS

Pada 11 Ogos 2008, Bank menerbitkan IT1CS juta SGD600 boleh dipanggil dengan kenaikan pada tahun 2018 pada kadar tetap 6.00%.

SDG600 juta IT1CS membayar kadar faedah tetap dari dan termasuk 11 Ogos 2008 hingga (tetapi tidak termasuk) 11 Ogos 2018 (Tarikh Kali Pertama Ditetapkan Semula), dibayar dua kali setahun secara tertunggak pada 11 Februari dan 11 Ogos setiap tahun bermula pada 11 Februari 2009. SGD600 juta IT1CS mempunyai mekanisme penyelesaian stok prinsipal untuk menebus IT1CS pada tahun ke-60 daripada tarikh terbitannya. Bank, bagaimanapun mempunyai opsyen untuk menebus IT1CS pada ulang tahun ke-10 daripada tarikh terbitan. Pada ulang tahun ke-10 terbitan itu, kadar faedah akan ditingkatkan kepada kadar terapung, ditetapkan semula pada setiap sukuan tahun, pada tebaran kredit awal termasuk 100 mata asas di atas Kadar Tawaran Swap SGD melebihi tiga bulan.

IT1CS akan mewakili kewajipan subordinat secara terus dan tidak terjamin Bank dan bersifat sama tara tanpa mempunyai sebarang keutamaan di kalangan mereka dan setara dengan sekuriti Tahap 1 lain.

(c) RM1.1 bilion IT1CS

Pada 25 September 2008, Bank menerbitkan IT1CS RM1.1 bilion boleh dipanggil dengan kenaikan pada tahun 2018 pada kadar tetap sebanyak 6.30% di bawah Sekuriti Modal Tahap 1 Inovatif RM4.0 bilion. IT1CS RM1.1 bilion yang matang pada 25 September 2068 juga membayar kadar faedah tetap dan boleh panggil pada 25 September 2018 dan pada setiap tarikh pembayaran kadar faedah selanjutnya. Pada ulang tahun ke-10 daripada tarikh terbitan itu, kadar faedah akan ditingkatkan kepada kadar terapung, ditetapkan semula setiap sukuan tahun, pada tebaran kredit awal termasuk 100 mata asas di atas Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur bagi deposit RM 3-bulan.

IT1CS akan mewakili kewajipan subordinat secara terus dan tidak terjamin Bank dan bersifat sama tara tanpa mempunyai sebarang keutamaan dalam kalangannya dan setara dengan sekuriti Tahap 1 lain.

31. MODAL SAHAM, BAYARAN BERASASKAN SAHAM DAN SAHAM DIPEGANG DALAM AMANAH

Kumpulan dan Bank	Bilangan Saham biasa RM1 sesaham		Jumlah	
	Pada 31.12.2012 '000	Pada 31.12.2011 '000	Pada 31.12.2012 RM'000	Pada 31.12.2011 RM'000
Dibenarkan:				
Pada 1 Januari 2012/1 Julai 2011	**10,000,000**	10,000,000	**10,000,000**	10,000,000
Diwujudkan dalam tahun/tempoh kewangan	**–**	–	**–**	–
Pada 31 Disember	**10,000,000**	10,000,000	**10,000,000**	10,000,000
Diterbitkan dan dibayar penuh:				
Pada 1 Januari 2012/1 Julai 2011	**7,639,437**	7,478,206	**7,639,437**	7,478,206
Saham diterbitkan di bawah:				
– Pelan Pelaburan Semula Dividen ("DRP") diterbitkan pada:				
– 28 Disember 2011	**–**	161,221	**–**	161,221
– 5 Jun 2012	**202,854**	–	**202,854**	–
– 29 Oktober 2012	**173,144**	–	**173,144**	–
– Skim Saham Pekerja Kumpulan Maybank:				
– Skim Opsyen Saham Pekerja ("ESOS")	**1,119**	10	**1,119**	10
– Unit Saham Terhad Tambahan ("SRSU")	**37**	–	**37**	–
– Saham dipegang dalam amanah	**11,455**	–	**11,455**	–
– Penempatan swasta	**412,000**	–	**412,000**	–
Pada 31 Disember	**8,440,046**	7,639,437	**8,440,046**	7,639,437

31. MODAL SAHAM, BAYARAN BERASASKAN SAHAM DAN SAHAM DIPEGANG DALAM AMANAH (SAMB.)

(a) Kenaikan modal terbitan dan dibayar

Dalam tahun kewangan semasa, Bank meningkatkan modal terbitan dan dibayarnya daripada RM7,639,437,483 kepada RM8,440,046,735 melalui:

(i) Terbitan 1,118,700 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham secara tunai kepada yang layak untuk melaksanakan opsyen di bawah ESOS seperti mana dinyatakan dalam Nota 31(d)(ii).

(ii) Terbitan 202,854,119 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham timbul daripada Pelan Pelaburan Semula Dividen ("DRP") berkaitan bahagian terpilih (electable) dividen terakhir sebanyak 24 sen (bersih) bagi tempoh kewangan berakhir pada 31 Disember 2011, seperti yang dinyatakan dalam Nota 46(c)(i).

(iii) Terbitan 173,144,233 saham biasa baru (termasuk 286,367 saham biasa baru diterbitkan kepada ESOS Trust Fund ("ETF") Pool) bernilai RM1.00 sesaham timbul daripada Pelan Pelaburan Semula Dividen (DRP) berkaitan bahagian boleh pilih (electable) dividen interim sebanyak 21 sen (bersih) bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2012, seperti mana dinyatakan dalam Nota 46(c)(ii).

(iv) Terbitan 11,454,700 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham dipegang dalam ESOS Trust Fund ("ETF") Pool sejajar dengan ESS semasa, seperti mana yang dinyatakan dalam Nota 31(c)(v).

(v) Terbitan 412,000,000 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham timbul daripada Penempatan Swasta dilaksanakan sejajar dengan mandat diterima daripada pemegang saham di bawah Seksyen 132D Akta Syarikat 1965 dalam Mesyuarat Agung Tahunan Maybank yang diadakan pada 29 Mac 2012 seperti mana yang dinyatakan dalam Nota 55(I).

(vi) Terbitan 37,500 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham timbul daripada Unit Saham Terhad Tambahan ("SRSU") dinyatakan dalam Nota 31(e)(iv).

(b) Pelan Pelaburan Semula Dividen ("DRP")

Pada 25 Mac 2010, Maybank mengumumkan cadangan pelaksanaan Pelan Pelaburan Semula Dividen ("DRP") yang memberikan pilihan kepada para pemegang saham Maybank ("pemegang saham"), untuk melabur semula dividen mereka dalam bentuk saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham di dalam Maybank ("Saham Maybank") ("dikenali sebagai Pelan Pelaburan Semula Dividen) ("DRP").

Rasional pelaksanaan Pelan Pelaburan Semula Dividen adalah seperti berikut:

(i) meningkatkan dan memaksimumkan nilai pemegang saham melalui langganan Maybank yang mana harga terbitan sesahamnya ditawarkan pada diskaun;

(ii) memberi lebih fleksibiliti kepada para pemegang saham untuk memenuhi matlamat pelaburan mereka, sama ada menerima wang tunai atau melabur semula dalam Bank melalui langganan tambahan saham Maybank tanpa perlu menanggung kos transaksi atau kos lain-lain yang berkaitan;

(iii) mendapat faedah daripada penyertaan pemegang saham dalam DRP di mana jika pemegang saham yang memilih untuk melabur semula dalam saham Maybank baru, wang tunai yang sepatutnya akan dibayar dalam bentuk dividen akan dilabur semula ke dalam dana untuk meneruskan pertumbuhan perniagaan Kumpulan. DRP itu bukan hanya memperbesarkan asas modal saham Maybank dan mengukuhkan kedudukan modalnya tetapi juga menambah kecairan saham Maybank di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Securities").

Pada bila-bila masa pengumuman dividen tunai (sama ada interim, akhir, khas atau dividen lain) dibuat, Lembaga Pengarah boleh menggunakan budi bicara mutlaknya untuk menentukan sama ada DRP akan melibatkan keseluruhan atau sebahagian dividen berkenaan ("Electable Portion") yang mana baki sebahagian lagi akan dibayar tunai; dan

31. MODAL SAHAM, BAYARAN BERASASKAN SAHAM DAN SAHAM DIPEGANG DALAM AMANAH (SAMB.)

(b) Pelan Pelaburan Semula Dividen ("DRP") (samb.)

(iv) Setiap pemegang saham diberikan pilihan berikut untuk pelaburan semula dividen ("Electable Portion"):

(1) memilih menerima bahagian yang boleh dilabur semula dalam tunai; atau

(2) memilih melabur semula seluruh bahagian itu ke dalam saham baru Maybank yang dikreditkan sebagai dibayar sepenuhnya pada harga terbitan yang akan ditentukan pada tarikh penetapan harga selepas menerima kelulusan daripada semua pihak pengawal selia yang berkaitan.

(c) Skim Saham Kakitangan Kumpulan Maybank ("ESS")

Skim Saham Kakitangan Kumpulan Maybank ("ESS") ditadbir oleh undang-undang kecil diluluskan oleh pemegang saham di Mesyuarat Agung Luar biasa yang berlangsung pada 13 Jun 2011. ESS telah dilaksanakan pada 23 Jun 2011 dan dikuatkuasakan untuk satu tempoh sah selama tujuh (7) tahun daripada tarikh tersebut.

Bilangan maksimum saham biasa RM1.00 sesaham dalam Bank yang tersedia di bawah ESS tidak sepatutnya melebihi 10% jumlah keseluruhan modal terbitan dan dibayar Bank pada bila-bila masa semasa tempoh skim. Ciri utama lain ESS adalah seperti berikut:

(i) Kakitangan-kakitangan yang layak menyertai ESS mesti yang diambil bekerja untuk tempoh sepenuh masa dan dibayar gajinya oleh Kumpulan Maybank dan disahkan dalam perkhidmatan.

Kumpulan Maybank meliputi Bank dan cawangan-cawangan luar negara dan syarikat subsidiarinya di Malaysia tetapi tidak termasuk syarikat-syarikat subsidiari tersenarai, beroperasi di luar negara dan tidak aktif;

(ii) Kelayakan ESS untuk Pengarah Eksekutif, termasuk sesiapa yang berkaitan dengan pengarah-pengarah, tertakluk kepada kelulusan pemegang saham Bank dalam mesyuarat agung.

(iii) ESS akan dilaksanakan untuk satu tempoh maksimum selama tujuh (7) tahun daripada tarikh dikuatkuasakan.

Meskipun yang dinyatakan di atas, Bank boleh menamatkan ESS pada bila-bila masa semasa tempoh skim tertakluk kepada:

- persetujuan pemegang saham Maybank pada mesyuarat agung yang menyaksikan sekurang-kurangnya majoriti pemegang saham, hadir dan mengundi menyokong penamatan; dan

- persetujuan bertulis semua peserta ESS yang belum melaksanakan opsyen ESS mereka sama ada melibatkan sebahagian atau keseluruhan saham dan semua peserta Perjanjian Unit Saham Terhad ("RSU").

Apabila ESS ditamatkan, kesemua saham ESS yang tidak dilaksanakan dan/atau RSU yang tidak diberikan hak dianggap batal dan menjadi terbatal dan tidak sah.

(iv) ESS mengandungi Skim Opsyen Saham Pekerja ("ESOS") dan Unit Saham Terhad ("RSU") dan Skim Opsyen Berdasarkan Prestasi Dibayar Tunai ("CESS").

(1) <u>ESOS</u>

Untuk penganugerahan ESOS, Bank dari semasa ke semasa ketika dalam tempoh tawaran, boleh menawarkan saham opsyen kepada kakitangan yang layak pada Tarikh Tawaran. Tertakluk kepada penerimaan para pesertanya, mereka akan diberikan opsyen ESOS yang boleh dilaksanakan untuk sepanjang tempoh lima (5) tahun dengan melanggan saham biasa dibayar sepenuhnya bernilai RM1.00 sesaham di dalam Bank, tertakluk kepada kesemua syarat dipenuhi termasuk syarat berkaitan prestasi.

31. MODAL SAHAM, BAYARAN BERASASKAN SAHAM DAN SAHAM DIPEGANG DALAM AMANAH (SAMB.)

(c) Skim Saham Kakitangan Kumpulan Maybank ("ESS") (samb.)

(iv) ESS mengandungi Skim Opsyen Saham Pekerja ("ESOS") dan Unit Saham Terhad ("RSU") dan Skim Opsyen Berdasarkan Prestasi Dibayar Tunai ("CESS") (samb.).

(2) RSU

Untuk penganugerahan RSU, Bank dari semasa ke semasa dalam tempoh tawaran, boleh menjemput peserta yang terpilih memeterai perjanjian dengan Bank yang kemudiannya menawarkan skim saham tertakluk syarat-syarat perkhidmatan dan prestasi telahpun dipenuhi. Skim saham di bawah penganugerahan RSU hanya meletak hak berdasarkan jadual tergantung (cliff vesting schedule) tiga tahun atau dua tahun untuk penganugerahan RSU tambahan, tertakluk kesemua syarat peletakan hak dipenuhi.

(3) CESS

Skim Berdasarkan Prestasi Dibayar Secara Tunai ("CESS") mengandungi Skim Opsyen Berasaskan Prestasi Dibayar Secara Tunai ("CESOS") dan Skim Unit Saham Terhad Berasaskan Prestasi Dibayar Secara Tunai ("CRSU") akan ditawarkan pada masa yang sesuai kepada kakitangannya yang layak di cawangan luar negara dan syarikat-syarikat subsidiari termasuk PT Bank Internasional Indonesia Tbk, PT Bank Maybank Syariah Indonesia, Maybank Philippines Incorporated dan Maybank (PNG) Limited, tertakluk kepada pencapaian prestasi kriteria yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dan amalan pasaran yang lazim di negara-negara berkenaan.

(v) Ciri-ciri utama penganugerahan ESOS adalah seperti berikut:

- Pada 23 Jun 2011, Bank telah meluluskan lima (5) peringkat (tranche) ESOS sebanyak opsyen berjumlah 405,308,500 berdasarkan atas andaian bahawa kakitangan yang layak telah memenuhi purata sasaran prestasi ("Pemberian ESOS Pertama"). Peringkat atau tranche pertama ESOS di bawah kelulusan ESOS pertama berjumlah 80,871,000 opsyen telah diletakkan hak dan dilaksanakan pada 30 Jun 2011. Peringkat atau tranche kedua ESOS di bawah Pemberian ESOS Pertama menyaksikan sejumlah 42,136,100 opsyen diletakkan hak dan dilaksanakan pada 30 April 2012 manakala baki-baki dan bilangan ESOS berkaitan akan diletakkan hak dan dilaksanakan apabila syarat-syarat yang ditetapkan dipenuhi termasuk tempoh perkhidmatan, sasaran prestasi dan tempoh prestasi.

- Pada 30 April 2012, Bank telah meluluskan lima (5) peringkat (tranche) ESOS opsyen berjumlah sebanyak 62,339,000 berdasarkan andaian bahawa kakitangan yang layak telah memenuhi purata sasaran prestasi ("Pemberian ESOS Kedua"). Peringkat atau tranche pertama ESOS di bawah kelulusan ESOS Kedua berjumlah 6,185,800 opsyen telah diletakkan hak dan dilaksanakan pada 30 April 2012 manakala baki dan bilangan ESOS berkaitan akan diletakkan hak dan dilaksanakan apabila syarat-syarat yang ditetapkan dipenuhi termasuk tempoh perkhidmatan, sasaran prestasi dan tempoh prestasi.

- Saham biasa baru dalam Bank yang diperuntukkan apabila opsyen dilaksanakan di bawah skim berkenaan adalah setara dalam semua aspek dengan saham-saham biasa sedia wujud kecuali saham biasa baru tidak layak mendapat sebarang dividen atau lain-lain pengagihan yang diumumkan, dibuat dan dibayar kepada pemegang saham sebelum tarikh peruntukan saham biasa baru itu dan tertakluk kepada semua peruntukan Tataurusan Penubuhan Bank berkaitan pemindahan, penghantaran dan sebaliknya.

31. MODAL SAHAM, BAYARAN BERASASKAN SAHAM DAN SAHAM DIPEGANG DALAM AMANAH (SAMB.)

(c) Skim Saham Kakitangan Kumpulan Maybank ("ESS") (samb.)

(v) Ciri-ciri utama penganugerahan ESOS adalah seperti berikut (samb.):

- Harga langganan ESOS adalah pada Harga Pasaran Dagangan Purata Berwajaran ("VWAMP") saham Maybank untuk tempoh lima (5) hari pasaran sebelum tarikh tawaran tanpa kelayakan mendapat sebarang diskaun.

- Dalam melaksanakan ESS, Bank telah mewujudkan sebuah amanah yang akan ditadbir oleh Pemegang Amanah. Untuk membolehkan Pemegang Amanah melanggan saham baru untuk tujuan-tujuan pelaksanaan ESS, ia akan berhak untuk mendapat pembiayaan dan/atau bantuan dari Bank dari semasa ke semasa.

- Peringkat pertama ESOS akan dilaksanakan dengan membiayai sendiri oleh kakitangan yang layak dalam tempoh dua belas (12) bulan daripada tarikh penubuhan ESOS.

- Peringkat yang berikutnya dan ESOS yang tidak dilaksanakan selepas dua belas (12) bulan pertama daripada tarikh penubuhannya boleh digunakan dalam baki tempoh seterusnya melalui pembiayaan sendiri atau mekanisme ESOS Trust Funding ("ETF").

- ETF adalah satu mekanisme pembiayaan untuk menganugerahkan ESOS yang melibatkan Maybank memberi pembiayaan sejumlah wang bagi langganan saham Maybank oleh Pemegang Amanah (Trustee) yang dipegang secara berkelompok untuk kakitangan yang layak dan ditempatkan dalam akaun di bawah Sistem Pendeposit Pusat ("CDS") milik Pemegang Amanah atau penama yang dibenarkan untuk memudahkan pelaksanaan opsyen ESOS oleh para pekerja atau berdasarkan permintaan pekerja-pekerja terpilih yang mana sebahagian hasil kutipan jualan sedemikian akan digunakan untuk membayar harga saham opsyen ESOS dan kos berkaitan. Saham yang diterbitkan dan diperuntukkan di bawah mekanisme ETF adalah setara dengan saham sedia ada Maybank. Pada 12 April 2012, Jawatankuasa ESS meluluskan langganan saham baru Maybank bernilai RM100 juta di bawah mekanisme ETF itu.

  Pada 28 Jun 2012, Maybank telah mengumumkan 11,454,700 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham di bawah mekanisme tersebut. Saham baru Maybank direkodkan sebagai "saham dipegang dalam amanah" dalam penyata kewangan.

31. MODAL SAHAM, BAYARAN BERASASKAN SAHAM DAN SAHAM DIPEGANG DALAM AMANAH (SAMB.)

(c) Skim Saham Kakitangan Kumpulan Maybank ("ESS") (samb.)

(v) Ciri-ciri utama penganugerahan ESOS adalah seperti berikut (samb.):

Pergerakan saham dipegang dalam amanah bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2012 adalah seperti berikut:

	Bilangan saham biasa bernilai RM1.00 sesaham	Jumlah RM'000
Terbitan saham biasa baru di bawah mekanisme ETF (Nota 31(a)(iv))	11,454,700	100,000
Pelaksanaan opsyen ESOS oleh pekerja-pekerja yang layak	(825,800)	(7,230)
	10,628,900	92,770
Penambahan semula saham dipegang dalam amanah	825,800	7,230
	11,454,700	100,000
Saham tambahan diterbitkan di bawah ETF disebabkan pemilihan di bawah DRP	286,367	2,405
	11,741,067	102,405

(vi) Ciri-ciri utama penganugerahan RSU adalah seperti berikut:

- RSU yang diluluskan akan diletakkan hak dan dianugerahkan apabila syarat-syarat yang ditetapkan dipenuhi termasuk tempoh perkhidmatan, sasaran dan tempoh prestasi.
- Saham skim RSU boleh diselesaikan dengan cara penerbitan dan pemindahan saham baru Maybank atau secara tunai berdasarkan budi bicara mutlak Jawatankuasa ESS. Saham baru Maybank akan diterbitkan dan dipindahkan kepada kakitangan yang layak mengikut penyelesaian fizikal tidak memerlukan sebarang bayaran dibuat kepada Bank oleh para peserta RSU.
- Dalam kes penyelesaian secara tunai, harga peletakan hak RSU yang ditentukan berdasarkan nilai saham tanpa hak kelayakan untuk mendapat diskaun, mengambil kira VWAMP saham Maybank untuk lima (5) hari urus niaga pasaran sebelum tarikh peletakan hak RSU.
- Jawatankuasa ESS dari semasa ke semasa boleh menganugerahkan RSU tambahan ("SRSU") kepada kumpulan pekerja yang terpilih untuk diberikan RSU dalam tempoh pelaksanaan. Kumpulan terpilih boleh terdiri daripada pengurusan kanan, mereka yang terpilih di barisan utama untuk dikekalkan dan rekrut-rekrut luar kanan terpilih dan pemberian SRSU sedemikian boleh ditawarkan di bawah terma dan syarat yang berbeza daripada RSU terdahulu yang dibuat kepada pengurusan kanan terpilih. SRSU akan diletakkan hak berdasarkan jadual tergantung (cliff vesting) selama dua tahun.

(vii) Ciri-ciri utama penganugerahan CESS adalah seperti berikut:

- CESS merupakan pelan tunai yang dianugerahkan dari semasa ke semasa sehingga mencapai lima (5) peringkat. Anugerah itu tertakluk kepada penyempurnaan sasaran prestasi, perkhidmatan dan syarat-syarat peletakan hak lain seperti mana ditetapkan dalam Garis Panduan CESS.
- Jumlah boleh bayar bagi setiap peringkat CESS akan sejajar dengan bilangan saham rujukan didarabkan dengan kenaikan harga saham Bank iaitu harga antara ketika penganugerahan dibuat hingga masa peletakan hak di mana tarikh peletakan hak akan berada pada akhir tahun ketiga daripada tarikh pemberian setiap peringkat CESS.

31. MODAL SAHAM, BAYARAN BERASASKAN SAHAM DAN SAHAM DIPEGANG DALAM AMANAH (SAMB.)

(d) Perincian opsyen saham di bawah ESOS

(i) Perincian opsyen saham yang diluluskan:

Tarikh diluluskan	Bilangan opsyen saham ('000)	Harga pelaksanaan asal RM	Tempoh pelaksanaan
23.6.2011 – Kelulusan ESOS Pertama	405,309#	8.82*	30.6.2011 – 30.6.2016
30.4.2012 – Kelulusan ESOS Kedua	62,339#	8.83*	30.4.2012 – 22.6.2018

Agregat peruntukan maksimum ESOS kepada Ketua Pegawai Eksekutif dan pengurusan kanan Kumpulan dan Bank tidak harus melebihi 50%. Peruntukan sebenar opsyen saham kepada Ketua Pegawai Eksekutif dan pengurusan kanan ialah 4.0% pada 31 Disember 2012.

Anggaran opsyen saham yang akan diluluskan kepada pekerja layak yang dijangka mencapai sasaran prestasi purata.

* Jawatankuasa ESS meluluskan pengurangan harga pelaksanaan ESOS seperti berikut:

Tarikh diluluskan	Harga pelaksanaan RM	Tempoh pelaksanaan
23.6.2011 – Kelulusan ESOS Pertama	8.82	23.6.2011 – 28.12.2011
	8.78	29.12.2011 – 4.6.2012
	8.76	5.6.2012 – 28.10.2012
	8.75	29.10.2012 – 30.6.2016
30.4.2012 – Kelulusan ESOS Kedua	8.83	30.4.2012 – 28.10.2012
	8.82	29.10.2012 – 22.6.2018

31. MODAL SAHAM, BAYARAN BERASASKAN SAHAM DAN SAHAM DIPEGANG DALAM AMANAH (SAMB.)

(d) Perincian opsyen saham di bawah ESOS (samb.)

(i) Perincian opsyen saham yang diluluskan (samb.):

Jadual-jadual berikut menggambarkan bilangan dan harga pelaksanaan purata berwajaran ("WAEP") dan pergerakan opsyen saham dalam tahun kewangan:

Kelulusan ESOS Pertama (Diletakkan Hak)

Tarikh Diluluskan	Baki tertunggak pada 1.1.2012 '000	Pergerakan dalam tahun kewangan					Baki tertunggak pada 31.12.2012 '000	Belum dilaksanakan pada 31.12.2012 '000
		Pelarasan** '000	Diletakkan hak '000	Dilaksanakan hak^ '000	Ditarik balik '000	Luput '000		
23.6.2011	80,070	160	–	(798)	(2,449)	–	76,983	76,983
30.4.2012	–	–	42,136	(320)	(533)	–	41,283	41,283
Jumlah	80,070	160	42,136	(1,118)	(2,982)	–	118,266	118,266
WAEP (RM)	8.78	8.78	8.78	8.76	–	–	8.75#	8.75#

** Pelarasan berkaitan peruntukan ESOS tahun sebelumnya tetapi diterima dalam tahun kewangan.

^ Sebanyak 7,500 opsyen yang dilaksanakan dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2012 hanya diterbitkan dan disenaraikan pada tahun kewangan berikutnya.

Disemak semula daripada RM8.78 kepada RM8.75 dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2012 seperti mana dinyatakan di atas.

Kelulusan ESOS Kedua (Diletakkan Hak)

Tarikh Diluluskan	Baki tertunggak pada 1.1.2012 '000	Pergerakan dalam tahun kewangan				Baki tertunggak pada 31.12.2012 '000	Belum dilaksanakan pada 31.12.2012 '000
		Diletakkan hak '000	Dilaksanakan hak^ '000	Ditarik balik '000	Luput '000		
30.4.2012	–	6,186	(8)	(217)	–	5,961	5,961
WAEP (RM)	–	8.83	8.83	8.83	–	8.82##	8.82##

Disemak semula daripada RM8.83 kepada RM8.82 dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2012 seperti mana dinyatakan di atas.

Jumlah opsyen saham yang diluluskan kepada pengarah-pengarah Bank pada 31 Disember 2012 dibentangkan di bawah kepentingan pengarah dalam Laporan Pengarah-pengarah.

31. MODAL SAHAM, BAYARAN BERASASKAN SAHAM DAN SAHAM DIPEGANG DALAM AMANAH (SAMB.)

(d) Perincian opsyen saham di bawah ESOS (samb.)

(ii) Opsyen saham yang dilaksanakan dalam tahun kewangan

Seperti mana dinyatakan di atas, terdapat opsyen yang dilaksanakan di bawah Kelulusan ESOS Pertama dan Kelulusan ESOS Kedua dalam tahun kewangan.

Opsyen yang dilaksanakan di bawah Kelulusan ESOS Pertama membawa penerbitan kira-kira 1,118,200 (31 Disember 2011: 9,000) saham biasa pada 31 Disember 2012, pada WEAP pada harga RM8.76 (31 Disember 2011: RM8.82) sesaham. Terdapat 7,500 opsyen dilaksanakan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 dan saham biasa akan hanya diterbitkan dan disenaraikan pada tahun kewangan berikutnya.

Purata wajaran harga saham berkaitan Kelulusan ESOS Pertama pada tarikh pelaksanaan adalah RM9.12 (31 Disember 2011: RM8.86) sesaham.

Opsyen yang dilaksanakan di bawah Kelulusan ESOS Kedua membawa kepada penerbitan kira-kira 8,000 (31 Disember 2011: Tiada) sesaham biasa pada 31 Disember 2012, pada WEAP pada harga RM8.82 (31 Disember 2011: Tiada) sesaham. Purata wajaran harga saham berkaitan Kelulusan ESOS Kedua pada tarikh pelaksanaan adalah RM9.07 (31 Disember 2011: Tiada) sesaham.

(iii) Nilai saksama opsyen saham diluluskan pada 23 Jun 2011

Nilai saksama opsyen saham yang diluluskan pada 23 Jun 2011 telah dianggarkan oleh penilai luar menggunakan model Binomial-Lattice, mengambil kira syarat-syarat dan peraturan-peraturan opsyen yang diluluskan. Nilai saksama opsyen saham yang diukur dan andaian adalah seperti berikut:

	Sebelum DRP	Selepas DRP
Nilai saksama opsyen saham di bawah Kelulusan ESOS Pertama:		
– peringkat 1 diluluskan dan diletakkan hak pada 23 Jun 2011 (RM)	0.627	0.714
– peringkat 2 diletak hak pada 30 April 2012 (RM)	0.687	0.687
– peringkat 3 hingga 5: diluluskan pada 23 Jun 2011 tetapi tidak diletakkan hak (RM)*	0.732 – 0.769	0.737 – 0.773
Harga pelaksanaan purata berwajaran (RM)	8.82	8.76
Ketidaktentuan dijangkakan (%)	14.59	13.97
Jangka hayat (tahun)	3 – 5	3 – 5
Kadar risiko bebas (%)	3.24 – 3.64	3.12 – 3.22
Hasil dividen dijangkakan (%)	4.49	5.49

Jangka hayat opsyen saham adalah berdasarkan data masalalu dan tidak semestinya menjadi petunjuk kepada corak pelaksanaan yang mungkin berlaku. Ketidaktentuan yang dijangka menunjukkan andaian bahawa sejarah ketidaktentuan adalah petunjuk trend masa depan yang juga tidak semestinya akan berlaku. Tiada ciri-ciri lain dalam penganugerahan opsyen saham diambil kira dalam pengukuran nilai saksama.

* Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012, nilai saksama bagi baki 3 peringkat (tranches) di bawah Kelulusan ESOS Pertama telah disemak semula dan dinaikkan sebanyak RM0.005 disebabkan oleh pelaksanaan DRP.

Semakan semula nilai saksama dijangka meningkatkan perbelanjaan ESS sebanyak RM1.4 juta kepada kos kakitangan Kumpulan dalam tempoh tiga tahun kewangan yang akan datang.

31. MODAL SAHAM, BAYARAN BERASASKAN SAHAM DAN SAHAM DIPEGANG DALAM AMANAH (SAMB.)

(d) Perincian opsyen saham di bawah ESOS (samb.)

(iv) Nilai saksama opsyen saham diluluskan pada 30 April 2012

Nilai saksama opsyen saham yang diluluskan pada 30 April 2012 telah dianggarkan oleh penilai luar menggunakan model Binomial-Lattice, mengambil kira syarat-syarat dan peraturan-peraturan opsyen yang diluluskan. Nilai saksama opsyen saham yang diukur, harga pelaksanaan purata berwajaran dan andaian adalah seperti berikut:

Nilai saksama opsyen saham di bawah Kelulusan ESOS Kedua:

– peringkat 1 diluluskan dan diletakkan hak pada 30 April 2012 (RM)	0.452
– peringkat 2 hingga 5: diluluskan pada 30 April 2012 tetapi tidak diletakkan hak (RM)	0.486 – 0.529
Harga pelaksanaan purata berwajaran (RM)	8.83
Ketidaktentuan dijangkakan (%)	14.11
Jangka hayat (tahun)	2 – 5
Kadar risiko bebas (%)	3.25 – 3.42
Hasil dividen dijangkakan (%)	5.49

Jangka hayat opsyen saham adalah berdasarkan data masalalu dan tidak semestinya menjadi petunjuk kepada corak pelaksanaan yang mungkin berlaku. Ketidaktentuan yang dijangka menunjukkan andaian bahawa sejarah ketidaktentuan adalah petunjuk trend masa depan tetapi ia tidak semestinya akan berlaku. Tiada ciri-ciri lain dalam penganugerahan opsyen saham diambil kira dalam pengukuran nilai saksama.

(e) Perincian RSU

(i) Perincian RSU diluluskan

Pada 23 Jun 2011, Bank telah meluluskan RSU berjumlah 3,590,000 dengan nilai saksama sebanyak RM7.247 ("Kelulusan RSU Pertama"). Kesemua RSU diperuntukkan dan diluluskan kepada pengurusan kanan Kumpulan dan Bank yang layak. Tarikh peletakan hak RSU adalah berdasarkan jadual tergantung selama 3 tahun daripada tarikh diluluskan dan prestasi metrik.

Pada 30 April 2012, Bank telah meluluskan RSU berjumlah 4,355,000 dengan nilai saksama sebanyak RM6.902 ("Kelulusan RSU Kedua"). Kesemua RSU diperuntukkan dan diluluskan kepada pengurusan kanan Kumpulan dan Bank yang layak. Tarikh peletakan hak RSU adalah berdasarkan jadual tergantung selama 3 tahun daripada tarikh diluluskan dan prestasi metrik.

Tarikh diluluskan	Bilangan saham Opsyen ('000)	Nilai Saksama RM	Tarikh diletak hak
23.6.2011 – Kelulusan RSU Pertama	3,590	7.247	Berdasarkan peletakan hak tergantung selama tiga tahun daripada tarikh diluluskan dan prestasi metrik.
30.4.2012 – Kelulusan RSU Kedua	4,355	6.902	

Tiada RSU diletakkan hak pada 31 Disember 2012.

31. MODAL SAHAM, BAYARAN BERASASKAN SAHAM DAN SAHAM DIPEGANG DALAM AMANAH (SAMB.)

(e) Perincian RSU (samb.)

(ii) Nilai saksama RSU diluluskan pada 23 Jun 2011

Nilai saksama RSU yang diluluskan pada 23 Jun 2011 telah dianggarkan oleh penilai luar menggunakan model simulasi Monte-Carlo, dengan mengambil kira syarat-syarat dan peraturan-peraturan RSU diluluskan. Nilai saksama RSU yang diukur, harga pelaksanaan purata berwajaran dan andaian adalah seperti berikut:

Nilai saksama RSU di bawah Kelulusan RSU Pertama (RM)	7.247
Harga pelaksanaan purata berwajaran (RM)	8.82
Ketidaktentuan dijangkakan (%)	14.59
Jangka hayat (tahun)	3
Kadar risiko bebas (%)	3.31
Hasil dividen dijangkakan (%)	4.49

Jangka hayat RSU adalah berdasarkan data masalalu dan tidak semestinya menjadi petunjuk kepada corak pelaksanaan yang akan berlaku. Ketidaktentuan yang dijangkakan menunjukkan andaian bahawa sejarah ketidaktentuan adalah petunjuk trend masa depan yang juga tidak semestinya akan berlaku. Tiada ciri-ciri lain opsyen saham diambil kira dalam pengukuran nilai saksama.

(iii) Nilai saksama RSU diluluskan pada 30 April 2012

Nilai saksama RSU yang diluluskan pada 30 April 2012 telah dianggarkan oleh penilai luar menggunakan model Monte-Carlo, dengan mengambil kira syarat-syarat dan peraturan-peraturan RSU diluluskan. Nilai saksama RSU yang diukur, harga pelaksanaan purata berwajaran dan andaian adalah seperti berikut:

Nilai saksama RSU di bawah Kelulusan RSU Kedua (RM)	6.902
Harga pelaksanaan purata berwajaran (RM)	8.63
Ketidaktentuan dijangkakan (%)	14.11
Jangka hayat (tahun)	3
Kadar risiko bebas (%)	3.19
Hasil dividen dijangkakan (%)	5.49

Jangka hayat RSU adalah berdasarkan data masalalu dan tidak semestinya menjadi petunjuk kepada corak pelaksanaan yang akan berlaku. Ketidaktentuan yang dijangkakan menunjukkan andaian bahawa sejarah ketidaktentuan adalah petunjuk trend masa depan yang juga tidak semestinya akan berlaku. Tiada ciri-ciri lain opsyen saham diambil kira dalam pengukuran nilai saksama.

(iv) Perincian SRSU diluluskan

Dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2012, Bank telah meluluskan sejumlah 119,000 (31 Disember 2011: 283,900) SRSU kepada kumpulan terpilih bagi pekerja-pekerja yang layak. Sejumlah 37,500 (31 Disember 2011: Tiada) SRSU telah diletakkan hak pada 31 Disember 2012.

31. MODAL SAHAM, BAYARAN BERASASKAN SAHAM DAN SAHAM DIPEGANG DALAM AMANAH (SAMB.)

(e) Perincian RSU (samb.)

(iv) Perincian SRSU diluluskan (samb.)

Jadual berikut menggambarkan bilangan dan pergerakan SRSU dalam tahun kewangan:

SRSU diluluskan

Tarikh diluluskan	Baki pada 1.1.2012 '000	Pergerakan dalam tahun kewangan		Baki pada 31.12.2012 '000
		Diluluskan '000	Diletakkan hak '000	
31.3.2011	209	—	—	209
3.10.2011	75	—	(37)	38
16.4.2012	—	15	—	15
7.5.2012	—	15	—	15
1.6.2012	—	24	—	24
1.6.2012	—	15	—	15
2.7.2012	—	30	—	30
15.12.2012	—	20	—	20
	284	119	(37)	366

Jumlah RSU diluluskan kepada pengarah-pengarah Bank pada 31 Disember 2012 dibentangkan di bawah kepentingan pengarah dalam Laporan Pengarah-pengarah.

(f) Perincian CESS

Bank telah meluluskan sejumlah 719,500 CESOS kepada pekerja-pekerja layak di cawangan-cawangan luar negara pada 23 Jun 2011 ("Kelulusan CESOS Pertama"). Pada 30 April 2012, Bank telah meluluskan peringkat kedua CESOS di bawah Kelulusan CESOS Pertama berjumlah 394,800 sebagai galakkan kepada kenaikan pangkat pekerja-pekerja di cawangan-cawangan luar negara. Selain itu, Bank juga meluluskan sejumlah 554,000 CESOS di bawah Kelulusan CESOS Kedua kepada mereka yang baru disahkan jawatan di cawangan-cawangan luar negara dan untuk mengekalkan pekerja-pekerja utama yang terpilih dalam PT Bank Internasional Indonesia Tbk.

31. MODAL SAHAM, BAYARAN BERASASKAN SAHAM DAN SAHAM DIPEGANG DALAM AMANAH (SAMB.)

(f) Perincian CESS (samb.)

Jadual berikut menggambarkan bilangan dan pergerakan CESOS di bawah Kelulusan CESOS Pertama dan CESOS Kedua dalam tahun kewangan:

Kelulusan CESOS Pertama

Tarikh Diluluskan	Baki pada 1.1.2012 '000	Pergerakan dalam tahun kewangan					Baki pada 31.12.2012 '000
		Pelarasan*** '000	Diluluskan '000	Dilaksanakan '000	Ditarik balik '000	Luput '000	
23.6.2011	720	7	–	–	(74)	–	653
30.4.2012	–	–	395	–	(22)	–	373
	720	7	395	–	(96)	–	1,026

*** Pelarasan berkaitan CESOS diperuntukkan dalam tahun sebelumnya tetapi diterima dalam tahun kewangan ini.

Kelulusan CESOS Kedua

Tarikh Diluluskan	Baki pada 1.1.2012 '000	Pergerakan dalam tahun kewangan				Baki pada 31.12.2012 '000
		Diluluskan '000	Dilaksanakan '000	Ditarik balik '000	Luput '000	
23.2.2012	–	430	–	–	–	430
30.4.2012	–	124	–	(10)	–	114
	–	554	–	(10)	–	544

Tiada CESOS yang diluluskan, telah diletakkan hak pada 31 Disember 2012.

Dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2012, Bank juga telah meluluskan sejumlah 15,000 CRSU, dengan nilai saksama RM6.902 kepada pengurusan kanan Kumpulan dan Bank yang layak. Tiada CRSU yang diluluskan, telah diletakkan hak pada 31 Disember 2012.

32. KEUNTUNGAN TERKUMPUL

(a) Keuntungan terkumpul Kumpulan

Keuntungan terkumpul Kumpulan termasuk lebihan tidak diperuntukkan Bukan-DPF yang tidak boleh diagihkan oleh syarikat subsidiari insurans berikutan semakan semula Garis Panduan Bank Negara Malaysia tentang Pelaporan Kewangan kepada penanggung insurans seperti dinyatakan dalam Nota 2.4(iv). Lebihan ini hanya boleh diagihkan kepada para pemegang saham berdasarkan jumlah yang dicadangkan oleh aktuari yang dilantik mengikut Akta Insurans, 1996 di Malaysia.

Pecahan keuntungan terkumpul yang boleh diagihkan dan tidak boleh diagihkan di peringkat Kumpulan adalah seperti berikut:

Kumpulan Pada 31.12.2012	Lebihan tidak diperuntukkan Bukan-DPF yang tidak boleh diagihkan RM'000	Keuntungan terkumpul yang boleh diagihkan RM'000	Keuntungan terkumpul RM'000
Pada 1 Januari 2012			
— seperti yang dilaporkan di bawah FRS	—	9,713,321	9,713,321
— kesan penggunaan MFRS (Nota 2.4(vii)(a))	680,446	—	680,446
Pada 1 Januari 2012, di bawah MFRS	680,446	9,713,321	10,393,767
Keuntungan dalam tahun kewangan	136,779	5,607,917	5,744,696
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	136,779	5,607,917	5,744,696
Pindahan daripada lebihan tidak diperuntukkan Bukan DPF berdasarkan cadangan aktuari yang dilantik	(119,111)	119,111	—
Kesan pengambilalihan/pelupusan kepada kepentingan tidak terkawal, bersih	—	19,275	19,275
Pindahan ke rizab berkanun	—	(1,097,774)	(1,097,774)
Dividen (Nota 46)	—	(3,944,958)	(3,944,958)
Jumlah urus niaga dengan pemegang saham	(119,111)	(4,904,346)	(5,023,457)
Pada 31 Disember 2012	698,114	10,416,892	11,115,006

32. KEUNTUNGAN TERKUMPUL (SAMB.)

(a) Keuntungan terkumpul Kumpulan (samb.)

Pecahan keuntungan terkumpul yang boleh diagihkan dan tidak boleh diagihkan di peringkat Kumpulan adalah seperti berikut (samb.):

Kumpulan Pada 31.12.2011	Lebihan tidak diperuntukkan Bukan-DPF yang tidak boleh diagihkan RM'000	Keuntungan terkumpul yang boleh diagihkan RM'000	Keuntungan terkumpul RM'000
Pada 1 Julai 2011			
– seperti mana dilaporkan di bawah FRS	–	9,491,265	9,491,265
– kesan penggunaan MFRS (Nota 2.4(vii)(a))	676,463	–	676,463
Pada 1 Julai 2011, di bawah MFRS	676,463	9,491,265	10,167,728
Keuntungan dalam tempoh kewangan	70,092	2,516,960	2,587,052
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tempoh kewangan	70,092	2,516,960	2,587,052
Pindahan daripada lebihan tidak diperuntukkan Bukan DPF berdasarkan cadangan aktuari yang dilantik	(65,770)	65,770	–
Kesan terima pakai Garis Panduan Semakan Semula BNM bagi Rizab Penyamaan Keuntungan ("PER")	–	34,456	34,456
Pindahan ke PER	–	(34,456)	(34,456)
Kesan pengambilalihan/pelupusan kepada kepentingan tidak terkawal, bersih	–	(49,800)	(49,800)
Pindahan ke rizab berkanun	–	(516,441)	(516,441)
Dividen (Nota 46)	–	(1,794,772)	(1,794,772)
Jumlah urus niaga dengan pemegang saham	(65,770)	(2,295,243)	(2,361,013)
Pada 31 Disember 2011	680,785	9,712,982	10,393,767

(b) Keuntungan terkumpul Bank

(i) Keuntungan terkumpul Bank pada 31 Disember 2012, 31 Disember 2011 dan 1 Julai 2011 merupakan keuntungan yang boleh diagihkan.

(ii) Sebelum tahun taksiran 2009, syarikat-syarikat Malaysia telah menerima sepenuhnya sistem imputasi. Berdasarkan Akta Kewangan 2007 yang diwartakan pada 28 Disember 2007, syarikat-syarikat tidak layak untuk mendapat pengurangan cukai ke atas dividen yang dibayar, dikreditkan atau diagihkan kepada para pemegang saham, dan dividen seumpama itu akan dikecualikan cukai di pihak pemegang saham ("sistem peringkat tunggal"). Bagaimanapun, tempoh peralihan selama enam tahun yang berakhir pada 31 Disember 2013 diberikan untuk membolehkan syarikat membuat pembayaran dividen yang dikenakan cukai kepada para pemegang saham dalam keadaan yang terhad. Syarikat-syarikat juga mempunyai opsyen yang tidak boleh ditarik balik untuk mengetepikan baki Seksyen 108 dan memilih untuk membayar dividen di bawah sistem satu peringkat. Perubahan dalam perundangan cukai juga membolehkan baki Seksyen 108 dikekalkan sehingga pada 31 Disember 2007 menurut Seksyen 39 Akta Kewangan, 2007.

Bank tidak memilih untuk menggunakan opsyen yang tidak boleh ditarik balik untuk mengetepikan baki Seksyen 108. Sehubungan dengan itu, dalam tempoh peralihan, Bank mungkin menggunakan kredit dalam baki Seksyen 108 pada 30 Disember 2012 untuk membayar dividen tunai kepada pemegangan saham biasa seperti ditetapkan oleh Akta Kewangan 2007. Pada 31 Disember 2012, Bank mempunyai kredit yang mencukupi dalam Seksyen 108 untuk membuat pembayaran dividen yang dikenakan cukai berjumlah RM2,081 juta daripada seluruh keuntungan terkumpul. Sekiranya baki keuntungan terkumpul berjumlah RM2,098 juta hendak diagihkan sebagai dividen, pengagihannya akan dilakukan oleh Bank di bawah sistem peringkat tunggal.

33. RIZAB-RIZAB LAIN

	Nota	Kumpulan Pada 31.12.2012 RM'000	Pada 31.12.2011 RM'000	Pada 1.7.2011 RM'000
Tidak boleh diagihkan:				
Rizab berkanun	(a)	**8,023,712**	6,926,383	6,409,922
Rizab modal	(b)	**14,254**	15,250	15,250
Rizab pegangan belum diperoleh		**707,690**	681,351	674,321
Rizab terjemahan matawang		**(1,877,640)**	(969,382)	(1,007,977)
Rizab ESS		**226,142**	127,317	65,000
Rizab penilaian semula	(c)	**7,986**	8,817	9,057
Rizab PER	(d)	**34,456**	34,456	–
		7,136,600	6,824,192	6,165,573

	Nota	Bank Pada 31.12.2012 RM'000	Pada 31.12.2011 RM'000	Pada 1.7.2011 RM'000
Tidak boleh diagihkan:				
Rizab berkanun	(a)	**7,805,342**	6,728,866	6,212,460
Rizab pegangan belum diperoleh		**393,286**	417,205	381,921
Rizab terjemahan matawang		**313,768**	227,772	239,261
Rizab ESS		**226,142**	127,317	65,000
		8,738,538	7,501,160	6,898,642

(a) Rizab berkanun dikekalkan untuk mematuhi keperluan Bank Negara Malaysia dan Bank-bank Pusat tertentu di mana Kumpulan dan Bank beroperasi dan rizab berkenaan tidak boleh diagihkan sebagai dividen tunai.

(b) Rizab modal Kumpulan timbul daripada permodalan terbitan bonus dalam syarikat-syarikat subsidiari tertentu pada tahun sebelumnya.

(c) Rizab penilaian semula berkaitan dengan pemindahan hartanah yang diduduki sendiri kepada hartanah pelaburan berdasarkan perubahan niat.

(d) Rizab Penyamaan Keuntungan ("PER") Institusi Perbankan Islam ("IBI") dikelaskan sebagai rizab berasingan dalam ekuiti seperti mana Garis Panduan Semakan Semula BNM mengenai Rizab Penyamaan Keuntungan yang diterbitkan pada bulan Mei 2011.

34. HASIL OPERASI

Hasil operasi Kumpulan yang meliputi kesemua jenis hasil yang diperoleh dari perniagaan perbankan, pendapatan daripada operasi Skim Perbankan Islam, kewangan, perbankan pelaburan, insurans am dan insurans hayat (termasuk takaful), pembrokeran saham, pemajakan dan pemfaktoran, pemegang amanah dan perkhidmatan, pengurusan aset dan modal teroka tetapi tidak termasuk semua urus niaga syarikat-syarikat berkaitan.

Hasil operasi Bank meliputi pendapatan faedah kasar, yuran dan pendapatan komisen, pendapatan pelaburan, dividen kasar, dan pendapatan lain yang diperoleh daripada operasi perbankan dan kewangan.

35. PENDAPATAN FAEDAH

	Kumpulan		Bank	
	1.1.2012 hingga 31.12.2012 RM'000	1.7.2011 hingga 31.12.2011 RM'000	1.1.2012 hingga 31.12.2012 RM'000	1.7.2011 hingga 31.12.2011 RM'000
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	**12,263,433**	5,630,652	**8,888,091**	4,187,422
Wang panggilan, deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan	**541,204**	321,898	**540,712**	243,430
Aset kewangan dibeli di bawah perjanjian jualan balik	**3,835**	2,529	**1,508**	141
Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	**99,396**	64,105	**89,337**	65,233
Pelaburan kewangan tersedia untuk dijual	**1,528,244**	753,393	**1,305,724**	662,867
Pelaburan kewangan dipegang hingga matang	**294,653**	225,376	**240,699**	196,742
	14,730,765	6,997,953	**11,066,071**	5,355,835
Pelunasan premium ditolak pertambahan diskaun, bersih	**116,253**	6,366	**128,423**	3,746
	14,847,018	7,004,319	**11,194,494**	5,359,581

Termasuk dalam pendapatan faedah bagi tahun kewangan semasa adalah faedah daripada aset rosot nilai berjumlah kira-kira RM137,657,000 (1 Julai 2011 hingga 31 Disember 2011: RM110,517,000) bagi Kumpulan dan RM103,623,000 (1 Julai 2011 hingga 31 Disember 2011: RM86,126,000) bagi Bank.

36. PERBELANJAAN FAEDAH

	Kumpulan		Bank	
	1.1.2012 hingga 31.12.2012 RM'000	1.7.2011 hingga 31.12.2011 RM'000	1.1.2012 hingga 31.12.2012 RM'000	1.7.2011 hingga 31.12.2011 RM'000
Deposit dan penempatan daripada institusi-institusi kewangan	**511,490**	219,732	**505,239**	218,732
Deposit daripada pelanggan	**4,549,003**	2,169,377	**3,494,521**	1,589,815
Sijil deposit kadar boleh-ubah	**9,477**	1,617	**9,477**	1,617
Pinjaman	**389,155**	153,233	**134,435**	24,094
Nota subordinat	**429,075**	146,824	**355,246**	146,824
Bon subordinat	**91,374**	67,852	**91,374**	67,852
Sekuriti modal	**401,286**	201,405	**401,286**	201,405
Faedah bersih derivatif	**(14,559)**	18,001	**(32,576)**	3,373
	6,366,301	2,978,041	**4,959,002**	2,253,712

37. PENDAPATAN BERSIH DARIPADA PERNIAGAAN INSURANS/TAKAFUL

Pendapatan bersih daripada perniagaan insurans/takaful mengandungi item-item berikut:

		Kumpulan	
	Nota	1.1.2012 hingga 31.12.2012 RM'000	1.7.2011 hingga 31.12.2011 RM'000
Premium diperoleh, kasar		**5,472,743**	2,437,543
Premium disid kepada penginsurans semula		**(954,774)**	(446,114)
Premium diperoleh, bersih	a	**4,517,969**	1,991,429
Pendapatan yuran dan komisen		**21,264**	9,269
Pendapatan pelaburan		**852,893**	423,521
Keuntungan dan kerugian belum diperoleh		**394,173**	144,906
Keuntungan/(kerugian) nilai saksama		**(5,910)**	132,042
Hasil-hasil lain		**1,262,420**	709,738
Bayaran manfaat dan tuntutan, kasar		**(2,906,725)**	(1,212,247)
Tuntutan Sid kepada penanggung insurans semula		**259,179**	88,203
Perubahan kasar kepada kontrak liabiliti		**(2,053,331)**	(792,716)
Perubahan dalam kontrak liabiliti Sid kepada penanggung insurans semula		**572,957**	219,129
Manfaat dan tuntutan, bersih	b	**(4,127,920)**	(1,697,631)
Perbelanjaan pengurusan		**(198,779)**	(118,551)
Perubahan dalam perbelanjaan liabiliti		**(84,599)**	(217,529)
Yuran dan perbelanjaan komisen		**(691,100)**	(239,664)
Perbelanjaan-perbelanjaan operasi lain		**(25,546)**	(1,273)
Perbelanjaan-perbelanjaan lain		**(1,000,024)**	(577,017)
Pendapatan bersih daripada perniagaan insurans/takaful		**652,445**	426,519

37. PENDAPATAN BERSIH DARIPADA PERNIAGAAN INSURANS/TAKAFUL (SAMB.)

(a) Premium diperoleh, bersih

Kumpulan	Dana Am RM'000	Dana Hayat RM'000	Dana Takaful Am RM'000	Dana Takaful Keluarga RM'000	Jumlah RM'000
1.1.2012 hingga 31.12.2012					
Premium diperoleh, kasar	**1,455,869**	**1,474,383**	**797,696**	**1,744,795**	**5,472,743**
Sid (*ceded*) premium kepada penanggung insurans semula (*reinsurer*)	**(841,329)**	**(20,862)**	**(80,420)**	**(12,163)**	**(954,774)**
Premium diperoleh, bersih	**614,540**	**1,453,521**	**717,276**	**1,732,632**	**4,517,969**
1.7.2011 hingga 31.12.2011					
Premium diperoleh, kasar	634,414	708,947	369,683	724,499	2,437,543
Sid (*ceded*) premium kepada penanggung insurans semula (*reinsurer*)	(346,538)	(12,401)	(76,567)	(10,608)	(446,114)
Premium diperoleh, bersih	287,876	696,546	293,116	713,891	1,991,429

(b) Manfaat dan tuntutan, bersih

Kumpulan	Dana Am RM'000	Dana Hayat RM'000	Dana Takaful Am RM'000	Dana Takaful Keluarga RM'000	Jumlah RM'000
1.1.2012 hingga 31.12.2012					
Manfaat dan tuntutan dibayar, kasar	**(537,938)**	**(1,349,141)**	**(372,058)**	**(647,588)**	**(2,906,725)**
Tuntutan Sid kepada penanggung insurans semula	**237,753**	**11,041**	**6,707**	**3,678**	**259,179**
Perubahan kasar kepada kontrak liabiliti	**(382,581)**	**(349,689)**	**(411,111)**	**(909,950)**	**(2,053,331)**
Perubahan dalam kontrak liabiliti Sid kepada penanggung insurans semula	**321,206**	**(3,145)**	**256,784**	**(1,888)**	**572,957**
Manfaat dan tuntutan, bersih	**(361,560)**	**(1,690,934)**	**(519,678)**	**(1,555,748)**	**(4,127,920)**
1.7.2011 hingga 31.12.2011					
Manfaat dan tuntutan dibayar, kasar	(210,023)	(511,579)	(138,347)	(352,298)	(1,212,247)
Tuntutan Sid kepada penanggung insurans semula	68,389	7,488	5,536	6,790	88,203
Perubahan kasar kepada kontrak liabiliti	(205,597)	(322,962)	(128,441)	(135,716)	(792,716)
Perubahan dalam kontrak liabiliti Sid kepada penanggung insurans semula	180,022	(8)	23,449	15,666	219,129
Manfaat dan tuntutan, bersih	(167,209)	(827,061)	(237,803)	(465,558)	(1,697,631)

38. PENDAPATAN BUKAN FAEDAH

	Kumpulan		Bank	
	1.1.2012 hingga 31.12.2012 RM'000	1.7.2011 hingga 31.12.2011 RM'000	1.1.2012 hingga 31.12.2012 RM'000	1.7.2011 hingga 31.12.2011 RM'000
Pendapatan yuran:				
Komisen	**820,154**	391,696	**717,311**	338,033
Caj perkhidmatan dan yuran	**1,620,216**	595,097	**990,463**	383,132
Yuran jaminan	**90,642**	18,087	**50,105**	13,399
Pendapatan pembrokeran	**539,826**	277,187	**1,725**	649
Yuran pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	**513,694**	285,072	**182,084**	99,374
	3,584,532	1,567,139	**1,941,688**	834,587
Pendapatan pelaburan:				
Untung bersih pelupusan aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	**150,241**	17,858	**135,607**	23,872
Untung bersih pelupusan pelaburan kewangan tersedia untuk dijual	**438,523**	271,636	**372,298**	249,361
(Kerugian)/keuntungan bersih penebusan pelaburan kewangan dipegang hingga matang	**(62)**	132	**(62)**	132
Keuntungan pelupusan/pembubaran syarikat subsidiari (Nota 17(f)(i)/Nota 17(h))	**806**	2,052	**341**	210
Keuntungan pelupusan syarikat bersekutu (Nota 17(a)(i))	**8,989**	30,274	**–**	–
	598,497	321,952	**508,184**	273,575
Dividen kasar daripada:				
Pelaburan kewangan tersedia untuk dijual				
– Disebut harga di luar Malaysia	**7,278**	689	**–**	–
– Disebut harga di Malaysia	**16,344**	7,226	**2,110**	1,693
– Tidak disebut harga di luar Malaysia	**432**	3,744	**132**	–
– Tidak disebut harga di Malaysia	**10,552**	8,121	**9,423**	7,418
	34,606	19,780	**11,665**	9,111
Syarikat-syarikat subsidiari	**–**	–	**848,943**	358,026
Syarikat-syarikat bersekutu	**–**	–	**7,106**	5,231
	34,606	19,780	**867,714**	372,368

38. PENDAPATAN BUKAN FAEDAH (SAMB.)

	Kumpulan		Bank	
	1.1.2012 hingga 31.12.2012 RM'000	1.7.2011 hingga 31.12.2011 RM'000	1.1.2012 hingga 31.12.2012 RM'000	1.7.2011 hingga 31.12.2011 RM'000
Keuntungan/(kerugian) belum diperoleh atas penilaian semula:				
Aset kewangan melalui pada nilai saksama melalui untung atau rugi	**56,273**	(52,564)	**21,794**	62,586
Derivatif	**29,307**	(241,409)	**9,306**	(237,213)
	85,580	(293,973)	**31,100**	(174,627)
Pendapatan-pendapatan lain:				
Keuntungan pertukaran matawang asing, bersih	**576,152**	529,283	**445,441**	489,010
Pendapatan sewa	**24,559**	10,681	**23,067**	10,288
Keuntungan pelupusan hartanah, loji dan peralatan	**7,638**	4,998	**4,928**	5,348
Keuntungan pelupusan hartanah dipegang sebagai penyelesaian hutang	**2,747**	782	**85**	–
Jualan pembangunan hartanah	**20,347**	53,560	**–**	–
Pendapatan operasi lain	**301,534**	132,791	**68,334**	28,286
Pendapatan bukan operasi lain	**37,557**	27,187	**41,674**	22,374
	970,534	759,282	**583,529**	555,306
Jumlah pendapatan bukan faedah	**5,273,749**	2,374,180	**3,932,215**	1,861,209

39. PERBELANJAAN OVERHED

	Kumpulan		Bank	
	1.1.2012 hingga 31.12.2012 RM'000	1.7.2011 hingga 31.12.2011 RM'000	1.1.2012 hingga 31.12.2012 RM'000	1.7.2011 hingga 31.12.2011 RM'000
Perbelanjaan kakitangan				
Gaji, elaun, dan bonus	**3,506,393**	1,589,912	**2,237,359**	988,701
Kos kebajikan sosial	**16,220**	13,402	**14,249**	6,911
Kos pencen – rancangan caruman tetap	**390,142**	171,992	**322,647**	146,784
Perbelanjaan ESS	**96,187**	56,848	**79,274**	41,765
Perbelanjaan lain berkaitan kakitangan	**580,431**	264,561	**341,135**	153,180
	4,589,373	2,096,715	**2,994,664**	1,337,341
Kos penubuhan				
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan (Nota 19)	**223,646**	104,363	**119,155**	56,642
Pelunasan deposit teras tidak ketara (Nota 20)	**38,869**	22,801	**–**	–
Pelunasan kerja agensi (Nota 20)	**14,493**	9,848	**–**	–
Pelunasan hubungan pelanggan (Nota 20)	**28,144**	16,196	**–**	–
Pelunasan perisian komputer (Nota 20)	**64,715**	29,265	**47,629**	21,136
Sewaan tanah pajakan dan premis	**245,261**	113,656	**104,742**	51,882
Pembaikan dan penyelenggaraan hartanah, loji dan peralatan	**140,952**	81,583	**68,714**	33,668
Perbelanjaan teknologi maklumat	**559,397**	272,959	**453,575**	231,787
Pelarasan nilai saksama ke atas hartanah pelaburan (Nota 15)	**(10,583)**	(14)	**–**	–
Lain-lain	**10,493**	25,831	**6,152**	6,599
	1,315,387	676,488	**799,967**	401,714
Kos pemasaran				
Pengiklanan dan publisiti	**387,500**	178,608	**222,810**	94,714
Lain-lain	**187,277**	61,515	**168,990**	51,886
	574,777	240,123	**391,800**	146,600

39. PERBELANJAAN OVERHED (SAMB.)

	Kumpulan		Bank	
	1.1.2012 hingga 31.12.2012 RM'000	1.7.2011 hingga 31.12.2011 RM'000	1.1.2012 hingga 31.12.2012 RM'000	1.7.2011 hingga 31.12.2011 RM'000
Perbelanjaan pentadbiran dan am				
Yuran dan pembrokeran	**527,638**	312,693	**436,067**	259,271
Perbelanjaan pentadbiran	**564,595**	293,291	**244,838**	126,778
Perbelanjaan am	**583,886**	269,030	**126,386**	62,862
Kos pembangunan hartanah	**13,924**	34,762	**–**	–
Lain-lain	**(11,460)**	18,737	**1,505**	1,753
	1,678,583	928,513	**808,796**	450,664
Perbelanjaan overhed diperuntukkan kepada syarikat-syarikat subsidiari	**–**	–	**(591,437)**	(263,431)
Jumlah perbelanjaan overhed	**8,158,120**	3,941,839	**4,403,790**	2,072,888
Nisbah kos kepada pendapatan[#]	**48.6%**	49.7%	**43.3%**	41.7%
Perbelanjaan overhed termasuk:				
Yuran dan manfaat Pengarah (Nota 40)	**46,700**	23,126	**10,307**	4,648
Sewaan peralatan	**13,871**	8,419	**11,824**	7,733
Perbelanjaan langsung operasi daripada hartanah pelaburan	**238**	122	**–**	–
Ganjaran juruaudit:				
Audit berkanun:	**11,662**	9,313	**5,725**	4,955
– Ernst & Young Malaysia	**5,607**	4,553	**3,485**	2,867
– Ahli firma Ernst & Young Global	**5,600**	2,978	**2,138**	1,436
– Juruaudit lain*	**455**	1,782	**102**	652
Perkhidmatan bukan audit:	**6,094**	5,561	**3,885**	1,516
– Akauntan laporan, khidmat tugasan semakan dan berkaitan kawal selia	**2,689**	2,865	**1,692**	1,420
– Perkhidmatan-perkhidmatan lain	**3,405**	2,696	**2,193**	96
Perbelanjaan manfaat pekerja (Nota 39(a))	**80,530**	37,391	**–**	–
Hapus kira hartanah, loji dan peralatan (Nota 19)	**227**	2,682	**85**	294
Hapus kira aset tidak ketara (Nota 20)	**–**	16,594	**–**	–

[#] Nisbah kos kepada pendapatan dikira menggunakan jumlah kos berbanding pendapatan bersih. Keseluruhan kos Kumpulan adalah jumlah perbelanjaan, tidak termasuk pelunasan aset tidak ketara PT Bank Internasional Indonesia Tbk dan Maybank Kim Eng Holdings Limited, masing-masing sebanyak RM38,869,000 dan RM42,637,000 (1 Julai 2011 hingga 31 Disember 2011: RM22,801,000 dan RM26,044,000). Pendapatan merujuk kepada jumlah pendapatan bersih, seperti mana dinyatakan pada muka awal penyata pendapatan.

* Berkaitan yuran dibayar dan belum bayar kepada firma-firma perakaunan selain Ernst & Young.

39. PERBELANJAAN OVERHED (SAMB.)

(a) Perbelanjaan manfaat pekerja dalam tahun/tempoh kewangan adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	1.1.2012 hingga 31.12.2012 RM'000	1.7.2011 hingga 31.12.2011 RM'000
Kos perkhidmatan semasa	**44,347**	19,085
Kos faedah	**23,027**	11,291
Jangkaan pulangan atas pelan aset	**(20)**	–
Kerugian berkaitan aktuari diiktiraf, bersih	**10,790**	4,229
Pelunasan kos perkhidmatan lampau – diletakkan hak	**(515)**	2,362
Pelunasan kos perkhidmatan lampau – tidak diletakkan hak	**797**	424
Lain-lain	**2,104**	–
	80,530	37,391

40. YURAN DAN MANFAAT PENGARAH

	Kumpulan		Bank	
	1.1.2012 hingga 31.12.2012 RM'000	1.7.2011 hingga 31.12.2011 RM'000	1.1.2012 hingga 31.12.2012 RM'000	1.7.2011 hingga 31.12.2011 RM'000
Pengarah Bank:				
Para pengarah Eksekutif:				
Gaji	**1,632**	768	**1,632**	768
Yuran	**768**	379	**–**	–
Bonus	**2,380**	768	**2,380**	768
Kos pencen – pelan sumbangan yang ditetapkan	**645**	247	**645**	247
Kos ESS	**1,354**	668	**1,354**	668
Ganjaran lain	**241**	112	**210**	106
Anggaran nilai wang bagi manfaat berupa barangan	**42**	21	**42**	21
	7,062	2,963	**6,263**	2,578

40. YURAN DAN MANFAAT PENGARAH (SAMB.)

	Kumpulan		Bank	
	1.1.2012 hingga 31.12.2012 RM'000	1.7.2011 hingga 31.12.2011 RM'000	1.1.2012 hingga 31.12.2012 RM'000	1.7.2011 hingga 31.12.2011 RM'000
Para pengarah Bukan Eksekutif:				
Yuran	**5,589**	2,494	**2,956**	1,473
Ganjaran lain	**1,350**	678	**1,130**	618
Anggaran nilai wang bagi manfaat berupa barangan	**85**	45	**85**	44
	7,024	3,217	**4,171**	2,135
Jumlah kecil bagi para pengarah Bank	**14,086**	6,180	**10,434**	4,713

	Kumpulan		Bank	
	1.1.2012 hingga 31.12.2012 RM'000	1.7.2011 hingga 31.12.2011 RM'000	1.1.2012 hingga 31.12.2012 RM'000	1.7.2011 hingga 31.12.2011 RM'000
Para pengarah syarikat-syarikat subsidiari				
Para pengarah Eksekutif:				
Gaji dan ganjaran lain, termasuk elaun mesyuarat	**11,370**	10,691	**–**	–
Bonus	**5,807**	1,163	**–**	–
Kos pencen – pelan sumbangan yang ditetapkan	**231**	247	**–**	–
Kos ESS	**522**	325	**–**	–
Anggaran nilai wang bagi manfaat berupa barangan	**100**	361	**–**	–
	18,030	12,787	**–**	–
Para pengarah Bukan Eksekutif:				
Yuran	**10,373**	3,468	**–**	–
Ganjaran lain	**3,521**	344	**–**	–
Kos ESS	**917**	774	**–**	–
	14,811	4,586	**–**	–
Jumlah kecil bagi para pengarah syarikat-syarikat subsidiari	**32,841**	17,373	**–**	–
Jumlah (termasuk manfaat berupa barangan) (Nota 44(c))	**46,927**	23,553	**10,434**	4,713
Jumlah (tidak termasuk manfaat berupa barangan) (Nota 39)	**46,700**	23,126	**10,307**	4,648

40. YURAN DAN MANFAAT PENGARAH (SAMB.)

Ganjaran yang boleh diagihkan kepada Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Bank termasuk manfaat berupa barangan yang dinikmati sepanjang tahun kewangan berjumlah RM7,062,000 (1 Julai 2011 hingga 31 Disember 2011: RM2,963,000).

Jumlah ganjaran (termasuk manfaat barangan) para pengarah Bank adalah seperti berikut:

1.1.2012 hingga 31.12.2012	Gaji RM'000	Yuran RM'000	Bonus RM'000	Kos pencen RM'000	Emolumen lain* RM'000	Manfaat berupa barangan			Yuran RM'000	Emolumen lain RM'000	Jumlah syarikat subsidiari RM'000	Jumlah Kumpulan RM'000
						ESS RM'000	Lain-lain RM'000	Jumlah Bank RM'000				
Pengarah Eksekutif:												
Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar	1,632	–	2,380	645	210	1,354	42	6,263	768	31	799	7,062
Pengarah Bukan Eksekutif:												
Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin bin Megat Mohd Nor	–	300	–	–	577	–	40	917	815	12	827	1,744
Dato' Mohd Salleh bin Hj Harun	–	375	–	–	41	–	34	450	453	18	471	921
Tan Sri Datuk Dr Hadenan bin A. Jalil	–	295	–	–	52	–	3	350	75	10	85	435
Dato' Seri Ismail bin Shahudin	–	235	–	–	57	–	–	292	113	9	122	414
Dato' Dr Tan Tat Wai	–	295	–	–	53	–	–	348	71	7	78	426
Encik Zainal Abidin bin Jamal	–	280	–	–	80	–	2	362	349	36	385	747
Dato' Johan bin Ariffin	–	250	–	–	75	–	3	328	303	31	334	662
Mr Cheah Teik Seng	–	250	–	–	50	–	3	303	222	42	264	567
Mr Alister Maitland	–	280	–	–	49	–	–	329	–	25	25	354
Datuk Mohaiyani binti Shamsudin	–	220	–	–	63	–	–	283	212	29	241	524
Mr Erry Riyana Hardjapamekas	–	114	–	–	22	–	–	136	–	–	–	136
Dato' Sreesanthan Eliathamby	–	62	–	–	11	–	–	73	20	1	21	94
	–	2,956	–	–	1,130	–	85	4,171	2,633	220	2,853	7,024
Jumlah ganjaran pengarah	1,632	2,956	2,380	645	1,340	1,354	127	10,434	3,401	251	3,652	14,086

* Termasuk elaun kerja, elaun sosial, elaun perjalanan, perbelanjaan kakitangan, bayaran pengekalan dan gratuiti pencen.

40. YURAN DAN MANFAAT PENGARAH (SAMB.)

1.7.2011 hingga 31.12.2011	Gaji RM'000	Yuran RM'000	Bonus RM'000	Kos pencen RM'000	Emolumen lain* RM'000	Manfaat berupa barangan			Yuran RM'000	Emolumen lain RM'000	Jumlah syarikat subsidiari RM'000	Jumlah Kumpulan RM'000
						ESS RM'000	Lain-lain RM'000	Jumlah Bank RM'000				
Pengarah Eksekutif:												
Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar	768	–	768	247	106	668	21	2,578	379	6	385	2,963
Pengarah Bukan Eksekutif:												
Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin bin Megat Mohd Nor	–	150	–	–	325	–	20	495	407	–	407	902
Dato' Mohd Salleh bin Hj Harun	–	188	–	–	23	–	17	228	183	12	195	423
Tan Sri Datuk Dr Hadenan bin A. Jalil	–	147	–	–	32	–	1	180	18	4	22	202
Dato' Seri Ismail bin Shahudin	–	118	–	–	33	–	–	151	26	4	30	181
Dato' Dr Tan Tat Wai	–	147	–	–	29	–	–	176	71	2	73	249
Encik Zainal Abidin bin Jamal	–	140	–	–	46	–	1	187	88	12	100	287
Dato' Johan bin Ariffin	–	125	–	–	40	–	2	167	97	15	112	279
Mr Cheah Teik Seng	–	125	–	–	25	–	2	152	89	2	91	243
Mr Alister Maitland	–	140	–	–	29	–	–	169	–	4	4	173
Datuk Mohaiyani binti Shamsudin	–	68	–	–	12	–	–	80	30	–	30	110
Dato' Sreesanthan Eliathamby	–	125	–	–	24	–	1	150	13	5	18	168
	–	1,473	–	–	618	–	44	2,135	1,022	60	1,082	3,217
Jumlah ganjaran pengarah	768	1,473	768	247	724	668	65	4,713	1,401	66	1,467	6,180

* Termasuk elaun kerja, elaun sosial, elaun perjalanan, perbelanjaan kakitangan, bayaran pengekalan dan gratuiti pencen.

41. PERUNTUKAN KERUGIAN ROSOT NILAI PINJAMAN, PENDAHULUAN DAN PEMBIAYAAN, BERSIH

	Kumpulan		Bank	
	1.1.2012 hingga 31.12.2012 RM'000	1.7.2011 hingga 31.12.2011 RM'000	1.1.2012 hingga 31.12.2012 RM'000	1.7.2011 hingga 31.12.2011 RM'000
Peruntukan pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan:				
– Peruntukan individu (Nota 11(ix))				
Peruntukan dibuat	**1,172,015**	535,890	**985,402**	464,602
Jumlah di masuk kira semula	**(437,932)**	(296,458)	**(368,351)**	(192,817)
Bersih	**734,083**	239,432	**617,051**	271,785
– Peruntukan kolektif (Nota 11(ix))				
Peruntukan dibuat	**628,222**	504,176	**205,091**	187,383
Jumlah di masuk kira semula	**–**	(306)	**–**	–
Bersih	**628,222**	503,870	**205,091**	187,383
Hutang lapuk dan pembiayaan:				
– Dihapus kira	**120,433**	34,188	**104,447**	32,243
– Dipulihkan semula	**(851,722)**	(463,338)	**(660,391)**	(326,977)
	631,016	314,152	**266,198**	164,434
Peruntukan untuk hutang-hutang lain	**11,695**	14,928	**2,646**	1,707
	642,711	329,080	**268,844**	166,141

42. PERUNTUKAN BAGI/(MASUK KIRA SEMULA) KERUGIAN ROSOT NILAI PELABURAN KEWANGAN, BERSIH

	Kumpulan		Bank	
	1.1.2012 hingga 31.12.2012 RM'000	1.7.2011 hingga 31.12.2011 RM'000	1.1.2012 hingga 31.12.2012 RM'000	1.7.2011 hingga 31.12.2011 RM'000
Pelaburan kewangan tersedia untuk dijual	**54,710**	68,697	**(6,823)**	59,324
Pelaburan kewangan dipegang hingga matang	**5,506**	(1,460)	**3,738**	(1,460)
	60,216	67,237	**(3,085)**	57,864

43. CUKAI DAN ZAKAT

	Kumpulan		Bank	
	1.1.2012 hingga 31.12.2012 RM'000	1.7.2011 hingga 31.12.2011 RM'000	1.1.2012 hingga 31.12.2012 RM'000	1.7.2011 hingga 31.12.2011 RM'000
Cukai pendapatan Malaysia	**1,811,717**	786,379	**1,264,001**	543,043
Cukai luar negara	**455,658**	226,728	**207,556**	107,832
Ditolak: Pelepasan cukai berganda	**(184,961)**	(106,266)	**(184,963)**	(106,266)
	2,082,414	906,841	**1,286,594**	544,609
(Lebihan)/kekurangan peruntukan pada tahun-tahun sebelumnya:				
Cukai pendapatan Malaysia	**(140,772)**	–	**(106,879)**	–
Cukai pendapatan luar negara	**294**	97	**–**	–
	1,941,936	906,938	**1,179,715**	544,609
Cukai tertunda (Nota 27):				
Berkaitan dengan punca dan pembalikan perbezaan sementara (bersih)	**10,667**	(28,360)	**12,506**	60,269
Perbelanjaan cukai tahun/tempoh kewangan	**1,952,603**	878,578	**1,192,221**	604,878
Zakat	**24,703**	10,415	**33**	22
	1,977,306	888,993	**1,192,254**	604,900

Cukai pendapatan domestik dikira pada kadar cukai berkanun Malaysia sebanyak 25% (1 Julai 2011 hingga 31 Disember 2011: 25%) atas jumlah anggaran keuntungan kena cukai bagi tahun/tempoh kewangan.

Cukai bagi bidang-bidang kuasa lain dikira pada kadar lazim masing-masing.

43. CUKAI DAN ZAKAT (SAMB.)

Penyelarasan perbelanjaan cukai untuk keuntungan sebelum cukai pada kadar cukai pendapatan berkanun dengan perbelanjaan cukai pendapatan pada kadar cukai pendapatan efektif Kumpulan dan Bank seperti berikut:

	Kumpulan	
	1.1.2012 hingga 31.12.2012 RM'000	1.7.2011 hingga 31.12.2011 RM'000
Keuntungan sebelum cukai	**7,894,599**	3,571,092
Cukai pada kadar cukai berkanun Malaysia 25% (31 Disember 2011: 25%)	**1,973,650**	892,772
Perbezaan kadar cukai di negara-negara lain	**50,224**	7,457
Pendapatan tidak tertakluk kepada cukai	**(203,182)**	(63,545)
Perbelanjaan tidak boleh ditolak bagi tujuan cukai	**310,508**	60,356
(Lebihan)/kekurangan peruntukan perbelanjaan cukai pada tahun-tahun sebelumnya	**(140,478)**	97
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu	**(38,119)**	(18,559)
Perbelanjaan cukai bagi tahun/tempoh kewangan	**1,952,603**	878,578

	Bank	
	1.1.2012 hingga 31.12.2012 RM'000	1.7.2011 hingga 31.12.2011 RM'000
Keuntungan sebelum cukai	**5,498,158**	2,670,185
Cukai pada kadar cukai berkanun Malaysia 25% (31 Disember 2011: 25%)	**1,374,540**	667,546
Perbezaan kadar cukai di negara-negara lain	**13,348**	7,268
Pendapatan tidak tertakluk kepada cukai	**(196,737)**	(91,710)
Perbelanjaan tidak boleh ditolak bagi tujuan cukai	**107,949**	21,774
Lebihan peruntukan perbelanjaan cukai pada tahun-tahun sebelumnya	**(106,879)**	–
Perbelanjaan cukai bagi tahun/tempoh kewangan	**1,192,221**	604,878

44. URUS NIAGA DAN BAKI KETARA DENGAN PIHAK BERKAITAN

Bagi tujuan penyediaan penyata kewangan ini, pihak-pihak dianggap mempunyai kaitan dengan Kumpulan sekiranya Kumpulan atau Bank secara langsung atau tidak langsung, boleh mengawal pihak berkaitan atau mempunyai pengaruh yang ketara atas pihak yang membuat keputusan kewangan dan operasi atau sebaliknya atau di mana Kumpulan atau Bank dan pihak berkaitan tertakluk kepada kawalan atau pengaruh biasa. Pihak berkaitan mungkin individu atau entiti-entiti lain.

Pihak berkaitan juga merangkumi kakitangan pengurusan utama didefinisikan sebagai mereka yang mempunyai kuasa atau tanggungjawab dalam merancang, mengarah dan mengawal aktiviti-aktiviti Kumpulan secara langsung atau tidak langsung. Kakitangan pengurusan utama termasuklah semua pengarah dan ketua-ketua pegawai eksekutif Kumpulan dan Bank.

Kumpulan mempunyai hubungan dengan pihak berkaitan melibatkan pemegang saham besarnya, syarikat-syarikat subsidiari, bersekutu dan pengurusan utama kakitangan.

Urus niaga pihak berkaitan telah berjalan seperti mana perniagaan bawah syarat-syarat perdagangan biasa. Transaksi dan baki ketara pihak berkaitan melibatkan Kumpulan dan Bank adalah seperti berikut:

(a) Urus niaga dengan syarikat-syarikat subsidiari dan syarikat-syarikat bersekutu:

	Bank	
	1.1.2012 hingga 31.12.2012 RM'000	1.7.2011 hingga 31.12.2011 RM'000
Pendapatan:		
Faedah atas deposit	**140,468**	80,746
Pendapatan dividen	**856,049**	363,257
Sewa premis	**3,441**	1,327
Pendapatan lain	**785,604**	273,279
	1,785,562	718,609
Perbelanjaan:		
Faedah atas deposit	**303,686**	148,886
Pendapatan lain	**19,253**	3,348
	322,939	152,234
Lain-lain:		
Perbelanjaan ESS dicaj ke subsidiari	**20,554**	20,558

44. URUS NIAGA DAN BAKI KETARA DENGAN PIHAK BERKAITAN (SAMB.)

(b) Baki dengan syarikat-syarikat subsidiari

	Bank		
	Pada 31.12.2012 RM'000	Pada 31.12.2011 RM'000	Pada 1.7.2011 RM'000
Jumlah belum diterima daripada syarikat-syarikat subsidiari:			
Akaun semasa dan deposit	**2,129,449**	3,470,049	2,218,541
Deposit instrumen boleh niaga	**5,330,626**	6,125,796	4,886,333
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	**–**	126,404	131,856
Faedah dan penerimaan lain atas deposit	**610,233**	209,063	2,239,152
Sekuriti hutang swasta	**284,636**	127,593	211,916
Aset derivatif	**20,811**	54,912	7,231
	8,375,755	10,113,817	9,695,029
Jumlah belum dibayar kepada syarikat-syarikat subsidiari:			
Akaun semasa dan deposit	**6,416,138**	6,965,108	6,219,839
Sekuriti hutang swasta	**–**	–	40,808
Faedah belum bayar atas deposit	**8,680**	10,165	15,956
Deposit dan pemiutang lain	**9,568,012**	8,037,519	8,261,501
Liabiliti derivatif	**7,536**	935	12,287
	16,000,366	15,013,727	14,550,391

(c) Pampasan kakitangan pengurusan utama

	Kumpulan		Bank	
	1.1.2012 hingga 31.12.2012 RM'000	1.7.2011 hingga 31.12.2011 RM'000	1.1.2012 hingga 31.12.2012 RM'000	1.7.2011 hingga 31.12.2011 RM'000
Manfaat kakitangan jangka pendek				
– Yuran	**16,730**	6,341	**2,956**	1,473
– Gaji, elaun dan bonus	**29,609**	18,748	**5,352**	2,260
– Kos pencen - pelan sumbangan tetap	**1,562**	1,086	**645**	247
– Manfaat kakitangan lain	**4,334**	1,349	**127**	65
Pembayaran berasaskan saham				
– Perbelanjaan ESS	**4,573**	2,581	**1,354**	668
Manfaat selepas tamat perkhidmatan				
– Gratuiti persaraan	**–**	207	**–**	–
	56,808	30,312	**10,434**	4,713

44. URUS NIAGA DAN BAKI KETARA DENGAN PIHAK BERKAITAN (SAMB.)

(c) Pampasan kakitangan pengurusan utama (samb.)

Termasuk dalam jumlah pampasan kakitangan pengurusan utama adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Bank	
	1.1.2012 hingga 31.12.2012 RM'000	1.7.2011 hingga 31.12.2011 RM'000	1.1.2012 hingga 31.12.2012 RM'000	1.7.2011 hingga 31.12.2011 RM'000
Manfaat pengarah-pengarah termasuk manfaat barangan (Nota 40)	**46,927**	23,553	**10,434**	4,713

Pergerakan bilangan ESOS yang diluluskan dan diletak hak kepada kakitangan pengurusan utama adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Bank	
	1.1.2012 hingga 31.12.2012 '000	1.7.2011 hingga 31.12.2011 '000	1.1.2012 hingga 31.12.2012 '000	1.7.2011 hingga 31.12.2011 '000
Diluluskan dalam tahun/tempoh kewangan				
- Kelulusan kedua	**78**	–	**–**	–

	Kumpulan		Bank	
	Pada 31.12.2012 '000	Pada 31.12.2011 '000	Pada 31.12.2012 '000	Pada 31.12.2011 '000
Pada 1 Januari 2012/1 Julai 2011	**1,965**	1,965	**500**	500
Pelarasan*	**(226)**	–	**–**	–
Dihakmilik dan dilaksanakan	**968**	–	**250**	–
Dilaksanakan	**(28)**	–	**–**	–
Ditarik balik	**(70)**	–	**–**	–
Pada 31 Disember	**2,609**	1,965	**750**	500

* Pelarasan dibuat berkaitan dengan perubahan kakitangan utama pengurusan dalam tahun kewangan.

Opsyen saham bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2012 juga diluluskan mengikut syarat-syarat dan terma-terma yang sama ditawarkan kepada pekerja-pekerja lain dalam Kumpulan, seperti mana dinyatakan dalam Nota 31(c).

44. URUS NIAGA DAN BAKI KETARA DENGAN PIHAK BERKAITAN (SAMB.)

(c) Pampasan kakitangan pengurusan utama (samb.)

Pergerakan dalam bilangan RSU yang diluluskan kepada kakitangan pengurusan utama adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Bank	
	1.1.2012 hingga 31.12.2012 '000	1.7.2011 hingga 31.12.2011 '000	1.1.2012 hingga 31.12.2012 '000	1.7.2011 to 31.12.2011 '000
Diluluskan dalam tahun kewangan				
- Kelulusan kedua	**685**	–	**200**	–

Tiada RSU yang diluluskan telah dihakmilik pada akhir tahun/tempoh kewangan.

Pinjaman kepada pengarah-pengarah eksekutif syarikat-syarikat subsidiari Kumpulan dan Bank adalah dinyatakan dalam Nota 11.

(d) Entiti-entiti berkaitan Kerajaan

Permodalan Nasional Berhad ("PNB"), sebuah entiti berkaitan kerajaan, merupakan pemegang saham yang mempunyai pengaruh ketara atas Bank dengan pegangan langsung sebanyak 5.08% (31 Disember 2011: 5.21% dan 1 Julai 2011: 5.58%) dan pegangan tidak langsung pula sebanyak 40.58% (31 Disember 2011: 46.05% dan 1 Julai 2011: 45.77%) melalui Amanah Raya Trustee Berhad (Skim Amanah Saham Bumiputera) pada 31 Disember 2012. PNB dan entiti kawalan terusnya secara kolektif dirujuk kepada Kumpulan dan Bank sebagai entiti berkaitan kerajaan.

Semua urus niaga Kumpulan dan Bank dengan entiti-entiti berkaitan kerajaan dikendalikan seperti mana urusan perniagaan biasa menggunakan terma-terma yang sama dengan entiti-entiti bukan kerajaan. Kumpulan telah menubuhkan dasar kredit, strategi penentuan harga dan proses kelulusan pinjaman, yang bebas tanpa mengira pihak yang berkaitan itu adalah entiti-entiti berkaitan kerajaan atau sebaliknya.

(i) Urus niaga secara individu yang ketara dengan PNB disebabkan oleh saiznya.

	Kumpulan	
	1.1.2012 hingga 31.12.2012 RM'000	1.7.2011 hingga 31.12.2011 RM'000
Urus niaga dalam tahun/tempoh kewangan:		
Pendapatan faedah	**210,108**	100,829

	Bank	
	1.1.2012 hingga 31.12.2012 RM'000	1.7.2011 hingga 31.12.2011 RM'000
Urus niaga dalam tahun/tempoh kewangan:		
Pendapatan faedah	**167,533**	69,177

44. URUS NIAGA DAN BAKI KETARA DENGAN PIHAK BERKAITAN (SAMB.)

(d) Entiti-entiti berkaitan Kerajaan (samb.)

(i) Urus niaga secara individu yang ketara dengan PNB kerana saiznya (samb.)

	Kumpulan		
	Pada 31.12.2012 RM'000	Pada 31.12.2011 RM'000	Pada 1.7.2011 RM'000
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	**5,607,680**	5,957,680	5,957,680

	Bank		
	Pada 31.12.2012 RM'000	Pada 31.12.2011 RM'000	Pada 1.7.2011 RM'000
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	**4,457,680**	4,807,680	4,807,680

(ii) Secara kolektif tetapi bukan secara individu, urus niaga ketara

Kumpulan mempunyai urus niaga dengan entiti-entiti berkaitan kerajaan yang lain termasuk tetapi tidak dihadkan kepada peruntukan pinjaman, penempatan deposit, bayaran broker dan premium insurans.

Bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2012, pihak pengurusan menganggarkan bahawa jumlah agregat urus niaga ketara Kumpulan dan Bank dengan entiti-entiti berkaitan kerajaan lain sekurang-kurangnya 1.7% dan 1.9%, daripada jumlah pendapatan faedah masing-masing (1 Julai 2011 hingga 31 Disember 2011: 1.6% bagi Kumpulan dan Bank).

Bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2012, pihak pengurusan menganggarkan jumlah agregat baki yang ketara belum diterima oleh Kumpulan dan Bank daripada entiti-entiti berkaitan kerajaan lain, masing-masing sebanyak 2.2% dan 2.6% daripada jumlah pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan (31 Disember 2011: 2.6% untuk Kumpulan dan 3.1% bagi Bank dan 1 Julai 2011: 2.5% untuk Kumpulan dan 2.9% untuk Bank).

44. URUS NIAGA DAN BAKI KETARA DENGAN PIHAK BERKAITAN (SAMB.)

(e) Pendedahan kredit yang timbul daripada urus niaga kredit dengan pihak-pihak berkaitan

	Kumpulan		
	Pada 31.12.2012	**Pada 31.12.2011**	**Pada 1.7.2011**
Baki pendedahan kredit dengan pihak-pihak berkaitan (RM'000)	**24,145,302**	24,765,729	26,226,304
Peratusan baki pendedahan kredit dengan pihak-pihak berkaitan daripada jumlah keseluruhan pendedahan kredit	**7.8%**	9.0%	10.3%
Peratusan baki pendedahan kredit dengan pihak-pihak berkaitan yang tidak berbayar atau berlaku kemungkiran	**–**	–	–

	Bank		
	Pada 31.12.2012	**Pada 31.12.2011**	**Pada 1.7.2011**
Baki pendedahan kredit dengan pihak-pihak berkaitan (RM'000)	**23,472,554**	22,922,705	21,934,288
Peratusan baki pendedahan kredit dengan pihak-pihak berkaitan daripada jumlah keseluruhan pendedahan kredit	**10.9%**	11.8%	12.1%
Peratusan baki pendedahan kredit dengan pihak-pihak berkaitan yang tidak berbayar atau berlaku kemungkiran	**–**	–	–

Pendedahan kredit di atas adalah berdasarkan kepada para 9.1 semakan semula Garis Panduan Bank Negara Malaysia (BNM) mengenai Transaksi Kredit dan Pendedahan dengan pihak-pihak berkaitan.

Berdasarkan garis panduan berkenaan, pihak berkaitan merujuk kepada yang berikut:

(i) Para pengarah Bank dan saudara mereka yang terdekat;

(ii) Pemegang saham utama dan saudara beliau yang terdekat;

(iii) Pegawai eksekutif, sebagai anggota pengurusan yang memiliki kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah dan/atau mengawal kegiatan Bank, dan juga saudara beliau yang terdekat;

(iv) Pegawai-pegawai yang bertanggungjawab untuk atau memiliki kuasa untuk menaksir dan/atau meluluskan urus niaga kredit atau menyemak status urus niaga kredit yang sedia ada, sama ada sebagai anggota jawatankuasa atau secara individu, dan saudara mereka yang terdekat;

(v) Firma, pakatan, syarikat-syarikat atau entiti-entiti perundangan yang mengawal, atau dikawal oleh mana-mana perseorangan seperti disenaraikan dalam senarai (i) hingga (iv) di atas, atau di mana mereka memiliki kepentingan, sebagai pengarah, rakan pakatan, pegawai eksekutif, ejen atau penjamin, dan syarikat-syarikat subsidiari atau entiti yang dikawal oleh mereka;

44. URUS NIAGA DAN BAKI KETARA DENGAN PIHAK BERKAITAN (SAMB.)

(e) Pendedahan kredit yang timbul daripada urus niaga kredit dengan pihak-pihak berkaitan (samb.)

Berdasarkan garis panduan berkenaan, pihak berkaitan merujuk kepada yang berikut (samb.):

(vi) Mana-mana individu yang tersenarai dalam (i) hingga (iv) di atas yang menjadi penjamin; dan

(vii) Syarikat subsidiari atau entiti yang dikawal oleh Bank dan pihak-pihak yang berkaitan dengannya.

Urus niaga kredit dan pendedahan dengan pihak yang berkaitan seperti dinyatakan di atas termasuk lanjutan kemudahan-kemudahan kredit dan/atau pendedahan kredit di luar penyata kedudukan kewangan seperti jaminan, kemudahan berkaitan perdagangan dan komitmen hutang.

45. PENDAPATAN SESAHAM ("EPS")

(a) EPS asas

EPS asas bagi Kumpulan dan Bank dikira dengan membahagikan keuntungan bersih yang boleh diagih kepada pemegang ekuiti Bank bagi tahun/tempoh kewangan dengan bilangan purata wajaran saham biasa yang diterbitkan sepanjang tahun/tempoh kewangan.

	Kumpulan		Bank	
	1.1.2012 hingga 31.12.2012	**1.7.2011 hingga 31.12.2011**	**1.1.2012 hingga 31.12.2012**	**1.7.2011 hingga 31.12.2011**
Keuntungan bersih tahun/tempoh kewangan yang boleh diagih kepada pemegang ekuiti Bank (RM'000)	**5,744,696**	2,587,052	**4,305,904**	2,065,285
Bilangan purata wajaran jumlah saham biasa yang diterbitkan ('000)	**7,904,374**	7,505,086	**7,904,374**	7,505,086
Pendapatan sesaham asas (sen)	**72.7**	34.5	**54.5**	27.5

(b) EPS dicairkan

EPS dicairkan bagi Kumpulan dan Bank adalah dikira secara membahagikan keuntungan bersih yang boleh diagihkan kepada pemegang ekuiti Bank bagi tahun/tempoh kewangan dengan bilangan purata wajaran saham biasa yang diterbitkan, yang telah diselaraskan dengan bilangan saham boleh diterbitkan di bawah pelaksanaan Skim Saham Pekerja Kumpulan Maybank ("ESS"), perinciannya dinyatakan dalam Nota 31(c).

Dalam pengiraan EPS dicairkan, andaian dibuat bahawa sebilangan tertentu saham di bawah ESS berkaitan RSU telah diletakkan hak dan dianugerahkan kepada pekerja-pekerja melalui terbitan tambahan saham biasa. Pengiraan telah dibuat untuk menentukan bilangan saham yang boleh diterbitkan pada nilai saksama (ditentukan sebagai purata harga saham Bank dalam tahun/tempoh kewangan) berdasarkan nilai kewangan hak langganan ESS yang disertakan dengan baki RSU yang diluluskan. Pengiraan ini bertujuan menentukan bilangan saham cair untuk disertakan dalam purata wajaran saham biasa yang diterbitkan untuk tujuan pengiraan kadar cairan. Tiada penyelarasan dibuat kepada keuntungan bersih dalam tahun/tempoh kewangan.

45. PENDAPATAN SESAHAM ("EPS") (SAMB.)

(b) EPS dicairkan (samb.)

	Kumpulan		Bank	
	1.1.2012 hingga 31.12.2012	1.7.2011 hingga 31.12.2011	1.1.2012 hingga 31.12.2012	1.7.2011 hingga 31.12.2011
Keuntungan bersih bagi tahun/tempoh kewangan boleh diagihkan kepada pemegang ekuiti Bank (RM'000)	**5,744,696**	2,587,052	**4,305,904**	2,065,285
Bilangan purata wajaran jumlah saham biasa yang diterbitkan ('000)	**7,904,374**	7,505,086	**7,904,374**	7,505,086
Kesan dicairkan ('000)	**601**	85	**601**	85
Penyelarasan bilangan purata wajaran jumlah saham biasa yang diterbitkan ('000)	**7,904,975**	7,505,171	**7,904,975**	7,505,171
Pendapatan dicairkan sepenuhnya sesaham (sen)	**72.7**	34.5	**54.5**	27.5

ESOS diluluskan kepada para pekerja di bawah ESS tidak dimasukkan dalam pengiraan pendapatan dicairkan sesaham kerana ia adalah anti-dicairkan (anti-dilutive).

46. DIVIDEN

	Kumpulan dan Bank			
			Dividen bersih sesaham	
	1.1.2012 hingga 31.12.2012 RM'000	1.7.2011 hingga 31.12.2011 RM'000	1.1.2012 hingga 31.12.2012 sen	1.7.2011 hingga 31.12.2011 sen
Dividen akhir sebanyak 36 sen ditolak 25% cukai pendapatan bagi tempoh kewangan berakhir pada 31 Disember 2011 (Nota c(i))	**2,062,651**	–	**27.00**	–
Dividen interim pertama sebanyak 32 sen ditolak 25% cukai pendapatan bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2012 (Nota c(ii))	**1,885,055**	–	**24.00**	–
Dividen akhir sebanyak 32 sen ditolak 25% cukai pendapatan bagi tahun kewangan berakhir pada 30 Jun 2011	**–**	1,794,772	**–**	24.00
	3,947,706	1,794,772	**51.00**	24.00
Ditolak: Dividen saham dipegang dalam amanah menurut mekanisme ETF	**(2,748)**	–		
	3,944,958	1,794,772		

46. DIVIDEN (SAMB.)

(a) Cadangan dividen akhir

Pada Mesyuarat Agung Tahunan akan datang, dividen akhir bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2012 sebanyak 18 sen ditolak 25% cukai dan 15 sen dividen peringkat tunggal (single tier) ke atas 8,440,046,735 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham, menjadikan jumlah keseluruhan dividen bersih belum bayar berjumlah RM2,405,413,319 (bersih 28.5 sen sesaham biasa) akan dicadangkan untuk kelulusan pemegang saham.

Dividen kasar yang dicadangkan mengandungi bahagian tunai sebanyak 4 sen dividen peringkat tunggal sesaham biasa yang akan dibayar secara tunai berjumlah RM337,601,869 dan bahagian boleh pilih sebanyak 29 sen (bersih 24.5 sen) sesaham biasa berjumlah RM2,067,811,450 yang mana bahagian boleh pilih terdiri daripada 11 sen dividen peringkat tunggal dan 18 sen dividen yang dikenakan cukai (bersih 13.5 sen) sesaham biasa bernilai RM1.00 setiap satu.

Bahagian boleh pilih boleh dibuat pilihan untuk dilabur semula dalam saham biasa menurut Pelan Pelaburan Semula Dividen ("DRP") seperti mana dinyatakan dalam Nota 31(b) penyata kewangan ini, tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa dan juga kelulusan pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang.

Penyata kewangan bagi tahun kewangan semasa tidak mengambil kira cadangan dividen ini. Jika diluluskan oleh pemegang saham, dividen berkenaan akan diambil kira dalam ekuiti sebagai pengagihan keuntungan terkumpul dalam tahun kewangan berikutnya berakhir pada 31 Disember 2013.

(b) Pelan Pelaburan Semula Dividen ("DRP")

Bank melalui pengumuman yang dibuat pada 25 Mac 2010 telah mencadangkan pelaksanaan pelan pelaburan semula dividen yang boleh dilakukan secara berulang dan sebagai pilihan yang membenarkan para pemegang saham bank melabur semula bahagian dividen mereka kepada saham biasa baru mereka bernilai RM1.00 sesaham dalam bank.

Perincian DRP dinyatakan dalam Nota 31(b).

(c) Dividen dibayar sepanjang tahun kewangan

(i) Dividen mengandungi bahagian tunai sebanyak 4 sen (bersih 3 sen) sesaham biasa untuk dibayar secara tunai berjumlah RM439,818,246 dan bahagian boleh pilih sebanyak 32 sen (bersih 24 sen) sesaham biasa berjumlah RM1,622,832,952 yang boleh pilih untuk dilabur semula dalam saham baru Maybank sejajar dengan DRP.

(ii) Dividen mengandungi bahagian tunai sebanyak 4 sen (bersih 3 sen) sesaham biasa untuk dibayar secara tunai berjumlah RM430,643,915 dan bahagian boleh pilih sebanyak 28 sen (bersih 21 sen) sesaham biasa berjumlah RM1,454,411,557 yang boleh pilih untuk dilabur semula dalam saham baru Maybank sejajar dengan DRP.

(d) Dividen dibayar oleh syarikat subsidiari Maybank kepada kepentingan tidak terkawal

Dividen dibayar oleh syarikat subsidiari Maybank kepada kepentingan tidak terkawal berjumlah RM42,520,000 dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2012 (31 Disember 2011: RM3,332,000).

47. KOMITMEN DAN TANGGUNGAN LUAR JANGKAAN

(a) Dalam urusan perniagaan biasa, Bank dan syarikat-syarikat subsidiarinya membuat pelbagai komitmen dan menimbulkan liabiliti luar jangka tertentu yang mempunyai kesan undang-undang terhadap pelanggannya. Tiada kerugian yang material dijangkakan akibat daripada urusniaga berkenaan.

Pendedahan risiko wajaran bagi Bank dan syarikat-syarikat subsidiarinya pada tempoh laporan adalah seperti berikut:

	Kumpulan								
	Pada 31.12.2012			Pada 31.12.2011			Pada 1.7.2011		
	Komitmen penuh RM'000	Jumlah persamaan kredit* RM'000	Jumlah wajaran risiko* RM'000	Komitmen penuh RM'000	Jumlah persamaan kredit * RM'000	Jumlah wajaran risiko* RM'000	Komitmen penuh RM'000	Jumlah persamaan kredit * RM'000	Jumlah wajaran risiko* RM'000
Berkaitan kredit									
Gantian kredit terus	9,835,215	9,330,230	5,923,432	8,260,162	7,864,786	5,463,701	6,752,978	6,227,511	4,099,984
Butiran luar jangkaan berkaitan dengan urusniaga tertentu	12,386,664	6,086,424	4,548,217	13,333,375	5,797,032	4,339,391	11,877,557	5,432,538	4,249,138
Luar jangkaan jangka pendek berkaitan dagangan lupus sendiri	4,149,665	968,455	702,003	3,316,365	1,243,447	704,094	2,568,575	823,220	466,841
Kewajipan di bawah perjanjian tatajamin	30,000	15,000	3,000	30,000	15,000	15,000	–	–	–
Komitmen tidak boleh mansuh untuk melanjutkan kredit:									
– Matang dalam tempoh satu tahun	92,616,125	15,352,562	9,652,404	96,902,460	3,398,686	2,109,787	90,585,383	3,377,523	1,577,558
– Matang selepas satu tahun	34,602,180	20,418,739	8,169,932	19,584,365	11,669,069	4,829,809	17,429,274	6,027,366	2,818,245
Lain-lain komitmen dan tanggungan luar jangka	9,773,807	798,322	201,617	8,782,439	97,824	73,043	9,605,986	95,365	71,442
Jumlah komitmen dan tanggungan luar jangka berkaitan kredit	163,393,656	52,969,732	29,200,605	150,209,166	30,085,844	17,534,825	138,819,753	21,983,523	13,283,208
Instrumen Kewangan Derivatif									
Kontrak pertukaran matawang asing:									
– Kurang daripada satu tahun	95,679,030	1,897,261	520,511	89,398,924	1,697,361	589,459	73,859,524	999,219	341,316
– Satu tahun hingga kurang daripada lima tahun	18,646,950	3,391,757	1,444,007	16,659,300	61,824	52,846	12,415,335	98,952	65,569
– Lima tahun ke atas	1,780,543	1,780,543	891,778	827,609	45,053	44,520	605,885	54,096	52,937
	116,106,523	7,069,561	2,856,296	106,885,833	1,804,238	686,825	86,880,744	1,152,267	459,822
Kontrak kadar faedah:									
– Kurang daripada satu tahun	19,401,506	550,359	199,287	52,227,798	515,281	420,674	42,098,665	625,318	389,499
– Satu tahun hingga kurang daripada lima tahun	63,714,009	1,824,999	569,365	50,556,677	3,275,364	1,408,777	17,922,122	2,944,133	1,495,547
– Lima tahun ke atas	16,401,202	9,974	2,286	9,176,736	1,133,644	528,435	5,120,193	733,014	316,936
	99,516,717	2,385,332	770,938	111,961,211	4,924,289	2,357,886	65,140,980	4,302,465	2,201,982
Kontrak ekuiti dan komoditi:									
– Kurang daripada satu tahun	260,907	–	–	345,357	–	–	1,112,179	–	–
– Satu tahun hingga kurang daripada lima tahun	365,646	–	–	377,592	–	–	155,607	–	–
– Lima tahun ke atas	30,198	–	–	–	–	–	–	–	–
	656,751	–	–	722,949	–	–	1,267,786	–	–
Kontrak kredit:									
– Kurang daripada satu tahun	–	–	–	12,677	–	–	–	–	–
– Lima tahun ke atas	21,388	–	–	–	–	–	–	–	–
	21,388	–	–	12,677	–	–	–	–	–
Jumlah komitmen dan tanggungan luar jangka berkaitan perbendaharaan	216,301,379	9,454,893	3,627,234	219,582,670	6,728,527	3,044,711	153,289,510	5,454,732	2,661,804
Jumlah komitmen dan tanggungan luar jangka	379,695,035	62,424,625	32,827,839	369,791,836	36,814,371	20,579,536	292,109,263	27,438,255	15,945,012

47. KOMITMEN DAN TANGGUNGAN LUAR JANGKAAN (SAMB.)

(a) Dalam urusan perniagaan biasa, Bank dan syarikat-syarikat subsidiarinya membuat pelbagai komitmen dan menimbulkan liabiliti luar jangka tertentu yang mempunyai kesan undang-undang terhadap pelanggannya. Tiada kerugian yang material dijangkakan akibat daripada urusniaga berkenaan. (samb.)

Pendedahan risiko wajaran bagi Bank dan syarikat-syarikat subsidiarinya pada tempoh laporan adalah seperti berikut (samb.):

	Bank								
	Pada 31.12.2012			Pada 31.12.2011			Pada 1.7.2011		
	Komitmen penuh RM'000	Jumlah persamaan kredit* RM'000	Jumlah wajaran risiko* RM'000	Komitmen penuh RM'000	Jumlah persamaan kredit * RM'000	Jumlah wajaran risiko* RM'000	Komitmen penuh RM'000	Jumlah persamaan kredit * RM'000	Jumlah wajaran risiko* RM'000
Berkaitan kredit									
Gantian kredit terus	7,442,874	7,442,874	4,459,633	5,926,466	5,790,525	3,584,047	4,649,552	4,649,552	2,664,930
Butiran luar jangka berkaitan dengan urusniaga tertentu	10,752,852	5,156,128	3,749,803	11,673,152	4,944,380	3,558,588	10,543,747	4,935,629	3,801,327
Luar jangkaan jangka pendek berkaitan dagangan lupus sendiri	3,775,633	652,838	390,388	2,952,658	1,057,766	648,554	2,408,875	760,622	431,034
Komitmen tidak boleh mansuh untuk melanjutkan kredit:									
– Matang dalam tempoh satu tahun	74,529,072	12,760,456	7,776,780	82,414,863	2,586,209	1,767,836	78,255,915	2,613,454	1,366,897
– Matang selepas satu tahun	29,371,486	16,843,478	6,482,755	16,410,180	10,258,612	4,369,422	15,431,262	5,632,158	2,648,543
Lain-lain komitmen dan tanggungan luar jangka	9,616,211	613,053	149,236	8,475,251	97,824	73,043	9,576,083	95,365	71,442
Jumlah komitmen dan tanggungan luar jangka berkaitan kredit	135,488,128	43,468,827	23,008,595	127,852,570	24,735,316	14,001,490	120,865,434	18,686,780	10,984,173
Instrumen Kewangan Derivatif									
Kontrak pertukaran matawang asing:									
– Kurang daripada satu tahun	90,499,688	1,842,737	501,780	84,129,446	1,598,591	534,060	69,241,688	974,508	330,847
– Satu tahun hingga kurang daripada lima tahun	17,371,300	3,289,005	1,354,451	13,766,757	61,824	52,846	11,703,995	98,952	65,569
– Lima tahun ke atas	1,780,543	1,780,543	890,710	827,609	43,500	42,967	605,885	54,096	52,937
	109,651,531	6,912,285	2,746,941	98,723,812	1,703,915	629,873	81,551,568	1,127,556	449,353
Kontrak kadar faedah:									
– Kurang daripada satu tahun	18,785,656	510,253	188,501	52,092,953	245,271	150,835	39,794,395	618,202	386,088
– Satu tahun dan kurang daripada lima tahun	58,128,406	1,589,845	393,724	48,442,901	3,138,356	1,349,099	17,674,164	2,899,881	1,473,840
– Lima tahun ke atas	16,340,036	9,974	2,286	8,931,398	1,118,606	524,691	4,996,206	733,014	344,942
	93,254,098	2,110,072	584,511	109,467,252	4,502,233	2,024,625	62,464,765	4,251,097	2,204,870
Kontrak ekuiti dan komoditi:									
– Kurang daripada satu tahun	260,907	–	–	58,934	–	–	808,651	–	–
– Satu tahun dan kurang daripada lima tahun	144,716	–	–	377,592	–	–	155,607	–	–
	405,623	–	–	436,526	–	–	964,258	–	–
Jumlah komitmen dan tanggungan luar jangka berkaitan perbendaharaan	203,311,252	9,022,357	3,331,452	208,627,590	6,206,148	2,654,498	144,980,591	5,378,653	2,654,223
Jumlah komitmen dan tanggungan luar jangka	338,799,380	52,491,184	26,340,047	336,480,160	30,941,464	16,655,988	265,846,025	24,065,433	13,638,396

* Jumlah persamaan kredit dan jumlah wajaran risiko adalah diperoleh menggunakan faktor pengubah kredit dan wajaran risiko yang masing-masing ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia.

47. KOMITMEN DAN TANGGUNGAN LUAR JANGKAAN (SAMB.)

(a) Dalam urusan perniagaan biasa, bank dan syarikat-syarikat subsidiarinya membuat pelbagai komitmen dan menimbulkan beberapa liabiliti luar jangka tertentu yang mempunyai kesan undang-undang terhadap pelanggannya. Tiada kerugian yang ketara dijangkakan akibat daripada urus niaga berkenaan (samb.):

(i) Instrumen derivatif Kumpulan dan Bank bergantung kepada risiko pasaran, kredit dan mudah tunai atau kecairan, seperti berikut:

- Risiko pasaran bagi derivatif adalah berpotensi kerugian nilai daripada nilai kontrak-kontrak tersebut disebabkan oleh pergerakan ekuiti, kadar faedah, tukaran asing, lebaran kredit, komoditi dan petunjuk-petunjuk lain. Jumlah nosional atau kontrak hanya memberikan jumlah baki urus niaga berkenaan pada tarikh laporan dibuat dan tidak mewakili jumlah risiko pasaran. Pendedahan kepada risiko pasaran boleh dikurangkan dengan mengimbangkan kedudukan di dalam dan di luar penyata kedudukan kewangan.

- Risiko kredit timbul daripada kemungkinan pihak lain tidak dapat memenuhi syarat-syarat kontrak di mana Bank dan syarikat-syarikat subsidiari tertentu mempunyai keuntungan dalam sesuatu kontrak. Setakat 31 Disember 2012, jumlah risiko kredit dalam Kumpulan telah diukur daripada segi kos untuk menggantikan kontrak yang menguntungkan, iaitu RM2,880.5 juta (31 Disember 2011: RM1,987.5 juta). Jumlah ini akan meningkat atau berkurang sepanjang tempoh hayat kontrak, bergantung kepada tarikh kematangan dan kadar harga pasaran.

- Risiko kecairan derivatif adalah risiko bagi kedudukan derivatif yang tidak boleh ditutup dengan segera. Pendedahan kepada kecairan berbanding risiko kecairan dikurangkan menerusi pengecutan derivatif yang sandarannya diniagakan dengan meluas.

(ii) Sejak akhir tempoh kewangan lepas, tiada sebarang perubahan berkaitan yang berkenaan:

- Jenis-jenis kontrak kewangan derivatif yang dimeterai dan rasional bagi persetujuan kepada kontrak berkenaan, serta anggaran manfaat diperolehi daripada kontrak berkenaan;

- Dasar pengurusan risiko disediakan bagi mengurangkan dan mengawal risiko yang berkaitan dengan kontrak derivatif kewangan; dan

- Dasar perakaunan yang berkaitan.

(b) Kewajipan bantuan yang timbul daripada pinjaman dan pembiayaan dijual kepada Cagamas Berhad, Kumpulan bertanggungjawab secara luar jangka ke atas pinjaman yang dijual kepada Cagamas Berhad dengan syarat mereka menguruskan pinjaman-pinjaman bagi pihak Cagamas Berhad dan membeli semula mana-mana pinjaman yang dianggap kurang memuaskan berdasarkan kriteria berhemat yang dipersetujui lebih awal.

(c) Liabiliti luar jangkaan

(i) Pada tahun 2004, Etiqa Takaful Berhad ("ETB"), telah mengambil tindakan mahkamah ke atas seorang peminjam ("Defendan Pertama") dan tiga penjamin, melibatkan jumlah RM25.8 juta berikutan dengan penarikan balik kemudahan pinjaman selepas Defendan Pertama gagal membayar ansuran bulanan.

Defendan Pertama telah membuat tuntutan balas untuk kerugian dan kerosakan berjumlah kira-kira RM284 juta di atas dakwaan kegagalan ETB untuk mengeluarkan baki kemudahan berjumlah RM7.5 juta. Defendan pertama telah didakwa tidak mampu melaksanakan projek berkenaan, dan telah mengalami kerugian dan kerosakan.

47. KOMITMEN DAN TANGGUNGAN LUAR JANGKAAN (SAMB.)

(c) Liabiliti luar jangka (samb.)

(i) (samb.)

Pada 14 Mei 2009, Mahkamah telah membenarkan permohonan ETB untuk mendapatkan ringkasan penghakiman. Mahkamah juga menolak tuntutan balas Defendan Pertama terhadap ETB dengan kos. Keempat-empat defendan masingmasing membuat pemohonan untuk penggantungan pelaksanaan ringkasan penghakiman. Walau bagaimanapun, penggantungan pelaksanaan telah ditolak oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dengan kos pada 1 September 2009.

Pada 4 Mac 2010 Mahkamah Rayuan menolak keputusan Mahkamah Tinggi dalam ringkasan penghakiman sebelumnya dan menolak tuntutan balas Defendan Pertama dan mengarahkan kes itu dikembalikan ke Mahkamah Tinggi untuk perbicaraan penuh. Perbicaraan penuh termasuk tuntutan balas selesai pada 29 Jun 2011. Mahkamah Tinggi pada 21 September 2011 telah memberikan keputusan memihak kepada ETB dan membenarkan tuntutan ETB (dengan kos) untuk jumlah RM25.8 juta ditolak keuntungan tidak diperoleh pada tarikh penyelesaian penuh serta menolak tuntutan balas Defendan Pertama (dengan kos). Keempat-empat Defendan telah memfailkan rayuan terhadap keputusan penghakiman tersebut dan memohon untuk penggantungan penghakiman. Permohonan penggantungan telah ditolak dengan kos pada 25 Januari 2012.

Rayuan di Mahkamah Rayuan telah ditetapkan untuk perbicaraan pada 16 April 2013.

(ii) Seorang peminjam korporat telah memfailkan writ saman dan kenyataan tuntutan terhadap sebuah syarikat subsidiari, Maybank Investment Bank Berhad ("Maybank IB"), pada tahun 2005 dalam kapasiti Maybank IB sebagai ejen bank bagi tiga institusi kewangan, menuntut ganti rugi am, khusus dan teladan yang timbul daripada dakwaannya bahawa Maybank IB telah mengabaikan tanggungjawabnya berkaitan dengan satu kemudahan bersindiket.

Kemudahan kredit berkenaan mengandungi pinjaman penyambung sebanyak RM58.5 juta dan kemudahan pusingan kredit bernilai RM4 juta yang diluluskan oleh Maybank IB dan tiga pemberi pinjaman bersindiket. Pinjaman itu kemudiannya telah distrukturkan semula kepada jumlah RM38 juta berserta terma-terma pembayaran semula. Pada tahun 2006, Maybank IB dan tiga pemberi pinjaman bersindiket itu telah memfailkan saman terhadap peminjam korporat tersebut untuk mendapatkan kembali kemudahan kredit yang disebutkan di atas. Kedua-dua tuntutan tersebut telah dibicarakan secara serentak.

Pada 6 Mei 2009, Mahkamah Tinggi membuat penghakiman yang tidak berpihak kepada Maybank IB sebagai ejen pemberi pinjaman bersindiket, antara lain mengarahkan sejumlah wang sebanyak RM115.5 juta dengan faedah sebanyak 6% setahun daripada tarikh pemberian pinjaman sehinggalah tarikh pembayaran dibuat, bersama-sama baki tuntutan peminjam korporat tersebut (termasuk ganti rugi am) dinilai pada tarikh lain. Pada penghakiman itu juga, tindakan mendapatkan semula wang oleh Maybank IB dan ketiga-tiga pemberi pinjaman juga ditolak.

Sehubungan itu, berdasarkan penghakiman itu, Maybank sebagai salah satu daripada pemberi pinjaman bersindiket menghadapi pendedahan sebanyak RM48 juta daripada RM115.5 juta yang diberikan.

Maybank IB memfailkan rayuan terhadap keputusan penghakiman tersebut ("Rayuan") dan juga memohon penangguhan perlaksanaan penghakiman pada 8 Mei 2009. Pada 24 Jun 2009, Maybank IB berjaya mendapatkan penangguhan tersebut sementara menunggu keputusan rayuan terhadap penghakiman. Rayuan peminjam korporat ke Mahkamah Rayuan terhadap keputusan penangguhan tersebut telah ditolak pada 23 November 2009.

47. KOMITMEN DAN TANGGUNGAN LUAR JANGKAAN (SAMB.)

(c) Liabiliti luar jangka (samb.)

(ii) (samb.)

Rayuan berkenaan telah dibicarakan pada 10 Februari 2012 di mana kesemua pihak bersetuju untuk kes ini dimediasikan.

Memandangkan kesemua pihak tidak dapat mencapai persetujuan di sesi mediasi yang diadakan pada 9 Mac 2012, kes telah dihadapkan untuk rayuan pada 23 Januari 2013. Mahkamah Rayuan belum lagi menetapkan tarikh untuk memberikan keputusannya.

Peguamcara Maybank IB berpendapat bahawa Maybank IB mempunyai lebih peluang untuk memenangi rayuannya terhadap keputusan penghakiman tersebut.

(iii) Maybank Trustees Berhad (sebelum ini dikenali sabagai Mayban Trustees Berhad ("MTB"), sebagai Pemegang Amanah dan Maybank Investment Bank Berhad ("Maybank IB") sebagai Ejen Sekuriti Bon Senior dan Nota Junior terbitan sebuah syarikat korporat, telah menerima Writ Saman dan Penyata Tuntutan pada 29 Disember 2010 dan Penyata Pindaan Tuntutan pada 30 Disember 2010.

Seorang individu sebagai pemegang tunggal Nota Junior ke atas Nota-Nota Junior yang diterbitkan, membuat tuntutan terhadap MTB dan Maybank IB, untuk jumlah sebanyak RM556.5 juta, berserta dengan faedah dan kos, berdasarkan pengisytiharan yang dibuat oleh MTB mengenai perkara Kemungkiran Pembayaran Bon Senior dan Pembayaran Nota Junior dan tuduhan perlanggaran tugas fidusiari dan tugas penjagaan oleh Maybank IB. MTB dan Maybank IB menolak tuntutan itu. Mahkaman Tinggi pada 30 September 2011 telah memberikan keputusan memihak kepada Maybank IB dan MTB dan menolak tuntutan terhadap Maybank IB dan MTB dengan kos. Individu tersebut telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan terhadap keputusan tersebut yang telah dibicarakan pada 5 dan 6 Mac 2012 dan rayuan tersebut telah ditolak pada 7 Mac 2012.

Individu tersebut memohon kebenaran daripada Mahkamah Persekutuan untuk merayu keputusan Mahkamah Rayuan yang berpihak kepada MTB sahaja. Usul ini ditetapkan untuk perbicaraan pada 29 April 2013.

(iv) Pada tahun 2005, syarikat subsidiari, Mayban Trustees Berhad ("MTB") dan sebelas defendan lain telah menerima writ saman daripada sepuluh plaintif/pemegang bon, yang kesemuanya merupakan institusi, melibatkan jumlah lebih kurang RM149.3 juta. MTB didakwa telah melakukan pecah amanah dan cuai dalam kapasitinya sebagai Pemegang Amanah untuk bon-bon yang diterbitkan. MTB telah membuat pembelaan terhadap saman berkenaan.

Pada 7 Julai 2008, plaintif-plaintif tersebut telah mendapat penghakiman dengan persetujuan terhadap defendan tertentu melibatkan jumlah sebanyak RM149.3 juta. Penghakiman, bagaimanapun bukan bererti pihak MTB mengakui liabiliti tersebut.

Pada 4 Ogos 2008, seorang defendan mengemukakan tuntutan balas terhadap MTB untuk mendapatkan bayaran kira-kira RM535 juta untuk kerugian yang didakwa dialaminya kerana tindakan MTB yang menyalahi undang-undang dengan mengisytiharkan berlakunya Kemungkiran Pembayaran bagi bon-bon tersebut. Defendan walau bagaimanapun telah menarik balik tuntutan balasnya terhadap MTB pada 25 Ogos 2009.

47. KOMITMEN DAN TANGGUNGAN LUAR JANGKAAN (SAMB.)

(c) Liabiliti luar jangka (samb.)

(iv) (samb.)

Mahkamah Tinggi pada 30 Jun 2010, memberikan penghakiman yang tidak berpihak kepada MTB dan satu lagi defendan, sebagai pengatur bon-bon tersebut, dengan bayaran RM149.3 juta. 40% pembayaran penghakiman ditanggung oleh MTB dan 60% pembayaran penghakiman ditanggung oleh defendan lain. Mahkamah Tinggi juga menolak lain-lain tuntutan oleh MTB.

Selepas mendengar rayuan oleh pihak-pihak yang terlibat, Mahkamah Rayuan pada 8 November 2011, memutuskan bahawa MTB dan defendan lain perlu bertanggungjawab sama rata terhadap plantif/pemegang bon. Selanjutnya, Mahkamah Rayuan juga mengarahkan mereka untuk membayar 3% caj-caj penalti ke atas jumlah penghakiman dari 30 September 2005 sehingga tarikh penghakiman. Walau bagaimanapun, Mahkamah Rayuan membenarkan MTB dan defendan lain untuk mendapatkan indemniti sebanyak 2/3 daripada jumlah liabiliti terhadap penerbit bon-bon tersebut. Mahkamah Rayuan juga membenarkan MTB untuk mendapatkan setengah daripada 2/3 daripada jumlah liabiliti tersebut terhadap Ketua Pengarah Eksekutif penerbit bon, salah seorang pengarah syarikat penebit bon dan syarikat-syarikat bersekutu Ketua Pengarah Eksekutif dan pengarah tersebut. Selanjutnya, Mahkamah Rayuan membenarkan MTB untuk mendapatkan indemniti sebanyak 1/3 daripada jumlah liabiliti, terhadap salah seorang plantif (selepas ditolak jumlah yang ditanggung oleh penerbit bon, Ketua Pegawai Eksekutif penerbit bon, salah seorang pengarah syarikat penerbit bon dan syarikat-syarikat bersekutu Ketua Pengarah Eksekutif dan pengarah tersebut). Mahkamah Persekutuan pada 5 April 2012 mengizinkan MTB dan pihak-pihak yang lain membuat rayuan ke Mahkamah Persekutuan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan. Rayuan ini telah selesai dibicarakan pada 4 Januari 2013. Mahkamah Persekutuan akan menyampaikan keputusan pada tarikh yang akan ditetapkan.

Dalam satu tindakan guaman yang tidak berkaitan dengan tindakan ini, seorang pihak ketiga, berikutan petisyen pembubaran terhadap penerbit bon, telah melantik pelikuidasi sementara terhadap defendan dari 16 Februari 2012 sehingga 15 Mac 2012 untuk tujuan pengawasan dan pelaksanaan penjualan aset yang dicaj kepada pihak ketiga.

Akibat daripada pelantikan pelikudasi sementara tersebut, kesemua prosiding oleh semua pihak terhadap defendan tersebut telah digantung termasuk permohonan MTB untuk izin di Makhamah Persekutuan dirujuk sebagai Permohonan Izin. Seterusnya pada 9 Mac 2012, MTB Berjaya mendapatkan izin mahkamah.

Liabiliti luar jangkaan di atas dilindungi oleh Polisi Bon Lindungan Bank atau Banker Blanket Bond Policy antara Bank dan syarikat subsidiarinya, Etiqa Insurance Berhad, yang telah melalui kontrak penginsurans semula fakultatif bagi perlindungan berjumlah RM150.0 juta dengan tiga (3) penginsurans semula yang lain.

(v) Pada 8 April 2010, seorang peminjam korporat ("Plaintif") telah memfailkan saman sivil terhadap Malayan Banking Berhad ("Maybank") dan dua defendan lain di Mahkamah Tinggi Johor Bahru ("Saman Mahkamah Tinggi JB") yang mendakwa Maybank telah melanggar kewajipannya terhadap Plaintif berkaitan dengan beberapa kemudahan perbankan kerana enggan membenarkan pengeluaran pinjaman dan/atau enggan membenarkan pengeluaran pinjaman yang selanjutnya kemudahan perbankan tersebut.

Maybank telah menawarkan beberapa kemudahan perbankan untuk membiayai projek pembangunan Plaintif dalam sebuah projek pembangunan bercampur. Antara sekuriti-sekuriti yang diberikan kelulusan termasuk beberapa sijil debentur yang memberikan Maybank hak untuk melantik penanggung dan pengurus ke atas Plaintif sekiranya berlaku kemungkiran bayar terhadap kemudahan perbankan.

47. KOMITMEN DAN TANGGUNGAN LUAR JANGKAAN (SAMB.)

(c) Liabiliti luar jangkaan (samb.)

(v) (samb.)

Defendan ke 2 dan ke 3 merupakan para penanggung dan pengurus ("R&M") yang dilantik oleh Maybank di bawah sijil debentur yang diberikan oleh plaintif.

Plaintif telah mungkir bayar terhadap kemudahan perbankan yang diberikan oleh Maybank yang menyebabkannya melantik R&M tersebut.

Susulan tuntutan itu, Plaintif juga telah mengemukakan permohonan injunksi untuk menahan Maybank daripada menggunakan haknya untuk melantik penerima dan pengurus. Permohonan itu dibicarakan pada 23 November 2010 dan dibenarkan oleh Mahkamah Tinggi Johor Bahru. Maybank telah merayu terhadap keputusan ini. Pada 29 Mei 2012, Mahkamah Rayuan telah membenarkan rayuan Maybank dan mengarahkan kerugian untuk dinilai oleh pendaftar di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Pada 28 Jun 2012, Plaintif telah menyerahkan salinan Notis Motion tidak bermetarai yang difailkan di Mahkamah Persekutuan bagi mendapatkan kebenaran untuk merayu terhadap keputusan Mahkamah Rayuan pada 29 Mei 2012. Motion itu telah ditetapkan untuk perbicaraan pada 9 Oktober 2012. Pada 6 Disember 2012, Mahkamah Persekutuan telah menolak motion tersebut dengan kos kepada Maybank.

Plaintif telah mengemukakan satu lagi tuntutan sivil terhadap Maybank pada 25 Mac 2011 di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur untuk jumlah RM1.2 bilion atas dakwaan bahawa perlantikan penerima dan pengurus sebagai berniat jahat dan menyusahkan, sehingga menyebabkan Plaintif mengalami kerugian dan kemusnahan.

Maybank turut mengemukakan tuntutan balas di Mahkamah Tinggi JB terhadap Plaintif dan penjaminnya untuk mendapatkan semula jumlah hutang di bawah kemudahan perbankan yang diberikan kepada Plaintif. Susulan itu, Maybank turut mengemukakan permohonan bagi ringkasan penghakiman terhadap Plaintif dan penjaminnya yang telah ditetapkan bagi pengurusan kes pada 13 Mei 2011. Pengurusan kes telah ditangguhkan pada 31 Mei 2011 di mana Mahkamah Tinggi JB membenarkan permohonan Maybank membicarakan kes di Mahkamah Tinggi KL dan menyatukan kedua-dua suit untuk dibicarakan di Mahkamah Tinggi KL.

Pada 24 Oktober 2011, Mahkamah Tinggi KL telah membenarkan tuntutan balas Maybank terhadap Plaintif dan penjamin dengan kos atas dasar indemniti, dan menolak tindakan Plaintif terhadap Maybank iaitu di Mahkamah Tinggi KL dan di Mahkamah Tinggi JB dengan kos atas kadar indemniti. Plaintif telah membuat rayuan terhadap keputusan ini di Mahkamah Rayuan. Permohonan Plaintif untuk penahanan keputusan Mahkamah Tinggi KL pada 24 Oktober 2011 telah ditolak oleh Mahkamah Tinggi KL pada 13 Disember 2011.

Manakala, Maybank telah membuat permohonan bagi jaminan kos terhadap Plaintif di Mahkamah Rayuan. Pada 8 Mei 2012, Mahkamah Rayuan telah mengarahkan Plaintif membayar RM50,000 sebagai jaminan kos Maybank dalam rayuan dan juga mengarahkan rayuan Plaintif ditahan sehingga amaun tersebut dibayar. Pada 11 Januari 2013, Mahkamah Rayuan mengarahkan bayaran ini dibuat dalam 14 hari dan sekiranya tidak maka rayuan Plaintif akan dibuang.

Plaintif telah membayar amaun tersebut dan rayuan tersebut akan ditetapkan pada suatu tarikh yang belum ditentukan.

Maybank telah dinasihatkan oleh pihak guamnya bahawa rayuan Plaintif di Mahkamah Rayuan terhadap keputusan bertarikh 24 Oktober 2011 tiada merit.

48. DASAR-DASAR PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

(a) Gambaran keseluruhan pengurusan risiko kewangan

Pengurusan Risiko merupakan pilar yang kritikal kepada model operasi Kumpulan yang turut menjadi pelengkap kepada dua lagi pilar iaitu sektor perniagaan dan sektor sokongan. Jawatankuasa Pengurusan Risiko Peringkat Lembaga Pengarah khas memberikan khidmat mengawasi risiko yang ketara di seluruh Kumpulan Maybank.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko di peringkat Eksekutif, yang meliputi Jawatankuasa Risiko Eksekutif, Jawatankuasa Pengurusan Risiko Operasi Kumpulan, Jawatankuasa Pengurusan Aset dan Liabiliti dan Jawatankuasa Pengurusan Kredit Kumpulan bertanggungjawab kepada pengurusan kesemua risiko yang ketara dalam Kumpulan.

Pendekatan Kumpulan terhadap risiko pengurusan adalah bersandarkan Tujuh Prinsip Umum Pengurusan Risiko:

(a) Pendekatan pengurusan risiko melibatkan konsep "tiga barisan pertahanan" – Unit-unit Pengambilan Risiko, Unit-unit Pengawalan Risiko dan Audit Dalaman.

(b) Unit-unit pengambilan risiko bertanggungjawab ke atas pengurusan risiko harian yang diwarisi dari kegiatan perniagaan manakala unit-unit pengawalan risiko bertanggungjawab menyediakan rangka kerja pengurusan risiko dan menghasilkan alat serta kaedah untuk mengenal pasti, mengukur, mengawasi, mengawal dan menentukan nilai risiko. Audit dalaman melengkapkan peranan ini dengan memberikan jaminan bebas ke atas keberkesanan pendekatan pengurusan risiko.

(c) Pengurusan Risiko memberikan risiko pengawasan bagi kategori risiko utama termasuk risiko kredit, risiko pasaran, risiko kecairan, risiko operasi dan risiko industri tertentu yang lain (contohnya insurans dan broker saham).

(d) Pengurusan risiko memastikan dasar-dasar utama risiko teras Kumpulan adalah konsisten, menetapkan tahap toleransi risiko dan memudahkan cara pelaksanaan rangka kerja pengukuran risiko yang selaras secara bersepadu.

(e) Daripada segi fungsi dan organisasi Pengurusan Risiko adalah bebas dalam sektor perniagaan dan pengambil risiko unit lain di dalam Kumpulan.

(f) Lembaga Pengarah, menerusi Jawatankuasa Pengurusan Risiko, mengekalkan seluruh tanggungjawab bagi fungsi tinjauan risiko di dalam Kumpulan.

(g) Pengurusan Risiko memastikan pelaksanaan pelbagai dasar risiko dan keputusan Lembaga Pengarah yang berkaitan.

48. DASAR-DASAR PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

(b) Instrumen kewangan mengikut kategori

Kumpulan Pada 31.12.2012	Dipegang untuk urus niaga RM'000	Ditetapkan sebagai nilai saksama melalui untung atau rugi RM'000	Tersedia untuk dijual RM'000	Dipegang hingga matang RM'000	Pinjaman dan nilai belum terima RM'000	Jumlah kecil RM'000	Aset bukan dalam skop MFRS 139 RM'000	Jumlah RM'000
Aset-aset								
Tunai dan dana jangka pendek	–	–	–	–	40,018,633	40,018,633	–	40,018,633
Deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan	–	–	–	–	11,949,150	11,949,150	–	11,949,150
Aset kewangan dibeli di bawah perjanjian jual balik	–	–	–	–	798,180	798,180	–	798,180
Portfolio pelaburan kewangan*	16,719,811	12,436,881	60,792,374	2,870,768	–	92,819,834	–	92,819,834
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	–	–	–	–	311,824,735	311,824,735	–	311,824,735
Aset derivatif	2,880,492	–	–	–	–	2,880,492	–	2,880,492
Aset insurans semula/takaful semula dan lain-lain aset insurans	–	–	–	–	572,295	572,295	1,983,432	2,555,727
Aset-aset lain	–	–	–	–	6,039,675	6,039,675	640,582	6,680,257
Hartanah pelaburan	–	–	–	–	–	–	572,662	572,662
Deposit berkanun dengan bank-bank pusat	–	–	–	–	12,298,362	12,298,362	–	12,298,362
Kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu	–	–	–	–	–	–	2,235,233	2,235,233
Hartanah, loji dan peralatan	–	–	–	–	–	–	2,402,821	2,402,821
Aset tidak ketara	–	–	–	–	–	–	6,531,336	6,531,336
Aset cukai tertunda	–	–	–	–	–	–	1,298,871	1,298,871
Jumlah Aset	19,600,303	12,436,881	60,792,374	2,870,768	383,501,030	479,201,356	15,664,937	494,866,293

* Portfolio pelaburan kewangan mengandungi aset-aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi, pelaburan kewangan tersedia untuk dijual dan pelaburan kewangan dipegang hingga matang.

48. DASAR-DASAR PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

(b) Instrumen kewangan mengikut kategori (samb.)

Kumpulan Pada 31.12.2012 (samb.)	Dipegang untuk urus niaga RM'000	Liabiliti kewangan lain RM'000	Jumlah kecil RM'000	Liabiliti bukan dalam skop MFRS 139 RM'000	Jumlah RM'000
Liabiliti-liabiliti					
Deposit daripada pelanggan	–	347,155,510	347,155,510	–	347,155,510
Deposit dan penempatan daripada institusi-institusi kewangan	–	33,887,376	33,887,376	–	33,887,376
Bil-bil dan penerimaan belum bayar	–	2,269,513	2,269,513	–	2,269,513
Liabiliti derivatif	2,376,979	–	2,376,979	–	2,376,979
Liabiliti kontrak insurans/takaful dan lain-lain liabiliti insurans	–	535,117	535,117	21,393,755	21,928,872
Liabiliti-liabiliti lain	–	6,561,396	6,561,396	3,036,346	9,597,742
Kewajipan atas pinjaman dan pembiayaan dijual kepada Cagamas	–	1,592,974	1,592,974	–	1,592,974
Peruntukan cukai dan zakat	–	–	–	1,051,798	1,051,798
Liabiliti cukai tertunda	–	–	–	676,514	676,514
Pinjaman	–	10,714,266	10,714,266	–	10,714,266
Tanggungan subordinat	–	13,510,041	13,510,041	–	13,510,041
Sekuriti modal	–	6,150,351	6,150,351	–	6,150,351
JUMLAH LIABILITI	2,376,979	422,376,544	424,753,523	26,158,413	450,911,936

48. DASAR-DASAR PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

(b) Instrumen kewangan mengikut kategori (samb.)

Kumpulan Pada 31.12.2011	Dipegang untuk urus niaga RM'000	Ditetapkan sebagai nilai saksama melalui untung atau rugi RM'000	Tersedia untuk dijual RM'000	Dipegang hingga matang RM'000	Pinjaman dan nilai belum terima RM'000	Jumlah kecil RM'000	Aset bukan dalam skop MFRS 139 RM'000	Jumlah RM'000
Aset-aset								
Tunai dan dana jangka pendek	–	–	–	–	49,387,882	49,387,882	–	49,387,882
Deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan	–	–	–	–	7,161,651	7,161,651	–	7,161,651
Aset kewangan dibeli di bawah perjanjian jual balik	–	–	–	–	1,397,235	1,397,235	–	1,397,235
Portfolio pelaburan kewangan*	10,793,878	7,599,874	63,585,045	2,689,806	–	84,668,603	–	84,668,603
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	–	–	–	–	276,252,853	276,252,853	–	276,252,853
Aset derivatif	1,987,502	–	–	–	–	1,987,502	–	1,987,502
Aset insurans semula/takaful semula dan lain-lain liabiliti insurans	–	–	–	–	439,433	439,433	1,734,361	2,173,794
Aset-aset lain	–	–	–	–	3,509,983	3,509,983	1,239,837	4,749,820
Hartanah pelaburan	–	–	–	–	–	–	542,477	542,477
Deposit berkanun dengan bank-bank pusat	–	–	–	–	10,577,416	10,577,416	–	10,577,416
Kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu	–	–	–	–	–	–	2,406,462	2,406,462
Hartanah, loji dan peralatan	–	–	–	–	–	–	2,217,483	2,217,483
Aset tidak ketara	–	–	–	–	–	–	6,748,053	6,748,053
Aset cukai tertunda	–	–	–	–	–	–	1,323,606	1,323,606
JUMLAH ASET	12,781,380	7,599,874	63,585,045	2,689,806	348,726,453	435,382,558	16,212,279	451,594,837

* Portfolio pelaburan kewangan mengandungi aset-aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi, pelaburan kewangan tersedia untuk dijual dan pelaburan kewangan dipegang hingga matang.

48. DASAR-DASAR PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

(b) Instrumen kewangan mengikut kategori (samb.)

Kumpulan Pada 31.12.2011 (samb.)	Dipegang untuk urus niaga RM'000	Liabiliti kewangan lain RM'000	Jumlah kecil RM'000	Liabiliti bukan dalam skop MFRS 139 RM'000	Jumlah RM'000
Liabiliti-liabiliti					
Deposit daripada pelanggan	–	314,692,245	314,692,245	–	314,692,245
Deposit dan penempatan daripada institusi-institusi kewangan	–	36,760,978	36,760,978	–	36,760,978
Kewajipan atas aset kewangan dijual di bawah perjanjian belian balik	–	267,652	267,652	–	267,652
Bil-bil dan penerimaan belum bayar	–	4,472,872	4,472,872	–	4,472,872
Liabiliti derivatif	2,162,709	–	2,162,709	–	2,162,709
Liabiliti kontrak insurans/takaful dan lain-lain liabiliti insurans	–	458,400	458,400	19,632,508	20,090,908
Liabiliti-liabiliti lain	–	3,890,638	3,890,638	2,517,268	6,407,906
Kewajipan atas pinjaman dan pembiayaan dijual kepada Cagamas	–	2,214,873	2,214,873	–	2,214,873
Peruntukan cukai dan zakat	–	–	–	382,562	382,562
Liabiliti cukai tertunda	–	–	–	672,025	672,025
Pinjaman	–	7,185,230	7,185,230	–	7,185,230
Tanggungan subordinat	–	14,160,553	14,160,553	–	14,160,553
Sekuriti modal	–	6,113,761	6,113,761	–	6,113,761
JUMLAH LIABILITI	2,162,709	390,217,202	392,379,911	23,204,363	415,584,274

48. DASAR-DASAR PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

(b) Instrumen kewangan mengikut kategori (samb.)

Kumpulan Pada 1.7.2011	Dipegang untuk urus niaga RM'000	Ditetapkan sebagai nilai saksama melalui untung atau rugi RM'000	Tersedia untuk dijual RM'000	Dipegang hingga matang RM'000	Pinjaman dan nilai belum terima RM'000	Jumlah kecil RM'000	Aset bukan dalam skop MFRS 139 RM'000	Jumlah RM'000
Aset-aset								
Tunai dan dana jangka pendek	–	–	–	–	39,481,871	39,481,871	–	39,481,871
Deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan	–	–	–	–	10,423,251	10,423,251	–	10,423,251
Portfolio pelaburan kewangan*	5,268,793	7,397,031	61,767,912	2,437,441	–	76,871,177	–	76,871,177
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	–	–	–	–	255,017,693	255,017,693	–	255,017,693
Aset derivatif	1,693,964	–	–	–	–	1,693,964	–	1,693,964
Aset insurans semula/takaful semula dan lain-lain aset insurans	–	–	–	–	467,824	467,824	1,639,516	2,107,340
Aset-aset lain	–	–	–	–	3,804,763	3,804,763	1,093,891	4,898,654
Hartanah pelaburan	–	–	–	–	–	–	525,521	525,521
Deposit berkanun dengan bank-bank pusat	–	–	–	–	7,698,425	7,698,425	–	7,698,425
Kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu	–	–	–	–	–	–	2,439,654	2,439,654
Hartanah, loji dan peralatan	–	–	–	–	–	–	2,125,217	2,125,217
Aset tidak ketara	–	–	–	–	–	–	6,637,954	6,637,954
Aset cukai tertunda	–	–	–	–	–	–	1,333,696	1,333,696
JUMLAH ASET	6,962,757	7,397,031	61,767,912	2,437,441	316,893,827	395,458,968	15,795,449	411,254,417

* Portfolio pelaburan kewangan mengandungi aset-aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi, pelaburan kewangan tersedia untuk dijual dan pelaburan kewangan dipegang hingga matang.

48. DASAR-DASAR PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

(b) Instrumen kewangan mengikut kategori (samb.)

Kumpulan Pada 1.7.2011 (samb.)	Dipegang untuk urus niaga RM'000	Liabiliti kewangan lain RM'000	Jumlah kecil RM'000	Liabiliti bukan dalam skop MFRS 139 RM'000	Jumlah RM'000
Liabiliti-liabiliti					
Deposit daripada pelanggan	–	282,797,134	282,797,134	–	282,797,134
Deposit dan penempatan daripada institusi-institusi kewangan	–	33,303,655	33,303,655	–	33,303,655
Kewajipan atas aset kewangan dijual di bawah perjanjian belian balik	–	373,562	373,562	–	373,562
Bil-bil dan penerimaan belum bayar	–	8,513,401	8,513,401	–	8,513,401
Liabiliti derivatif	1,533,935	–	1,533,935	–	1,533,935
Liabiliti kontrak insurans/takaful dan lain-lain liabiliti insurans	–	466,699	466,699	18,846,841	19,313,540
Liabiliti-liabiliti lain	–	4,767,828	4,767,828	2,498,533	7,266,361
Kewajipan atas pinjaman dan pembiayaan dijual kepada Cagamas	–	1,210,964	1,210,964	–	1,210,964
Peruntukan cukai dan zakat	–	–	–	182,759	182,759
Liabiliti cukai tertunda	–	–	–	658,582	658,582
Pinjaman	–	5,447,120	5,447,120	–	5,447,120
Tanggungan subordinat	–	10,800,539	10,800,539	–	10,800,539
Sekuriti modal	–	6,120,774	6,120,774	–	6,120,774
JUMLAH LIABILITI	1,533,935	353,801,676	355,335,611	22,186,715	377,522,326

48. DASAR-DASAR PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

(b) Instrumen kewangan mengikut kategori (samb.)

Bank Pada 31.12.2012	Dipegang untuk urus niaga RM'000	Ditetapkan sebagai nilai saksama melalui untung atau rugi RM'000	Tersedia untuk dijual RM'000	Dipegang hingga matang RM'000	Pinjaman dan nilai belum terima RM'000	Jumlah kecil RM'000	Aset bukan dalam skop MFRS 139 RM'000	Jumlah RM'000
Aset-aset								
Tunai dan dana jangka pendek	–	–	–	–	23,153,242	23,153,242	–	23,153,242
Deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan	–	–	–	–	10,039,999	10,039,999	–	10,039,999
Aset kewangan dibeli di bawah perjanjian dijual balik	–	–	–	–	650,314	650,314	–	650,314
Portfolio pelaburan kewangan*	10,719,937	–	47,366,309	2,556,849	–	60,643,095	–	60,643,095
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	–	–	–	–	214,852,046	214,852,046	–	214,852,046
Aset derivatif	2,812,148	–	–	–	–	2,812,148	–	2,812,148
Aset-aset lain	–	–	–	–	2,528,814	2,528,814	184,249	2,713,063
Deposit berkanun dengan bank-bank pusat	–	–	–	–	6,888,916	6,888,916	–	6,888,916
Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari	–	–	–	–	–	–	17,634,469	17,634,469
Kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu	–	–	–	–	–	–	456,512	456,512
Hartanah, loji dan peralatan	–	–	–	–	–	–	1,205,788	1,205,788
Aset tidak ketara	–	–	–	–	–	–	697,066	697,066
Aset cukai tertunda	–	–	–	–	–	–	810,015	810,015
JUMLAH ASET	13,532,085	–	47,366,309	2,556,849	258,113,331	321,568,574	20,988,099	342,556,673

* Portfolio pelaburan kewangan mengandungi aset-aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi, pelaburan kewangan tersedia untuk dijual dan pelaburan kewangan dipegang hingga matang.

48. DASAR-DASAR PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

(b) Instrumen kewangan mengikut kategori (samb.)

Bank Pada 31.12.2012 (samb.)	Dipegang untuk urus niaga RM'000	Liabiliti kewangan lain RM'000	Jumlah kecil RM'000	Liabiliti bukan dalam skop MFRS 139 RM'000	Jumlah RM'000
Liabiliti-liabiliti					
Deposit daripada pelanggan	–	237,402,079	237,402,079	–	237,402,079
Deposit dan penempatan daripada institusi-institusi kewangan	–	29,198,776	29,198,776	–	29,198,776
Bil-bil dan penerimaan belum bayar	–	1,553,312	1,553,312	–	1,553,312
Liabiliti derivatif	2,243,617	–	2,243,617	–	2,243,617
Liabiliti-liabiliti lain	–	6,988,101	6,988,101	1,657,322	8,645,423
Kewajipan atas pinjaman dan pembiayaan dijual kepada Cagamas	–	687,793	687,793	–	687,793
Peruntukan untuk cukai dan zakat	–	–	–	758,446	758,446
Pinjaman	–	7,382,719	7,382,719	–	7,382,719
Tanggungan subordinat	–	11,638,850	11,638,850	–	11,638,850
Sekuriti modal	–	6,150,351	6,150,351	–	6,150,351
JUMLAH LIABILITI	2,243,617	301,001,981	303,245,598	2,415,768	305,661,366

48. DASAR-DASAR PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

(b) Instrumen kewangan mengikut kategori (samb.)

Bank Pada 31.12.2011	Dipegang untuk urus niaga RM'000	Ditetapkan sebagai nilai saksama melalui untung atau rugi RM'000	Tersedia untuk dijual RM'000	Dipegang hingga matang RM'000	Pinjaman dan nilai belum terima RM'000	Jumlah kecil RM'000	Aset bukan dalam skop MFRS 139 RM'000	Jumlah RM'000
Aset-aset								
Tunai dan dana jangka pendek	–	–	–	–	35,966,579	35,966,579	–	35,966,579
Deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan	–	–	–	–	6,246,093	6,246,093	–	6,246,093
Aset kewangan dibeli di bawah perjanjian dijual balik	–	–	–	–	1,397,235	1,397,235	–	1,397,235
Portfolio pelaburan kewangan*	7,325,466	–	46,514,200	2,115,933	–	55,955,599	–	55,955,599
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	–	–	–	–	194,174,085	194,174,085	–	194,174,085
Aset derivatif	1,949,344	–	–	–	–	1,949,344	–	1,949,344
Aset-aset lain	–	–	–	–	2,015,839	2,015,839	224,594	2,240,433
Deposit berkanun dengan bank-bank pusat	–	–	–	–	6,095,129	6,095,129	–	6,095,129
Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari	–	–	–	–	–	–	17,230,202	17,230,202
Kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu	–	–	–	–	–	–	456,512	456,512
Hartanah, loji dan peralatan	–	–	–	–	–	–	1,083,279	1,083,279
Aset tidak ketara	–	–	–	–	–	–	389,545	389,545
Aset cukai tertunda	–	–	–	–	–	–	815,573	815,573
JUMLAH ASET	9,274,810	–	46,514,200	2,115,933	245,894,960	303,799,903	20,199,705	323,999,608

* Portfolio pelaburan kewangan mengandungi aset-aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi, pelaburan kewangan tersedia untuk dijual dan pelaburan kewangan dipegang hingga matang.

48. DASAR-DASAR PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

(b) Instrumen kewangan mengikut kategori (samb.)

Bank Pada 31.12.2011 (samb.)	Dipegang untuk urus niaga RM'000	Liabiliti kewangan lain RM'000	Jumlah kecil RM'000	Liabiliti bukan dalam skop MFRS 139 RM'000	Jumlah RM'000
Liabiliti-liabiliti					
Deposit daripada pelanggan	–	222,895,293	222,895,293	–	222,895,293
Deposit dan penempatan daripada institusi-institusi kewangan	–	35,555,592	35,555,592	–	35,555,592
Kewajipan atas aset kewangan dijual di bawah perjanjian belian balik	–	267,652	267,652	–	267,652
Bil-bil dan penerimaan belum bayar	–	3,610,141	3,610,141	–	3,610,141
Liabiliti derivatif	2,072,731	–	2,072,731	–	2,072,731
Liabiliti-liabiliti lain	–	4,958,097	4,958,097	1,393,081	6,351,178
Kewajipan atas pinjaman dan pembiayaan dijual kepada Cagamas	–	715,603	715,603	–	715,603
Pinjaman	–	4,208,282	4,208,282	–	4,208,282
Tanggungan subordinat	–	12,574,919	12,574,919	–	12,574,919
Sekuriti modal	–	6,113,761	6,113,761	–	6,113,761
JUMLAH LIABILITI	2,072,731	290,899,340	292,972,071	1,393,081	294,365,152

48. DASAR-DASAR PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

(b) Instrumen kewangan mengikut kategori (samb.)

Bank Pada 1.7.2011	Dipegang untuk urus niaga RM'000	Ditetapkan sebagai nilai saksama melalui untung atau rugi RM'000	Tersedia untuk dijual RM'000	Dipegang hingga matang RM'000	Pinjaman dan nilai belum terima RM'000	Jumlah kecil RM'000	Aset bukan dalam skop MFRS 139 RM'000	Jumlah RM'000
Aset-aset								
Tunai dan dana jangka pendek	–	–	–	–	25,803,796	25,803,796	–	25,803,796
Deposit dan penempatan dengan institusi kewangan	–	–	–	–	7,644,471	7,644,471	–	7,644,471
Portfolio pelaburan kewangan*	2,884,895	–	47,100,880	1,638,070	–	51,623,845	–	51,623,845
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	–	–	–	–	181,572,844	181,572,844	–	181,572,844
Aset derivatif	1,626,415	–	–	–	–	1,626,415	–	1,626,415
Aset-aset lain	–	–	–	–	1,146,591	1,146,591	273,774	1,420,365
Deposit berkanun dengan bank-bank pusat	–	–	–	–	4,313,116	4,313,116	–	4,313,116
Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari	–	–	–	–	–	–	17,070,392	17,070,392
Kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu	–	–	–	–	–	–	454,412	454,412
Hartanah, loji dan peralatan	–	–	–	–	–	–	1,044,934	1,044,934
Aset tidak ketara	–	–	–	–	–	–	302,519	302,519
Aset cukai tertunda	–	–	–	–	–	–	886,484	886,484
JUMLAH ASET	4,511,310	–	47,100,880	1,638,070	220,480,818	273,731,078	20,032,515	293,763,593

* Portfolio pelaburan kewangan mengandungi aset-aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi, pelaburan kewangan tersedia untuk dijual dan pelaburan kewangan dipegang hingga matang.

48. DASAR-DASAR PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

(b) Instrumen kewangan mengikut kategori (samb.)

Bank Pada 1.7.2011 (samb.)	Dipegang untuk urusniaga RM'000	Liabiliti kewangan lain RM'000	Jumlah kecil RM'000	Liabiliti bukan dalam skop MFRS 139 RM'000	Jumlah RM'000
Liabiliti-liabiliti					
Deposit daripada pelanggan	–	201,465,408	201,465,408	–	201,465,408
Deposit dan penempatan daripada institusi-institusi kewangan	–	31,441,675	31,441,675	–	31,441,675
Kewajipan atas aset kewangan dijual di bawah perjanjian belian balik	–	373,562	373,562	–	373,562
Bil-bil dan penerimaan belum bayar	–	7,115,673	7,115,673	–	7,115,673
Liabiliti derivatif	1,446,311	–	1,446,311	–	1,446,311
Liabiliti-liabiliti lain	–	2,631,835	2,631,835	1,608,321	4,240,156
Kewajipan atas pinjaman dan pembiayaan dijual kepada Cagamas	–	528,285	528,285	–	528,285
Pinjaman	–	3,420,499	3,420,499	–	3,420,499
Tanggungan subordinat	–	9,509,786	9,509,786	–	9,509,786
Sekuriti modal	–	6,120,774	6,120,774	–	6,120,774
JUMLAH LIABILITI	1,446,311	262,607,497	264,053,808	1,608,321	265,662,129

48. DASAR-DASAR PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

(c) Pengurusan Risiko Kredit

1. Gambaran keseluruhan pengurusan risiko kredit

Kesediaan mendepani risiko kredit merupakan satu gambaran tentang jumlah risiko bersedia diambil oleh Kumpulan dalam usaha mencapai matlamat-matlamat strategiknya. Ia menunjukkan keupayaan Kumpulan untuk menahan kerugian yang mungkin terhasil daripada kesan kejadian yang akan berlaku di bawah senario tekanan yang berbeza-beza. Ia boleh ditakrif sebagai dua bentuk kesan iaitu terhadap pendapatan serta mengekalkan keperluan minimum model pengawal selia.

Definisi risiko kredit

(e) Tanggungan subordinat dan pinjaman

Nilai saksama tanggungan subordinat dan pinjaman adalah dianggarkan melalui pendiskaunan aliran tunai masa depan menggunakan kadar faedah pinjaman lazim yang diterima pakai bagi pinjaman yang sama risiko profilnya.

(f) Sekuriti modal

Nilai saksama sekuriti modal adalah dianggarkan melalui pendiskaunan aliran tunai masa depan menggunakan kadar faedah lazim yang diterima pakai bagi sekuriti-sekuriti pada tarikh pelaporan.

50. KOMITMEN MODAL DAN KOMITMEN LAIN

(a) Perbelanjaan modal diluluskan oleh pengarah tetapi tidak dinyatakan dalam penyata kewangan yang berjumlah:

	Kumpulan		
	Pada 31.12.2012 RM'000	Pada 31.12.2011 RM'000	Pada 1.7.2011 RM'000
Diluluskan dan dikontrakkan	**131,324**	168,152	506,118
Diluluskan tetapi tidak dikontrakkan	**746,042**	1,030,791	207,846
	877,366	1,198,943	713,964

50. KOMITMEN MODAL DAN KOMITMEN LAIN (SAMB.)

(a) Perbelanjaan modal diluluskan oleh para pengarah tetapi tidak dinyatakan dalam penyata kedudukan kewangan berjumlah (samb.):

	Bank		
	Pada 31.12.2012 RM'000	Pada 31.12.2011 RM'000	Pada 1.7.2011 RM'000
Diluluskan dan dikontrakkan	**102,111**	161,505	410,884
Diluluskan tetapi tidak dikontrakkan	**736,476**	1,024,559	207,846
	838,587	1,186,064	618,730

(b) Modal saham terbitan sebuah syarikat subsidiari yang belum dipanggil:

	Bank		
	Pada 31.12.2012 RM'000	Pada 31.12.2011 RM'000	Pada 1.7.2011 RM'000
Modal saham belum dipanggil	**150**	150	150

51. PENGURUSAN MODAL

Pendekatan Kumpulan terhadap pengurusan modal didorong oleh objektif strategiknya dan mengambil kira semua kawal selia, ekonomi dan komersil yang berkaitan di mana Kumpulan beroperasi. Kumpulan menganggap mempunyai kedudukan modal yang kukuh adalah penting untuk strategi perniagaan dan kedudukan kompetitif Kumpulan. Oleh itu, implikasi ke atas kedudukan modal Kumpulan diambil kira oleh Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan sebelum melaksanakan keputusan perniagaan utama bagi memelihara keutuhan modal keseluruhan Kumpulan.

Dasar pengurusan modal Kumpulan adalah mempelbagaikan sumber modalnya; untuk memperuntukkan dan menggunakan kecekapan modal dipandu oleh keperluan untuk mengekalkan satu hubungan berhemat antara modal tersedia dan risiko-risiko perniagaan asas dan yang memenuhi jangkaan pemegang saham utama, termasuk pelabur, pengawal selia dan agensi penarafan. Dasar ini diterima pakai dengan tujuan untuk memastikan sumber modal yang mencukupi dan struktur modal yang cekap untuk:

- Memenuhi nisbah modal kawal selia pada setiap masa dan pada tahap yang cukup melebihi keperluan minimum BNM;
- Menyokong penarafan kredit Kumpulan daripada agensi penarafan tempatan dan asing;
- Memastikan subsidiari yang dikawal selia boleh memenuhi keperluan modal minimum mereka, berdasarkan keperluan kawal selia dalaman atau kawalan selia tuan rumah di mana relevan;
- Memperuntukkan modal kepada perniagaan untuk menyokong objektif strategik Kumpulan dan mengoptimumkan pulangan atas modal;
- Kekal fleksibel untuk mengambil kesempatan daripada peluang pada masa depan;
- Membina dan melabur dalam perniagaan, walaupun dalam persekitaran yang tertekan; dan
- Mengoptimumkan pulangan kepada pemegang saham.

51. PENGURUSAN MODAL (SAMB.)

Kualiti dan komposisi modal adalah faktor utama dalam penilaian oleh Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan terhadap kedudukan kecukupan modal Kumpulan. Kumpulan memberikan penekanan yang kuat pada kualiti modal dan, demikian memegang sejumlah besar modal dalam bentuk ekuiti biasa yang kekal dan mempunyai keupayaan penyerapan kerugian yang tertinggi pada dasar secara berterusan.

Pelan Pengurusan Modal Kumpulan dikemas kini pada setiap tahun meliputi tempoh sekurang-kurangnya tiga tahun akan datang dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah untuk pelaksanaan pada permulaan tahun kewangan. Pelan Pengurusan Modal Kumpulan dikaji semula oleh Lembaga Pengarah setiap setengah tahun dalam usaha untuk mengikuti perkembangan terkini mengenai pengurusan modal dan juga untuk memastikan pelaksanaan yang berkesan dan tepat pada masa pelaksanaan, rancangan yang terkandung di dalamnya.

Pelaksanaan Basel III di Malaysia akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2013 di bawah peraturan-peraturan Basel III yang baru diterbitkan oleh BNM pada 28 November 2012. Di bawah peraturan-peraturan Basel III itu, institusi-institusi perbankan dikehendaki mengekalkan kuantiti modal minimum yang lebih tinggi dan juga berkualiti tetapi peralihan akan dilakukan secara beransur-ansur melibatkan satu tempoh masa, mulai tahun 2013 dan akan berkuat kuasa sepenuhnya menjelang tahun 2019. BNM juga dijangka memperkenalkan keperluan modal penampan tambahan yang mengandungi Penampan Pemeliharaan Modal sebanyak 2.5% daripada jumlah RWA dan Penampan Modal Menangani Kitaran di antara 0%-2.5% daripada jumlah RWA. Panduan selanjutnya berkenaan keperluan penampan modal akan diumumkan oleh BNM sebelum tahun 2016 berkaitan dengan pendekatan pengiraan dan operasinya.

Dalam usaha mencapai struktur modal yang sihat dan cekap, inisiatif berikut telah dilaksanakan oleh Kumpulan:

(a) Pelan pelaburan semula dividen ("DRP")

Pada 25 Mac 2010, Bank telah mengumumkan DRP semasa dan pilihan yang membenarkan pemegang saham Bank untuk melabur semula bahagian boleh pilih dividen masing-masing kepada saham biasa baru RM1.00 sesaham di dalam Bank. DRP adalah sebahagian daripada strategi Bank untuk mengekalkan modal ekuiti sebagai persiapan menjelangnya peraturan di bawah Basel III selain mengembangkan perniagaan dan pada masa sama menyediakan dividen pendapatan yang berpatutan kepada pemegang saham. Maklumat terperinci mengenai DRP dinyatakan dalam Nota 31(b) dan pembayaran dividen dalam Nota 46.

(b) Penempatan ekuiti persendirian

Dalam tahun kewangan, Bank telah melaksanakan penempatan ekuiti persendirian terbesar dalam sejarah korporat Malaysia melalui penerbitan 412,000,000 saham biasa baru bernilai RM1.00 setiap satu pada harga terbitan sebanyak RM8.88 setiap saham penempatan yang disempurnakan pada 11 Oktober 2012. Penempatan persendirian merupakan langkah proaktif untuk meningkatkan modal ekuiti Bank mendahului pelaksanaan rangka kerja modal Basel III. Dana yang diperoleh juga akan digunakan untuk menyokong objektif pertumbuhan berkaitan peluasan secara pesat perniagaannya di Indonesia, Filipina dan pasaran-pasaran serantau lain.

52. PROSES PENILAIAN KECUKUPAN MODAL DALAMAN ("ICAAP")

(a) Am

Kecukupan modal keseluruhan Kumpulan berkaitan risiko profilnya dinilai menerusi proses yang dinyatakan dalam ICAAP. Garis panduan ICAAP telah dimuktamadkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan telah dilaksanakan dalam konteks pertubuhan untuk memastikan semua risiko material berkenaan telah dikenal pasti, diukur dan dilaporkan, serta tahap modal yang cukup adalah konsisten dengan profil risiko yang dimiliki.

Selari dengan Garis Panduan BNM terhadap ICAAP, ICAAP Kumpulan mengintegrasikan risiko dan proses penilaian modal. Garis panduan ICAAP direka untuk memastikan tahap kecukupan termasuk penampanan modal, dimiliki untuk menyokong permintaan modal semasa dan anggaran mengikut persekitaran semasa serta di bawah tekanan. Laporan biasa ICAAP dikemukakan kepada Jawatankuasa Risiko Eksekutif dan Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko bagi tinjauan lengkap merangkumi semua risiko material oleh Kumpulan dan penilaian terhadap kecukupan modal untuk menyokongnya.

52. PROSES PENILAIAN KECUKUPAN MODAL DALAMAN ("ICAAP") (SAMB.)

(b) Penilaian risiko lengkap di bawah Garis Panduan ICAAP

Di bawah pendekatan ICAAP Kumpulan, jenis risiko yang berikut telah dikenal pasti dan diukur:

- Risiko di bawah Pilar 1 (risiko kredit, risiko pasaran dan risiko operasi).
- Risiko tidak dikenal pasti di bawah Pilar 1 (contoh, model risiko);
- Risiko tidak diambil kira di bawah Pilar 1 (contoh, risiko kadar faedah dalam buku perbankan, risiko mudah tunai, risiko perniagaan/ strategik, risiko reputasi dan risiko tumpuan kredit); dan
- Faktor luaran, termasuk perubahan dalam persekitaran ekonomi, kawal selia dan peraturan perakaunan.

Sejajar dengan amalan terbaik industri, Kumpulan seharusnya mengukur risikonya menggunakan kaedah yang telah diuji dan akan diterima oleh industri.

Di mana risiko tidak boleh diukur dengan mudah disebabkan oleh berikutan tiadanya teknik pengukuran risiko yang kekurangan diterima umum, pertimbangan pakar-pakar digunakan untuk menentukan saiz risiko. Fokus ICAAP Kumpulan bertujuan untuk mengawal kualiti dalam menguruskan risiko yang berkenaan. Ukuran kualitatif ini termasuk yang berkenaan:

- Proses tadbir urus yang mencukupi;
- Sistem, prosedur dan kawalan dalaman yang mencukupi;
- Strategi mengurangkan risiko yang berkesan; dan
- Pemantauan dan pelaporan yang kerap.

(c) Ujian tekanan

Program ujian tekanan Kumpulan dimasukkan ke dalam proses pengurusan risiko dan modal. Ia adalah bidang tumpuan utama ketika proses perancangan modal dan perancangan perniagaan. Program-program berkenaan menjadi alatan pengurusan risiko dan modal yang utama untuk memahami profil risiko di bawah persekitaran yang keterlaluan tetapi mampu dikawal. Persekitaran berkenaan mungkin berpunca daripada faktor ekonomi, politik dan persekitaran.

Di bawah Garis Panduan Ujian Tekanan Kumpulan Maybank, yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah, potensi kesan yang tidak menggalakkan senario tekanan ke atas keuntungan, kualiti aset, aset berwajaran risiko dan kecukupan modal Kumpulan telah dipertimbangkan.

Program ujian tekanan direka terutamanya untuk:

- Menyerlahkan peristiwa tekanan dinamik dan implikasi potensinya terhadap urus niaga Kumpulan dan pendedahan buku perbankan, kedudukan mudah tunai dan kemungkinan kesan reputasi;
- Menyediakan kesan tekanan sebagai input dalam ICAAP Kumpulan dalam menentukan kecukupan modal dan penampanan modal; dan
- Mengenal pasti strategi utama proaktif untuk mengurangkan kesan ketika berlakunya tekanan.

Tema ujian tekanan ditinjau oleh Kumpulan Kerja Ujian Tekanan sebelum ini termasuk pertumbuhan ekonomi China yang perlahan, berulangnya krisis kewangan Asia, penurunan dolar Amerika, akibat jangkitan wabak selesema, kejatuhan harga aset, kenaikan kadar faedah, senario kemelesetan berganda global, mala petaka di Jepun, kenaikan harga minyak krisis zon Euro dan krisis hutang AS, adalah yang di antaranya.

Kumpulan Kerja Ujian Tekanan yang merangkumi kumpulan pengurusan perniagaan dan risiko, membentangkan laporan ujian tekanan kepada jawatankuasa Pengurusan Kanan dan Lembaga serta membincangkan keputusannya kepada pengawal selia, dari semasa ke semasa.

53. KECUKUPAN MODAL

(a) Pematuhan dan aplikasi nisbah kecukupan modal

Pada 29 Jun 2010, Bank dan syarikat subsidiarinya, Maybank Islamic Berhad ("MIB") telah menerima kelulusan daripada Bank Negara Malaysia ("BNM") untuk berpindah kepada pendekatan Berasaskan Penarafan Dalaman (IRB) bagi risiko kredit di bawah Rangka Kerja Kecukupan Modal Berwajaran Risiko Basel II ("RWCAF") mulai 1 Julai 2010 dan berikutnya.

Berkuat kuasa mulai 1 Januari 2010 untuk Maybank Investment Bank Berhad dan 1 Julai 2010 bagi entiti-entiti lain, nisbah kecukupan modal dikira seperti berikut:

(a) Nisbah bagi Kumpulan, Bank dan Maybank Islamic Berhad ("MIB") dikira sejajar dengan RWCAF Basel II BNM seperti berikut:

(i) Risiko kredit di bawah Pendekatan Berasaskan Penarafan Dalaman
(ii) Risiko pasaran di bawah Pendekatan Standard
(iii) Risiko Operasi di bawah Pendekatan Petunjuk Asas

Keperluan kecukupan modal minimum pengawal selia kekal pada 8% bagi nisbah modal berwajaran risiko.

(b) Nisbah Maybank Investment Bank Berhad ("Maybank IB"), secara berasingan, dikira mengikut RWCAF Basel II BNM yang diterbitkan pada 1 April 2010 di bawah Pendekatan Standard terhadap risiko kredit dan pasaran, manakala risiko operasi adalah di bawah Pendekatan Petunjuk Asas. Keperluan minimum kecukupan modal pihak pengawal selia adalah sebanyak 8% bagi nisbah modal berwajaran risiko.

(c) Nisbah PT Bank Internasional Indonesia Tbk, secara berasingan, dikira mengikut keperluan tempatan berdasarkan Rangka Kerja Kecukupan Modal Berwajaran Risiko Basel II ("Basel II RWCAF") di bawah Pendekatan Standard terhadap risiko kredit dan pasaran, manakala risiko operasi adalah di bawah Pendekatan Petunjuk Asas. Keperluan minimum kecukupan modal pihak pengawal selia adalah sebanyak 8% bagi nisbah modal berwajaran risiko.

Nisbah kecukupan modal perbandingan bagi 31 Disember 2011 dan pada 1 Julai 2011 dikira mengikut keperluan tempatan yang berdasarkan perjanjian modal Basel 1. Keperluan minimum kecukupan modal pihak pengawal selia adalah sebanyak 8% bagi nisbah modal berwajaran risiko.

(b) Nisbah kecukupan modal Kumpulan dan Bank

Dividen akhir yang dicadangkan merangkumi bahagian boleh pilih 29 sen (24.5 sen bersih) sesaham biasa di mana bahagian boleh dipilih mengandungi dividen Peringkat tunggal (single tier) sebanyak 11 sen dan dividen yang dikenakan cukai 18 sen (bersih 13.5 sen) sesaham biasa bernilai RM1.00 setiap satu. Bahagian boleh dipilih akan dilaburkan semula dalam saham biasa baru sejajar dengan DRP seperti mana dinyatakan dalam Nota 31(b).

Oleh itu, terdapat satu kemungkinan yang besar bahawa bahagian yang dipilih sepenuhnya akan dilabur semula dalam saham baru biasa atau tidak dilabur kesemuanya tetapi dibayar tunai.

Nisbah modal teras dan nisbah modal berwajaran risiko tahun semasa dikira menggunakan jumlah yang dilaporkan yang membentuk sebahagian daripada penyata kewangan tahun semasa disediakan mengikut MFRS. Nisbah modal teras dan nisbah modal berwajaran risiko pada 31 Disember 2011 dan 1 Julai 2011 dikira menggunakan jumlah yang dilaporkan yang membentuk sebahagian tempoh kewangan enam bulan penyata kewangan yang disediakan mengikut FRS di Malaysia seperti mana diubahsuai oleh Garis Panduan BNM.

53. KECUKUPAN MODAL (SAMB.)

(b) Nisbah kecukupan modal Kumpulan dan Bank (samb.)

Berdasarkan kepada kenyataan di atas, nisbah kecukupan modal Kumpulan dan Bank sebelum dan selepas ditolak dividen yang dicadangkan adalah seperti berikut:

	Kumpulan		
Basel II	**Pada 31.12.2012**	**Pada 31.12.2011**	**Pada 1.7.2011**
(i) Sebelum ditolak dividen yang dicadangkan*:			
Nisbah modal teras	**13.66%**	11.74%	11.93%
Nisbah modal berwajaran risiko	**17.47%**	16.46%	15.45%
(ii) Selepas ditolak dividen yang dicadangkan:			
Nisbah modal teras			
— bahagian boleh pilih penuh dibayar tunai	**12.81%**	10.95%	11.21%
— bahagian boleh pilih penuh dilabur semula	**13.54%**	11.65%	11.84%
(iii) Nisbah modal berwajaran risiko			
— bahagian boleh pilih penuh dibayar tunai	**16.62%**	15.66%	14.72%
— bahagian boleh pilih penuh dilabur semula	**17.35%**	16.37%	15.36%

	Bank		
Basel II	**Pada 31.12.2012**	**Pada 31.12.2011**	**Pada 1.7.2011**
(i) Sebelum ditolak dividen yang dicadangkan*:			
Nisbah modal teras	**17.43%**	15.80%	13.44%
Nisbah modal berwajaran risiko	**17.43%**	15.80%	13.44%
(ii) Selepas ditolak dividen yang dicadangkan:			
Nisbah modal teras			
- bahagian boleh pilih penuh dibayar tunai	**16.27%**	14.73%	12.49%
- bahagian boleh pilih penuh dilabur semula	**17.27%**	15.68%	13.32%
(iii) Nisbah modal berwajaran risiko			
- bahagian boleh pilih penuh dibayar tunai	**16.27%**	14.73%	12.49%
- bahagian boleh pilih penuh dilabur semula	**17.27%**	15.68%	13.32%

* Berdasarkan kepada asas modal yang digunakan dalam pengiraan nisbah Kumpulan dan Bank, dividen yang dicadangkan bagi tahun/tempoh kewangan adalah tidak ditolak.

53. KECUKUPAN MODAL (SAMB.)

(c) Komponen modal Tahap 1 dan Tahap 2:

	Kumpulan		
	Pada 31.12.2012 RM'000	Pada 31.12.2011 RM'000	Pada 1.7.2011 RM'000
Kelayakan Modal Tahap 1			
Modal saham berbayar	**8,440,046**	7,639,437	7,478,206
Premium Saham	**15,639,646**	9,598,847	8,583,711
Rizab-rizab lain	**15,354,878**	14,570,375	14,779,856
Sekuriti modal	**6,093,421**	6,057,884	6,065,486
Tolak: Saham dipegang-dalam-amanah	**(102,405)**	–	–
Jumlah modal Tahap 1	**45,425,586**	37,866,543	36,907,259
Tolak: Aset cukai tertunda[1]	**(1,281,136)**	(1,406,712)	(1,383,388)
Muhibah[1]	**(5,588,553)**	(6,031,401)	(6,049,900)
Potongan lebihan modal Tahap 2	**–**	–	–
Jumlah Kelayakan Modal Tahap 1	**38,555,897**	30,428,430	29,473,971
Kelayakan Modal Tahap 2			
Tanggungan subordinat	**13,394,620**	13,889,529	10,732,475
Peruntukan kolektif[4]	**728,806**	892,370	995,632
Lebihan jumlah EP berbanding jumlah EL[3]	**–**	359,978	–
Lebihan jumlah EL berbanding jumlah EP[3]	**(664,291)**	–	(108,217)
Jumlah modal Tahap 2 (tertakluk kepada had)	**13,459,135**	15,141,877	11,619,890
Tolak: Pelaburan dalam syarikat subsidiari dan syarikat sekutu[2]	**(2,709,503)**	(2,891,773)	(2,924,965)
Rizab kecairan	**–**	–	(1,492)
Pendedahan pensekuritian dipegang dalam buku perbankan	**–**	(31,383)	(16,796)
Jumlah potongan	**(2,709,503)**	(2,923,156)	(2,943,253)
Jumlah potongan daripada modal Tahap 2	**(2,709,503)**	(2,923,156)	(2,943,253)
Jumlah Kelayakan Modal Tahap 2	**10,749,632**	12,218,721	8,676,637
Asas modal	**49,305,529**	42,647,151	38,150,608

53. KECUKUPAN MODAL (SAMB.)

(c) Komponen modal Tahap 1 dan Tahap 2 (samb.):

	Bank		
	Pada 31.12.2012 RM'000	Pada 31.12.2011 RM'000	Pada 1.7.2011 RM'000
Kelayakan Modal Tahap 1			
Modal saham berbayar	**8,440,046**	7,639,437	7,478,206
Premium Saham	**15,639,646**	9,598,847	8,583,711
Rizab-rizab lain	**13,139,299**	12,473,444	11,790,065
Sekuriti modal	**6,093,421**	6,057,884	6,065,486
Tolak: Saham dipegang-dalam-amanah	**(102,405)**	–	–
Jumlah modal Tahap 1	**43,210,007**	35,769,612	33,917,468
Tolak: Aset cukai tertunda[1]	**(810,015)**	(867,163)	(920,837)
Muhibah[1]	**(81,015)**	(81,015)	(81,015)
Potongan lebihan modal Tahap 2	**(6,299,127)**	(4,193,087)	(7,604,007)
Jumlah Kelayakan Modal Tahap 1	**36,019,850**	30,628,347	25,311,609
Kelayakan Modal Tahap 2			
Tanggungan subordinat	**11,546,020**	12,491,343	9,458,980
Peruntukan kolektif[4]	**294,552**	430,448	449,884
Lebihan jumlah EP berbanding jumlah EL[3]	**–**	384,425	–
Lebihan jumlah EL berbanding jumlah EP[3]	**(267,512)**	–	(37,149)
Jumlah modal Tahap 2 (tertakluk kepada had)	**11,573,060**	13,306,216	9,871,715
Tolak: Pelaburan dalam syarikat subsidiari dan syarikat sekutu[2]	**(17,872,187)**	(17,467,920)	(17,457,434)
Rizab kecairan	**–**	–	(1,492)
Pendedahan pensekuritian dipegang dalam buku perbankan	**–**	(31,383)	(16,796)
Jumlah potongan	**(17,872,187)**	(17,499,303)	(17,475,722)
Jumlah potongan daripada modal Tahap 2	**(11,573,060)**	(13,306,216)	(9,871,715)
Jumlah Kelayakan Modal Tahap 2	**–**	–	–
Asas modal	**36,019,850**	30,628,347	25,311,609

53. KECUKUPAN MODAL (SAMB.)

(c) Komponen modal Tahap 1 dan Tahap 2 (samb.):

1 Di bawah Garis Panduan BNM, aset cukai tertunda dan muhibah perlu dikecualikan daripada modal Tahap 1.
2 Tidak termasuk kos pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari dan bersekutu, kecuali: (i) Myfin Berhad sebanyak RM18,994,000, memandangkan perniagaan, aset dan liabiliti telah dipindahkan kepada Bank; (ii) Maybank International (L) Ltd. sebanyak RM176,385,000, dan (iii) Mayban Agro Fund Sdn. Bhd. sebanyak RM11,041,000 kerana aset ini dimasukkan dalam aset berwajaran risiko Bank. Bagi Kumpulan, kos pelaburan dalam syarikat insurans dan bersekutu telah ditolak daripada asas modal.
3 EP ditakrifkan sebagai peruntukan yang layak dan EL ditakrifkan sebagai kerugian yang dijangka.
4 Tidak termasuk dalam peruntukan kolektif bagi beberapa pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan.

Nisbah kecukupan modal Kumpulan mengandungi asas modal dan aset berwajaran risiko diperoleh daripada baki Bank dan syarikat-syarikat subsidiari yang disatukan, tidak termasuk pelaburan dalam entiti insurans dan syarikat bersekutu.

Nisbah kecukupan modal Bank mengandungi asas modal dan aset berwajaran risiko yang diperoleh daripada Bank dan syarikat subsidiari perbankan luar pesisir milik penuh, Maybank International (L) Ltd., tidak termasuk kos pelaburan di syarikat-syarikat subsidiari dan bersekutu (kecuali Myfin Berhad, Maybank International (L) Ltd. dan Mayban Agro Fund Sdn. Bhd. seperti mana dinyatakan di atas).

(d) Nisbah kecukupan modal syarikat-syarikat subsidiari perbankan Kumpulan adalah seperti berikut:

	Maybank Islamic Berhad	Maybank Investment Bank Berhad	PT Bank Internasional Indonesia Tbk
Pada 31.12.2012			
Sebelum ditolak dividen yang dicadangkan*:			
Nisbah modal teras	**10.83%**	**40.30%**	-
Nisbah modal berwajaran risiko	**12.59%**	**40.30%**	**12.83%**
Selepas ditolak dividen yang dicadangkan:			
Nisbah modal teras	**10.83%**	**30.10%**	-
Nisbah modal berwajaran risiko	**12.59%**	**30.10%**	**12.83%**

53. KECUKUPAN MODAL (SAMB.)

(d) Nisbah kecukupan modal syarikat-syarikat subsidiari perbankan Kumpulan adalah seperti berikut (samb.):

	Maybank Islamic Berhad	Maybank Investment Bank Berhad	PT Bank Internasional Indonesia Tbk
Pada 31.12.2011			
Sebelum ditolak dividen yang dicadangkan*:			
Nisbah modal teras	9.89%	21.58%	–
Nisbah modal berwajaran risiko	12.61%	21.58%	11.83%
Selepas ditolak dividen yang dicadangkan:			
Nisbah modal teras	9.32%	21.58%	–
Nisbah modal berwajaran risiko	12.04%	21.58%	11.83%
Pada 1.7.2011			
Sebelum ditolak dividen yang dicadangkan*:			
Nisbah modal teras	10.31%	24.72%	–
Nisbah modal berwajaran risiko	13.02%	24.72%	13.06%
Selepas ditolak dividen yang dicadangkan:			
Nisbah modal teras	9.46%	24.72%	–
Nisbah modal berwajaran risiko	12.17%	24.72%	13.06%

* Berdasarkan kepada asas modal yang digunakan dalam pengiraan nisbah syarikat-syarikat subsidiari perbankan Kumpulan, dividen yang dicadangkan bagi tahun/tempoh kewangan adalah tidak ditolak.

53. KECUKUPAN MODAL (SAMB.)

(e) Pecahan Nilai Aset dan Kesamaan Kredit (termasuk item di luar Penyata Kedudukan Kewangan) berdasarkan Risiko Berwajaran seperti yang berikut:

Basel II	Kumpulan RM'000	Bank RM'000	Maybank Islamic Berhad RM'000	Maybank Investment Bank Berhad RM'000	PT Bank Internasional Indonesia Tbk RM'000
Pada 31.12.2012					
Pendedahan Pendekatan Standard	**60,849,458**	**27,460,623**	**2,411,358**	**813,260**	**24,835,685**
Pendekatan Berasaskan Penarafan Dalaman, pendedahan selepas faktor skala	**184,779,754**	**154,769,118**	**32,563,904**	**–**	**–**
Jumlah aset berwajaran risiko bagi risiko kredit	**245,629,212**	**182,229,741**	**34,975,262**	**813,260**	**24,835,685**
Jumlah aset berwajaran risiko bagi risiko kredit yang diserap oleh Malayan Banking Berhad*	**–**	**–**	**(127,317)**	**–**	**–**
Jumlah aset berwajaran risiko bagi risiko pasaran	**8,913,850**	**6,200,948**	**747,905**	**200,322**	**637,943**
Jumlah aset berwajaran risiko bagi risiko operasi	**27,685,920**	**18,180,446**	**2,959,425**	**716,690**	**3,282,868**
Aset berwajaran risiko tambahan disebabkan oleh modal minimum	**–**	**–**	**968,148**	**–**	**–**
Jumlah aset berwajaran risiko	**282,228,982**	**206,611,135**	**39,523,423**	**1,730,272**	**28,756,496**
Pada 31.12.2011					
Pendedahan Pendekatan Standard	70,655,914	38,834,291	4,153,679	1,025,361	24,360,349
Pendekatan Berasaskan Penarafan Dalaman, pendedahan selepas faktor skala	153,100,201	128,719,436	28,214,051	–	–
Jumlah aset berwajaran risiko bagi risiko kredit	223,756,115	167,553,727	32,367,730	1,025,361	24,360,349
Jumlah aset berwajaran risiko bagi risiko kredit yang diserap oleh Malayan Banking Berhad*	–	–	(205,926)	–	–
Jumlah aset berwajaran risiko bagi risiko pasaran	10,379,265	8,376,674	307,942	713,316	275,124
Jumlah aset berwajaran risiko bagi risiko operasi	24,983,371	17,970,181	2,573,751	540,741	3,197,593
Aset berwajaran risiko tambahan disebabkan oleh modal minimum	–	–	3,891,670	–	–
Jumlah aset berwajaran risiko	259,118,751	193,900,582	38,935,167	2,279,418	27,833,066
Pada 1.7.2011					
Pendedahan Pendekatan Standard	60,236,549	31,459,666	3,753,922	1,040,223	21,381,949
Pendekatan Berasaskan Penarafan Dalaman, pendedahan selepas faktor skala	147,528,075	129,381,636	23,571,746	–	–
Jumlah aset berwajaran risiko bagi risiko kredit	207,764,624	160,841,302	27,325,668	1,040,223	21,381,949
Jumlah aset berwajaran risiko bagi risiko kredit yang diserap oleh Malayan Banking Berhad*	–	–	(206,402)	–	–
Jumlah aset berwajaran risiko bagi risiko pasaran	15,991,249	9,692,832	149,810	156,475	270,737
Jumlah aset berwajaran risiko bagi risiko operasi	23,223,860	17,738,110	2,334,044	476,309	3,215,865
Aset berwajaran risiko tambahan disebabkan oleh modal minimum	–	–	7,154,554	–	–
Jumlah aset berwajaran risiko	246,979,733	188,272,244	36,757,674	1,673,007	24,868,551

* Selari dengan Garis Panduan BNM terhadap pengiktirafan dan ukuran Akaun Pelaburan Perkongsian Keuntungan Terhad ("RPSIA") sebagai Penyerap Risiko, risiko kredit terhadap aset yang dibiayai oleh RPSIA tidak dimasukkan di dalam pengiraan nisbah modal berwajaran ("RWCR").

54. MAKLUMAT SEGMEN

Maklumat segmen dibentangkan mengikut segmen perniagaan Kumpulan dan kedudukan geografi.

(i) Mengikut segmen perniagaan

Kumpulan menetap dan membentangkan segmen operasi berdasarkan kepada maklumat yang dikemukakan kepada Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan Kumpulan.

Kumpulan disusun kepada empat (4) segmen berdasarkan perkhidmatan dan produk yang ada di dalamnya seperti berikut:

(a) Perkhidmatan Kewangan Komuniti ("CFS")

(i) Perbankan pengguna

Perbankan pengguna menawarkan produk dan perkhidmatan lengkap kepada individu-individu di Malaysia, termasuk simpanan, deposit tetap dan perkhidmatan penghantaran wang, akaun semasa, pinjaman pengguna seperti pinjaman perumahan dan peribadi, sewa beli, unit amanah, produk-produk bankasurans dan kad kredit.

(ii) Perbankan Perusahaan Kecil dan Sederhana ("SME")

Perbankan SME terdiri daripada barisan lengkap produk dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada enterpris kecil dan sederhana di Malaysia. Produk dan perkhidmatan yang ditawarkan termasuk pinjaman jangka panjang seperti pembiayaan projek, kredit jangka pendek seperti overdraf, dan pembiayaan perdagangan, dan perkhidmatan berasaskan yuran seperti pengurusan tunai dan perkhidmatan penjagaan.

(iii) Perbankan perniagaan

Perbankan perniagaan terdiri daripada barisan lengkap produk dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada enterpris komersial di Malaysia. Produk dan perkhidmatan yang ditawarkan termasuk pinjaman jangka panjang seperti pembiayaan projek, kredit jangka pendek seperti overdraf, pembiayaan perdagangan dan perkhidmatan berasaskan yuran seperti pengurusan tunai dan perkhidmatan penjagaan.

(b) Perbankan Global ("GB") (sebelum ini dikenali sebagai Perbankan Pemborongan Global)

(i) Perbankan Korporat Malaysia

Perbankan korporat terdiri daripada barisan lengkap produk dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada pelanggan perniagaan di rantau, terdiri daripada korporat besar dan sektor awam. Produk dan perkhidmatan yang ditawarkan termasuk pinjaman jangka panjang seperti pembiayaan projek, kredit jangka pendek seperti overdraf, pembiayaan perdagangan dan perkhidmatan berasaskan yuran seperti pengurusan tunai dan perkhidmatan penjagaan.

(ii) Pasaran Global Malaysia

Pasaran Global terdiri daripada barisan lengkap produk dan perkhidmatan berkaitan aktiviti perbendaharaan dan perkhidmatan, termasuk tukaran asing, pasaran wang, derivatif dan dagangan pasaran modal.

(iii) Perbankan Pelaburan (Maybank IB dan Kumpulan Maybank Kim Eng)

Perbankan pelaburan terdiri daripada perbankan pelaburan dan perniagaan pembrokeran sekuriti. Segmen ini menumpukan kepada keperluan perniagaan terutamanya oleh pelanggan korporat besar dan Institusi kewangan. Produk dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada pengguna terdiri daripada perkhidmatan nasihat korporat, terbitan bon, terbitan ekuiti, perkhidmatan nasihat pengambilalihan bersindiket, perkhidmatan nasihat penstrukturan hutang, saham dan urus niaga hadapan.

(c) Insurans, Takaful dan Pengurusan Aset

Pengurusan Insurans, takaful dan pengurusan aset merangkumi perniagaan penaja jamin semua kelas perniagaan insurans am dan hayat, perniagaan insurans hayat pelaburan luar pesisir, takaful am dan takaful keluarga, pengurusan aset dan dana, penamaan dan perkhidmatan pemegang amanah serta perkhidmatan penjagaan.

(d) Perbankan Antarabangsa

Di peringkat antarabangsa, perniagaan CFS domestik diterajui dalam negara manakala perbankan pemborongan bagi setiap negara perlu membuat laporan kepada Perbankan Global ("GB"). Bagi tujuan pelaporan maklumat pengurusan, prestasi GB ditunjukkan secara berasingan dan terdiri daripada Perbankan Korporat dan Pasaran Global di Malaysia dan juga perniagaan perbankan pelaburan, manakala prestasi perbankan antarabangsa terdiri daripada kedua-dua perbankan pemborongan dan perbankan CFS di luar Malaysia, sebagai contoh, Singapura dan Indonesia.

54. MAKLUMAT SEGMEN (SAMB.)

(i) Mengikut segmen perniagaan (samb.)

	Kumpulan							
	← Segmen Perniagaan →							
		← GB →						
1.1.2012 hingga 31.12.2012	Perkhidmatan Kewangan Komuniti RM'000	Perbankan korporat RM'000	Pasaran Global RM'000	Perbankan Pelaburan RM'000	Perbankan Antarabangsa RM'000	Insurans, Takaful dan Pengurusan Aset RM'000	Ibu Pejabat dan Lain-lain RM'000	Jumlah RM'000
Pendapatan faedah bersih dan pendapatan operasi perbankan Islam:								
- Luaran	5,385,159	1,624,966	731,744	261,965	3,488,586	87,217	(902,661)	10,676,976
- Antara segmen	–	–	–	2,508	(25,897)	23,049	340	–
	5,385,159	1,624,966	731,744	264,473	3,462,689	110,266	(902,321)	10,676,976
Pendapatan faedah bersih dan pendapatan operasi perbankan Islam	5,385,159	1,624,966	731,744	264,473	3,462,689	110,266	(902,321)	10,676,976
Pendapatan bersih daripada perniagaan insurans/takaful	–	–	–	–	–	652,445	–	652,445
Pendapatan bukan faedah	1,485,365	676,051	979,720	1,014,562	1,709,710	434,309	(1,025,968)	5,273,749
Pendapatan bersih	6,870,524	2,301,017	1,711,464	1,279,035	5,172,399	1,197,020	(1,928,289)	16,603,170
Perbelanjaan overhed	(3,546,727)	(403,703)	(232,825)	(929,614)	(2,559,158)	(486,093)	–	(8,158,120)
Keuntungan operasi sebelum kerugian rosot nilai	3,323,797	1,897,314	1,478,639	349,421	2,613,241	710,927	(1,928,289)	8,445,050
(Peruntukan bagi)/masuk kira semula kerugian rosot nilai atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan, bersih	(299,559)	92,066	–	3,860	(430,798)	(8,280)	–	(642,711)
Peruntukan bagi kerugian rosot nilai atas pelaburan kewangan, bersih	–	–	(5,092)	(9,757)	(39,805)	(5,562)	–	(60,216)
Keuntungan operasi	3,024,238	1,989,380	1,473,547	343,524	2,142,638	697,085	(1,928,289)	7,742,123
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu	–	–	–	1,684	150,275	517	–	152,476
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	3,024,238	1,989,380	1,473,547	345,208	2,292,913	697,602	(1,928,289)	7,894,599
Cukai dan zakat								(1,977,306)
Keuntungan selepas cukai dan zakat								5,917,293
Kepentingan tidak terkawal								(172,597)
Keuntungan dalam tahun kewangan boleh diagihkan kepada pemegang ekuiti Bank								5,744,696
Termasuk dalam perbelanjaan overhed adalah:								
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan	(85,071)	(6,640)	(3,181)	(39,163)	(83,787)	(5,804)	–	(223,646)
Pelunasan aset tidak ketara	(27,369)	(5,855)	(5,415)	(44,523)	(57,833)	(5,226)	–	(146,221)

54. MAKLUMAT SEGMEN (SAMB.)

(i) Mengikut segmen perniagaan (samb.)

	Kumpulan							
	Segmen Perniagaan							
		GB						
1.7.2011 hingga 31.12.2011	Perkhidmatan Kewangan Komuniti RM'000	Perbankan korporat RM'000	Pasaran Global RM'000	Perbankan Pelaburan RM'000	Perbankan Antarabangsa RM'000	Insurans, Takaful dan Pengurusan Aset RM'000	Ibu Pejabat dan Lain-lain RM'000	Jumlah RM'000
Pendapatan faedah bersih dan pendapatan operasi perbankan Islam:								
- Luaran	2,621,474	574,796	311,919	125,771	1,606,402	25,754	(231,801)	5,034,315
- Antara segmen	–	–	–	(735)	(6,775)	9,411	(1,901)	–
	2,621,474	574,796	311,919	125,036	1,599,627	35,165	(233,702)	5,034,315
Pendapatan faedah bersih dan pendapatan operasi perbankan Islam	2,621,474	574,796	311,919	125,036	1,599,627	35,165	(233,702)	5,034,315
Pendapatan bersih daripada perniagaan insurans/takaful	–	–	–	–	–	426,519	–	426,519
Pendapatan bukan faedah	764,847	231,574	477,926	425,356	838,765	140,674	(504,962)	2,374,180
Pendapatan bersih	3,386,321	806,370	789,845	550,392	2,438,392	602,358	(738,664)	7,835,014
Perbelanjaan overhed	(1,674,045)	(188,444)	(128,797)	(481,647)	(1,255,661)	(213,245)	–	(3,941,839)
Keuntungan operasi sebelum kerugian rosot nilai	1,712,276	617,926	661,048	68,745	1,182,731	389,113	(738,664)	3,893,175
(Peruntukan bagi)/masuk kira semula kerugian rosot nilai atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan, bersih	(23,442)	(22,152)	–	(13,769)	(278,781)	9,064	–	(329,080)
(Peruntukan bagi)/ masuk kira semula kerugian rosot nilai atas pelaburan kewangan, bersih	–	–	(58,957)	(5,160)	1,697	(4,817)	–	(67,237)
Keuntungan operasi	1,688,834	595,774	602,091	49,816	905,647	393,360	(738,664)	3,496,858
Bahagian keuntungan dalam syarikat-syarikat bersekutu	–	–	–	2,619	71,615	–	–	74,234
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	1,688,834	595,774	602,091	52,435	977,262	393,360	(738,664)	3,571,092
Cukai dan zakat								(888,993)
Keuntungan selepas cukai dan zakat								2,682,099
Kepentingan tidak terkawal								(95,047)
Keuntungan dalam tahun kewangan boleh diagihkan kepada pemegang ekuiti Bank								2,587,052
Termasuk dalam perbelanjaan overhed adalah:								
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan	(40,723)	(3,149)	(996)	(15,699)	(36,982)	(6,814)	–	(104,363)
Pelunasan aset tidak ketara	(12,244)	(2,732)	(2,237)	(26,855)	(31,588)	(2,454)	–	(78,110)

54. MAKLUMAT SEGMEN (SAMB.)

(ii) Mengikut lokasi geografi

Kumpulan beroperasi di Malaysia, Singapura, Indonesia, Filipina, Papua New Guinea, Brunei Darussalam, China, Hong Kong SAR, Vietnam, United Kingdom, Amerika Syarikat, Kemboja, Loas dan Bahrain.

Kecuali Malaysia, Singapura dan Indonesia, tiada mana-mana negara individu yang menyumbang lebih 10% dari hasil yang disatukan sebelum mengambil kira perbelanjaan operasi dan jumlah aset.

Hasil operasi, pendapatan bersih, keuntungan sebelum cukai dan zakat dan aset-aset berdasarkan lokasi geografi pelanggan dan aset masing-masing seperti berikut:

Perkara-perkara penyata pendapatan 1.1.2012 hingga 31.12.2012	Hasil operasi RM'000	Pendapatan bersih RM'000	Keuntungan sebelum cukai dan zakat RM'000
Malaysia	**20,689,384**	**12,159,312**	**6,879,731**
Singapura	**3,252,573**	**2,463,826**	**1,138,759**
Indonesia	**3,874,024**	**2,562,083**	**553,985**
Lain-lain	**1,415,328**	**914,046**	**691,601**
	29,231,309	**18,099,267**	**9,264,076**
Penghapusan*	**(1,698,848)**	**(1,496,097)**	**(1,369,477)**
Kumpulan	**27,532,461**	**16,603,170**	**7,894,599**

Perkara-perkara penyata pendapatan 1.7.2011 hingga 31.12.2011	Hasil operasi RM'000	Pendapatan bersih RM'000	Keuntungan sebelum cukai dan zakat RM'000
Malaysia	9,701,016	5,783,132	3,322,967
Singapura	1,537,456	1,254,328	569,336
Indonesia	1,887,222	1,161,984	166,318
Lain-lain	579,936	370,413	202,642
	13,705,630	8,569,857	4,261,263
Penghapusan*	(813,428)	(734,843)	(690,171)
Kumpulan	12,892,202	7,835,014	3,571,092

* Perolehan antara segmen dihapuskan atas penyatuan.

54. MAKLUMAT SEGMEN (SAMB.)

(ii) Mengikut lokasi geografi (samb.)

Item Penyata kedudukan Kewangan	Aset Bukan Semasa		
	Pada 31.12.2012 RM'000	Pada 31.12.2011 RM'000	Pada 1.7.2011 RM'000
Malaysia	**8,174,949**	8,223,909	8,151,414
Singapura	**873,155**	854,250	736,227
Indonesia	**363,934**	353,393	329,684
Lain-lain	**94,781**	76,461	71,367
	9,506,819	9,508,013	9,288,692
Penghapusan*	**—**	—	—
Kumpulan	**9,506,819**	9,508,013	9,288,692

Item Penyata kedudukan Kewangan	Aset Semasa		
	Pada 31.12.2012 RM'000	Pada 31.12.2011 RM'000	Pada 1.7.2011 RM'000
Malaysia	**347,099,851**	319,018,927	292,942,118
Singapura	**89,162,900**	72,827,037	64,492,336
Indonesia	**36,981,661**	39,252,513	36,478,085
Lain-lain	**34,603,404**	34,214,006	29,339,527
	507,847,816	465,312,483	423,252,066
Penghapusan*	**(22,488,342)**	(23,225,659)	(21,286,341)
Kumpulan	**485,359,474**	442,086,824	401,965,725

* Perolehan antara segmen dihapuskan atas penyatuan.

55. PERISTIWA PENTING DAN BERIKUTNYA

(a) (i) Pengambilalihan oleh Kumpulan Maybank Kim Eng Limited (dulunya dikenali sebagai Kim Eng Holdings Limited) ("MKEH"), syarikat subsidiari milik penuh Maybank IB Holdings Sdn. Bhd. (dulunya dikenali sebagai Mayban IB Holdings Sdn. Bhd.) ("Maybank IB Holdings"), yang juga merupakan syarikat subsidiari milik penuh Maybank, melibatkan agregat sebanyak 344,427,134 saham biasa dalam Maybank ATR Kim Eng Financial Corporation (dulunya dikenali sebagai ATR Kim Eng Financial Corporation) ("MATRKE"), yang mewakili anggaran 32.24% daripada jumlah terbitan saham biasa MATRKE ("Pengambilalihan"); dan

(ii) Tawaran Tender Mandatori bagi kesemua baki saham MATRKE yang belum dimiliki, dikuasai atau dipersetujui untuk diambilalih oleh MKEH

Pada 9 Disember 2011, Maybank mengumumkan berikutan selesainya pengambilalihan tersebut, MKEH pada 24 Oktober 2011 telah melancarkan satu tawaran tender untuk mengambil alih kesemua baki saham MATRKE yang belum dimiliki, pada harga tawaran sebanyak Peso Filipina ("PhP") 4.38 (bersamaan anggaran RM0.3176, pada kadar tukaran PhP1.00: RM0.0725, pada 24 Oktober 2011, (Sumber: Bloomberg) bagi setiap saham di dalam MATRKE ("Tawaran Tender"). Selanjutnya, Tawaran Tender ditutup pada 29 November 2011.

Selaras dengan keputusan Tawaran Tender, MKEH mendapat penerimaan sah berhubung agregat sebanyak 261,518,034 saham MATRKE, yang mewakili anggaran 24.48% saham MATRKE. Sebelum Tawaran Tender itu, MKEH memiliki 797,405,432 saham MATRKE atau anggaran 74.64% saham MATRKE. Dengan pembelian saham tender pada 9 Disember 2011, pemilikan MKEH di dalam MATRKE bertambah kepada 1,058,923,466 saham, yang mewakili anggaran 99.11% saham MATRKE.

Berdasarkan keputusan di atas, paras pemilikan awam MATRKE jatuh kepada 0.89%, iaitu di bawah syarat pemilikan awam minimum sebanyak 10% oleh firma-firma tersenarai. Berikutan itu, MATRKE sedang menilai langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi perkara tersebut dan akan mendedahkannya sebaik sahaja tindakan sepatutnya diputuskan.

Pada 27 Disember 2012, MKEH telah menjual 50 juta saham MATRKE kepada Wah Hong Investment Limited, sebuah syarikat Hong Kong dan menjual 50 juta lagi saham MATRKE kepada Lotus Asset Management (BVI) Limited, sebuah firma yang berdaftar di British Virgin Island. Harga jualan ialah PhP4.38 se saham, iaitu bersamaan harga yang dibayar oleh MKEH kepada pemegang saham MATRKE di dalam Tawaran Tender yang ditutup pada 29 November 2011. Kesemuanya, 100 juta saham MATRKE yang dijual oleh MKEH mewakili anggaran 9.36% saham MATRKE.

Berikutan pembelian 100 juta saham MATRKE melalui kemudahan Bursa Saham Filipina ("PSE") pada 27 Disember 2012 dan sejumlah 0.89% daripada saham MATRKE telahpun menjadi milik awam, ini menjadikan pegangan awam dalam saham MATRKE dianggarkan sebanyak 10.25%. Berikutan itu, MATRKE telah memenuhi syarat pemilikan awam minimum PSE.

(b) Terbitan Nota Senior Tanpa Cagaran sebanyak USD400.0 juta berikutan Program Nota Jangka Sederhana Berbilang Matawang sebanyak USD2.0 bilion

Pada 10 Februari 2012, Maybank telah menyaksikan terbitan Nota Senior Tanpa Cagaran bernilai nominal USD400 juta di bawah Program USD2.0 bilion Nota Jangka Sederhana Berbilang Matawang seperti yang tertera di Nota 28(b)(ii). Nota Senior Tanpa Cagaran itu akan matang pada 10 Februari 2017 dengan kupon 3.0% setahun yang dibayar dua kali setahun dalam bentuk tunggakan. Perolehan bersih daripada terbitan Nota Senior Tanpa Cagaran itu akan digunakan oleh Maybank untuk membiayai modal kerja, perbankan am dan tujuan korporat lain.

(c) Pembentukan Program Nota Subordinat dengan nilai nominal sehingga RM7.0 bilion ("Program Nota Subordinat")

Maybank telah memperoleh kelulusan Suruhanjaya Sekuriti melalui surat bertarikh 15 Februari 2012 bagi mengadakan Program Nota Subordinat dan terbitan Nota Subordinat yang dinyatakan.

55. PERISTIWA PENTING DAN BERIKUTNYA (SAMB.)

(c) Pembentukan Program Nota Subordinat dengan nilai nominal sebanyak RM7.0 bilion ("Program Nota Subordinat") (samb.)

Selain itu, terbitan Nota Subordinat telah mendapat kelulusan daripada BNM pada 14 Disember 2011 (termaktub kepada terma-terma dan syarat-syarat).

Nota Subordinat yang telah diterbitkan di bawah Program Nota Subordinat adalah layak sebagai modal Tahap 2 Maybank tertakluk kepada syarat yang dikhususkan dalam Garis Panduan Rangka Kerja Kecukupan Modal Berwajaran Risiko dan Garis Panduan Rangka Kerja Kecukupan Modal bagi Bank-bank Islam (Syarat-syarat Am dan Komponen-komponen Modal) yang dikeluarkan oleh BNM.

Tempoh Program Nota Subordinat adalah sehingga 20 tahun daripada tarikh terbitan pertamanya di bawah Program Nota Subordinat dan setiap Nota Subordinat yang diterbitkan seharusnya mempunyai tempoh salah satu daripada yang berikut; asas 10-tahun tidak boleh panggil; asas 15 tahun tidak boleh panggil 10; asas 12 tahun tidak boleh panggil 7 atau asas 10 tahun tidak boleh panggil 5.

Setiap terbitan Nota Subordinat di bawah Program Nota Subordinat, menjimatkan kecuali Nota Subordinat yang diterbitkan pada asas 10-tahun tidak boleh panggil, seharusnya mempunyai opsyen panggilan yang membenarkan Maybank, tertakluk kepada syarat-syarat penebusan yang dipatuhi, untuk menebus (sepenuhnya, bukan sebahagian) sebahagian daripada Nota Subordinat pada tarikh panggilan berdasarkan jumlah prinsipal berserta kupon terkumpul tetapi belum dibayar (jika ada) ("Penebusan Pilihan). Lanjutan kepada Penebusan Pilihan itu, Maybank boleh menggunakan opsyen dan tertakluk kepada syarat-syarat penebusan yang telah dipatuhi, menebus sebahagian dari Nota Subordinat (sepenuhnya, bukan sebahagian) sekiranya keadaan yang dikawal selia berlaku pada jumlah prinsipal bersama-sama dengan kupon terkumpul tetapi belum dibayar (jika ada).

Untung bersih daripada terbitan Nota Subordinat akan diguna pakai untuk menampung modal kerja Maybank, perbankan am dan tujuan-tujuan korporat lain.

Program Nota Subordinat telah berjaya dilaksanakan pada 28 Februari 2012.

(d) Pelaksanaan Program Nota Jangka Sederhana Berbilang Matawang ("Program MTN") bernilai USD5.0 bilion.

Maybank telah memperoleh kelulusan dari Suruhanjaya Sekuriti dalam surat bertarikh 14 Mei 2012 bagi pembentukan Program MTN dan terbitan nota di bawahnya. Program MTN ini membolehkan Maybank menerbitkan nota senior dan/atau Nota Subordinat dari masa ke masa.

Selain itu, kelulusan BNM bagi pembentukan Program MTN juga telah diperoleh pada 2 Mei 2012 (tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di dalamnya).

Untung bersih daripada setiap terbitan nota-nota dalam Program MTN akan diguna oleh Maybank bagi tujuan modal kerja, perbankan am dan tujuan-tujuan korporat yang lain.

Program MTN telah berjaya pada 14 Mei 2012.

(e) (i) Cadangan pengambilalihan 858,499 saham biasa berharga Riyal Saudi ("SAR") 10 setiap satu dalam Anfaal Capital ("Anfaal") oleh Maybank Investment Bank Berhad ("Maybank IB"), sebuah syarikat subsidiari milik penuh Maybank, yang mewakili 17.17% dari modal saham biasa Anfaal; dan

(ii) Cadangan pemberian pinjaman subordinat SAR2,070,000 dari Al Numu Real Estate Company ("Al Numu") kepada Maybank IB

Pada 9 April 2012, Maybank telah mengumumkan bahawa Maybank IB, sebuah syarikat subsidiari milik penuh Maybank, telah memeterai Perjanjian Pembelian Saham ("SPA") bersyarat dengan Al Numu dan Anfaal bagi yang berikutnya:

55. PERISTIWA PENTING DAN BERIKUTNYA (SAMB.)

(e) (i) Cadangan pemerolehan 858,499 saham biasa berharga Riyal Saudi ("SAR") 10 setiap satu dalam Anfaal Capital ("Anfaal") oleh Maybank Investment Bank Berhad("Maybank IB"), sebuah syarikat subsidiari milik penuh Maybank, yang mewakili 17.17% modal saham biasa Anfaal; dan

(ii) Cadangan pemberian pinjaman subordinat sebanyak SAR2,070,000 daripada Al Numu Real Estate Company ("Al Numu") kepada Maybank IB (samb.)

(i) Cadangan pemerolehan 858,499 saham biasa berharga SAR10 setiap satu dalam Anfaal ("Saham Anfaal"), yang mewakili anggaran 17.17% modal saham biasa modal Anfaal untuk pertimbangan tunai sebanyak SAR10,516,613, iaitu SAR12.25 setiap saham Anfaal; dan

(ii) Cadangan pemberian pinjaman subordinat sebanyak SAR2,070,000 ("Pinjaman Subordinat") daripada Al Numu kepada Maybank IB.

((i) dan (ii) secara kolektif dirujuk sebagai "Cadangan").

Tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Pasaran Modal ("CMA") Kerajaan Arab Saudi, Pinjaman Subordinat akan ditukar ke 207,000 Saham Anfaal yang baru dan setara dengan Saham Anfaal yang sedia ada.

Jumlah pertimbangan pembelian sebanyak SAR12,586,613 (bersamaan dengan kira-kira RM10,308,864) bagi Cadangan tersebut akan dipenuhi secara tunai ("Harga Belian").

Cadangan tersebut adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang terdahulu telah dipenuhi seperti yang dinyatakan dalam SPA pada 30 September 2012 atau tarikh lain yang dipersetujui bersama secara bertulis oleh Al Numu dan Maybank IB.

Sehingga takat yang dibenarkan oleh undang-undang, Maybank IB berhak untuk mengetepikan (secara keseluruhan atau sebahagian) secara bertulis keperluan untuk memenuhi mana-mana satu syarat terdahulu sebelum kesemua pihak terbabit meneruskannya hingga selesai.

Cadangan itu membolehkan Maybank IB meningkatkan ekuiti kepentingannya dalam Anfaal daripada 18.00% kepada 35.17%. Langkah itu menjadi satu peluang yang baik untuk Maybank IB meningkatkan kehadirannya di Arab Saudi dan memainkan peranan lebih besar dalam merungkaikan potensi Anfaal terutama dalam bidang pensindiketan, penstrukturan Sukuk dan pembiayaan projek di Arab Saudi.

Cadangan tersebut adalah tertakluk kepada kelulusan yang diperoleh daripada yang berikut:
(i) Suruhanjaya Sekuriti;
(ii) CMA; dan
(iii) Lembaga Pelaburan Am Arab Saudi bagi penerbitan lesen pelaburan asing Anfaal yang telah dipinda.

Pada 31 Disember 2012, Maybank telah mengumumkan bahawa Maybank IB, Al Numu dan Anfaal secara bersama bersetuju untuk melanjutkan tempoh bagi memenuhi syarat-syarat terdahulu SPA berkaitan dengan Cadangan daripada 31 Disember 2012 hingga 31 Mac 2013.

(f) Penebusan RM1.5 bilion Bon Subordinat Maybank.

Pada 13 April 2012, Maybank telah mengumumkan penebusan penuh Bon Subordinat Maybank berjumlah RM1.5 bilion. Bon subordinat telah diterbitkan pada 13 April 2007.

(g) Penebusan USD300.0 juta Sukuk Subordinat

Pada 25 April 2012, Maybank telah mengumumkan penebusan penuh Sukuk Subordinat USD300.0 juta. Sukuk Subordinat telah diterbitkan pada 25 April 2007 melalui MBB Sukuk Inc, sebuah syarikat tujuan khas yang diperbadankan di Labuan.

55. PERISTIWA PENTING DAN BERIKUTNYA (SAMB.)

(h) Pembelian opsyen panggilan lebih 15,435,000 saham biasa dan berbayar Maybank Kim Eng Securities Joint Stock Company (sebelumnya dikenali sebagai Kim Eng Vietnam Securities Joint Stock Company) ("KEVS")

Pada 11 Mei 2012, Maybank mengumumkan bahawa Maybank Kim Eng Holdings Limited ("MKEH"), syarikat subsidiari yang dimiliki secara tidak langsung oleh Maybank, pada tarikh yang sama, membeli opsyen panggilan lebih daripada 15,435,000 saham biasa dan berbayar pada nilai setara Dong Vietnam ("VND") 10,000 setiap satu dalam KEVS ("Opsyen Panggilan"), dianggarkan 51.45% daripada piagam modal KEVS ("Saham Opsyen") dari pengasas pemegang saham tempatan KEVS dengan pertimbangan bayaran tunai sebanyak VND308.7 bilion (atau anggaran RM45.38 juta berdasarkan kadar pertukaran semasa RM1: VND6,803 pada 10 Mei 2012).

MKEH kini memiliki kira-kira 48.55% daripada modal piagam KEVS. Aktiviti-aktiviti utama KEVS adalah untuk menyediakan perkhidmatan pembrokeran sekuriti, aktiviti perdagangan proprietari, perundingan pelaburan, pengurusan portfolio pelaburan, aktiviti menaja jamin dan aktiviti depositori sekuriti.

Opsyen Panggilan dan perjanjian lain yang berkaitan memberi MKEH antara lain, kawalan ke atas kesemua saham undian KEVS, sekali gus menjadikan KEVS syarikat subsidiari tidak langsung Maybank. Opsyen Panggilan bertujuan memudahkan pemerolehan Saham Opsyen apabila had pemilikan asing yang dikuatkuasakan dalam syarikat-syarikat sekuriti Vietnam, telah ditarik balik atau dihapuskan.

Dengan KEVS menjadi syarikat subsidiari tidak langsung Maybank, Maybank akan dapat mempercepatkan dan merealisasikan wawasannya untuk menjadi peneraju perkhidmatan kewangan serantau di Asia Tenggara dengan menggabungkan kehadiran perbankan komersial Maybank dengan perkembangan kegiatan pembrokeran saham MKEH dan kehadiran perbankan pelaburan di Vietnam.

Pengambilalihan Opsyen Panggilan dijangka tidak mempunyai apa-apa kesan yang ketara ke atas pegangan saham, pendapatan, aset bersih dan gearan Maybank untuk tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2012.

Kesan kewangan daripada pengambilalihan Opsyen Panggilan dinyatakan dalam Nota 17(a).

(i) Terbitan Nota Subordinat sebanyak RM2.1 bilion di bawah Program Nota Subordinat berjumlah RM7.0 bilion

Pada 10 Mei 2012, Maybank telah menerbitkan RM2.1 bilion Nota Subordinat yang bertempoh 12 tahun berdasarkan asas 12 tidak boleh panggil 7 ("Nota-nota Subordinat") di bawah Program Nota Subordinat berjumlah sehingga RM7.0 bilion pada nilai nominal.

Nota-nota Subordinat ditetapkan harganya pada 4.25% setahun dan layak sebagai modal Tahap 2 Maybank tertakluk kepada pematuhan syarat yang dikhususkan dalam garis panduan Rangka Kerja Kecukupan Modal Berwajaran Risiko dan Rangka Kerja Kecukupan Modal untuk Bank-bank Islam (Keperluan Am dan Komponen Modal) yang dikeluarkan oleh BNM.

Untung bersih daripada terbitan Nota Subordinat akan digunakan untuk membiayai modal kerja Maybank, perbankan am dan tujuan-tujuan korporat lain.

(j) Penjualan 12,249,999,986 saham biasa dibayar sepenuhnya di dalam AsianLife Financial Assurance Corporation ("ALFA"), yang mewakili kira-kira 70% daripada baki jumlah saham biasa ALFA ("Pelupusan").

Peminjaman sekuriti-sekuriti bank atau penggunaan sekuriti-sekuriti sebagai cagaran oleh bank-bank, termasuk pada ketika di mana terjadi hasil transaksi repo (iaitu transaksi pembelian balik/pembelian berbalik dan peminjaman/pinjaman sekuriti-sekuriti) dan komitmen untuk membeli balik sekuriti-sekuriti Islam di bawah Jual dan Beli-Balik	650,330	263,732	21,390
Kontrak pertukaran mata wang asing	167,946,656	6,918,110	2,750,638
Setahun atau kurang	86,733,931	1,848,562	505,478
Lebih setahun hingga lima tahun	63,050,929	3,019,275	1,354,451
Lebih lima tahun	18,161,796	2,050,273	890,709
Kontrak-kontrak kadar faedah/keuntungan	36,201,906	2,113,314	6,189,754
Setahun atau kurang	24,065,323	513,495	2,057,781
Lebih setahun hingga lima tahun	11,863,349	1,589,845	4,129,687
Lebih lima tahun	273,234	9,974	2,286
Kontrak-kontrak berkaitan ekuiti	–	–	–
Setahun atau kurang	–	–	–
Lebih setahun hingga lima tahun	–	–	–
Lebih lima tahun	–	–	–
Urus niaga derivatif OTC dan kontrak derivatif kredit tertakluk kepada perjanjian penyelesaian bersih dua hala yang sah	–	–	–
Komitmen lain, seperti kemudahan gantian formal dan barisan kredit, dengan tempoh matang asal lebih setahun	30,916,957	17,858,307	7,406,546
Komitmen lain, seperti kemudahan gantian formal dan barisan kredit, dengan tempoh matang asal sehingga setahun	20,229,080	13,300,347	8,313,711
Sebarang komitmen yang boleh dibatalkan tanpa syarat pada bila-bila masa oleh bank tanpa memberikan notis awal atau terbatal dengan sendirinya akibat kemerosotan keupayaan kredit peminjam	18,377,624	233,629	40,958
Kurang Penggunaan barisan kad kredit (bagi portfolio di bawah pendekatan Standard tertakluk kepada 20% CCF)	578,462	115,692	86,888
Jumlah	298,106,830	54,949,084	34,327,407

Jadual 36: Pendedahan Luar Penyata Kewangan dan Risiko Kredit Pihak Lain bagi Maybank (samb.)

Pada 31.12.2011 Jenis-jenis item	Jumlah Prinsipal/ Anggaran RM'000	Jumlah Bersamaan Kredit RM'000	RWA RM'000
Gantian Kredit Terus	7,619,448	7,082,175	4,867,669
Butiran Luar Jangkaan berkaitan urus niaga	11,084,310	4,944,380	3,558,588
Dagangan jangka pendek berkaitan dagangan lupus sendiri luar jangkaan	5,944,763	1,072,869	662,784
Aset dijual dengan pembayaran balik/rekursa			
Peminjaman sekuriti-sekuriti bank atau penggunaan sekuriti-sekuriti sebagai cagaran oleh bank-bank, termasuk pada ketika di mana terjadi hasil transaksi repo (iaitu transaksi pembelian balik/pembelian berbalik dan peminjaman/pinjaman sekuriti-sekuriti) dan komitmen untuk membeli balik sekuriti-sekuriti Islam di bawah Jual dan Beli-Balik	56	2	–
Kontrak pertukaran mata wang asing	84,574,565	1,713,308	632,405
Setahun atau kurang	83,474,494	1,607,984	536,592
Lebih setahun hingga lima tahun	738,934	61,824	52,846
Lebih lima tahun	361,137	43,500	42,967
Kontrak-kontrak kadar faedah/keuntungan	86,803,153	4,506,752	2,025,842
Setahun atau kurang	18,943,325	245,406	150,871
Lebih setahun hingga lima tahun	57,828,080	3,141,152	1,349,852
Lebih lima tahun	10,031,748	1,120,194	525,119
Kontrak-kontrak berkaitan ekuiti	–	–	–
Setahun atau kurang	–	–	–
Lebih setahun hingga lima tahun	–	–	–
Lebih lima tahun	–	–	–
Urus niaga derivatif OTC dan kontrak derivatif kredit tertakluk kepada perjanjian	–	–	–
Komitmen lain, seperti kemudahan gantian formal dan barisan kredit, dengan tempoh matang asal lebih setahun	32,156,793	10,537,197	4,483,043
Komitmen lain, seperti kemudahan gantian formal dan barisan kredit, dengan tempoh matang asal sehingga setahun	17,689,989	2,956,535	1,822,601
Sebarang komitmen yang boleh dibatalkan tanpa syarat pada bila-bila masa oleh bank tanpa memberikan notis awal atau terbatal dengan sendirinya akibat kemerosotan keupayaan kredit peminjam	36,251,715	–	–
Kurang Penggunaan barisan kad kredit (bagi portfolio di bawah pendekatan Standard tertakluk kepada 20% CCF)	489,110	97,822	73,043
Jumlah	282,613,902	32,911,040	18,125,975

Jadual 37: Pendedahan Luar Penyata Kewangan dan Risiko Kredit Pihak Lain bagi Maybank Islamic

Pada 31.12.2012 Jenis-jenis item	Jumlah Prinsipal/ Anggaran RM'000	Jumlah Bersamaan Kredit RM'000	RWA RM'000
Gantian Kredit Terus	**786,803**	**773,639**	**519,972**
Butiran Luar Jangkaan berkaitan urus niaga	**1,083,954**	**528,713**	**506,466**
Dagangan jangka pendek berkaitan dagangan lupus sendiri luar jangkaan	**127,152**	**25,222**	**16,097**
Aset dijual dengan pembayaran balik/rekursa	**–**	**–**	**–**
Kontrak pertukaran mata wang asing	**1,003,290**	**33,499**	**8,169**
Setahun atau kurang	**1,003,290**	**33,499**	**8,169**
Lebih setahun hingga lima tahun	**–**	**–**	**–**
Lebih lima tahun	**–**	**–**	**–**
Kontrak-kontrak kadar faedah/keuntungan	**4,559,103**	**198,593**	**145,288**
Setahun atau kurang	**600,000**	**568**	**153**
Lebih setahun hingga lima tahun	**3,959,103**	**198,025**	**145,135**
Lebih lima tahun	**–**	**–**	**–**
Komitmen lain, seperti kemudahan gantian formal dan barisan kredit, dengan tempoh matang asal lebih setahun	**4,773,179**	**3,414,552**	**958,692**
Komitmen lain, seperti kemudahan gantian formal dan barisan kredit, dengan tempoh matang asal sehingga setahun	**2,552,943**	**1,800,273**	**1,028,067**
Sebarang komitmen yang boleh dibatalkan tanpa syarat pada bila-bila masa oleh bank tanpa memberikan notis awal atau terbatal dengan sendirinya akibat kemerosotan keupayaan kredit peminjam	**1,905,325**	**37,403**	**22,807**
Jumlah	**16,791,749**	**6,811,894**	**3,205,558**

Jadual 37: Pendedahan Luar Penyata Kewangan dan Risiko Kredit Pihak Lain bagi Maybank Islamic (samb.)

Pada 31.12.2011 Jenis-jenis item	Jumlah Prinsipal/ Anggaran RM'000	Jumlah Bersamaan Kredit RM'000	RWA RM'000
Gantian Kredit Terus	353,389	353,389	218,717
Butiran Luar Jangkaan berkaitan urus niaga	977,179	488,589	420,439
Dagangan jangka pendek berkaitan dagangan lupus sendiri luar jangkaan	274,341	54,868	33,029
Aset dijual dengan pembayaran balik/rekursa	1,499,266	1,499,270	498,592
Kontrak pertukaran mata wang asing	1,530,998	43,997	29,678
Setahun atau kurang	1,530,998	43,997	29,678
Lebih setahun hingga lima tahun	–	–	–
Lebih lima tahun	–	–	–
Kontrak-kontrak kadar faedah/keuntungan	2,662,100	137,548	60,224
Setahun atau kurang	35,500	89	24
Lebih setahun hingga lima tahun	2,476,600	128,459	57,774
Lebih lima tahun	150,000	9,000	2,426
Komitmen lain, seperti kemudahan gantian formal dan barisan kredit, dengan tempoh matang asal lebih setahun	3,039,259	1,117,988	333,118
Komitmen lain, seperti kemudahan gantian formal dan barisan kredit, dengan tempoh matang asal sehingga setahun	1,837,885	367,560	216,612
Sebarang komitmen yang boleh dibatalkan tanpa syarat pada bila-bila masa oleh bank tanpa memberikan notis awal atau terbatal dengan sendirinya akibat kemerosotan keupayaan kredit peminjam	1,537,136	–	–
Jumlah	13,711,553	4,063,209	1,810,409

RISIKO PASARAN

PENGENALAN

Kumpulan mentakrifkan risiko pasaran sebagai kesan buruk yang menjejaskan pendapatan dan modal akibat kemeruapan kadar atau harga pasaran seperti kadar faedah, kadar tukaran asing, harga komoditi dan harga ekuiti. Bagi operasi perbankan Islam Kumpulan, risiko pasaran terdiri kadar pulangan dan risiko komersial yang tidak bertempat.

Kumpulan adalah terdedah kepada risiko pasaran melalui kegiatan urusniaga (trading) dan bukan urusniaga. Risiko kegiatan urus niaga pasaran timbul apabila memasuki pasaran, mengambil kedudukan dan mengurus niaga barangan, Bagi kegiatan bukan urusniaga. Kadar faedah atau kadar pulangan yang timbul terutamanya daripada aset runcit, komersial atau aset perbankan Islam, liabiliti, pelaburan kewangan tersedia untuk dijual dan pelaburan kewangan dipegang hingga matang.

Dalam mengurus risiko pasaran, Kumpulan dipandu oleh perkara berikut:

Binaan blok yang melengkung bertindak sebagai asas Pengurusan Risiko Pasaran Kumpulan. Ia mengandungi tiga (3) komponen utama: Prinsip Risiko Pasaran, Tadbir Urus & Penyeliaan Risiko dan amalan dan proses Pengurusan Risiko.

TADBIR URUS RISIKO PASARAN

Jawatankuasa Pengurusan Risiko ("RMC") meluluskan tahap penerimaan risiko pasaran Kumpulan untuk kegiatan urusniaga dan bukan urusniaga dengan mengambil kira strategi perniagaan, sasaran pulangan, pergerakan harga di pasaran serta produk dan perkhidmatan yang ada. RMC juga bertanggungjawab untuk meluluskan rangka kerja pengurusan risiko pasaran, dasar dan had yang disarankan oleh Jawatankuasa Risiko Eksekutif ("ERC") untuk keseluruhan tadbir urus dan pengurusan risiko pasaran.

Jawatankuasa Pengurusan Aset dan Liabiliti ("ALCO") dengan kuasa yang diberikan oleh RMC, bertanggungjawab memastikan dasar, had dan standard kawalan yang diluluskan untuk mengurus risiko pasaran dilaksanakan dengan berkesan. Selain itu, ALCO bertanggungjawab untuk memperbetulkan pelanggaran yang dibuat terhadap had risiko pasaran dan juga melaksanakan strategi sebagai sebahagian usaha mengoptimumkan Penyata Kewangan.

Pengurusan Risiko Pasaran (MRM) pula merupakan unit kawalan risiko bebas menyokong jawatankuasa pengurusan melalui penilaian bebas profil risiko pasaran Kumpulan. MRM juga bertanggungjawab memastikan pelaksanaan berkesan dasar pengurusan risiko pasaran, had dan kawalan untuk menyokong pertumbuhan perniagaan rangka kerja pengurusan dan memudah cara dalam membuat keputusan pulangan risiko dengan mengawasi dan melaporkan apa yang berlaku kepada pengurusan kanan, jawatankuasa pengurusan, lembaga pengarah dan pengawal selia dan juga menjalankan penilaian bebas model, berjaga-jaga/membuat jangkaan lebih awal kepada pihak pengurusan walaupun ujian tekanan.

RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO

Rangka kerja MRM menjadi asas untuk pengurusan risiko yang menyeluruh dan konsisten. Rangka kerja pengurusan risiko pasaran meliputi kegiatan pengurusan risiko utama seperti mengenal pasti, mengukur, memantau, mengawal dan melaporkan pendedahan risiko pasaran yang dibuat sebagai penanda aras berbanding amalan terbaik dan keperluan pengawal selia. Prinsip utama ditetapkan bagi risiko pasaran perdagangan dan bukan perdagangan untuk memudah cara Kumpulan mengurungkannya secara sistematik dan konsisten.

i Pengurusan Kegiatan Perdagangan

Risiko pasaran yang terdapat di seluruh portfolio dikenal pasti, diukur, diawasi dan dikawal menggunakan pelbagai teknik pengukuran terdiri daripada kuantitatif dan kualitatif.

Di antara pelbagai peralatan yang digunakan untuk mengukur dan mengawal pendedahan risiko pasaran, satu daripada prinsipal untuk mengukur risiko pasaran urus niaga digunakan oleh Kumpulan ialah Nilai-pada-Risiko ("VAR"). VaR mengukur potensi kerugian nilai akibat daripada pergerakan pasaran untuk satu tempoh yang khusus dalam satu kebarangkalian ditentukan kejadian di bawah situasi-situasi kerja biasa. Untuk memastikan perkaitan dan ketepatan pengiraan VaR, VaR kembali diuji pada asas harian dan tertakluk kepada pengesahan bebas secara berkala.

Selain itu, Kumpulan juga menggunakan pengukur risiko lain seperti sensitiviti kadar faedah, misalnya pendedahan kepada kenaikan satu mata asas dalam hasil ("PVO1), had kedudukan terbuka bersih untuk menguruskan pendedahan kepada mata wang asing dan had Greek untuk mengawal risiko opsyen. Langkah-langkah ini menyediakan maklumat kasar tentang pendedahan risiko pasaran Kumpulan dan digunakan untuk tujuan mengawal dan mengawasi.

Ukuran utama risiko pasaran tidak diniagakan termasuk had kedudukan terbuka bersih dalam mengurus pendedahan mata wang asing termasuk analisis jurang penetapan semula harga, sensitiviti – PV01, Pendapatan-pada-Risiko ("EaR"), Nilai Ekonomi-pada-Risiko ("EVaR") dan simulasi dinamik dalam menguruskan kadar faedah/ kadar risiko pulangan dalam buku Bukan Urus niaga.

Kumpulan juga mengendalikan ujian tekanan secara kerap dalam buku urus niaga dan bukan urus niaga untuk menilai kesan peristiwa yang memberikan tekanan kepada pendapatan dan nilai ekonomi Kumpulan.

Mekanisme pengawasan yang mempunyai kekerapan pengawasan yang jelas diwujudkan unruk memastikan kegiatan urus niaga dan bukan urus niaga dikendalikan secara konsisten dengan amalan perniagaan yang baik dan mematuhi garis panduan dalaman Kumpulan, mengikut undang-undang dan keperluan kawal selia.

ii Pengurusan Kadar Faedah/Kadar Pulangan Risiko Dalam Buku Perbankan ("IRR/RoR")

Salah satu daripada risiko teras pasaran yang tidak diniagakan Kumpulan adalah risiko kadar faedah ("IRR") (atau kadar risiko pulangan ("RoR") dalam kes kegiatan Perbankan Islam).

IRR/RoR muncul daripada perubahan kadar faedah pasaran yang memberikan kesan buruk kepada kedudukan kewangan Kumpulan dari segi nilai ekonomi atau pendapatan berdasarkan profil risiko penyata kewangan.

Kumpulan memberi penekanan terhadap kepentingan pengurusan IRR/RoR dalam buku perbankan memandangkan kebanyakan perkara di dalam penyata kewangan Kumpulan menghasilkan pendapatan kadar faedah dan perbelanjaan kadar faedah yang diindeks kepada kadar faedah. Penggunaan IRR adalah perkara biasa dalam perbankan dan boleh menjadi sumber penting keuntungan dan nilai pemegang saham. Bagaimanapun, lebihan IRR boleh mengancam pendapatan, modal, kecairan dan kemampuan bayar Bank.

IRR/RoR mempunyai banyak komponen/sumber termasuk penentuan semula harga, kelok hasil, pilihan dan harga risiko. Kumpulan menilai dan mengukur pendedahan menggunakan kombinasi alat analisis statik dan teknik simulasi dinamik.

Inisiatif analisis statik termasuk jurang penentuan semula harga dan analisis sensitiviti yang juga memberikan petunjuk potensi impak kemeruapan pendapatan serta sensitiviti nilai ekonomi Kumpulan.

Bagi teknik simulasi dinamik, impak pendapatan dan ekonomi turut diΔnilai. Dalam simulasi pendapatan, sensitiviti unjuran pendapatan faedah bersih/pendapatan asas dana bersih di bawah pelbagai senario kadar faedah daripada pro-forma penyata kewangan bank melalui proses simulasi. Analisis turut merangkumi andaian perniagaan dan perilaku diadakan berdasarkan kaedah statistik dan bukan statistik.

Dalam pandangan lebih menyeluruh tentang potensi kesan jangka panjang, simulasi sensitiviti Nilai Ekonomi digunakan untuk menganggarkan kesannya dengan mengira nilai semasa atau `berdasarkan kes' kesemua aset, liabiliti dan kedudukan di luar penyata kewangan pada masa tertentu. Model mengunjurkan amaun dan tempoh masa aliran tunai masa depan (prinsipal dan aliran tunai faedah) kesemua instrumen berkadar sensitif, contohnya aset, liabiliti dan kadar faedah berkaitan di luar penyata kewangan di bawah senario kadar faedah berdasarkan kes. Diskaun diberikan aliran tunai ini mengikut faktor yang bersesuaian untuk mendapatkan nilai semasa bersih. Perubahan nilai ekonomi dijumlahkan dan diperhatikan di bawah senario kadar faedah yang berbeza.

Bentuk pengurusan dan kawalan lain IRR/RoR bagi buku Bukan Urus niaga adalah memindahkan risiko kepada unit pembiayaan yang ditetapkan dengan pengawasan ALCO. Unit pembiayaan ditetapkan ALCO untuk pengurusan risiko penyata kewangan yang efektif mengikut dasar pengurusan risiko yang diluluskan.

Jadual 38 (a) - (c) menunjukkan kesan perubahan dalam IRR/RoR kepada pendapatan dan nilai ekonomi Kumpulan, Bank dan MIB.

Jadual 38(a): Risiko Kadar Faedah dalam Buku Perbankan Kumpulan Maybank

Matawang	Pada 31.12.2012		Pada 31.12.2011	
	Impak Terhadap Kedudukan Global Rejatan selari +200 mata asas		Impak Terhadap Kedudukan Global Rejatan selari +200 mata asas	
	Potensi Kepincangan Pendapatan (PEV) RM'000	Kesan Asas Nilai Ekonomi (IEV) RM'000	Potensi Kepincangan Pendapatan (PEV) RM'000	Kesan Asas Nilai Ekonomi (IEV) RM'000
RM	**529,164**	**2,026,318**	60,682	2,520,569
AS$	**38,537**	**52,228**	123,504	(9,703)
SGD	**89,806**	**531,994**	143,795	242,157
IDR	**49,736**	**(106,493)**	23,072	(7,269)
Lain-lain*	**(145,841)**	**180,587**	(99,624)	93,568
Jumlah	**561,402**	**2,684,634**	251,429	2,839,322

Jadual 38(b): Risiko Kadar Faedah dalam Buku Perbankan Maybank

Matawang	Pada 31.12.2012		Pada 31.12.2011	
	Impak Terhadap Kedudukan Global Rejatan selari +200 mata asas		Impak Terhadap Kedudukan Global Rejatan selari +200 mata asas	
	Potensi Kepincangan Pendapatan (PEV) RM'000	Kesan Asas Nilai Ekonomi (IEV) RM'000	Potensi Kepincangan Pendapatan (PEV) RM'000	Kesan Asas Nilai Ekonomi (IEV) RM'000
RM	**651,728**	**1,216,637**	510,138	800,759
AS$	**(25,600)**	**77,973**	(63,570)	271,776
SGD	**89,806**	**531,994**	213,248	(88,281)
Lain-lain*	**(148,789)**	**181,243**	(99,180)	145,929
Jumlah	**567,145**	**2,007,847**	560,636	1,130,183

Jadual 38(c): Risiko Kadar Faedah dalam Buku Perbankan Maybank Islamic

Matawang	Pada 31.12.2012		Pada 31.12.2011	
	Impak Terhadap Kedudukan Global Rejatan selari +200 mata asas		Impak Terhadap Kedudukan Global Rejatan selari +200 mata asas	
	Potensi Kepincangan Pendapatan (PEV) RM'000	Kesan Asas Nilai Ekonomi (IEV) RM'000	Potensi Kepincangan Pendapatan (PEV) RM'000	Kesan Asas Nilai Ekonomi (IEV) RM'000
Jumlah	(122,564)	809,645	(193,310)	892,019

iii. Pengurusan Risiko Pertukaran Asing

Risiko pertukaran asing ("FX") yang hasil daripada pergerakan dalam mata wang disebabkan aktiviti operasi perniagaan, aktiviti perdagangan dan pendedahan tukaran asing berstruktur daripada pelaburan asing dan aktiviti pengurusan modal. Secara amnya, Kumpulan terdedah kepada tiga jenis risiko tukaran asing seperti risiko terjemahan, risiko transaksi dan risiko ekonomi yang mana diurus sejajar dengan dasar risiko pasaran dan had.

Risiko terjemahan pertukaran asing dikurangkan apabila aset dibiayai menggunakan matawang yang sama. Selain itu, pendapatan daripada operasi seberang laut dihantar balik sejajar dengan arahan Jawatankuasa Pengurusan apabila terdapat keperluan.

Bank mengawal pendedahan FX dengan melakukan urus niaga dalam matawang yang dibenarkan. Ia mempunyai FX NOP dalaman untuk mengukur, mengawal dan mengawasi risiko FX dan melaksanakan strategi Lindung Nilai FX untuk mengurangkan pendedahan FX. Ujian Tekanan dikendalikan secara berkala untuk memastikan modal yang mencukupi untuk menampan risiko FX.

PENDEDAHAN EKUITI DALAM BUKU PERBANKAN

Matlamat Pendedahan Ekuiti adalah menentukan bentuk dan tahap pendedahan Kumpulan kepada risiko pelaburan yang timbul daripada kedudukan ekuiti dan instrumen yang dipegang dalam buku perbankan.

i Diniagakan Secara Awam

Pegangan pelaburan ekuiti terdiri daripada saham-saham yang disebut harga diniagakan secara aktif dalam pasaran saham. Kesemua pendedahan ekuiti yang diniagakan secara awamnya dinyatakan pada harga saksama.

ii Dipegang Secara Persendirian

Ekuiti yang dipegang secara persendirian adalah pelaburan yang tidak disebut harga yang mana harga adil tidak boleh diukur secara tepat kerana bawaan kos ditolak kerugian susut nilai, jika ada.

Kumpulan memegang pelaburan dalam sekuriti ekuiti dengan tujuan mendapatkan kelebihan strategik serta kenaikan modal apabila dijual.

Risiko Ekuiti merupakan risiko penyusutan dalam pelaburan tertentu berpunca daripada pergerakan tidak menggalakkan dalam pasaran saham yang dinamik atau faktor spesifik yang lain.

LAYANAN MODAL BAGI RISIKO PASARAN

Pada peringkat kewangan Kumpulan dan Global disatukan, Maybank juga mengambil kira keperluan modal minimum berbanding risiko pasaran dalam portfolio urus niaga bagi setiap RWCAF BNM di bawah Pendekatan Standard. Keperluan modal itu penting kerana berperanan sebagai penampan kewangan kepada sebarang risiko pergerakan pasaran yang menjejaskan. Risiko kadar faedah, risiko mata wang asing, dan risiko opsyen merupakan faktor risiko utama yang berlaku dalam kegiatan urusniaga (Trading) dan bukan urus niaga (Non Trading) Kumpulan. Faktor risiko lain seperti komoditi dan ekuiti secara amnya adalah berkaitan kepada produk berstruktur yang diniagakan secara berturutan.

Jadual 39 menunjukkan Risiko Pasaran RWA dan Modal Minimum Kumpulan, Bank dan MIB.

Jadual 39: Risiko Pasaran RWA dan Caj Modal Minimum pada 8% (RM'000)

Pada 31.12.2012 Kategori Risiko Pasaran	Kumpulan Maybank		Maybank	
	RWA	Modal	RWA	Modal
Risiko Kadar Faedah	4,016,931	328,554	3,345,023	267,602
Risiko Kadar Tukaran Asing	4,199,619	335,969	2,443,975	195,518
Risiko Ekuiti	173,850	13,908	–	–
Risiko Komoditi	2,525	202	–	–
Risiko Opsyen	430,925	34,474	411,950	32,956

Pada 31.12.2012 Kategori Risiko Pasaran	Maybank Islamic	
	RWA	Modal
Risiko Kadar Penanda Aras	126,090	10,087
Risiko Mata Wang Asing	621,816	49,745
Risiko Ekuiti	–	–
Risiko Opsyen	–	–

PENGURUSAN RISIKO KECAIRAN

Kecairan ditakrifkan sebagai kemampuan bank membiayai peningkatan aset dan memenuhi obligasi apabila tiba masanya tanpa mengalami kerugian yang tidak boleh ditanggung.

Secara amnya, terdapat dua jenis risiko kecairan iaitu risiko kecairan pembiayaan dan risiko kecairan pasaran. Risiko kecairan pembiayaan merupakan risiko di mana firma tidak dapat memenuhi keperluan aliran tunai semasa dan masa hadapan sama ada yang dijangkakan ataupun sebaliknya tanpa menjejaskan operasi harian atau keadaan kewangan firma tersebut. Risiko kecairan pasaran adalah risiko di mana firma tidak mudah mengimbangi atau menghapuskan kedudukan pada harga pasaran kerana kedalaman pasaran yang tidak mencukupi atau gangguan pasaran.

Sumber utama bagi pembiayaan termasuk deposit pelanggan, deposit antara bank, sekuriti hutang, pasaran swap, pinjaman bank bersindiket dan dana jangka sederhana. Kumpulan juga mengambil inisiatif dan melaksanakan program strategik untuk mendapatkan dana serta mewujudkan barisan dana tambahan dengan pihak luar sekiranya perlu. Sumber-sumber kecairan juga kerap disemak bagi mengekalkan kepelbagaian yang luas berdasarkan mata wang, pembekal, produk dan syarat-syarat.

Daripada segi pengurusan kecairan harian, operasi perbendaharaan memastikan kecukupan dana bagi memenuhi pembayaran antara hari dan tanggungjawab penjelasan mengikut masa. Dasar kami adalah mengurus dan mengekalkan yang berikut:

- mengekalkan satu jumlah yang mencukupi sebagai penampan kecairan mantap yang menjadi perlindungan terhadap sebarang gangguan yang tidak dijangka kepada aliran tunai;
- Mengurus kecairan jangka pendek dan panjang melalui laporan kematangan tidak sepadan dan pelbagai petunjuk lain;
- Mengawasi tumpuan pendeposit di peringkat Kumpulan dan Bank bagi mengelakkan kebergantungan yang tidak perlu terhadap pendeposit besar;
- Mengurus pendedahan kecairan oleh matawang domestik dan matawang asing yang utama;
- Mempelbagaikan sumber pembiayaan bagi memastikan campuran pembiayaan yang betul;
- Mengadakan ujian tekanan kecairan di bawah pelbagai senario sebagai sebahagian kawalan kecairan berhemah;
- Mengekalkan pelan pembiayaan kontingensi ("CFP") yang lasak dan diuji secara kerap untuk memastikan keberkesanannya; dan
- Menjalankan pengujian CFP bagi memeriksa keberkesanan dan kelasakan pelan berkenaan.

RISIKO PASARAN

Krisis kewangan dunia sebelum ini telah mengakibatkan perubahan ketara dalam peraturan dan penyeliaan risiko kecairan dalam institusi kewangan. Berikutan daripada keperluan pengurusan risiko kecairan Basel III, dua nisbah telah dicadangkan bagi mengurus risiko kecairan iaitu Nisbah Lindungan Kecairan (LCR) dan Nisbah Pembiayaan Stabil Bersih (NSFR). Langkah-langkah ini, masing-masing akan diperkenalkan mulai 1 Januari 2015 dan 1 Januari 2018.

Tempoh pemerhatian rasmi bermula 1 Januari 2012, nisbah-nisbah awal telah pun dikira dan dibentangkan kepada ALCO dan RMC setiap bulan. Maklumat berkenaan telah dilaporkan secara rasmi kepada BNM berkuat kuasa sejak bulan Jun 2012 seperti mana garis panduan baru-baru ini yang bertajuk "Pelaksanaan Basel III" yang diterbitkan oleh BNM pada 16 Disember 2011.

i Rangka Kerja Pengurusan Risiko Kecairan dan Dasar

Pengurusan risiko kecairan merupakan pendekatan yang meliputi piawaian, prosedur dan rangka kerja untuk pengurusan kewajipan kecairan Kumpulan Maybank dan dapat bertahan untuk suatu tempoh tekanan yang mempengaruhi pembiayaan Kumpulan bercagar dan juga sebaliknya.

Kumpulan menggunakan Rangka Kerja Kecairan BNM dan amalan-amalan utama sebagai asas untuk mengurus dan mengukur pendedahan risiko dan juga menggunakan serangkaian alat untuk mengawasi dan mengehadkan pendedahan risiko kecairan seperti jurang kecairan, isyarat amaran awal, petunjuk kecairan dan ujian tekanan. Kedudukan kecairan Kumpulan dipantau mengikut aturan terhadap polisi-polisi, prosedur dan had yang sedia ada.

ii. Tadbir Urus Risiko Kecairan dan Kesilapan Pengurusan

Dasar-dasar dan Rangka Kerja LRM Kumpulan Maybank dikaji setiap tahun dan apabila terdapat keperluan, dengan mengambil kira perubahan dalam operasi, objektif dan keperluan pengawal selia untuk memastikannya sejajar dengan amalan terkemuka. Sebelum dilaksanakan, rangka kerja dan dasar itu tertakluk kepada ERC dan kelulusan RMC.

iii. Pengukuran Risiko Kecairan & Kawalan

Pengukuran mudah tunai atau kecairan membolehkan Kumpulan mengetahui kedudukan risikonya sebelum membuat keputusan operasi dan perniagaan. Untuk mengenal pasti dan menjumlahkan sumber utama risiko kecairan, peralatan pengurusan kecairan digunakan berasaskan dua perspektif berikut:

iv. Had risiko kecairan

Kumpulan menggunakan had-had untuk mengawal pendedahan risiko kecairannya dan kelemahan, yang ditetapkan berdasarkan aktiviti perniagaan bertujuan mengawasi mekanisme-mekanisme pengawasan dengan berkesan. Ini disasarkan untuk memudahkan pelaksanaan secara berkesan dasar kecairan dan memastikan pematuhan terhadap keperluan-keperluan undang-undang. Terdapat dua jenis had, iaitu pematuhan kawal selia dan syarat-syarat dalaman. Kumpulan mempunyai had risiko 3 peringkat berdasarkan seteruk mana keadaannya seperti yang digambarkan dalam jadual berikut:

Paras Had	Keterukan	Had	Keterangan
Peringkat 1	Risiko maksimum & tahap tindakan pembetulan	Ambang Dalaman Had Pematuhan Kawal Selia	Aras maksimum toleransi risiko dibenarkan untuk memenuhi keperluan kawal selia dan petunjuk kumpulan. Pelanggaran had memerlukan tindakan serta-merta untuk mengurangkan atau menentukan semula pendedahan risiko kecairan.
Peringkat 2	Tahap campur tangan	Penunjuk Dalaman/ Penanda aras (Soft Limits)	Had ditubuhkan untuk menangani pengecualian di dalaman penanda aras. Pengecualian memerlukan tindakan risikan dan peningkatan menangani kebimbangan-kebimbangan melalui rancangan tindakan.
Peringkat 3	Tahap campur tangan	Isyarat amaran awal	Had mudah (Soft limit) yang merupakan isyarat amaran awal diwujudkan untuk memantau pergerakan-pergerakan luar biasa beberapa penunjuk-penunjuk utama yang mungkin menyebabkan kecemasan terhadap kecairan. Pengecualian memerlukan tindakan siasatan segera dan peningkatan kepada pengurusan.

v. Pengurusan Penampan Kecairan

Memiliki aset kecairan penting apabila Kumpulan perlu meningkatkan kecairan dalam jangka masa pendek semasa tempoh tertekan dan apabila sumber pembiayaan biasa tiada. Oleh itu, Kumpulan secara berterusan harus mengekalkan ketersediaan aset kecairan yang berkualiti tinggi yang boleh dijual dengan mudah atau disandarkan untuk meningkatkan kecairan.

vi Ujian Tekanan dan Pelan Pembiayaan Luar Jangkaan

Kumpulan menggunakan ujian tekanan dan analisis senario untuk menilai kesan tekanan peristiwa yang berlaku secara mengejut melibatkan kedudukan kecairan. Senario adalah berdasarkan peristiwa-peristiwa hipotetikal termasuk krisis tertentu bank dan senario-senario krisis pasaran umum.

Hasil ujian tekanan memberikan pengertian tentang keperluan pembiayaan Bank dalam tahap persekitaran tekanan yang berbeza dan berkait rapat dengan CFP Kumpulan yang menyediakan pendekatan secara sistematik dalam mengendalikan sebarang gangguan kecairan yang tidak dijangkakan.

Pelan CFP merangkumi strategi, pihak berkuasa yang membuat keputusan, komunikasi luaran dan dalaman dan bentuk tindakan yang akan diambil di bawah senario krisis kecairan yang berbeza. Pengujian dibuat secara tetap atau kerap untuk memastikan keberkesanan dan kepesatan rancangan itu.

vii Pengawasan dan Pelaporan

Proses pelaporan risiko ditadbir melalui pelaporan berjadual dan pelaporan pengecualian serta mengandungi komponen berikut:

Komponen Pelaporan

Selain itu, Kumpulan juga menggunakan Petunjuk Risiko Utama ("KRI") yang menyediakan isyarat amaran awal keadaan risiko kecairan. Sehubungan itu, Kumpulan juga mengadakan tiga kod pengelasan KRI untuk mengukur paras risiko adalah seperti berikut:

HIJAU	Menandakan arah aliran yang baik iaitu kurang membahayakan, di mana KRIs adalah dalam had risiko.
AMBAR	Menandakan satu aliran buruk tetapi dalam tahap-tahap yang boleh diterima, di mana KRIs dalam julat boleh ditanggung tetapi mendekati had risiko.
MERAH	Menandakan tahap kemungkinan risiko berbahaya risiko, di mana KRIs telah melebihi had risiko yang boleh diterima.

RISIKO OPERASI

Risiko operasi ditakrifkan sebagai risiko kerugian berpunca daripada ketidakcukupan atau kegagalan proses dalaman, manusia dan sistem yang tidak mencukupi atau gagal atau akibat perkara luaran. Definisi ini termasuk risiko perundangan tetapi tidak termasuk risiko strategik dan reputasi.

PENGURUSAN RISIKO OPERASI

Unit Pengurusan Risiko Operasi (ORM) bertanggungjawab dalam merumuskan dan melaksana rangka kerja risiko operasi di dalam Kumpulan yang mencakupi strategi pengurusan risiko operasi dan struktur tadbir urus. Fungsi utama lain adalah pembangunan dan pelaksanaan alat-alat pengurusan risiko operasi dan metodologi untuk mengenal pasti, mengukur dan mengawal risiko operasi.

Unit pengambilan risiko (Sektor Sokongan Perniagaan) merupakan bahagian penting rangka kerja pengurusan risiko operasi terhadap pengurusan harian risiko operasi. Unit-unit ini bertanggungjawab mewujudkan dan mengekalkan manual operasi masing-masing dan memastikan kegiatan yang diambil mematuhi rangka kerja pengurusan risiko operasi Kumpulan.

Pegawai-pegawai Risiko Operasi ("ORO") telah dilantik dalam pelbagai Unit Perniagaan Strategik ("SBU") Kumpulan Maybank dan bertanggungjawab untuk melaksanakan dan mengendalikan alat-alat dan juga proses pengurusan risiko operasi. Mereka juga bertanggungjawab menyiasat kerugian operasi, mengawasi dan menganalisis aliran risiko serta mengatur latihan kakitangan berkaitan amalan-amalan dan tadbir urus pengurusan risiko operasi.

RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO OPERASI

Rangka kerja pengurusan risiko operasi Kumpulan Maybank menumpukan pada empat faktor-faktor kasual risiko operasi, iaitu orang, proses, sistem dan peristiwa luar. Ia menyediakan rangka kerja yang telus dan formal yang sejajar dengan objektif perniagaan yang mana Lembaga Pengarah, pasukan pengurusan, kakitangan dan kontraktor dapat melaksanakan pengurusan risiko operasi mereka.

METODOLOGI DAN ALAT-ALAT PENGURUSAN RISIKO OPERASI

Pelbagai metodologi dan inisiatif telah dilaksanakan secara berkesan untuk mengenal pasti, menilai, mengukur dan melaporkan pendedahan risiko operasi secara tepat pada masanya, sekali gus bertindak memudahkan usaha membuat keputusan dan meningkatkan proses pengurusan risiko operasi.

Mengenalpasti dan Penilaian Risiko Operasi

- Mengenalpasti risiko merupakan pengecaman terhadap senario risiko operasi yang mungkin membawa kepada kerugian operasi. Contohnya, di bawah program kelulusan produk Kumpulan Maybank, semua risiko terkandung dalam produk/perkhidmatan yang baru/dipertingkatkan dikenal pasti sebelum pelancarannya dengan langkah pengurangan risiko siap disediakan.

- Profil risiko dan penilaian sendiri juga dilakukan sebagai sebahagian proses pengurusan risiko operasi.

Amalan di atas membolehkan unit pengambilan risiko mengenal pasti risiko operasi yang terkandung secara spesifik dalam persekitaran dan membantu mereka menilai keberkesanan kawalan yang ada.

Pengukuran dan Pengawasan Risiko Operasi

Kaedah dan alat utama yang digunakan untuk mengukur dan mengawasi risiko operasi adalah seperti berikut:

- **Risiko dan Kawalan Penilaian Kendiri ("RCSA")**

  RCSA adalah proses penilaian berterusan dan kawalan terhadap risiko operasi yang ada untuk mengenal pasti jurang kawalan dan pelan tindakan dibangunkan untuk merapatkannya. Ia adalah alat profil risiko yang memudahkan pengurusan risiko operasi Kumpulan Maybank secara berkesan.

  SBU melaksanakan amalan RCSA dengan menumpukan kajian semula proses perniagaan untuk meningkatkan operasi kritikal dan kawalan terutamanya yang dinilai sebagai "Awas" dan "Berhati-hati."

  Amalan dilakukan untuk mengumpul profil risiko di peringkat SBU bertujuan mewujudkan Profil Risiko Kumpulan Maybank setiap setengah tahun. Profil Risiko yang disatukan akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko Operasi Kumpulan dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko.

- **Petunjuk Risiko Utama ("KRI")**

  KRI diterap di dalam proses kritikal bagi menyediakan amaran awal tentang peningkatan risiko dan/atau kegagalan kawalan dengan menunjukkan kekerapan berlaku peristiwa tertentu sebagai satu mekanisme pengawasan penilaian risiko yang berterusan.

  SBU mengawasi pendedahan risiko mereka melalui KRI dan dikehendaki memajukan pelan tindakan khusus dan konkrit untuk petunjuk-petunjuk yang jatuh di bawah "Awas" dan "Berhati-hati". ORM membantu SBU untuk membangunkan dan mengesahkan KRI bertujuan memastikan paras ambang yang bersesuaian disediakan.

  KRI dijejaki di peringkat Kumpulan, Perniagaan dan Operasi. Sumber utama KRI adalah daripada proses berkala RCSA, Pengumpulan Insiden Pengurusan dan Data (IMDC) pengalaman SBU, penemuan audit dalaman dan luaran dan penemuan pemeriksaan oleh BNM.

- **Pengumpulan Insiden Pengurusan Dan Data ("IMDC")**

  IMDC menyediakan platform proses yang berstruktur dan sistematik bagi SBU mengenal pasti dan menumpukan perhatian kepada 'hotspot' operasi. Ini akan memudahkan pembentukan pangkalan data berpusat yang konsisten dan seragam di mana maklumat insiden risiko operasi adalah tersedia untuk dianalisis kesilapan operasinya supaya dapat dikurangkan kerugian operasi masa depan.

PENGURANGAN DAN PENGAWALAN RISIKO OPERASI

Inisiatif pengurangan risiko dan tekniknya digunakan untuk meminimumkan risiko ke tahap yang boleh diterima dan tertumpu kepada:

- Meneruskan semula perniagaan pada kadar segera seandainya berlaku malapetaka dan
- Mengurangkan impak terhadap perniagaan sekiranya ia berlaku.

Inisiatif kawalan dan teknik untuk mengurangkan risiko operasi adalah seperti berikut:

- **Pengurusan Kesinambungan Perniagaan ("BCM")**

  Sub-sektor BCM bertanggungjawab merumuskan dan melaksanakan sebuah rangka kerja BCM yang menggariskan satu pendekatan yang komprehensif dan bersepadu untuk memastikan kesinambungan perniagaan dan mengurangkan gangguan-gangguan kepada operasi perniagaan kritikal Kumpulan Maybank dan keselamatan kakitangan sekiranya berlaku gangguan dan bencana. Rangka kerja BCM adalah berdasarkan garis panduan BCM Bank Negara Malaysia dan amalan-amalan BCM utama di peringkat antarabangsa.

Rangka kerja BCM meliputi empat komponen utama:

Komponen Rangka Kerja BCM

Sejajar dengan keperluan rangka kerja BCM, Pelan Kesinambungan Perniagaan (BCP) telah dibangunkan untuk kesemua sektor kritikal termasuk di syarikat subsidiari dan cawangan seberang laut. Dokumen dan amalan-amalan BCP disemak setahun sekali. Lembaga Pengarah Kumpulan Maybank juga memperakui kesediaan Prestasi BCM Kumpulan Maybank bagi tahun kewangan 2012 dan Persedia BCM bagi tahun kewangan 2013.

Pada tahun 2012, Kumpulan Maybank berjaya melaksanakan Latihan Simulasi Krisis Perusahaan ("ECSE") melibatkan fungsi perniagaan kritikal di Menara Maybank dan Dataran Maybank. Latihan itu menggambarkan tahap kesediaan dalam Kumpulan Maybank untuk mendepani sebarang kemungkinan.

Dengan memiliki program BCM yang bersesuaian, kami dapat memberikan maklum balas secara berkesan dan berstruktur seandainya berlaku malapetaka, sekali gus memastikan kesinambungan perniagaan Kumpulan.

- **Penyumberan Luar**

  Penyumberan luar merupakan teknik yang digunakan oleh Kumpulan Maybank terutamanya bagi tujuan mengurangkan perbelanjaan tetap dan/atau semasa serta bertujuan memberikan tumpuan kepada perniagaan teras Kumpulan dengan matlamat menambah kecekapan operasi.

  Bagi pengurusan risiko operasi yang berkesan, Dasar Penyumberan Luar Kumpulan digubal selaras dengan keperluan pengawal selia tempatan dan amalan antarabangsa. Semua perkhidmatan penyumberan luar adalah tertakluk kepada kajian berhemat dan kajian risiko.

  Kajian yang berterusan, pengawasan dan pelaporan kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko Operasi Kumpulan dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kumpulan dilaksanakan untuk memastikan integriti dan mutu perkhidmatan oleh pihak yang menyediakan perkhidmatan itu tidak diambil ringan.

- **Pengurusan Anti Penipuan**

  Kumpulan menyasarkan semua risiko yang muncul daripada penipuan dikurangkan ke paras serendah mungkin dan membangunkan pendekatan pengurusan penipuan yang berkesan untuk menangani insiden-insiden berkenaan dengan tepat pada masanya dan secara sistematik.

  Kumpulan telah menubuhkan Dasar Anti Penipuan yang menyediakan program anti penipuan bersepadu dan juga kawalan untuk keseluruhan operasinya. Ia mempunyai prinsip, strategi dan dasar menyeluruh untuk dilaksanakan oleh Kumpulan dalam menangani penipuan bagi mempromosi integriti di tahap tertinggi. Ia juga mengetengahkan tugas dan tanggungjawab pada setiap peringkat untuk mencegah dan memberikan maklum balas terhadap penipuan.

LAYANAN BAGI RISIKO OPERASI CAJ MODAL

Risiko Operasi Caj Modal dikira menggunakan Pendekatan Petunjuk Asas ("BIA") bagi setiap Rangka Kerja Kecukupan Modal Berwajaran Risiko BNM.

Kumpulan Maybank berhasrat menggunakan Pendekatan Standard (TSA) bagi pengiraan Risiko Operasi Caj Modal tetapi penggunaannya tertakluk kepada kelulusan BNM.

Bagi tujuan ini, Kumpulan telah melakar aktiviti-aktiviti perniagaannya kepada lapan barisan perniagaan seperti mana ditetapkan oleh Basel II dan Rangka Kerja Kecukupan Modal Berwajaran Risiko BNM.

Kumpulan juga mengautomasikan proses pengiraan caj model risiko operasi untuk memberikan angka-angka tepat dan boleh dipercayai di seluruh Kumpulan Maybank di bawah BIA dan TSA.

TADBIR URUS SYARIAH

RANGKA KERJA TADBIR URUS SYARIAH ("SGF")

Prinsip-prinsip Syariah adalah amalan asas dalam kewangan Islam melalui pematuhan ajaran, keadaan dan prinsip ditetapkan oleh Syariah menjadi ketetapan oleh BNM dan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti ("SAC") dan Jawatankuasa Syariah. Pematuhan komprehensif dengan Prinsip Syariah akan memastikan keyakinan pemegang saham dalam Islam kegiatan dan operasi perniagaan institusi kewangan.

Menurut keperluan kawal selia BNM, Kumpulan Maybank telah mengadakan Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah ("SAF") untuk memastikan pengawasan yang efektif dan berkesan oleh Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Syariah, Pengurusan dan Unit Perniagaan terhadap kegiatan perniagaan dan operasi dijalankan oleh perniagaan-perniagaan perbankan Islam Kumpulan.

PELAKSANAAN RANGKA KERJA TADBIR URUS SYARIAH

Pelaksanaan SGF melalui pendekatan berikut:

- Pengawasan yang menyeluruh, kebertanggungjawaban dan tanggungjawab Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Syariah; dan
- Pengawasan, panduan dan pemerhatian oleh Jawatankuasa Eksekutif dan Jawatankuasa Kerja Syariah;

Model Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah sebuah Bank



- Barisan pertahanan seperti mana diperincikan dalam jadual di bawah:

Barisan Pertama	**Pengurusan Barisan Perniagaan (seluruh 'Struktur Baru Maybank')** Bertanggungjawab mengenal pasti dan mengurus risiko sedia ada di dalam produk, perkhidmatan dan aktiviti yang mana mereka perlu bertanggungjawab.
Barisan Kedua	**Pengurusan Syariah** Memastikan bahawa semua struktur, syarat dan keadaan, aliran dokumentasi undang-undang dan proses operasi dan prosedur mematuhi Syariah.
Barisan Ketiga	**Pengurusan Risiko Pengurusan dan Kajian Semula Syariah** Pihak-pihak berkaitan pada umumnya melengkapkan barisan perniagaan aktiviti pengurusan risiko operasi risiko (pengawasan berterusan perniagaan).
Barisan Keempat	**Audit dan Pematuhan Syariah** Pemeriksaan bebas secara berkala risiko dan pematuhan.

JAWATANKUASA SYARIAH

Peranan dan tanggungjawab Jawatankuasa Syariah adalah untuk menasihati tentang keseluruhan aktiviti perniagaan Perbankan Islam Kumpulan untuk memastikan pematuhannya dengan Prinsip-prinsip Syariah. Peranan Jawatankuasa Syariah termasuk:

- Menasihati Lembaga Pengarah tentang perkara-perkara berkaitan Syariah dalam operasi perniagaannya;
- Mengesahkan dasar dan prosedur pematuhan Syariah;
- Menyokong dan menentu sahkan dokumentasi berkaitan;
- Membantu menasihati pihak berkaitan tentang hal berkaitan Syariah apabila diperlukan;
- Menilai kerja yang dilakukan oleh Kajian Syariah, Pematuhan Syariah dan Audit Syariah;
- Menasihati mengenai perkara-perkara yang dirujukkan kepada Majlis Perunding Syariah (SAC);
- Menyediakan pendapat Syariah secara bertulis; dan
- Untuk membantu SAC dalam rujukan untuk mendapatkan nasihat.

Nama-nama Ahli	Jawatan
Tan Sri Dato' Seri Dr. Hj. Harussani Hj. Zakaria	Pengerusi
Dr. Mohammad Deen Mohd Napiah	Ahli
Dr. Ismail Mohd @ Abu Hassan	Ahli
Profesor Bersekutu Dr. Ahcene Lahsasna	Ahli
En. Sarip Abdul	Ahli

PROSES PEMBAIKAN PENDAPATAN TIDAK MEMATUHI SYARIAH

Struktur kawalan untuk mengendalikan dan melaporkan ketidakpatuhan dan potensi ketidakpatuhan Syariah telah diwujudkan dalam Kumpulan. Berdasarkan kajian semula yang berterusan ke atas aktiviti operasi Kumpulan, MIB telah melaporkan bahawa sejumlah RM76,386 telah dikenal pasti dan diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah sepanjang tahun kewangan itu dan telah dibersihkan sepenuhnya dengan diagihkan kepada badan-badan amal yang diluluskan pada 31 Disember 2012.

KENYATAAN PANDANGAN MASA DEPAN

Dokumen ini boleh atau mungkin mengandungi kenyataan pandangan masa depan tertentu berdasarkan jangkaan dan kepercayaan semasa serta tanggapan atau jangkaan peristiwa akan datang. Kenyataan tinjauan masa depan ini boleh dikenal pasti berdasarkan hakikat bahawa ia tidak sahaja berkaitan dengan fakta sejarah atau semasa. Kenyataan pandangan masa depan biasanya menggunakan perkataan seperti jangkaan, sasaran, ramalan, anggaran, merancang, matlamat, percaya, akan, harus, boleh, berpotensi, berhasrat atau perkataan lain yang mempunyai ekspresi yang sama. Kebergantungan tidak harus diletakkan semata-mata terhadap kenyataan seperti ini kerana dari pada segi sifatnya ia tertakluk kepada risiko yang diketahui dan juga sebaliknya dan ketidaktentuan serta boleh terjejas dengan faktor-faktor lain yang boleh menyebabkan hasil yang nyata dan pelan serta matlamat Kumpulan Maybank, untuk berbeza dari segi material daripada apa yang dinyatakan dan dimaksudkan dalam kenyataan pandangan masa depan.

Kenyataan pandangan masa depan cuma memperkatakan tentang apa yang berlaku pada tarikh penyediaannya dan tidak boleh dianggap sudah disemak atau dikemas kini berikutan berlakunya perubahan di peringkat global, politik, ekonomi, perniagaan, persaingan, pasaran dan kuasa pengawal selia, tukaran asing dan kadar faedah masa depan dan gabungan perniagaan dan kecenderungan masa depan.

Kumpulan tidak bertanggungjawab untuk meminda dan mengemas kini mana-mana kenyataan pandangan masa depan di dalam dokumen ini, tanpa mengira sama ada kenyataan berkenaan terjejas akibat daripada maklumat baru, peristiwa masa depan atau sebaliknya.